

**YANG DIPERTUA DEWAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

YANG HADIR : YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj
ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd.
Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK., PKL.,
Yang Dipertua Dewan,
Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.
2. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
3. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah
Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan,
Negara Brunei Darussalam.

4. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.
5. Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.
6. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.
7. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.
8. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.
9. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.
10. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

11. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang
Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
SPMB., DSNB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana
Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
12. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji
Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, DPMB., SNB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.
13. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Paduka Awang Lim Jock Seng, SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI YANG DI LANTIK (ORANG-ORANG BERGELAR):

14. Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin
Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS.,
PHBS., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
15. Yang Amat Mulia,
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul
Momin bin Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB., DPMB., POAS.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
16. Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Paduka Awang
Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, DPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN) :**

17. Yang Berhormat,
Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh,
DPMB., PHBS., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
18. Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin, SMB.,
PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.
19. Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
20. Yang Berhormat,
Awang Haji Idris bin Haji Abas, SNB., SMB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.
21. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.
22. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri
Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
23. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh, DPMB., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK DARI DAERAH-DAERAH:

24. Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Penghulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .
25. Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, PSB., PKL.,
Penghulu Mukim Lumapas
Negara Brunei Darussalam.
26. Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin
Abd. Rauf, SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Penghulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.
27. Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad,
Ketua Kampong Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.
28. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Ketua Kampong Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA : Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin
bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

TIDAK HADIR : Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri
Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB.,
DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

(Bertugas di luar negara)

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Rabu, 15 Safar 1427 / 15 Mac 2006****Majlis mula bersidang jam 8.30 pagi**

Jurutulis: Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua bagi Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini didahului dengan bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Yang Dimulikan Pehin Khatib Haji Mohd. Jaya bin Haji Ibrahim: Membaca Doa Selamat.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz

Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber – Sumber Utama.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang

Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar Menteri Pembangunan mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan Kedua (II).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan Kedua (II) mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua (II).

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua (II) mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Timbalan Menteri Pertahanan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Timbalan Menteri Pertahanan mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abas mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Dato Paduka

Awang Haji Yunos bin Mohd Noh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat, Awang Haji Bakar bin Mansor mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Awang Haji

Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad mengangkat sumpah.

Jurutulis: Dan mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengangkat sumpah.

Jurutulis: Perkara yang ketiga meneliti minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang Pertama Dari Musim Permesyuaratan Pertama pada 25, 27 dan 28 September 2004 bersamaan dengan 10, 12 dan 13 Syaaban 1425 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas Negara Brunei Darussalam.

Yang Dipertua Dewan: Sila beritahu kiranya dalam masa ini Ahli-Ahli Yang Berhormat akan meneliti, melihat dan membetulkan minit-minit yang ada di depan Ahli semua disilakan.

Ahli - Ahli Yang Berhormat sekiranya belum ada Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin mengemukakan percakapan, perbahasan maka majlis ini kita tangguhkan. Minit

dulu, kalau sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu membetulkan minit-minit lagi saya beri peluang sekiranya tidak ada yang bercakap maka majlis ini kita akan tangguhkan untuk mengalu-alukan..... Ahli Yang Berhormat, minta maaf tadi minit yang saya kemukakan tadi ialah minit mesyuarat yang dulu minit mesyuarat yang dahulu, maka Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat yang terdahulu hendaklah meneliti minit-minit itu dan sekiranya ada berselisih kemukakan untuk diperbetulkan dan diluluskan.

Ahli-Ahli sekiranya ada persetujuan untuk pembetulan dan untuk mensyorkan minit itu betul sila berdiri dan angkat tangan.

(Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua (II) telah mengangkat tangan dan disokong oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Singamanteri Kol. (B) Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Timbalan Menteri Pertahanan).

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat minit kita yang bermesyuarat pada Musim Pertama telah di sokong untuk di luluskan, sekarang Ahli - Ahli Yang Berhormat

kita menanggungkan majlis ini untuk mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menyempurnakan Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat ini pada hari ini sebentar lagi, terima kasih maka dengan demikian majlis ditanggungkan.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEDUA MAJLIS MESYUARAT NEGARA, BERTEMPAT DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC) BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA HARI RABU, 15 SAFAR 1427 BERSAMAAN DENGAN 15 MAC 2006.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subahanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita berhimpun di perasmian Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Mesyuarat yang akan berlangsung ini, membawa mesej terbuka bahawa Kerajaan dan rakyat adalah berganding bahu memelihara elemen-elemen penting dalam sistem yang kita ada.

Cara ini telah banyak mendatangkan kebajikan. Melalui permesyuaratan, kita sebenarnya adalah membuka jalan untuk lebih kaya dengan idea-idea baru dan pengalaman.

Inilah wadah yang amat Beta sukai, dari semangatnya Alhamdulillah, Beta telah mendapat banyak inspirasi untuk mengadakan siri-siri

lawatan kepada seluruh lapisan rakyat, di daerah - daerah mahupun di kampong-kampong.

Dengan cara ini, dapatlah Beta mendampingi mereka, dan juga berkongsi pengalaman serta harapan.

Majlis Mesyuarat Negara adalah seperti Majlis-Majlis Mesyuarat yang lain juga. Ia berperanan sebagai badan penasihat kepada Beta dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat dan negara.

Pandangan atau buah fikiran yang diberikan oleh Ahli – Ahli adalah secara “Constructive” untuk mencapai “Consensus”.

Pada hari ini adalah merupakan sesi pertama permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang baru dilantik. Ia terdiri daripada 29 Ahli, 5 Ahli telah pun Beta lantik daripada daerah-daerah.

Beta tidak lupa mengucapkan tahniah dan selamat bersidang.

Penambahan Ahli adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan dan juga hasrat Beta sendiri untuk

memberikan peluang yang luas kepada rakyat dalam memberikan pandangan.

Beta yakin, Ahli-Ahli yang dilantik akan dapat memainkan peranan ini dengan baiknya.

Pada sidang hari ini, majlis buat pertama kalinya akan membincangkan Peruntukan Belanjawan Negara.

Inilah peluangnya untuk Ahli–Ahli memberikan pandangan masing-masing. Beta yakin, mereka adalah mampu untuk melaksanakan tanggungjawab ini.

Sebagai Ahli, mereka tidaklah perlu takut-takut, tetapi sebaliknya meletakkan diri masing-masing untuk menangani kepentingan Negara dan rakyat.

Jika mereka dapat berbuat yang demikian itu, maka inilah satu kejayaan besar untuk negara, dan juga untuk masa depan Majlis yang ditunggu-tunggu.

Oleh itu, harapan adalah sangat tinggi, supaya Ahli - Ahli bukan

sahaja menjadi penyampai yang baik bagi Kerajaan dan rakyat, malahan juga turut dituntut ialah menjadi ahli fikir yang dicontohi oleh masyarakat.

Rakyat dan penduduk adalah sentiasa fokus kepada mereka, siapa selaku wakil bagi perpaduan kebangsaan dan nilai-nilai etika yang luhur.

Mereka juga adalah berada paling menghormati Ugama, Undang-Undang dan juga adat resam bangsa.

Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Perkembangan Perlembagaan adalah merupakan proses yang memerlukan penilaian dari masa ke semasa, di samping melaksanakannya dengan teratur.

Beta sendiri juga mahu sama-sama mengawasi proses ini.

Beta juga akan menentukan arah tuju serta kesahihan Perlembagaan menurut yang semestinya.

Tentang Majlis Mesyuarat Negara, Beta sendiri ingin memerhatikan perjalanannya, di samping turut

menilai kesan-kesannya ke atas kehidupan rakyat dan penduduk.

Salah satu agenda utamanya ialah untuk membahaskan Peruntukan terutama perancangan, kewangan dan sumber pendapatan Negara.

Dari segi sumber pendapatan, negara kita telah mendapat nikmat menjadi sebuah Negara pengeluar minyak, yang dengannya juga menjadikan kita beroleh kemakmuran yang wajib disyukuri.

Namun ini, janganlah ianya menjadikan kita bersikap leka dan membazir, tetapi sebaliknya perlu sentiasa waspada dan jimat.

Langkah mempelbagaikan ekonomi juga amatlah penting, memandangkan perkembangan dunia yang tidak menentu. Selain minyak dan gas, sumber – sumber lain juga seperti pertanian turut membawa kita terpanggil untuk menerokanya lebih jauh. Kerana kita tidaklah boleh selamanya bergantung kepada pihak luar, dan malah adalah menjadi satu kesilapan yang ketara jika kita tidak mengambil kira faktor-faktor

alam dan politik yang mendatang.

Jadi sehubungan ini, semua sektor, Kerajaan mahupun swasta mestilah sama-sama mendukung usaha Kerajaan bagi mempelbagaikan sumber ekonomi Negara ini.

Kita tidak mampu lebih jauh tertinggal ataupun tercicir. Kita mesti berani menerokanya, serta berazam untuk mengelakkan kelembapan yang merugikan.

Akhirnya, Beta mengharapkan supaya Ahli-Ahli akan dapat berbincang dengan bersungguh-sungguh serta penuh himmah, supaya nanti semua keputusan dapat dicapai sebagaimana semestinya.

Demikian juga Beta berdoa, semoga dengan bimbingan bijaksana dari Yang Amat Mulia Yang Dipertua, Persidangan ini akan dapat berjalan dengan lancar lagi sempurna.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warhamatullahi Wabarakatuh.

Bacaan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Pehin Tuan Imam Dato

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abd. Hamid bin Bakal, Ketua Hakim Syar'ie, Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Majlis di iringi oleh Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan dan Pembesar-Pembesar Negara.

(Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan mengambil tempat duduk semula di dalam Dewan)

Yang Dipertua Dewan: Sila duduk, Yang Amat Mulia-Yang Amat Mulia, Yang Berhormat-Yang Berhormat, oleh kerana untuk mengadakan sesi bergambar ramai dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, maka dalam kesempatan ini, maka majlis ini ditangguhkan pada hari esok pukul 9.00 pagi.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**YANG DIPERTUA DEWAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

YANG HADIR : YAND DIPERTUA DEWAN

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj
ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd.
Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK., PKL.,
Yang Dipertua Dewan,
Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.
2. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
3. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah
Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan,
Negara Brunei Darussalam.

4. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.
5. Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.
6. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.
7. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.
8. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.
9. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.
10. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

11. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang
Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
SPMB., DSNB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana
Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
12. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji
Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, DPMB., SNB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.
13. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Paduka Awang Lim Jock Seng, SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI YANG DI LANTIK (ORANG-ORANG BERGELAR):

14. Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin
Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS.,
PHBS., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
15. Yang Amat Mulia,
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul
Momin bin Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB., DPMB., POAS.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
16. Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Paduka Awang
Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, DPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN) :**

17. Yang Berhormat,
Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh,
DPMB., PHBS., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

(Tidak Hadir Sebelah petang)

18. Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin, SMB.,
PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.
19. Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
20. Yang Berhormat,
Awang Haji Idris bin Haji Abas, SNB., SMB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.
21. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.
22. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri
Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
23. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh, DPMB., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK DARI DAERAH-DAERAH:

24. Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Penghulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .

25. Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, PSB., PKL.,
Penghulu Mukim Lumapas
Negara Brunei Darussalam.
26. Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin
Abd. Rauf, SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Penghulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.
27. Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad,
Ketua Kampong Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.
28. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Ketua Kampong Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR
BERSAMA:**

1. Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji
Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.
2. Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

TIDAK HADIR : Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri
Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB.,
DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

(Bertugas di luar negara)

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Khamis, 16 Safar 1427 / 16 Mac 2006****Majlis mula bersidang jam 9.00 pagi**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua, bagi Majlis Mesyuarat Negara disambung semula didahului dengan bacaan Doa Selamat.

Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Anbiyai Wal Mursaleen, Wa'ala 'Alihee Wasahbihee Ajma'een. Allahumma Ya Allah, Ya Tuhan Kami, dengan izin-Mu jua Mesyuarat pada pagi ini bersidang membincangkan perkara-perkara yang berfaedah pada kita dan isi di dalamnya.

Kami mohon Ya Allah, tunjukkanlah jalan yang lurus, bimbinglah kami supaya kami dapat mencapai sebaik-baik keputusan yang Engkau redhai Ya Allah. Allahumma Ya Allah, Ya Tuhan kami, lapangkanlah dada kami dan hilangkanlah kekeluan lidah kami, supaya akan lancar membuahkan sebarang pendapat dan fikiran. Pimpinlah dan tunjukkanlah

kepada kami cara bermesyuarat sebaiknya supaya akan dapat membuahkan keputusan yang bermanfaat yang engkau redhai Ya Allah.

Allahumma Ya Allah, Ya Tuhan kami, bersihkanlah dan sucikanlah hati kami, lidah kami, penciuman kami, pendengaran kami, penglihatan kami dan perasaan kami daripada perkara-perkara yang Engkau tidak redhai kerana hamba-hamba-Mu ini Ya Allah sangat lemah dan tidak mampu untuk melawan godaan syaitan dengan tidak pertolongan mu dan syafaat-Mu Ya Allah.

Allahumma Ya Allah, Ya Tuhan kami, kurniakanlah taufik, peliharakan dan lindungilah Sultan kami, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, yang dengan kehendak-Mu jua Ya Allah, menjadi pemimpin kami supaya Baginda akan dapat memimpin

dengan memerintah dan menjadikan Negara Brunei Darussalam makmur dengan kemajuan ilmu pengetahuan kebaikan, keamanan, kemewahan kejayaan.

Allahumma Ya Allah, Ya Tuhan kami, gerakkan hati kami supaya akan sentiasa rasa mengingati-Mu, mencintai-Mu dan merindui-Mu Ya Allah, kerana kami juga ingin bersama-sama dengan kumpulan mereka yang Engkau angkat darjatnya dan menjadi kekasih-Mu. Wa Sallallah Waala Saidina Muhammad Waala Alihi Wasahbihee Wassalam, Walhamdulilahi Rabbil Alamin.

Jurutulis: Perkara yang Ke-5, Kertas-Kertas yang akan dibentangkan di atas meja. Kertas No.1, tahun 2006 yang akan di bentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan Kedua (II), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Rahaman bin Haji Ibrahim:
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan salam sejahtera, Yang

Dipertua Majlis, dengan segala hormatnya saya memohon izin Yang Dipertua Majlis, untuk membentangkan di atas meja Kertas No.1, iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2006/2007.

Jurutulis: Usul-usul yang telah diberi notis, yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd.Taib, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib: Yang Dipertua Dewan, saya ingin memohonkan persetujuan dari Yang Dipertua Dewan, sekiranya tidak terkeluar daripada 'Standing Orders' Dewan ini, maka saya ingin mencadangkan supaya kita berdiri dan bertafakkur beberapa saat untuk membaca Surah Al-Fatihah beramai-ramai mudah-mudahan bacaan kita ini akan memberikan kebajikan kepada Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin kerana beliau pun salah

seorang rakan kita di Dewan ini yang mana telah pun kembali ke rahmatullah beberapa hari yang lalu.” Dari itu ada baiknya kita berdiri beramai-ramai dahulu, bisai tah Yang Berhormat Pehin mengepalai.

(Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat berdiri)

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin: Mengepalai bagi membaca surah Al-Fatihah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib: Bismillah Irahman Nirahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakuh, Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada kehadiran Allah Subhanahu Wataala, kerana Majlis bersidang kita pada kali ini, dapat kita adakan dalam suasana penuh persefahaman dan setia kawan.

Yang Dipertua Dewan, saya percaya dan penuh yakin bahawa dengan kebijaksanaan serta pengalaman luas Yang Dipertua Dewan, sidang ini akan

dapat berjalan dengan lancar, teratur dan mencapai hasrat yang diharapkan. Kesempatan ini juga, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah di lantik iaitu Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Ahli Rasmi dan Ahli Yang Dilantik.

Setentunya amanah yang diberikan kepada kita semua, adalah merupakan satu tugas yang amat berat dan amat penting. Mudah-mudahan kita semua dapat bekerjasama dalam mencapai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seperti yang telah dititahkan oleh Baginda dalam Majlis Yang Berhormat ini semalam.

Yang Dipertua Dewan, dengan itu saya bangun hari ini adalah untuk mencadangkan satu usul atas nama saya yang berbunyi, majlis ini bersetuju meluluskan satu usul, menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas keberangkatan Baginda ke Majlis ini pada hari Rabu, dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana Majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

Yang Dipertua Dewan, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Dewan ini semalam jelas membuktikan keperihatian Baginda dan Kerajaan Baginda, dalam sama-sama berganding bahu dengan rakyat untuk memelihara keamanan, kesejahteraan dan memperjuangkan kepentingan rakyat dan negara ini.

Oleh yang demikian, dalam usaha gigih ke arah memenuhi maksud ini maka atas kebijaksanaan Baginda sendiri melalui Perlembagaan Pindaan 2004, Majlis Mesyuarat Negara telah ditambah keahliannya, termasuk lantikan

perwakilan dari daerah-daerah. Langkah ini dipercayai dapat memberi peluang tegas kepada semua lapisan rakyat untuk memberikan pandangan dan menyuarakan harapan mereka mengenai perkara-perkara yang berkepentingan.

Majlis Mesyuarat Negara adalah merupakan satu badan yang dipertanggungjawabkan untuk menasihati Baginda, dalam semua perkara yang berhubungkait dengan kepentingan rakyat dan negara, menyedari akan kepentingan yang dimainkan oleh Majlis Mesyuarat Negara, sebagai alat penghubung antara Baginda dan rakyat. Dalam titah Baginda telah menggaris harapan-harapan, kepada ahli-ahli semua, dalam mana dapatlah saya rumuskan, secara ringkasnya seperti berikut:

1. Ahli-ahli berfungsi kukuhkan lagi kestabilan dan keharmonian negara yang sekian lama dinikmati oleh seluruh lapisan rakyat;
2. Ahli-Ahli adalah merupakan sebagai penyampai dan ahli-ahli

fikir yang menjadi contoh teladan dan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan tugas dengan penuh kerjasama secara membina bagi semata-mata untuk mencapai kesepakatan yang dihasratkan; dan seterusnya

3. Ahli-Ahli juga merupakan wakil-wakil perpaduan kebangsaan dan pendukung kepada nilai-nilai etika negara yang murni dan untuk itu, sewajarnya hendaklah mendokong dan menghormati ugama, undang-undang Negara dan adat resam serta berlaku jujur dan ikhlas.

Yang Dipertua Dewan, dalam titah Baginda, Baginda menyuarakan harapan bagi perbincangan mengenai usul Belanjawan Negara supaya akan dilaksanakan secara proaktif dan penuh teliti, berlatar belakangkan cabaran-cabaran global yang ada sekarang dalam kita menempuhi pembangunan Negara.

Baginda juga mengharapkan usaha Negara dalam menuju kepelbagaian ekonomi membantu mempertingkatkan lagi hasil Negara, bukannya bergantung semata-mata kepada hasil minyak dan gas semata-mata. Penglibatan semua

pihak yang berkepentingan termasuk sektor swasta amatlah penting dalam mencapai matlamat ini.

Jelas kepada saya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai harapan yang tinggi kepada Majlis ini untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan senantiasa memberikan fokus kepada kepentingan rakyat dan Negara.

Yang Dipertua Dewan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan bahawa tanggungjawab-tanggungjawab yang diamanahkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah merupakan asas-asas utama dalam melaksana Perkembangan Perlembagaan yang lebih teratur dalam mana jua perkembangan sedemikian akan dinilai dari semasa ke semasa.

Keberhasilan Majlis Mesyuarat Negara dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan ini akan sewajarnya mempengaruhi arah tuju kemajuan Perlembagaan, mengikut kepentingan Negara.

Sebagaimana jua yang kita semua ketahui, keperihatinan Baginda di dalam memastikan seluruh rakyat dan penduduk akan terus menikmati kehidupan aman damai dan sejahtera amatlah ketara dan dirasai serta dihargai oleh rakyat jelata. Baginda seringkali berangkat membuat lawatan-lawatan ke daerah-daerah dan kampong-kampong untuk melihat sendiri dengan dekat lagi keadaan dan seterusnya mendengarkan dari rakyat sendiri akan apa jua permasalahan mahupun pemikiran yang ingin dikongsikan sama. Pemeduliaan Baginda ini sungguh tinggi nilainya dan memperlihatkan kepada kita betapa perkara ini merupakan sesuatu yang paling dekat di hati Baginda. Hubungan istimewa ini memang unik dan sukar untuk diperolehi atau didapati di mana-mana.

Yang Dipertua Dewan. Titah yang telah dilafazkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu semalam cukup penuh dengan hasrat yang begitu besar. Kita semua perlu bekerjasama dan bersatu padu untuk menanai serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkandengan penuh komitmen. Setentunya banyak cabaran-cabaran yang akan ditempuhi dalam menyahut

hasrat murni Baginda ini. Walau macammanapun, dengan kegigihan dan semangat bersatu padu, barang setentunya apa jua tugas dan tanggungjawab yang diberikan itu akan dapat sama-sama kita pikul, Insya-Allah. Dengan itu sekali lagi saya mengucapkan usul ini supaya dapat dipertimbangkan dan diluluskan. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.

Yang Dipertua Dewan:
Sekejap tadi Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan satu usul menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda semasa pembukaan Majlis ini maka dengan demikian saya memohonkan kiranya ada sokongan mengenai dengan usul ini. Sila angkat tangan.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Yang Berhormat saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggabungkan diri saya kepada Ahli Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji

Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam menghadapkan satu usul yang telah diberi notis yang berbunyi, Majlis bersetuju meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddalulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Majlis ini pada hari Rabu, 15 Safar Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 15 Mac 2006 dan di atas titah Baginda dalam Majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat apabila usul dikemukakan mesti mendapat sokongan ertinya kalau ada sokongan daripada Ahli kita akan membuka perbahasan dan perbahasan itu hanya dibenarkan 5 minit tiap seorang.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Yang Dipertua Dewan demikianlah yang telah buat menyokong usul yang dibawakan Ahli Yang Berhormat.

Yang Dipertua Dewan: Kalau sekiranya Ahli ingin bercakap ada sedikit saja jangan lebih 5 minit.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Yang Dipertua Dewan hari ini kita akan memulakan tugas pertama dengan diberi penghormatan untuk meneliti dan membahaskan masa depan pembangunan Negara Brunei Darussalam dengan penuh harapan kita akan dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab kita pada melaksanakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sempurna demi kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat dan penduduk yang mastautin dalam Negara Brunei Darussalam seperti yang kita nikmati selama ini. Sekian, terima kasih, Wabillahi Taufik Walhadiyah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada lagi Ahli-Ahli yang ingin

memperbahaskan usul ini sila angkat tangan.....Kalau tidak ada, kita undi usul ini untuk diluluskan.....Sila angkat tangan kalau ahli-ahli ingin membahaskan.....Silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:

Yang Dipertua Dewan, lebih dulu saya menyampaikan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana telah melantik saya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang penuh ertinya ini.

Yang Dipertua Dewan, dalam menyokong usul yang telah dibawakan oleh pencadang tadi saya berbesar hati kerana melalui Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan titah Baginda semalam dalam pembukaan 15 Mac 2006.

Baginda telah memberi peluang seluas-luasnya kepada Ahli-Ahli semua untuk memberi pendapat dan pandangan dalam Majlis ini, bagi kebajikan rakyat dan Negara Brunei Darussalam. Saya kira ini adalah peluang yang terbuka kepada kita semua supaya mengambil kesempatan ini

untuk sama-sama berkhidmat kepada negara. Sekian Yang Dipertua Dewan.

Yang Dipertuan Dewan: Ahli-Ahli lain sila angkat tangan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Diraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu diucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menggabungkan diri bersama-sama Ahli Yang Berhormat atas isu yang telah dicadangkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada kelmarin, Rabu 15 Mac 2006 dan di atas kurnia titah Baginda ke Majlis Perasmian berkenaan.

Yang Dipertua Dewan, kurnia titah perasmian Baginda tidak terhingga nilainya untuk diamat-amati yang mana ianya mempunyai wawasan dan visi yang jauh ke hadapan dalam usaha bagi mempertingkatkan daya saing dan daya tahan dalam era yang lebih kompetitif dan global ini demi untuk perkembangan dan kemajuan negara.

Kandungan titah Baginda jelas membuktikan keprihatinan, pemedulian dan komitmen Baginda yang tinggi sebagai Raja dan Pemimpin yang penuh berwawasan dan bertanggungjawab, berwibawa dan penuh bijaksana semata-mata untuk kepentingan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Ini jelas kita perhatikan dan saksikan bersama di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sering berangkat bagi mengadakan siri lawatan apa tah lagi lawatan secara mengejut bukan sahaja ke Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Institusi-Institusi Pendidikan malahan juga ke Mukim-Mukim dan juga Kampung-

Kampung serta Kawasan-Kawasan Pedalaman di Negara ini.

Baginda sendiri berpeluang berinteraksi secara langsung dengan sesiapa sahaja di mana sahaja Baginda berada. Baginda juga secara spontan bertitah dan menyusuli kepada pihak-pihak berkenaan untuk diambil perhatian dan tindakan yang bersesuaian hasil daripada keberangkatan Baginda tersebut. Ini adalah semata-mata bagi kesejahteraan dan juga kebajikan rakyat dan penduduk Negara ini.

Dari itu adalah mustahak bagi kita untuk menjunjung dan mendukung setinggi-tingginya atas titah Baginda tersebut dan hendaklah semua lapisan rakyat dan penduduk bekerjasama mengeratkan perpaduan dan persefahaman bagi bersama-sama memelihara, keamanan, ketenteraman keharmonian dan kesejahteraan Negara ini yang sama-sama kita cintai.

Yang Dipertua Dewan, saya berpendapat bahawa kita haruslah juga menjunjung kasih dan menghargai setinggi-tingginya di atas

kepercayaan dan pengiktirafan Baginda bagi Majlis Mesyuarat Negara seperti jua Majlis Mesyuarat yang lainnya di mana Baginda menitahkan bahawa ianya berperanan sebagai badan penasihat dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat dan penduduk Negara ini. Permesyuaratan seperti ini dapatlah dijadikan sebagai landasan atau platform bagi bersama-sama mencetus dan menjana pemikiran yang bernas. Objektif dan “*constructive*” serta membincangkan apa jua perkara yang boleh mendatangkan faedah dan kemanfaatan melalui saluran-saluran yang sihat. Seperti kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita mempunyai peranan dalam bersama-sama mendokong usaha Kerajaan untuk membangunkan Negara ini terutama sekali dalam mempelbagaikan ekonomi supaya Negara kita tidak akan sepenuhnya bergantung kepada sumber minyak gas semata-mata. Tetapi sewajarnya juga menerokai bidang-bidang industri yang lain yang “*sustainable*” seperti mengembang luaskan lagi sektor pertanian secara komersial. Ini sudah setentunya memerlukan kerjasama yang erat dan

penyertaan yang aktif dari pihak swasta sebagai penggerak utama dalam bersama-sama memangkin dan mengembang majukan berbagai sumber ekonomi Negara.

Yang Dipertua Dewan, kita selaku Ahli-Ahli Yang Berhormat juga memikul tanggungjawab dalam menandai titah Baginda yang perlu kita hayati bersama di mana Baginda antara lain telah bertitah dan menekankan untuk “menjadi ahli fikir yang dicontohi oleh masyarakat, selaku wakil bagi perpaduan kebangsaan dan nilai-nilai etika yang luhur, berada paling depan untuk mendokong dan menghormati Ugama, Undang-Undang dan juga Adat Resam Negara dan Bangsa”.

Kita haruslah juga bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan berkat kebijaksanaan, kewibawaan dan kepimpinan Baginda serta Kerajaan, Rakyat dan Penduduk Negara ini menikmati kehidupan yang penuh dengan kesejahteraan dan keamanan dibandingkan dengan di negara-negara yang lain dimana mempunyai berbagai keadaan yang menggugat keamanan, keselamatan

dan kesejahteraan seperti kejadian peperangan, pengeboman terdapatnya kumpulan - kumpulan ekstrimis dan juga pelbagai kejadian malapetaka seperti tsunami, gempa bumi, bangunan runtuh dan lain-lain. Negara luar juga mengagumi dan ingin mengetahui tentang tata cara dan pengawalan keselamatan yang dilaksanakan di Negara ini.

Yangmana Alhamdulillah Negara ini telah dapat memelihara dan mengekalkan kestabilan, keamanan dan juga kemakmuran yang kita sama-sama nikmati terutama sekali dalam menangani dan juga menjaga kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk di negara ini. Ini tidak lain dan tidak bukan adalah atas rahmat dan kurnia Allah Subhanahu Wataala juga serta berkat kepimpinan, kebijaksanaan dan kewibawaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, disamping kerjasama yang erat lagi padu dikalangan semua agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta serta rakyat dan penduduk negara ini yang diperkukuhkan dengan amalan ugama Islam yang kuat menurut ahli Sunnah Wal Jamaah dengan mengamalkan sikap

saling hormat menghormati, saling berkerjasama, bergotong-royong, bersatu padu di samping mendokong konsep Melayu Islam Beraja yangmana adalah selaras dan serasi dengan cara mengikut calak dan acuan kebruneian kita.

Sekali lagi Yang Dipertua Dewan mengucapkan berbanyak terima kasih atas memberikan peluang kepada saya dimajlis ini. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai:

Assalamualaikum, Bismillahir Rahmannir Rahim, Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya sebagai Ahli yang dilantik ingin menyokong dengan sepenuh-penuhnya usul yang telah dibuat yang dibuat oleh Menteri Pendidikan baharu ini saja tadi. Menyentuh sedikit dengan titah Baginda semalam saya dapati titah Baginda mengandungi mesej-mesej dan garis-garis pandu yang perlu kita sebagai Ahli-Ahli Yang Berhormat amalkan atau laksanakan kebetulan pula selepas ini kita pula akan membincang dan meneliti

belanjawan 2006 / 2007 kita seharusnya tidak lupa kepada titah Baginda yang berbunyi **“Kemakmuran ini tidak boleh menjadikan mereka leka dan membazir tetapi sebaliknya perlu sentiasa waspada dan berjimat.”** Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng: Yang Dipertua Dewan saya sukacita menyokong usul lagi banyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan Baginda bercemar Duli ke majlis ini dan juga seterusnya berkenan mengurniakan titah perasmian.

Yang Dipertua Dewan, keberangkatan Baginda ke majlis ini menampakkan kesungguhan Baginda dalam memberi perhatian terhadap perkembangan Majlis ini yang Baginda hasratkan sebagai salah satu wadah untuk mengeratkan lagi hubungan istimewa Baginda dengan rakyat.

Sebagai ahli kita bertanggungjawab untuk melaksanakan hasrat Baginda itu seperti yang Baginda titahkan apa jua perkara-perkara yang akan kita bincangkan bertujuan membawa manfaat dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kita perlu menunjukkan contoh perundingan yang baik dan bermutu serta bekerjasama sebagai satu pasukan untuk mencapai kesepakatan.

Kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberi perhatian penuh dalam menjamin kestabilan dan keamanan negara ini.

Di samping itu, kita juga beruntung kerana kebudayaan dan tradisi orang-orang kita banyak mengamalkan hidup bekerjasama dan mementingkan kehidupan harmoni saling hormat menghormati di antara satu sama lain. Ciri-ciri ini bukan saja dapat diamalkan dalam kehidupan harian di negara ini malah sekian lama diluahkan melalui persahabatan kita dengan negara-negara lain sejak negara mencapai kemerdekaan penuh pada

1984, kita sentiasa mengamalkan polisi terbaik-baik dengan semua negara.

Saya percaya dasar ini membolehkan kita mempunyai ramai kawan dan sangat penting untuk pembangunan negara. Akhirnya saya sekali lagi ingin menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan Baginda dan mengurniakan titah perasmian di Majlis ini. Terima kasih, Yang Dipertua.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh, sebelum saya menyentuh huraian titah Kebawah Duli, saya sesungguhnya menjunjung kasih Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas lantikan saya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara di kalangan Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang.

Oleh sebab itu, sekali lagi saya menjunjung kasih.

Menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya menyokong sepertimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sesungguhnya bernas, menurut titah Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai Ahli mereka tidak perlu dan jangan takut-takut tetapi sebaliknya meletakkan kepentingan negara dan rakyat, jadi sesungguhnya cukup menarik sepertimana kata Peribahasa Melayu "Takut kerana salah berani kerana benar". Mungkin itu saya dapat utarakan dalam Majlis ini dan sekali lagi menjunjung kasih Keberangkatan Kebawah Duli ke Majlis ini semalam. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Dipertua Dewan: Ahli yang lain.....

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya lebih dahulu mengucapkan berbilang terima kasih atas peluang yang diberikan oleh Yang Dipertua Dewan untuk berucap di majlis ini dan saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin nya jua di Musim Permesyuaratan Pertama di Musim Permesyuaratan Kedua Majlis dapat dimulakan kelmarin 15 Safar 1427 / 15 Mac 2006.

Saya menyokong usul yang dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib, Menteri Pendidikan untuk menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan Baginda bercemar Duli pada hari Rabu, kelmarin dan atas titah Baginda sempena pembukaan rasmi mesyuarat dari Musim Permesyuaratan Kedua bagi Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dipertua Dewan kita semua pada keseluruhannya menyambut baik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang secara langsung menaruh harapan supaya permesyuaratan yang kita adakan pada hari ini dan juga pada masa-masa yang lain dapat memainkan peranannya sebagai badan penasihat kepada Baginda dalam perkara yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat dan negara.

Dalam perkembangan dunia yang cepat berubah sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial dan dalam persekitaran yang sangat mencabar dan adalah mustahak kepada kita semua Kerajaan dan rakyat sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, "Berganding bahu memelihara elemen-elemen penting dalam sistem kita yang ada". Ini saya ertikan sebagai bermaksud untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan kerjasama di kalangan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dalam kita

sama-sama mengharumkan cabaran-cabaran masa kini.

Titah Baginda supaya Majlis ini dan Ahli-Ahli yang di dalamnya sentiasa memberi fokus kepada rakyat dan penduduk negara ini membuktikan lagi keprihatinan Baginda yang tidak pernah kendur ke atas kesejahteraan rakyat dan penduduk. Yang jelas kepada kita Majlis Mesyuarat Negara ini hanya akan relevan jika ia membawa kesan-kesan yang positif ke atas kehidupan rakyat dan penduduk .

Yang Dipertua Dewan, cara Baginda sentiasa berdamping rakyat melalui siri-siri lawatan Baginda ke daerah-daerah dan kampung-kampung untuk mengetahui denyut dan nadi rakyat, memahami kehendak dan kebimbangan mereka sudah sepatutnya menjadi contoh kepada kita semua sebagai ahli-ahli Majlis samada yang dilantik atau kerana jawatan.

Begitu juga sentiasa bersama grassroot kerana tanpa kita mengetahui mereka secara dekat adalah sukar bagi kita memberi khidmat dan melaksanakan tugas yang mereka harap-harapkan. Dalam hubungan ini saya rasa adalah amat signifikan bahawa dalam mesyuarat

yang bersidang pada kali ini kita akan membahaskan peruntukan Belanjawan Negara adalah perlu bagi semua Ahli untuk memberi perhatian yang berat kepada Rang Undang-Undang 2006 Perbekalan dengan mengambil ingatan dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk berwaspada dan berjimat bukannya leka dan membazir dan bagi kita untuk terus berusaha ke arah mempelbagaikan ekonomi dengan memberi perhatian serius kepada kegiatan ekonomi lain seperti pertanian agar tidak selamanya bergantung kepada orang lain. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan itu adalah jelas pada maksudnya pandangan jauh dan mengandungi peringatan jelas bahawa jika ianya tidak dapat kita laksanakan bermakna masa depan kita sukar untuk kita tentukan.

Yang Dipertua Dewan, saya sekali lagi menyuarakan sokongan ke atas usul menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di upacara perasmian mesyuarat ini semoga dengannya kita semua akan lebih berazam menjalankan tugas kita. Sekian
Wabillahi Taufik Walhidayah
Wasallamuallikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Laila Setia Dato Paduka Awang Haji
Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:**

Bismillahir Rahmannir Rahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Yang Dipertua Majlis saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas izin Tuan Peramba memberikan kesempatan bagi saya bersama-sama menggabungkan diri dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah bercakap terlebih dahulu untuk menyatakan sokongan saya terhadap usul menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas keberangkatan Baginda ke Majlis ini sempena Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis ini semalam, dan seterusnya juga limpah kurnia titah Baginda seperti usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia terutamanya mengenai dengan peranan Majlis ini menggambarkan harapan dan keyakinan Baginda yang tinggi terhadap kewibawaan institusi Yang Berhormat ini selaku salah sebuah badan penasihat bagi pembuatan dasar yang akan bertindak untuk menangani kepentingan negara dan rakyat di dalamnya. Bagi saya ini adalah satu amanah dan tanggungjawab yang amat besar dan utama yang perlu dipikul oleh kita semua Ahli-Ahli Majlis ini dengan saksama kerana baiknya pandangan dan keputusan yang akan diambil oleh Majlis ini sudah sentutunya akan mendatangkan kesan-kesan yang positif yang mendalam kepada kehidupan dan masa depan rakyat dan penduduk di negara ini.

Tuntutan Baginda bagi Ahli-Ahli untuk memberikan fikiran yang "*constructive*" untuk mencapai "*consensus*" jelas menunjukkan sikap keterbukaan Baginda dan harapan murni agar apa jua pandangan yang diberikan dalam Majlis ini seharusnya jua hendaklah semata-mata untuk kebaikan rakyat dan penduduk dan menjaga kepentingan negara ini supaya nikmat

dan rahmat yang kita rasai pada ketika ini juga akan dapat dirasai oleh generasi yang akan datang.

Jadi hasrat dan harapan Baginda ini perlulah kita junjung setinggi-tingginya demi memertabatkan bukan sahaja Majlis ini malahan negara ini sesuai dengan namanya Negara Brunei Darussalam iaitu negara yang aman lagi makmur yakni “Baddatun tayyibatun Warabbun Ghafur” dengan keredhaan Allah di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Dipertua Majlis, peringatan Baginda supaya kita tidak bersikap leka dan membazir tetapi sebaliknya perlu sentiasa waspada dan berjimat dalam mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata’ala yang kita kecapai pada waktu ini amat jelas mencerminkan ketelusan keprihatinan dan pandangan jauh Baginda untuk melihat rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa aman damai pada masa kini dan masa yang akan datang. Hala tuju dan fokus pembangunan masa depan negara yang Baginda titahkan terutama yang berkaitan dengan amalan pengukuhan fiskal yakni waspada dan

jimati dalam pengurusan kewangan dan langkah mempelbagaikan ekonomi adalah bukan saja *fundamental*.....kepada perancangan belanjawan bahkan juga bagi perancangan ekonomi negara secara menyeluruh lebih-lebih lagi mengambil kira asas pendapatan dan asas ekonomi negara yang terhad dan banyak bergantung pada sektor minyak dan gas ini kerana dasar fiskal bersama-sama dan instrumen monetari akan berperanan dan bertindak selaku penggerak dan pemangkin dalam merangsang aktiviti ekonomi negara lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang masih lagi bersifat “*public sector-driven*” dan banyak bergantung kepada suntikan belanjawan dalam menjana pertumbuhan dan perluasan aktiviti ekonominya.

Yang Dipertua Majlis dari aspek pengurusan kewangan praktis dasar pengukuhan kewangan ataupun “*fiscal consolidation*” ini adalah amat penting malah boleh dianggap faktor penentu dalam menjamin kesejahteraan dan kemakmuran negara masakini dan juga kehidupan generasi penerus yang akan datang.

Ini kerana dari pengalaman dan iktibar dari beberapa krisis kewangan dan kegawatan ekonomi yang melanda ekonomi global sepanjang beberapa dekad yang lalu jelas menunjukkan bahawa hanya negara-negara yang mempunyai fundamental ataupun asas ekonomi yang kuat dan mampan serta mempunyai sumber kewangan yang kukuh sahaja yang dapat bertahan dan dapat mengharungi kegawatan tersebut dengan berterusan. Apa yang saya ingin mengemukakan di sini Yang Dipertua Dewan ialah wasasan dan arah tuju yang Baginda titahkan ini perlulah kita sama menjunjungnya kerana usaha memampankan dan menstabilkan "*economic fundamentals*" dan pengukuhan sumber kewangan negara ini tidaklah semestinya hanya terpikul di bahu pihak Kerajaan kerana adalah tanggungjawab bersama oleh semua pihak di pihak Kerajaan selaku pembuat dasar dan pemudah cara memerlukan sokongan padu dan dokongan penuh yang berterusan dari pihak swasta dan rakyat serta penduduk di negara ini terutama dalam mengukuhkan hasil dan kewangan hanya dengan keprihatinan dan sokongan padu dari semua rakyat dan penduduk di negara ini niat dan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha

Mulia untuk melihat kesejahteraan dan kemakmuran yang kita nikmati pada ketika ini akan sama-sama dikecapi oleh generasi-generasi yang akan datang, Insya-Allah akan dapat kita sepakati bersama. Saya melihat kejayaan dalam mendokong hasrat ini akan memerlukan "*strategic alliance*" di antara pihak Kerajaan, swasta dan orang ramai yang perlu saling faham memahami terhadap tanggungjawab dan komitmen masing-masing dalam sama-sama menuju satu wawasan seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana setiap komitmen adalah proses dua hala yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak sekiranya faedah dan manfaat akan sama-sama diperolehi oleh itu saya bukan sahaja menjunjung kasih Kehadapan Majlis Baginda dan menyokong sepenuhnya usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan ini terutamanya intipati titah kebawah Duli Yang Maha Mulia tersebut malahan saya juga menjunjung setinggi-tingginya titah Baginda pada memakmurkan dan mensejahterakan negara ini. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin

Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Negara, pertama-tama saya bercakap di sini menyampaikan hasrat hati saya bagi menyembahkan dengan setinggi-tingginya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana dengan titah perkenan lantikan Kebawah Duli kepada saya selaku Ahli Yang Berhormat yang baru dilantik bagi mewakili daerah ertinya saya dengan hati yang tulus ikhlas menjunjung kasih di atas limpah kurnia titah Kebawah Duli seterusnya saya menyokong usul yang telah diberi notis oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib yang mana meluluskan satu usul bagi menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan Baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi semalam dan juga melafazkan titah Baginda.

Jadinya di atas titah yang dititahkan oleh Baginda semalam rasanya apa jua yang disampaikan oleh Baginda dalam titahnya semalam adalah satu-satunya sebagai satu azimat yang akan mendorong bagi kita selaku rakyat bagi menyokong penuh hasrat yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli, di antaranya Kebawah Duli telah menakankan agar rakyat akan mengurak langkah bagi memperbagaikan ekonomi negara terutama yang disentuh oleh Baginda ialah bagi memfokus dalam bidang pertanian iaitu bagi meningkatkan sumber pendapatan Negara di samping menampung aset negara selain daripada hasil minyak dan gas yang menjadikan rakyat menjadi makmur di samping itu juga rakyat bersyukur di atas kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang diberikan kepada negara kita Negara Brunei Darussalam dan juga bukan sahaja kita selaku rakyat biasa malah hasrat Baginda ini ditekankan kepada semua

sektor Kerajaan yangmana akan sama-sama mendukung usaha Kerajaan. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas: Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk memberikan sedikit ucapan di sini saya selaku Ahli Yang Dilantik sangat-sangatlah menyokong di atas, usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di atas usul untuk menyembahkan sepenuh-sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hasanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibini Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke majlis ini pada 15 haribulan Mac di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis tersebut.

Titah Baginda saya rasa cukup lengkap yang meliputi teguran-teguran nasihat dan pengajaran-pengajaran yang betul-betul patut bersama-sama ikuti dan dilaksanakan termasuklah juga tugas-tugas dan tanggungjawab Ahli-Ahli dan harapan Baginda terhadap Majlis yang dihormati ini.

Perkembangan - perkembangan Perlembagaan penglibatan rakyat seluruhnya dan penduduk-penduduk negara ini mempelbagaikan selain daripada hasil minyak dan gas perhubungan dengan negara luar antarabangsa dalam meningkatkan daya saing bagi kita berjuang untuk memajukan negara ini dan juga peringatan kepada kita semua supaya jangan bersikap leka dan membazir. Kita sangat-sangat menjunjung setinggi-tinggi terhadap visi dan wawasan Baginda untuk memajukan dan membangun negara ini dalam satu suasana yang aman damai dan penuh kejayaan. Juga kita kasih di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada kita sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ini.

Insya-Allah kita sentiasa bersedia untuk bekerjasama dan bersatu-padu

terlebih lagi diharapkan kedua pihak, pihak Kerajaan dan pihak swasta akan bersatu-padu demi untuk mencapai hasrat murni Baginda. Sekali lagi saya dengan sepenuhnya menyokong usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat, Menteri Pendidikan tadi, Terima Kasih.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Bismillah Rahmannir Rahim, Wssalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih ke atas peluang yang telah di berikan kepada saya dalam memberikan ucapan ini. Saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T melalui majlis ini, ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas titah perintah perkenan Baginda kerana telah melantik saya sebagai salah seorang daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya menyokong sepenuhnya usulan yang dibawakan oleh Yang Berhormat, Menteri Pendidikan pada

menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusslaam di atas keberangkatan Baginda pada hari pembukaan dan seterusnya menyampaikan serta mengurniakan titah.

Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut titah yang telah dikurniakan oleh Baginda semalam adalah merupakan titah yang cukup mahal harganya, tinggi nilainya dan mempunyai pandangan yang begitu jauh ke hadapan.

Penambahan Ahli Majlis Mesyuarat Negara seperti yang Baginda titahkan adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan dan juga hasrat Baginda untuk memberikan peluang yang seluas- luasnya kepada rakyat dan memberikan pandangan untuk meletakkan diri kita masing-masing bagi menangani kepentingan rakyat dan negara.

Baginda penuh berharap bahawa kita bukan sahaja menjadi penyampai yang baik malahan juga dituntut ialah

menjadi ahli fikir yang dapat dicontohi oleh masyarakat di samping berada paling depan untuk mendokong dan menghormati Ugama, Undang-Undang dan juga Adat Resam Bangsa.

Baginda juga telah mendapat inspirasi untuk mengadakan siri-siri lawatan di Daerah-Daerah, mukim-mukim dan Kampung-Kampung untuk bertemu seluruh lapisan masyarakat kerana dengan cara ini bukan sahaja Baginda dapat mendampingi rakyat, berkongsi pengalaman serta harapan bahkan merupakan keprihatinan Baginda akan perkembangan dan kemajuan yang terdapat Daerah-Daerah, Kampung-Kampung dan Mukim-Mukim di samping dapat menyaksikan sendiri berbagai kemudahan dan permasalahan rakyat.

Langkah - langkah mempelbagaikan ekonomi juga telah ditekankan dalam titah Baginda untuk menjamin dan memelihara kemakmuran negara. Saya berpendapat untuk menyahut seruan Baginda ini sektor utama yang terdapat dari pertanian, pelancungan, perhutanan serta perikanan menawarkan peluang yang terbuka luas ke arah mempelbagaikan ekonomi negara. Ke empat-empat sektor ini merupakan sumber "*alternative*"

pendapatan negara dalam menghadapi kemungkinan kekurangan pengeluaran-pengeluaran minyak dan gas dimasa akan datang.

Sungguhpun sumbangan kepada keluaran dasar negara kasar yakni KDNK masih kecil sektor-sektor berkenaan termasuk pertanian dianggap penting kerana ianya memberikan sumber permakanan kepada rakyat dan penduduk.

Tegasnya sektor pertanian menjadi teras yang penting dalam mencapai matlamat negara untuk menghasilkan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan sendiri. Ke arah mencapai hasrat murni ini berbagai dan bagi mendukung dasar jaminan permakanan negara, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 90.5 juta atau 1.24 peratus bagi memajukan bidang Pertanian dalam Rancangan Kemajuan Negara yang Ke 8 iaitu daripada tahun 2001 hingga ke tahun 2005. Melalui Rancangan Kemajuan Negara ini Jabatan Pertanian berusaha gigih untuk meningkatkan pengeluaran beras Negara dengan membekalkan benih dan menyediakan "*infrastruktur*".

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, kita berbincang pasal menjunjung kasih, sekarang sudah lari daripada itu, rancangan nanti akan dikemukakan oleh Ahli lain dalam membincangkan belanjawan nanti ada saja belanjawan itu akan disebut.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Jadi Terima kasih Yang Dipertua Dewan, Peramba memohon sedikit lagi. Memang kejayaan dalam rancangan pertanian belumlah boleh kita banggakan 100% dalam usaha menyumbang kepada elemen sekriti dalam makanan negara sebagai langkah berterusan Jabatan Pertanian sentiasa berusaha dari masa ke semasa untuk mencapai target kita yang akan datang dijangka dalam 10 tahun akan datang.

Yang Dipertua Dewan: Ahli yang terhormat sekali lagi saya tegaskan, sekarang kita membahaskan menjunjung kasih.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang Dipertua maka untuk mengakhiri dan meningkatkan apa yang peramba sampaikan ini peramba

dengan ini menyokong 100% usul Yang Berhormat yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menjunjung kasih terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas keberangkatan dan pengurniaan titah. Sekian Wabillahit Taufik Wal Hidayah.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya dengan tulus ikhlas dan rasa hening ingin mengabungkan diri saya dalam menyokong usul yang dikemukakan dan yang dicadangkan oleh Pehin Menteri Pendidikan sebentar tadi. Dalam kesempatan ini saya ingin mengambil juga kesempatan keemasan untuk menyebarkan ucapan jutaan terima kasih dan menjunjung kasih setinggi-tingginya ke atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah melantik saya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara mewakili Daerah Belait.

Dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dititahkan Baginda pada hari semalam antara lainnya Baginda bertitah ialah “inilah peluangnya untuk Ahli-Ahli memberikan pandangan masing-masing. Beta yakin, mereka adalah mampu untuk melaksanakan tanggungjawab ini”.

Ke arah menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ini saya berikrar dan akan berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada diri saya selaku Ahli Yang Berhormat mewakili Daerah di samping itu sentiasa bersedia dan memberi kerjasama kepada pihak-pihak agensi Kerajaan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Insyaa-Allah. sekian ucapan saya dan saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Dipertua Dewan yang telah memberi peluang untuk berucap pada majlis ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillah Hirrahmannir Rahim, Yang Dipertua Dewan, dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sama-sama menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei di atas lantikan saya sebagai salah seorang daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dipertua Dewan saya juga ingin menyokong usul yang dihadapkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk sama-sama menjunjung kasih kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadien Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei atas keberangkatan Baginda ke majlis ini dan di atas titah Baginda pada hari kelmarin.

Yang Dipertua Dewan saya ingin memfokus berapa isu dari titah Baginda iaitu untuk membahaskan belanjawan Negara melihat dari sudut perancangan, kewangan dan sumber pendapatan Negara dan isu yang kedua langkah mempelbagaikan ekonomi memandangkan perkembangan Negara yang tidak menentu sumber-sumber yang lain seperti pertanian dan lain-lain lagi.

Untuk membawa kita terpanggil untuk menerokanya lebih jauh kita tidak boleh sama-sama bergantung pihak luar tanpa mengira faktor-faktor alam dan politik yang mendatangkan semua sektor kerajaan dan swasta mestilah sama-sama mendokong usaha kerajaan bagi mempelbagaikan ekonomi Negara ini.

Saya yakin dengan adanya cerdik pandai di negara pada masa ini dan dengan komitmen yang tinggi dan kuat insya Allah akan dapat sama-sama kita capai, kita mestilah bersikap boleh dari yang senang kita senangkan dan perkara yang susah kita permudahkan. Sekian Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin:
Honourable speaker, the presence of His

Majesty and his consent to deliver the titah is something that we cherish and very proud of. It is very inspiring and will guide us in our deliberation in order to achieve the very best as expected.

The fact that His Majesty reminded us of our responsibility towards the people is a challenge that we shall fulfill to the best of our ability. More importantly, it also highlighted the duty of the council as an advisory body. This is an honourable duty that we members accept and fulfill.

The role of the meeting is sending the message of openness. In this context, it is the openness of co-operative collaboration between the government and the people in maintaining important elements in our present system. Through this meeting, it will generate rich and new ideas for the good of our beloved country.

I am sure the meeting will be the best forum that can deliver a lot for the present and future generations. I welcome His Majesty's advice to members not to be afraid in contributing constructive ideas. In this

regard, we as members of the council shall do our very best to fulfill.

Honourable speaker, hard work and sincere commitment will be the order of the day. We shall now fulfill our obligation of what is expected. Thank you.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana dapat diberi kesempatan untuk diri saya mengabungkan diri bersama-sama Ahli Yang Berhormat yang lain.

Pertama-tama saya dengan rendah hati mengucapkan syukur Kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya jua dan ketentuan-Nya jua maka saya dapat duduk bersama-sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini dan dengan menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perlantikan dan perkenan Baginda untuk melantik

saya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara wakil Daerah Temburong.

Yang Dipertua Dewan saya bersama-sama mengabungkan diri menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam di Persidangan Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Majlis Mesyuarat Negara pada 15hb. Safar, 1427 bersamaan 15hb. Mac, 2006.

Dalam menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain, inilah peluangnya untuk ahli-ahli memberikan pandangan masing-masing dan sebagai ahli, mereka tidaklah perlu takut-takut,

tetapi sebaliknya meletakkan diri masing-masing untuk menangani kepentingan Negara dan rakyat. Maka dalam kesempatan ini saya mudah-mudahan akan dapat memberikan dalam jua perkara-perkara dan mudah-mudahan ia mendapat perhatian yang sewajarnya di dalam mesyuarat yang akan dipersidangkan nanti. Sekian, wabillahit taufiq walhidayah. Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berdiri di sini Yang Di-Pertua Dewan sebagai Ahli orang yang bergelar dilantik yang telah bersumpah semalam dalam majlis mesyuarat sebagai seorang Ahli Mesyuarat ini Negara ini sebagai seorang yang taat lagi setia jadi saya berdiri di sini tidaklah seperti ahli mana saya telah mendengar beberapa banyak ahli majlis mengucapkan dengan panjang lebar memuji segala-galanya ada yang memberikan penjelasan yang lebih baik saya berdiri di sini tidaklah apa-apa hanya semata-mata bagi Ahli yang taat lagi setia menyokong atas cadangan usulan yang telah dikemukakan oleh Menteri Pendidikan.

Saya minta maaf, jadi hanya oleh kerana saya hanya menyentuh sedikit satu dua perkara yang ada dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia kita semua faham Duli Yang Maha Mulia telah menyeru di pembukaan titahnya yang mengatakan mesyuarat yang akan berlangsung ini iaitu semalam membawa "mesej terbuka" bahawa Kerajaan dan rakyat adalah berganding bahu. Itu satu mesej yang nampaknya menjadi satu tanggungan yang berat kepada seluruh ahli di sini bukan hanya dapat memuji-muji segala ucapan titah Kebawah Duli Maha Mulia ini tetapi isinya hendaklah diamat-amati.

Dalam hal ini baginda telah menyatakan melawat-lawat ke kampung-kampung bukan hanya jabatan-jabatan Kerajaan ini memanglah kewajipan tetapi ke kampung-kampung melawat bertanya-tanya inilah sebagai satu contoh yang besar kepada kita supaya segala orang yang berkewajipan akan mengambil iktibar yang terbaik, contoh yang dilakukan oleh raja itu sendiri melawat ke kampung-kampung.

Jangan hanya apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat barulah segala-gala dibersihkan, barulah rumah-rumah itu dicat, barulah jalan-jalan itu dibersihkan dan kotoran tidak ada dan sampah sarap pun sebelum ia melawat sudah ada dibersihkan, ia satu perkara harapan yang saya dapat pohonkan kepada Ahli Majlis dan kepada orang yang berkewajipan untuk mengambil iktibar apa yang dilakukan oleh raja itu sendiri.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh dalam titah juga, Majlis Mesyuarat Negara adalah seperti Majlis-Majlis Mesyuarat yang lain sama, apa yang maksudnya dari iaitu yang akan memberi nasihat kepada penasihat kepada badan Beta.

Kemudian selain daripada yang lain titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengatakan pula penambahan Ahli Majlis Mesyuarat yang asalnya dulu bertambah yang baru 5 - 6 orang iaitu mengikut seperti yang terdapat dalam seksyen di dalam perlembagaan hanya sebahagian seksyen sahaja dibaharui ditunaikan yang selain daripada itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyentuh supaya majlis ini dalam masa membincangkan hal Belanjawan Negara yang mengatakan

inilah peluang ahli-ahli memberikan pandangan masing-masing, beta yakin mereka adalah mampu akan melaksanakan tanggungjawab itu sebagai ahli, mereka tidak perlu takut-takut, jadi untuk ini saya percaya Ahli-Ahli bukan hanya dilantik kerana yang resmi dan kerana satu-satu jawatan semua ahli di sini tidak takut-takut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya dapat memberikan pandangan yang baik.

Yang Dipertua Dewan, selain dari itu, Baginda menyeru kepada kita supaya Kerajaan dan rakyat malah juga tuntutan menjadi seorang "ahli fakir" mudah-mudahan doa ini akan menjadi manfaat kepada kita supaya kita mendapat ahli fikir yang sempurna bukan hanya pandai menyebut segala-galanya apa yang baik tetapi biarlah apa jua akibatnya yang akan datang.

Selain daripada itu, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, yang semua ahli-ahli faham, tentang Majlis Mesyuarat Negara, yang beta ingin memerhatikan perjalanannya, di samping turut menilai kesan-kesannya ke atas kehidupan rakyat dan penduduk.

Kesan-kesan apa yang kita buat di sini akan diperolehi akan sentiasa diperhatikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jadi itulah yang dapat saya ambil isi-isi selain daripada itu maka banyak orang yang menyebut bermacam-macam yang lain supaya menambahkan hasil bukan hanya hasil supaya Brunei ini bertambah bergantung semata-mata kepada gas dan minyak tetapi menggandakan kepada yang lain bergandakan dengan kerjasama bukannya dengan cadangan-cadangan tetapi pihak swasta akan bersama berfikir, mudah-mudahan ada di antara kita dapat memberikan fikiran sebagai ahli fikir cadangkan apa yang eloknya untuk menambah hasil, hasil negara ini sepertimana yang diharap-harapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dan selain daripada itu “Kita tidak mampu lebih jauh tertinggal atau tercicir”, bangsa yang tertinggal dan tercicir ini saya rasa adalah menjadi “tanggungjawab kita” memikirkan apa yang jadi kepada kita selain daripada kita telah berpuluh-puluh tahun dalam koloni dan sekarang kita merdeka, mudah-mudahan ahli fakir, orang-orang merdeka ini akan dapat memberi kebajikan kepada negaranya.

Dan saya rasa yang lain itu, saya ulangi kembali lagi, hendaklah kita semua terutama sekali orang-orang yang berkewajipan mengambil iktibar dan apa yang telah di dapati oleh Duli Yang Maha Mulia. Sekian saja dan selain lagi daripada itu Yang Dipertua Dewan, saya lagi sekali, sebagai satu orang Ahli yang dilantik yang lagi taat dan setia menyokong sepenuhnya menyokong akan usul yang telah dikemukakan oleh Menteri Pendidikan. Terima kasih Yang Dipertua.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat setelah diperhatikan usul oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran nampaknya ramai yang menyokong, oleh yang demikian saya minta Ahli-Ahli yang bersetuju pada Usul ini angkat tangan. Apa lagi..... karang baru tah, biar tia, mengikut anu ani yang terdahulu diundinya.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Dipertua Dewan, saya adalah menyertakan diri menyokong usul yang telah dibawa

oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan yang telah diterangkannya tadi. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa pada Hari Pembukaan kelmarin mengandungi berbagai-bagai perkara yang penting demi kepentingan negara.

Di antara perkara besar ialah mengenai dengan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang menentukan dan menjadi panduan hala tuju Negara ini. Perlembagaan yang dipinda pada tahun 2004 telah pun diluluskan oleh Dewan ini dan Baginda dalam titah itu ingin menilai akan perjalanannya.

Penilaian kepada sesuatu perkara memanglah penting, dan di dalam ilmu tasawuf dinamakan bagi muhasabah, bagi tentukan pencapaian-pencapaian, kelemahan-kelemahan bagi orang muslim perkara begini di lakukan sebelum tidur, umpamanya muhasabah diri tentukan apa baiknya, apa buruknya yang dibuatnya pada siang hari sebelum ia tidur. Dan Baginda juga ingin untuk melihat bahawasanya perlembagaan itu dilaksanakan dengan teratur dan menurut yang semestinya.

Baginda menyentuh mengenai kemakmuran negara khasnya dari segi majlis ini akan membincangkan Anggaran Belanjawan. Ada tiga perkara yang disentuh oleh Baginda mengenai dengan perbelanjaan ini, pertama jangan membazir, sesuai dalam ajaran Al-Quran bahawa orang membazir itu kawan syaitan, berwaspada dalam berbelanja, janganlah menjadi kaya-kaya bajau, kemudian berjimat cermat, orang tua-tua kitani mengingatkan supaya jangan menjadi saudagar buruh kasap, segala-segalanya habis sampai modal pun lesap, ketiga-tiga prinsip dalam berbelanja ini mustahak iaitu sebagaimana yang dititahkan jangan membazir hendaklah berwaspada dan hendaklah berjimat. Kemudian baginda bertitah berhubung dengan kemakmuran, Baginda menyentuh mengenai dengan hasil yang sekarang ini Brunei banyak bergantung kepada minyak dan gas dan Baginda menekankan kepada bidang pertanian, kita sendiri maklum bagaimana kemajuan pertanian di Brunei sekarang ini, dan Ahli Majlis daripada wakil daerah telah menerangkan fakta-fakta khidmat Kerajaan kepada rakyat mengenai

dengan usaha-usaha dan bantuan-bantuan untuk memajukan pertanian ini.

Kemudian Baginda menerangkan berhubung dengan tugas dan tanggungjawab Majlis ini khasnya sebagai penasihat kepada Baginda. Apabila menjadi penasihat kepada Baginda ertinya lebih banyak supaya kita berfikir dengan berdasarkan fakta berfikir dengan kepala dingin. Kemudian Baginda menerangkan harapan-harapan Baginda dan harapan rakyat melalui pendapat-pendapat dan keputusan-keputusan yang di persetujui.

Di dalam titah Baginda itu Baginda menimbulkan masalah mengenai dengan idea-idea baru dan pengalaman, Baginda melahirkan isi hati Baginda secara berterus terang bahawa usaha bagi memelihara elemen-elemen penting dalam sistem yang ada di Brunei adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan rakyat sama-sama berganding bahu.

Elemen-elemen yang ada di Brunei dalam sistem sekarang ini menjadi tanggungjawab Kerajaan dan rakyat sama-sama untuk dipikul, dan Baginda menekankan bahawa wadah yang amat disukai oleh Baginda ialah cara untuk

mendapatkan lebih banyak idea-idea baru dan pengalaman melalui mesyuarat, idea-idea baru dan pengalaman itu boleh didapatkan dengan berbagai cara termasuklah bagi Baginda sendiri mengadakan lawatan-lawatan ke kampung-kampung ke seluruh pelusuk negara.

Sebagaimana yang telah diterangkan oleh beberapa ahli yang Baginda sendiri melihat, Baginda sendiri mendengar harapan-harapan, rintihan-rintihan rakyat dan semuanya ini menjadi bahan pemikiran Baginda untuk kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat, maka mesyuarat ini dititahkan oleh Baginda supaya membantu Kerajaan Baginda dengan idea-idea baru berdasarkan pengalaman, inilah suatu harapan yang amat tinggi daripada Baginda kepada Majlis ini. Semogalah kita akan dapat menunaikannya dengan sebaik-baiknya.

Satu keistimewaan Majlis ini pada kali ini ialah adanya wakil-wakil dari daerah, dalam titah Baginda, Baginda secara khusus menyentuh lima orang ahli daripada daerah-daerah, lantikan itu ialah melalui pemilihan penghulu-

penghulu dan ketua-ketua kampung di daerah masing-masing, sedangkan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung itu adalah dipilih oleh anak buah kampung, dipilih oleh anak buah mukim, ini adalah suara rakyat, mereka membawa suara rakyat daripada daerah - daerah, daripada kampung-kampung dan daripada mukim-mukim.

Sebenarnya Dewan ini beruntung dengan kedatangan wakil-wakil daerah ini kerana mereka hidup di sana, mereka mendengar di sana, mereka mengetahui di sana, apa yang sebenarnya dihadapi oleh rakyat, apa sebenarnya harapan-harapan rakyat yang mereka bawa ke mari.

Ahli-Ahli telah banyak menyentuh mengenai dengan penekanan Baginda terhadap Ahli-Ahli majlis ini iaitu sebagai ahli fikir, maka kita hendaklah berfikir berdasarkan fakta dan berfikir dengan kepada dingin, kerana kadang-kadang berfikir dengan kepala tidak dingin boleh menimbulkan masalah-masalah lain khasnya apabila dipengaruhi oleh emosi-emosi yang meluap-luap sehingga kita kehilangan panduan dan terbawa-bawa ke arah sesuatu yang akhirnya mendukacitakannya.

Dan juga kita diharapkan oleh Baginda sebagai wakil bagi perpaduan kebangsaan dan nilai-nilai etika yang luhur, wakil perpaduan kebangsaan suatu kalimat yang cukup luas kerana negara ini dihuni oleh berbagai-bagai puak, dihuni oleh puak-puak dan orang-orang yang berbagai-bagai kepercayaan, berbagai-bagai kebudayaan tetapi di bumi inilah kesemuanya, dengan kepelbagaiaan itu mereka hidup, mereka hendaklah berpadu dan ini dilaksanakan oleh Rasulullah apabila berpindah ke Madinah.

Di Madinah ada orang Islam dari Mekkah, orang Islam dari Madinah dan orang Yahudi penduduk asal dan orang-orang Arab yang masih tidak Islam, Rasulullah berusaha menimbulkan suatu perpaduan kebangsaan di kalangan penduduk Madinah itu bagi memelihara dan memajukan negara itu dengan tidak melihat ugama dengan tidak melihat bangsa inilah perpaduan kebangsaan.

Apapun bangsanya, apapun puaknya, apapun ugamanya Brunei mesti dipertahankan oleh rakyat dan penduduk Brunei, hendaklah

dusahakan kemajuannya oleh rakyat dan penduduk, kemudian mendukung dan menghormati ugama, undang-undang dan juga adat resam. Di samping Ahli-Ahli Dewan ini menjadi penyampai yang baik bagi Kerajaan dan rakyat, mudah-mudahanlah apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini akan dapat kita tunaikan.

Saya tertarik mengenai dengan masalah pertanian ini, supaya tidak berpanjang lebar berhubung dengan ekonomi ini, inginlah saya untuk mewarnai sedikit Majlis ini membawa sedikit pantun:-

*Anak tudak di dalam bayung
Ditanggap orang di laut Cina
Kalau tidak dipecahkan ruyong
Manakan dapat ambulong sagunya*

Mesti di usahakan pertanian itu. Brunei hijau dengan hutannya ertinya tanahnya subur, pecahkanlah ruyong itu barulah dapat ambulongnya, barulah dapat sagunya. Kita merasa sedih akan hasil tanaman yang sedikit, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah supaya kita jangan tercicir dan jangan ketinggalan,

*Bismillah mengembang layar
Hujung Sapoh nampak becera*

*Aying mata terburai-burai
Mengenang nasib negeri Brunei.*

Dari segi perbekalan makanan, kita bergantung kepada orang luar, beras dari negara luar, bergantung sayur-sayur dari negara-negara jiran, ikan pun dari wilayah-wilayah yang berhampiran, semuanya ini menjadi tanggungjawab kita memikirkan bersama-sama Kerajaan dan rakyat berganding bahu bagaimana caranya menimbulkan semangat semula supaya rakyat pergi berusaha di bidang ini, berbagai-bagai alasan di kemukakan, walau bagaimanapun terpaksa akan kita hadapi bersama-sama.

Mengenai dengan perpaduan kebangsaan ini yang dihasratkan supaya semuanya hidup bersama dalam satu negara secara harmoni, pantunnya:

*Kalau kita memotong baju
Buatkan baju butangnya lima
Kalau kita satu perahu
Sama karam basah bersama.*

Dan kita mesti berkerjasama....

*Orang Junjungan menjual daging
Daging dijual berpikul-pikul.....*

Yang Dipertuan Dewan: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, banyak nanti masa kitani pakai berpantun saja, pakai sastera saja nanti kitani inda berbincang kepada yang lain.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin: Terima kasih, saya akan menghabiskan saja,

*Kalau ringan sama dijinjing
Kalau berat sama dipikul.*

Wabillahit Taufik Walhidayah
Wasallamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa Bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Dipertua Dewan, saya tidaklah akan bercakap panjang, saya hanya menyatakan bahawa saya menyokong sepenuhnya usul Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu dan saya tidaklah akan memetik mana-mana bahagian titah kerana keseluruhan titah

itu adalah penting, adalah berkenaan dan haruslah diikuti oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, bukan saja Ahli Yang Berhormat di sini malah juga oleh seluruh rakyat dan penduduk negeri ini kerana dalam titah ini ada menyentuh mengenai penduduk, rakyat dan juga kerajaan.

Jadi dalam titah ini adalah termasuk segala kepentingan kebahagiaan keharmonian rakyat dan penduduk di negara ini, sekali lagi Yang Berhormat saya menyokong penuh usul yang telah diberi notis yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Sekian terima kasih.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa sudah lama sekarang, saya cadangkan supaya menangguhkan selama 15 minit untuk mengambil peluang berehat sebentar sebelum mengundi.

(Majlis berehat selama 15 minit)

(Majlis disambung semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis disambung

semula berhubung dengan menjunjung kasih terhadap titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar Bin Haji Apong: Terima kasih Yang Dipertua Dewan, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim, Saya di sini ingin untuk menyekutukan diri saya dalam menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan bagi menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan Baginda ke majlis ini semalam dan juga di atas titah Baginda di majlis ini.

Yang Dipertua Dewan, banyak telahpun diperkatakan oleh Ahli-Ahli di dalam dewan ini sebentar tadi sebelum kita berehat. Saya tidaklah akan bercakap panjang mengenai dengan perkara-perkara yang telah pun diberikan analisa

dan ulasan dan dihighlight oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tetapi Yang Dipertua Dewan, saya ingin menyatakan bahawa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan semalam adalah sebagaimana yang dinyatakan, mempunyai nilai yang amat tinggi.

la membawa harapan yang sungguh tinggi dari seorang raja dan juga seorang ketua negara kepada semua yang berkenaan khasnya kepada Ahli-Ahli yang berada di dalam dewan yang mulia ini, yang datang dari berbagai peringkat lapisan masyarakat dan latar belakang.

Malah titah ini merupakan penekanan kepada titah yang pernah Baginda kurniakan di Permesyuaratan Pertama Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2004. Kebawah Duli Yang Maha Mulia selaku raja dan Ketua Negara yang prihatin terhadap masa depan negara dan rakyatnya sentiasa menunjukkan sikap keprihatinan bukan sahaja melalui siri-siri titah Baginda bahkan juga yang lebih penting lagi jelas terbukti daripada tindakan yang telah Baginda ambil dan

laksanakan sebagaimana yang telah pun dinyatakan melalui lawatan-lawatan Baginda ke Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan, Mukim-Mukim dan Kampung-Kampung.

Sebenarnya Baginda telah memprojekkan imej seorang pemimpin yang dicontohi. Baginda telah memberikan satu "role model" kepada kita yang harus dicontohi. Dan inilah saya kira Yang Dipertua Dewan, salah satu mesej yang hendak Baginda sampaikan.

Dengan sikap pemedulian dan rasa prihatin yang mendalam ini, Baginda menaruh harapan yang tinggi kepada yang berkenaan, kepada pemimpin-pemimpin dari segenap peringkat dan lapisan akan kualiti kepimpinan. Kualiti kepimpinan yang Baginda hasratkan iaitu pemikir bukan penyampai, yang memberi contoh atau role model kepada masyarakat khusus dalam memupuk perpaduan kebangsaan, nilai-nilai etika, pendukung barisan depan ugama, undang-undang dan adat resam. Bijak dalam mengadun fikiran secara "*Constructive dan Consensus*", melaksanakan muzakarah dan berwawasan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Dipertua Dewan menggariskan kualiti-kualiti ini berasaskan pengamatan yang teliti dan tajam, yang diadun dengan pengalaman dan kebijaksanaan. Berasaskan pengamatan, apa yang berlaku di dunia pada masa ini dan masa akan datang adalah Baginda ambil perhatian demi menjamin akan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Titah Baginda itu saya sifatkan sebagai suatu yang tepat pada konteksnya dan relevan pada masanya.

Kita berada dalam dunia globalisasi, kita berada dalam dunia ledakan ilmu pengetahuan yang dicetuskan oleh arus perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Penggerak kemajuan pada masa ini, Yang Dipertua Dewan ialah E-Pengetahuan iaitu pengetahuan memainkan peranan penting, menjadi kapital yang amat penting kepada sebuah negara. Dan di sini Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebenarnya menekankan pengetahuan dan menekankan kepada kita untuk berfikir. Sebenarnya selaku orang Islam, tuntutan agama Islam ialah untuk

berfikir. Dalam Al-Quran banyak ayat-ayat yang menuju kepada arahan berfikir “yatakaffarun” (tidaklah kamu berfikir).

Dunia sekarang digerakkan ekonominya oleh K-Ekonomi kerana itu arus perkembangan ICT mengajak manusia untuk berfikir, berfikir secara kreatif dan inovatif. Ke arah ini dan kerana inilah Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan kepada kita semua untuk berfikir, menekankan kepada kita akan penting dan fungsi ilmu pengetahuan.

Kita hidup di dunia ini mengalami perubahan. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa cetus ICT telah membuat perubahan, perubahan dalam kehidupan kita yang mengajak kita untuk berubah dalam semua segi: cara berfikir, cara bertindak, cara bekerja dan cara berinteraksi.

Suatu yang akan terus berlaku di dunia ini ialah perubahan dan adalah amat penting untuk kita menghadapi perubahan ini. Bagaimana kita akan menghadapi perubahan dan suatu yang paling penting untuk kita perhatikan ialah bahawa kita mesti bersedia untuk menghadapi sesuatu ketidaktentuan “*unexpected*”.

Dan ini kita saksikan pada masa ini akan kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dunia yang tidak disangka-sangkakan. Sekiranya kita tidak bersedia untuk melihat perubahan-perubahan ini maka kita akan menjadi orang-orang yang tidak akan dapat menyamai atau memantuni kemajuan pada masa ini. Kerana itulah saya berpendapat Yang Dipertua Dewan, penekanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada berfikir, kepada kepentingan ilmu pengetahuan, kepada kepentingan ICT perlulah diberikan perhatian oleh semua lapisan masyarakat oleh semua pihak, baik Kerajaan mahupun swasta.

Sekian sahaja Yang Dipertua Dewan.
Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan

limpah kurnia dan izin-Nya, jua kita berpeluang untuk memulakan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua bagi Majlis Mesyuarat Negara yang penuh bermakna ini. Terima kasih Yang Dipertua Dewan, di atas peluang yang diberikan untuk saya berucap.

Yang Dipertua Dewan, saya menyokong sepenuhnya usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan bagi Majlis ini menjunjung kasih sepenuh-penuhnya di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli dan seterusnya atas perkenan Baginda mengurniakan titah di Majlis Persidangan Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dipertua Dewan, Permesyuaratan Kedua bagi Majlis Mesyuarat Negara ini adalah langkah penting dalam memupuk

perkembangan Majlis Mesyuarat Negara, sebagai satu institusi yang relevan dan sebagai lambang yang unggul dalam proses kematangan sistem kerajaan negara.

Penekanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Majlis Mesyuarat Negara sebagai badan penasihat kepada Baginda dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat dan Negara, menggambarkan lagi keprihatinan Baginda yang sentiasa mengambil kira pandangan dan pendapat rakyat dalam sama-sama membangunkan negara. Saya amatlah menjunjung tinggi kepimpinan Baginda yang mengambil berat tentang keadaan hal-ehwal kehidupan rakyat.

Yang Dipertua Dewan, "*Fundamental*" ekonomi yang kuat adalah satu faktor yang penting dalam memastikan "*survivability*" sesebuah negara. Pada masa yang sama, dalam era globalisasi ini kelemahan ekonomi sesebuah negara boleh dieksploitasikan untuk menjadikan negara tersebut terlalu "*dependent*"

kepada pihak-pihak yang lebih berpengaruh. Ini perlu dielakkan bagi memastikan agar kedaulatan negara sentiasa utuh dan tidak dikompromasikan (*not compromised*). Negara kita sudah lama mengenalpasti kepentingan untuk mempelbagaikan ekonomi. Sudah tiba masanya untuk melipatgandakan komitmen dalam usaha mempelbagaikan hasil negara.

Yang Dipertua Dewan, sepertimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, disebalik kemakmuran negara, kita hendaklah sentiasa waspada dan berjimat. Ke arah ini institusi kerajaan telah dan akan mempertingkatkan inisiatif-inisiatif penjimatan kos dan pada masa yang sama, memastikan langkah-langkah tersebut tidak memberikan implikasi yang negatif kepada keupayaan-keupayaan institusi-institusi keselamatan untuk melakukan tugas dan peranan operasional yang diamanahkan.

Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, marilah kita, Ahli-Ahli Yang Berhormat sama-sama berganding bahu dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepada kita semua dalam

Majlis ini sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, walaupun ianya merupakan satu amanah yang sangat berat untuk dipikul akan tetapi ianya juga merupakan satu penghormatan untuk dilaksanakan dengan niat kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Untuk mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya menyokong usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabakatuh.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada yang ingin berbahas lagi? Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan mengundi. Ahli-Ahli yang bersetuju pada usul menjunjung kasih, sila angkat tangan. Nampaknya usul mencukupi dan dipersetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat,

sekarang sudah pukul 11.20 pagi. Majlis
ditangguh pukul 2.30 petang.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

Majlis disambung bersidang pada jam 2.30 petang

Yang Dipertua Dewan: Sekarang kita berbicara mengenai dengan Rang Undang-Undang.

Jurutulis: Perkara yang ketujuh Rang Undang-Undang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan Kedua (II).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Dipertua Dewan dengan segala hormatnya saya memohon izin mengemukakan bagi pihak Menteri Kewangan satu Rang Undang-Undang yang bergelar Akta untuk membekalkan dari kumpulan wang yang disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2006/2007 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu untuk bacaan kali pertama.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada yang menyokong sila angkat tangan.

Rang Undang-Undang yang bergelar satu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari kumpulan yang disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2006 / 2007 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu.

Jurutulis: Rang Undang-Undang yang bergelar satu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari kumpulan yang disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan 2006 / 2007 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Dipertua Dewan saya memohon izin memberitahu pada majlis ini bahawa saya akan mengemukakan cadangan untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang yang bergelar satu Akta untuk membekalkan sejumlah wang-wang yang disatukan di perkhidmatan tahun

kewangan 2006-2007 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu pada mesyuarat hari ini juga, maka dengan kerana saya bercadang hendak membawa bacaan yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang tersebut ini pada hari ini jua maka saya memohon kebenaran supaya digantungkan peraturan-peraturan tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya dibolehkan dibuat cadangan cadangan sedemikian pada hari ini, permohonan saya ini adalah semata-mata untuk membolehkan majlis ini memudahkan kerja-kerjanya dengan licin lagi.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat selepas saya mendengar keterangan-keterangan dan sebab-sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangann Kedua (II) saya izinkan supaya peraturan tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung untuk membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelar satu Akta membolehkan sejumlah wang dari kumpulan yang disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2006/2007 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut bagi maksud-maksud yang tertentu. Sekarang kita

akan berbicara dengan.... Ada sokongan, sekarang kita akan berbicara...

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Dipertua Dewan saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar satu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari kumpulan wang yang disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2006/2007 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu dibaca bagi kali yang kedua, dalam berbuat demikian saya memohon izin Yang Dipertua Dewan untuk menghuraikan secara ringkas asas di dalam menyediakan cadangan bagi anggaran hasil dan perbelanjaan 2006/2007 ini.

Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi, Wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk membenarkan pengeluaran **Empat Ribu Lima Ratus Tiga Puluh Satu Juta, Empat Belas Ribu Enam Ratus**

Tujuh Puluh Tiga Ringgit Brunei (B\$4,531,014,673.00) dari kumpulan wang yang disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2006 / 2007 dan untuk memperuntukkannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam jadual. Dalam berbuat demikian saya memohon perkenan Yang Dipertua Majlis bagi menghuraikan secara ringkas faktor-faktor utama dalam merancang belanjawan bagi Tahun Kewangan 2006 / 2007 yang memberi kesan ke atas Negara Brunei Darussalam dari sudut kewangan dan sosio-ekonomi negara.

Yang Dipertua Dewan, seperti yang kita sama-sama maklumi, perhatian kita bukan saja tertumpu kepada apa yang dibutirkan dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Brunei Darussalam bagi Tahun Kewangan 2006/2007 yang ada di hadapan kita tetapi juga mengenai aspek-aspek kewangan dan sosio ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebuah Negara yang ekonominya banyak bergantung kepada sektor minyak dan gas, di mana hasil minyak dan gas cecair asli ini diekspot keluar negeri dan menghasilkan lebih

90% kepada pendapatan Kerajaan, sudah setentunya pendapatan negara akan sensitive dan tidak terkecuali dari mengalami kesan turun naiknya harga minyak dan gas dunia serta nilai pertukaran dollar Amerika dan ringgit Brunei.

Kerana itu izinkan saya untuk membentangkan sedikit sebanyak mengenai dengan keadaan ekonomi global pada ketika ini kerana suasana dan pertumbuhan ekonomi-ekonomi utama dan jua ekonomi di rantau Asia ini banyak mempengaruhi permintaan pasaran minyak dan harga komoditi tersebut di pasaran dunia masa kini.

Berdasarkan unjuran yang dikeluarkan oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) di dalam World Economic Outlook bagi bulan September 2005, ekonomi dunia pada tahun 2006 diramal akan tumbuh pada kadar sebanyak 4.3%.

Walau bagaimanapun pertumbuhan ekonomi-ekonomi utama dunia diramal hanya berkembang pada kadar 2.7% diterajui oleh pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat yang dijangka akan berkembang pada kadar 3.3%;

Eurozone 1.8%; United Kingdom 2.2%; dan Jepun 2%. Di samping itu, ekonomi Republik Rakyat China pula diramal mencatatkan pertumbuhan yang masih pesat sebanyak kira-kira 8.2%, India 6.3%, manakala Asian Development Bank meramalkan pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara Asia Timur [ASEAN+3 (China, Jepun, dan Korea Selatan)] sebanyak 7.2%. Pertumbuhan yang berterusan inilah yang sedikit sebanyak telah meningkatkan permintaan minyak ke paras yang ada pada waktu ini. Ramalan pertumbuhan yang menggalakkan ini, walau bagaimanapun boleh terjejas disebabkan oleh risiko ketidakseimbangan di dalam akaun semasa (Current account) ekonomi-ekonomi utama dunia dan harga minyak dunia yang tidak menentu dan tinggi di pasaran global.

Oleh itu, walaupun harga minyak di pasaran sejak kebelakangan ini berada di paras yang tinggi, namun kadar harga ini dijangka tidaklah akan bertahan lama (unsustainable). Ini kerana faktor penyumbang kenaikan harga ini bukan semata-mata disebabkan oleh peningkatan kadar permintaan yang berlebihan, akan tetapi

lebih banyak disebabkan oleh faktor kebimbangan mengenai kadar pembekalan yang dijangkakan akan menurun berpunca dari masalah yang bersifat *geo-political*, khususnya yang melibatkan sebahagian negara-negara pengeluar minyak utama di dunia, di samping masalah kemampuan penapisan minyak untuk memenuhi permintaan global dan juga tahap inventori minyak di negara pengguna terbesar.

Dalam pada itu, isu spekulasi juga turut memainkan peranan dalam *volatility* harga minyak dunia. Kebimbangan pembekalan yang berkurangan ini ditambah lagi dengan kapasiti untuk menambah pembekalan yang agak terhad di samping unjuran permintaan yang tinggi dari negara-negara membangun telah menyebabkan harga minyak yang kurang menentu pada waktu ini.

Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah, dalam konteks Negara Brunei Darussalam selaku sebuah negara pengeksport minyak, dengan kadar harga yang ada di pasaran ketika ini sedikit sebanyak telah dapat membantu negara untuk

meneruskan rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan negara.

Namun demikian dalam merancang Belanjawan Negara pada tahun ini, Kerajaan perlu mengamalkan dasar *fiscal consolidation* (Penguatan fiskal) yang bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan negara agar berdaya tahan dalam menghadapi keadaan ekonomi dunia yang sentiasa berubah dan sukar diramal.

Dari itu mengambil kira *volatility* ataupun turun naiknya harga minyak dan gas; dan dinilai pertukaran wang yang sentiasa berubah, Anggaran pendapatan negara telah dibuat berasaskan unjuran purata harga minyak dalam jangka panjang iaitu mengambil kira keadaan pasaran harga minyak dunia yang stabil di mana tiada faktor luaran yang memberi tekanan dari segi pengeluaran atau permintaan dunia, tahap kapasiti pengeluaran (*production*) minyak dan gas negara; di samping pertukaran matawang Brunei / Amerika Syarikat pada kadar yang munasabah.

Seperti yang Ahli-Ahli yang sedia maklum, bahawa instrument belanjawan adalah salah satu elemen penting ke arah menjana pertumbuhan ekonomi yang berterusan terutamanya dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mempelbagaikan ekonomi negara melalui peningkatan aktiviti-aktiviti di sektor bukan minyak.

Dalam pada itu, kita juga menyedari bahawa ekonomi negara pada waktu ini adalah lebih bersifat *public sector driven*, yang masih banyak berharap kepada suntikan Kerajaan dalam merangsang aktiviti ekonominya. Oleh itu, dalam jangka pendek ini Kerajaan masih perlu membantu sektor ini dengan mengadakan program dan projek-projek yang berbentuk *capital expenditure* supaya dalam jangka sederhana dan panjang nanti, sektor swasta diharap akan dapat merealisasikan peranannya sebagai *engine of growth* kepada ekonomi negara.

Penguatan sektor swasta ini adalah sangat penting dilaksanakan pada masa terdekat ini kerana dengan sektor swasta yang kukuh, ianya

dijangka akan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk di negara ini dan akan membantu mengurangkan kadar pengangguran.

Sektor swasta yang kukuh juga akan mempercepatkan program mempelbagaikan ekonomi dan akan dapat meluaskan asas ekonomi negara. Ke arah itu dalam belanjawan Tahun Kewangan 2006 / 2007 di samping menyediakan *capital expenditure* sebanyak \$1.6 billion iaitu \$900 juta dari Rancangan Kemajuan Negara dan Perbelanjaan Khas sebanyak \$700 juta.

Satu peruntukan Kewangan Tambahan telah diuntukkan khusus bagi program projek yang dapat membantu perkembangan SME agar lebih berdaya maju dan lebih cenderung kepada aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan lagi eksport negara (export oriented activities).

Dengan penyediaan capital expenditure sebanyak \$1.6 billion, Insya-Allah, ekonomi Negara Brunei Darussalam diunjurkan akan berkembang pada kadar 2.5% - 3.5% pada Tahun

Kewangan 2006/2007. Walaupun pertumbuhan ini agak rendah berbanding dengan negara-negara di rantau ini, namun ianya adalah satu pertumbuhan yang dikira sustainable mengambil kira asas ekonomi negara (economic base) yang terhad dan masih banyak bergantung kepada sektor minyak dan gas di samping kadar inflasi yang agak rendah iaitu 1.1% pada tahun 2005.

Dalam pada itu, unjuran pertumbuhan ekonomi 2006 di sektor bukan minyak secara keseluruhannya dijangka berkembang pada kadar yang lebih pesat diterajui oleh pertumbuhan sektor swasta di mana pada suku kedua 2005, sektor ini telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 9.4%.

Yang Dipertua Majlis, saya tidak akan menerangkan satu persatu jumlah Anggaran Perbelanjaan bagi sesebuah Kementerian atau Jabatan, kerana ini sudah dibutirkan ke hadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Hanya yang patut kita bentangkan di sini ialah jumlah kedua-dua perbelanjaan dan pendapatan.

Dengan mengambil kira asas dan senario yang telah saya bantangkan di atas, Insya-Allah pendapatan Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2006/2007 dianggarkan berjumlah Lima Ribu Dua Ratus Enam Juta, Empat Ratus Dua Puluh Ribu dan Tiga Ratus Ringgit Brunei (B\$5,206,420,300.00) yangmana 91% (\$4,716.00 juta) adalah dari Sektor Minyak dan Gas dan selebihnya \$400 juta dari perkhidmatan Kerajaan dan \$90 juta dari sektor bukan minyak dan gas.

Alhamdulillah, semenjak tahun kebelakangan ini, dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kerajaan telah dapat membiayai pembangunan negara dengan penyediaan peruntukannya yang tersendiri, namun begitu, selaras juga dengan titah perutusan Baginda semasa sidang ini, kita perlulah jua memberi ingatan sesama kita sendiri supaya rahmat Allah yang sudah lama memberikan kebahagiaan dan kemewahan kepada kita tidak akan dibazirkan begitu sahaja disebabkan

keborosan, kurang kawalan dan kurang kewaspadaan di dalam berbelanja.

Oleh itu, perancangan yang rapi perlulah dibuat yang akan membolehkan Kerajaan mempunyai sumber hasil yang lebih sustainable dan terus melaksanakan program-program bagi kemudahan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini bagi generasi masa kini dan juga generasi-generasi yang akan datang.

Perkara ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Ke 55 tahun pada 15 Julai 2001, yang antara lain Baginda telah menitahkan supaya **“Ketua kepada setiap organisasi Kerajaan hendaklah bersikap lebih *accountable* dan bertanggungjawab”**.

“Menerapkan *value for money* ke atas penggunaan peruntukan

Kerajaan, dengan segala bentuk pembaziran juga hendaklah diatasi dan dielakkan dan begitu juga hasil-hasil Kerajaan hendaklah dikutip dan diperhitungkan dengan jujur dan amanah supaya dinikmati bersama oleh generasi-generasi akan datang”.

Ke arah itulah kita sentiasa menekankan peri mustahaknya perbelanjaan akan dapat dibuat secara terancang dan teratur menurut peraturan-peraturan yang ada; berhemat dan berhati-hati serta berjimat-cermat menurut keutamaan, keperluan dan kemampuan jentera pelaksanaan secara “*realistic*” kerana sudah setentunya kita tidak dapat melaksanakan kesemuanya dengan sekaligus.

Dengan adanya program/projek yang dilaksanakan secara terancang, Insya-Allah ianya akan menambahkan lagi keberkesanan usaha Kerajaan untuk memperkembangkan ekonomi negara dan dalam waktu yang sama mengelakkan pembaziran dan kerugian wang Kerajaan.

Yang Dipertua Dewan, Peruntukan untuk mendapatkan kemudahan dan

perkhidmatan akan terus meningkat. Begitu juga keperluan untuk meningkatkan kemahiran sumber tenaga manusia bagi menangani perkembangan ini juga akan semakin bertambah dan kerja-kerja pemeliharaan juga kian meningkat. Anggaran jumlah Perbelanjaan Biasa termasuk untuk Kumpulan Wang Kemajuan bagi Tahun 2006/2007 adalah sebanyak **Empat Ribu Lima Ratus Tiga Puluh Satu Juta, Empat Belas Ribu Enam Ratus Tujuh Puluh Tiga Ringgit Brunei (B\$4,531,014,673.00)**.

Apa yang dapat disimpulkan di sini jua adalah perkembangan dan prestasi ekonomi negara ini, adalah sangat bergantung kepada turun naiknya perbelanjaan Kerajaan. Namun dengan pendapatan yang ada sekarang, perbelanjaan ini sekurang-kurangnya dapat ditandai dalam jangka waktu yang pendek.

Akan tetapi cara ini berkemungkinan akan sukar dipertahankan di masa-masa akan datang apabila pendapatan Kerajaan khususnya dari sektor minyak dan gas, mungkin berkurangan. Oleh itu, adalah perlu

kita merancang dari sekarang apakah langkah-langkah berkesan yang perlu diambil supaya aktiviti ekonomi di negara ini akan dapat berkembang secara berterusan dan progresif tanpa banyak bergantung kepada perbelanjaan Kerajaan.

Dalam hal ini pihak swasta sendiri perlulah berusaha untuk mengukuhkan sektor berkenaan agar ianya mampu untuk mendukung peranannya menjadi “*engine of growth*” agar penggantungan kepada bantuan dan suntikan Kerajaan seperti pada masa ini akan dapat dikurangkan secara berperingkat-peringkat.

Dalam hubungan yang sama, peranan syarikat-syarikat milik Kerajaan juga perlu dikukuhkan dalam mendukung kegiatan dan pemajuan sektor swasta melalui pengembangan dan pengukuhan operasi mereka.

Dalam konteks ini juga usaha bersepadu di antara pihak Kerajaan dan pihak swasta perlulah dipertingkatkan. Pihak swasta termasuk syarikat-syarikat milik Kerajaan perlulah menggiatkan dan melipatgandakan usaha mereka, misalnya dengan meneroka bidang

perniagaan yang berpotensi dan pasaran-pasaran baru serta membantu usaha pihak Kerajaan untuk membawa masuk lebih banyak pelaburan asing ke negara ini agar usaha tersebut diharap akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan aktiviti limpahan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (*Small and Medium Entrepreneur*) dan insya-Allah ianya jua akan dapat menjadi salah satu hasil penting negara pada masa akan datang.

Yang Dipertua Dewan, mengambil kira akan pentingnya perancangan belanjawan yang terarah menurut keutamaan dan keperluan dalam belanjawan Tahun 2006/2007 ini, fokus belanjawan telah ditumpukan kepada beberapa sektor utama selaras dengan wawasan, objektif dan strategik plan yang dirancang oleh setiap kementerian, perbelanjaan yang diberikan keutamaan antara lainnya termasuklah:-

1. Perbelanjaan bagi Keselamatan dan Pertahanan – Sektor ini adalah asas bagi memelihara keamanan, kestabilan dan

kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini bagi jangka panjang di samping sebagai salah satu tunggak untuk memberikan keyakinan dan menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara ini. Peruntukkan yang disokong bagi sektor ini berjumlah kira-kira 25% daripada Anggaran Perbelanjaan keseluruhan.

2. Kegiatan Ekonomi, Swasta dan Keusahawaan – Sektor ini memberi tumpuan kepada perbelanjaan yang dapat meningkatkan kepada perbelanjaan yang dapat meningkatkan aktiviti ekonomi di negara ini khususnya bagi membantu pihak swasta terutamanya Perniagaan Kecil dan Sederhana untuk meluaskan lagi asas dan kepelbagaian kegiatan ekonomi negara.

Bagi mencapai objektif ini pihak swasta adalah digalakkan untuk meneroka peluang-peluang baru termasuk bagi industri-industri sokongan seperti “*packaging*”, “*supplying*”, “*marketing*” dengan

memberi penekanan kepada “*quality product*” bagi tujuan *branding* agar syarikat-syarikat tempatan akan menjurus kepada pengeluaran produk-produk yang berbentuk “*export oriented*”.

Ke arah itu, beberapa peruntukan khusus telah disokong antara lainya termasuklah peruntukan bagi mempromosikan barangan tempatan kepada pasaran luar negeri di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan peruntukan promosi perdagangan di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bagi kegunaan pejabat-pejabat Suruhanjaya Tinggi, Kedutaan dan Perwakilan-Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri. Di samping itu peruntukan tambahan kewangan berasingan juga telah disediakan bagi mengembangluaskan Perusahaan Kecil dan sederhana bagi melaksanakan program-

program peningkatan keusahawan, misalnya dengan meningkatkan keupayaan dan menambah kemahiran pengurusan, mengukuhkan pemasaran produk-produk tempatan di pasaran serantau dan antarabangsa dan lain-lain lagi program yang akan dirancang oleh agensi-agensi pelaksana.

Oleh itu, pihak swasta adalah dialu-alukan untuk memberikan apa jua maklum balas dan kerjasama kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan bagi membantu merangka rancangan-rancangan yang boleh dilaksanakan bagi mempromosikan dan mengukuhkan sektor swasta ini.

Secara keseluruhannya, sejumlah kira-kira \$131 juta dicadangkan untuk disediakan bagi agensi-agensi dan projek-projek yang dapat membantu sektor perusahaan khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana di negara ini. Dengan cadangan peruntukan di bawah Rancangan

Kemajuan Negara, khususnya bagi sektor-sektor sumber utama, Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, Perusahaan, Binaan, Pengangkutan, Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi dan Kemudahan Awam dan Perbelanjaan Khas di bawah Perbelanjaan Biasa, ianya dijangka akan secara langsung dapat meningkatkan dan merangsang aktiviti ekonomi negara serta membantu pertumbuhan sektor swasta di negara ini, Insya-Allah.

3. Perbelanjaan bagi menyediakan kemudahan dan memelihara Kesejahteraan Rakyat dan Penduduk – Ke arah meningkatkan lagi kesejahteraan dan tahap kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini, peruntukan-peruntukan bagi projek-projek infrastruktur dan sosio ekonomi terus disediakan.

Berbagai projek, program telahpun dirancang yang tidak terhad kepada kawasan Bandar

tetapi juga meliputi kawasan-kawasan perkampungan dan pendalaman agar seluruh negara akan menikmati arus kemajuan dan pertumbuhan yang seimbang seperti projek perumahan awam dan Kerajaan, Perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, peningkatan jalan raya, pembekalan elektrik, kemudahan-kemudahan perhubungan dan riadah.

Bagi mencapai objektif ini, peruntukan-peruntukan telah disediakan bagi meneruskan program/projek di bawah sektor ini. Kemudahan pendidikan misalnya disediakan sebanyak \$700 juta, Skim Perpindahan dan Perumahan Negara di keempat-empat daerah diteruskan dengan peruntukkan sebanyak \$82 juta, perkhidmatan bekalan elektrik sebanyak \$217 juta dan air sebanyak \$151 juta, infrastruktur pengangkutan jalan raya \$74 juta dan bagi sektor teknologi maklumat juga telah disediakan peruntukan sebanyak \$152 juta. Begitu juga peruntukan bagi perkhidmatan -

perkhidmatan perubatan dan kesihatan juga disediakan sebanyak \$253 juta.

Di samping itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa memantau perkembangan wabak-wabak penyakit berjangkit yang telah merebak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan membawa ancaman pandemic yang boleh memudaratkan berjuta-juta penduduk dunia. Selaras jua dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersempena kedatangan Awal Tahun baru 2006 Masihi, Kerajaan secara pro-aktif Insya-Allah akan berterusan membuat persediaan yang menyeluruh bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan wabak ini.

4. "*Capacity Building*", Perkembangan tenaga manusia dan peningkatan produktiviti dan "*efficiency*" perkhidmatan Kerajaan Di zaman globalisasi masa kini, di mana persaingan ekonomi adalah tidak terbatas

kepada sempadan sesebuah negara sahaja, adalah perlu kita meningkatkan pengetahuan dan "*efficiency*" bagi menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Oleh itu, usaha meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam adalah usaha berterusan Kerajaan dengan fokus utama diberikan kepada aspek "*capacity*" *building* yang bukan sahaja tertumpu kepada menghadiri latihan dan kursus-kursus tertentu sahaja bagi meningkatkan kemahiran pekerja, tetapi termasuk juga untuk meluaskan bagi penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan "*efficiency*" dan "*cost effectiveness*" perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan.

Bagi mendukung hasrat ini jua, sepertimana yang telah diumumkan baru-baru ini, Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai program khusus bagi Pembangunan Sumber Tenaga Manusia (HRD) dengan menubuhkan dana berjumlah sebanyak \$250 juta. Adalah diharapkan dengan penubuhan

dana ini, ianya akan dapat dimanfaatkan dalam meningkatkan daya saing, daya tahan, profesionalisme dan kepakaran-kepakaran yang diperlukan oleh negara bagi menyumbang ke arah pembangunan negara. Dalam pada itu, bagi mengukuhkan bidang pembelajaran di negara ini, tambahan tenaga pengajar telah diluluskan yang meliputi peringkat sekolah rendah, menengah dan ugama.

Disamping dana di atas, sejumlah kira-kira \$73 juta juga diperuntukan bagi agensi-agensi dan projek-projek yang berkaitan dengan kategori ini termasuklah peruntukan kewangan tambahan yang disediakan secara berasingan bagi melaksanakan program-program tambahan berkaitan "*capacity building*".

5. Perkembangan Belia-Belia - Bagi membolehkan negara untuk terus berdaya maju dan berdaya saing, di mana

keadaan gerak arah ekonomi semakin banyak bergantung kepada teknologi, belia-belie, khususnya yang masih mencari pekerjaan perlulah dilengkapi dengan latihan-latihan melalui program-program khusus agar mereka menjadi lebih inovatif, berdikari, berupaya, kukuh, berdisiplin dan berdaya maju bagi menuju kepada mandiri bangsa “*nation building*”;

Oleh itu, sebagai tambahan kepada peruntukan yang disokong bagi agensi-agensi yang berkaitan, satu peruntukan yang berasingan jua diperuntukan bagi membolehkan agensi-agensi Kerajaan untuk merancang lebih banyak program-program khusus bagi meningkatkan keupayaan belia sebagai aset negara yang meneruskan kepimpinan, perkembangan dan kemajuan negara ini, dan seterusnya menjurus kepada rakyat yang berdisiplin, berdaya tahan dan berdaya maju. Program-program latihan bagi memberikan “*skills*” yang baru, “*upgrade skills*” yang

ada dan keusahawan belia (*entrepreneurship*) perlulah disusun secara terarah bagi memastikan keberkesanannya untuk mendokong hasrat Kerajaan mengukuhkan lagi sektor swasta di negara ini melalui belia-belie yang berilmu, berdaya maju dan berwawasan.

6. Pemeliharaan Harta Benda Kerajaan - Bagi Tahun Kewangan 2006/2007, sejumlah \$287 juta akan diperuntukan bagi membiayai Perbelanjaan - perbelanjaan pemeliharaan harta benda dan peralatan-peralatan Kerajaan yang di bawah kawalan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan. Langkah ini bukan saja untuk mengelakkan kerugian kepada Kerajaan, malahan bagi memastikan Kerajaan memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai dan juga menambahkan aktiviti perniagaan kepada sektor swasta.

Dalam hubungan ini, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan telah diminta untuk memantau secara berterusan keadaan harta benda Kerajaan yang di bawah kawalan masing-masing supaya mana-mana kerosakan akan dapat diperbaiki dengan segera bagi mengelak kerugian yang lebih besar kepada Kerajaan.

7. Strategi Perbelanjaan Bijak (*Smart Spending Strategy*) - Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan hasil negara selaras dengan objektif belanjawan negara, setiap Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk membuat kutipan hasil Kerajaan telah diminta untuk meneliti dan memperkukuhkan lagi proses kutipan hasil terutama dari segi kutipan yang tertunggak.

Agensi - agensi yang memberikan perkhidmatan yang berbentuk "*utility*" (kemudahan asas) dan komersil

hendaklah berusaha sekurang-kurangnya menampung perbelanjaan Kerajaan di dalam memberikan perkhidmatan tersebut. Oleh itu, pemantauan yang berterusan terhadap kutipan hasil dan tunggakan akan dibuat penekanan oleh agensi - agensi yang dipertanggungjawabkan termasuklah dengan mengambil tindakan-tindakan yang tegas bagi memastikan kutipan hasil dibuat di dalam tempoh yang ditetapkan.

Dengan pembayaran yang diterima, ianya akan lebih memudahkan lagi Kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan misalnya melalui penggunaan teknologi masa kini; bagi memenuhi ekspektasi (*expectation*) pengguna-pengguna.

Yang Dipertua Dewan, dengan kerjasama dan semangat perpaduan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara ini, Insya-Allah, akan sentiasa melangkah ke hadapan seperti jua hasrat yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena tahun baru 2000 Masihi, yang berbunyi "Di alaf yang baru ini, kita ingin Brunei Darussalam yang aman dan makmur, sentiasa mendapat perlindungan serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala".

Untuk memelihara keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan Allah S.W.T kepada negara kita pada masa ini, dari perspektif pengurusan sumber negara, kita perlulah mengukuhkan kedudukan fiskal dan sistem kewangan negara dengan mengamalkan sikap berhemat dan berjimat cermat di dalam pengurusan kewangan kita. Ini adalah penting di dalam suasana negara yang memperolehi hasil daripada sumber yang terhad.

Pendapatan yang berlebihan, perlulah kita simpan dan laburkan supaya ianya akan membuahkan pulangan yang baik dan akan jua dapat terus dinikmati oleh generasi-generasi akan datang. Dasar

ini adalah selaras jua dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Yusuf ayat 46 – 49 yang antara lainnya memberikan panduan betapa perlunya kita berusaha untuk mengukuhkan sumber Negara dengan cara berjimat cermat dan pengurusan yang prudent bagi menghadapi masa depan yang sukar diramal dan tidak dijangkakan. Dengan pengurusan kewangan yang mapan dan prudent, diperkukuhkan dengan sosio-ekonomi dan nilai-nilai hidup yang berlandaskan ketakwaan, wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadikan negara ini sebuah Negara "*Baldatun, Taiyibbatun, Warabbun Ghafur*" yang bermakna "Negara yang Aman Makmur dengan mendapat keredhaan Allah", Insya-Allah akan dapat kita pelihara.

Kita menyedari, dalam melaksanakan rancangan-rancangan yang telah kita aturkan, perlulah jua kita mengikut kemampuan dan keupayaan pelaksanaan kita di samping mengamalkan sikap berjimat-cermat dan mengelakkan sebarang pembaziran. Rancangan-rancangan

yang secara ringkas yang telah disebutkan terdahulu, sememangnya menghendaki peruntukan kewangan yang banyak.

Oleh itu adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan daripada Peruntukan Kumpulan wang yang disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu sepanjang Tahun 2006/2007. Maka saya memohon supaya undang-undang ini dibaca bagi kali keduanya.

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, selepas saya mendengar keterangan-keterangan..... Ada Ahli-Ahli yang menyokong. Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis pada hari ialah satu Rang Undang-Undang Bergelar Satu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumplan Wang disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2006/2007 dan untuk memperuntukan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu.

Yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan Kedua supaya dibaca bagi kali kedua saya bukakan Majlis untuk perbahasan kelayakan-kelayakan dan asas-asas Rang Undang-Undang saja lihat peraturan 28(2). Demikian. Ahli-Ahli, saya bertanya ada Ahli-Ahli yang lain ingin bercakap sila angkat tangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Saya ingin meminta penjelasan mengenai dengan peruntukkan 910 – Elektrik sama ada ianya \$100 juta, \$200 atau pun \$100 point 2. Terima kasih Yang Dipertua Dewan.

Yang Dipertua Dewan : Ahli Yang Berhormat, pertanyaan itu patut dikemukakan apabila menimbangkan setelah saya membenarkan persidangan ini bertukar jawatankuasa iaitu penelitian Rang Undang-Undang itu satu persatu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sementara menunggu pemikiran-pemikiran daripada Ahli-Ahli saya tangguhkan selama 15 minit persidangan ini. Persidangan ditangguhkan.

(Berehat minum sebentar)

Yang Dipertua Dewan: Majlis bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah ada apa-apa perkara atau Ahli-Ahli ingin bercakap dalam hal Rang Undang-Undang ini. sila berdiri dan angkat tangan, nampaknya Ahli-Ahli tidak akan mengambil bahagian mengenai dengan perkara ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah yang dihadapi pada menjalankan undian.

Ahli-Ahli Yang Berhormat asas dan kelayakan Rang Undang-Undang ini telah dibahaskan maka sekarang saya bertanya, bolehkan Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Rang Undang-Undang ini dibaca sekarang pada kali yang keduanya mengangkat tangan. Ahli-Ahli yang bersetuju angkat tangan.

(Ahli-Ahli mengangkat tangan)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli yang tidak bersetuju sila angkat tangan. Nampaknya tidak ada. Yang bersetuju menang.

Jurutulis: Rang dari kumpulan yang disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2006/2007 dan untuk

memperuntukan rang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu.

(Majlis Bersidang Selaku Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin. Yang Berhormat Speaker, sorry saya minta maaf, boleh....

Pengerusi: Boleh, duduk sahaja.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Speaker...*it seems your budget paper is not very-very clear may I ask the Minister of Finance number two have request the member to release fund of \$4.5 billion three one zero one four sixty seven three thousand Consolidated Fund. Is this include the nine hundred millions development budget if if this so if so the actual fund require by the whole department is not only \$3.6 billion three point, one zero one four thousand one zero and so and also if possible for example SA01A Prime Minister's Office spend \$34 million can you just simplify breaks some break down bah chinese chambers*

because thick book take three months to read kalau boleh just summarise yang "important" gaji dia orang berapa? So berapa bayar? Semua itu I think few line only bah so this is very difficult of course this very simple bah kalau boleh break down bah for example Prime Minister's Office Adat Istiadat minta \$2.542 million tapi inada ada break downnya tapi perbelanjaannya di sini your only give one week time only macamana boleh baca barang ni. Thank you very much.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Pengerusi Majlis terima kasih jua di atas cadangan Ahli Yang Berhormat di sana, cuma apa yang kitani lihat di sini ani adalah sebagai perbekalan Akta yang mana ani dari segi undang-undang macamani tapi untuk ia punya detail-detailnya ani tah yang tebal, yang saya ingat udah di-*circulate* kira-kira lebih daripada seminggu, ada sudah.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: *Sorry* Pengiran.

Pengerusi: Ahli - Ahli Yang Berhormat sekarang kita di Biro Kawalan Narkotik sekiranya ada pertanyaan atau keraguan sila kemukakan, jika tidak ada maka dipersetujui.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang ada di dalam sini dapat ditanyakan sama ada ia mahal ataupun kurang ditambah ataupun dikurangkan adakah dibenarkan atau dibolehkan Majlis ini sama jawatankuasa boleh memikirkan bahawa perbelanjaan sekian banyak bonus, sekian dikurangkan ataupun ditambah.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat mengikut peraturan permesyuaratan memang ertinya kalau semua bersetuju boleh diikuti yang mana bersetuju itu mengikut ramai bilangan yang bersetuju kalau tidak banyak ertinya yang menang yang banyak.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim:

Itu adalah di dalam majlis tapi kalau dalam jawatankuasa siapa pun boleh bercakap atau bertanya tidak ada yang menyatakan beundi di sini dalam jawatankuasa kecuali jawatankuasa seorang berseorang memberi penerangannya kalau tidak bersetuju misalannya saya betanyakan hal ini, tapi orang ini ada Ahli-Ahli, ini ini itu, tak ada pengundian di sini dalam jawatankuasa, apabila jawatankuasa telah abis bersidang bersetuju segala-gala apa itu ini baru dipinta persetujuan baru diundi dalam majlis ini dalam jawatankuasa minta maaf saya bukan seorang ahli yang mahir dalam perkara tapi ingin bertanya.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat itulah hendaknya susunan-susunan yang dibuat didalam perundingan jawatankuasa membawa kepada mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat jadi ertinya dalam jawatankuasa kita akan berbicara secara tolak ansur sekiranya tidak ada bersetuju maka perkara ini tidak akan dibawa kepada Persidangan Majlis Mesyuarat nanti kita rujuk balik kepada Kerajaan.

Pengerusi: Ahli - Ahli Yang Berhormat yang ada soalan mengenai dengan Biro Kawalan Narkotik sila kemukakan kalau tidak ia akan dijadikan sebahagian undang-undang.

Jurutulis: SA04A – Biro Kawalan Narkotik dijadikan sebahagian daripada jadual.

(Majlis Mesyuarat Bersidang Semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat sekarang majlis bersidang semula kerana memberi peluang kepada Ahli membaca detail- detail kewangan di mana nanti esok hari Jumaat hari enam sahaja buka jadi dalam masa hari Jumaat itu banyak boleh dibaca jadi sekarang kita bersidang pula secara Persidangan Majlis. Ahli - Ahli Yang Berhormat menimbangkan banyak persoalan-persoalan kerana perkara yang dirundingkan dalam jawatankuasa tadi tidak begitu disenangi jadi saya beri peluang terutama besok hari Jumaat bolehlah Ahli-Ahli membaca dan saya tangguhkan meeting ini majlis ini pada hari Sabtu jam 9.00 pagi. Demikian.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**YANG DIPERTUA DEWAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

YANG HADIR : YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj
ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd.
Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK., PKL.,
Yang Dipertua Dewan,
Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.
2. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
3. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah
Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan,
Negara Brunei Darussalam.
4. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul
Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

5. Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz
Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, DK., PSSUB.,
DSLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.
6. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr.
Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ.,
PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.
7. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang
Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS.,
PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.
8. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji
Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia
Awang Haji Mohd. Yusof, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.
9. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji
Suyoi bin Haji Osman, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.
10. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang
Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.
11. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang
Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
SPMB., DSNB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana
Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

- Yang Berhormat,
12. Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, DPMB., SNB., PIKB., PKL., Menteri Kewangan Kedua (II), Negara Brunei Darussalam.

 13. Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng, SPMB., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua (II), Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI YANG DI LANTIK (ORANG-ORANG BERGELAR):

14. Yang Amat Mulia, Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PJK., PKL., Negara Brunei Darussalam.

15. Yang Amat Mulia, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB., DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Negara Brunei Darussalam.

16. Yang Berhormat, Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, DPMB., Negara Brunei Darussalam.

AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN) :

17. Yang Berhormat, Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh, DPMB., PHBS., PKL., Negara Brunei Darussalam.

18. Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin, SMB.,
PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.
19. Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
20. Yang Berhormat,
Awang Haji Idris bin Haji Abas, SNB., SMB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.
21. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.
22. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri
Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
23. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh, DPMB., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK DARI DAERAH-DAERAH:

24. Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Pengkulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .
25. Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, PSB., PKL.,
Pengkulu Mukim Lumapas
Negara Brunei Darussalam.
26. Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin
Abd. Rauf, SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Pengkulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.

27. Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad,
Ketua Kampong Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.
28. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Ketua Kampong Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR
BERSAMA:**

1. Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji
Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.
2. Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

TIDAK HADIR : Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri
Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB.,
DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

(Bertugas di luar negara)

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Sabtu, 18 Safar 1427 / 18 Mac 2006****Majlis mula bersidang jam 9.00 pagi**

Yang Dipertua Dewan:
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, sekarang Majlis
bersidang semula.

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir
Rahim, Majlis Pertama Dari Musim
Permesyuaratan Kedua bagi Majlis
Mesyuarat Negara bersidang semula
di dahului dengan Doa Selamat.

Jurutulis: membaca (Doa Selamat).

Yang Dipertua Dewan: Ahli Ahli Yang
Berhormat, semalam kita belum lagi
menghabiskan acara berjadual khas,
sekarang untuk menyambung
permesyuaratan semalam Majlis
dijadikan Jawatan dan bersidang selaku
Jawatankuasa semula mengikut
peraturan yang ada terdapat pada
persidangan Majlis ini menanggungkan
jawatankuasa.

**(Majlis Bersidang selaku
Jawatankuasa)**

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat
pada persidangan Jawatankuasa
semalam, kita telah berjaya sampai
kepada Tajuk SA04A - Biro Kawalan
Narkotik telah diluluskan. Bagi satu
bahagian Undang Undang. Sekarang
kita sambung semula SA05A Biro
Mencegah Rasuah. Minta pandangan
daripada Ahli-Ahli.

Pengerusi: Ada Ahli-Ahli yang akan
mengemukakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang
Haji Yunos bin Mohd. Noh:**
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, salam sejahtera.
Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang
Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang
Berhormat, setelah meninjau Anggaran
Perbelanjaan 2006 / 2007.

Pada pemikiran saya mendapati satu
elemen yang tiada iaitu elemen
matlamat objektif, kitani akan berbelanja
\$4.5 billion bagi tahun 2006 dan 2007.
Dan bagi pihak kami di sini sayalah inda
tau, "at the end of the day what do we

get". Apa kitani dapati sudah perbelanjaan ani karang dilaksanakan.

Dua, adakah ia selaras dengan prestasi Negara, prestasi Kementerian-Kementerian. Adakah komiti belanjawan ani selaras dengan prestasi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan. Walaupun saya maklum bahawa tidak semualah cadangan-cadangan itu mesti dilayan memandangkan kitani perlu jua berjimat cermat.

Di samping itu jua saya ingin mencadangkan kalau sekiranya matlamat itu ada pada penghujung tahun nanti kitani boleh menyukat-sukat kitani bahawa telah mencapai matlamat kitani itu atau in da. Dan untuk itu barangkali kitani mesti kalau dapat mengadakan satu jawatankuasa untuk memantau pencapaian Kementerian dan Jabatan-Jabatan pada tiap-tiap tahun. Terima kasih Yang Dipertua Dewan.

Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat sebenarnya tadi percakapan Yang Berhormat ani adalah keseluruhan, jadi nanti akan diambil ingatan di sana nanti akan dijawab oleh

orang yang berkenaan tetapi kita sekarang di tajuk SA05A – Biro Mencegah Rasuah. Biro Mencegah Rasuah dengan jumlah \$6,246,171.00. Ani yang akan kitani pohonkan secara jawatankuasa. Jadi ada Ahli-Ahli yang ingin mempersoalkan tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah. Minta pandangan. Kalau sekiranya tidak ada Ahli untuk mempersoalkan tajuk ini, maka kita dapat t ia dipersetujui.

Jurutulis: Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah dijadikan sebahagian daripada Jadual, Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad – Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, saya ingin mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, waktu hari perasmian di mana Baginda mengatakan bahawa keadaan ekonomi pada masa ini tidak menentu, demikian jua di aspek keselamatan.

Saya in da akan berpanjang, saya cuma ringkas pada satu aspek kursus dan latihan di Jabatan Keselamatan Dalam

Negeri. Memandangkan keadaan instuasi global pada masa kini tidak menentu dari aspek keselamatan, jadi pada pandangan dan fikiran saya bahawa kakitangan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri caranya mempunyai melengkapkan diri kewibawaan mereka dalam menangani masalah-masalah yang terkini.

Jadi saya ingin bertanya Anggaran Perbelanjaan yang dipohonkan yang berjumlah \$32,000.00 itu adakah mencukupi untuk melatih mempertingkatkan daya saing Kakitangan Jabatan, Pegawai-Pegawai Kakitangan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri itu yang pertama.

Dan yang kedua sekiranya ada di antara kakitangan daripada Jabatan Keselamatan Dalam Negeri yang dapat mempertingkatkan diri mereka, adakah mereka itu sentiasa berada di Jabatan tersebut atau boleh ditukar ke Jabatan-Jabatan lain untuk mempertingkatkan keadaan diri. Sekian Yang Dipertua Dewan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya bertanya. Sekian.

Pengerusi: Pihak Kerajaan yang akan memberi keterangan ke atas keraguan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengerusi, mengenai dengan perkara pertama kursus \$32,000.00 bagi tahun 2006 / 2007.

Pada peringkat ini barangkali peruntukan yang diluluskan pada tahun lepas adalah \$32,000.00. Jadi kalau mengikut yang telah diluluskan pada tahun lepas, peruntukan tahun ini adalah kira mencukupi. Dari segi keselamatan sektor-sektor lain pun ada disediakan peruntukan yang mencukupi;- Pertahanan, Polis dan lain-lain Enforcement Agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Jadi pihak Kerajaan sentiasa memantau keperluan-keperluan training, kursus dan sebagainya di Agensi-Agensi Kerajaan. Ada komitmen-komitmen daripada Kerajaan supaya Pegawai-Pegawai dan Kakitangan menjalani kursus pada satu tahap. Mengenai

dengan peningkatan kakitangan-kakitangan di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri ada kebolehan, memang dibolehkan meningkatkan ataupun ditingkatkan jawatannya. Dan sebenarnya ada seorang pada masa ini sudah dijadikan Timbalan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, salah seorang daripada Pegawai Keselamatan Dalam Negeri.

Di samping itu kitani inda jua mau "compromise" keupayaan Jabatan takut karang kitani terlampau memindah orang-orang diperlukan di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan itu sendiri akan terjejas dengan pemindahan pegawai-pegawai yang berkebolehan. Jadi pertimbangan perlu dibuat di antara keperluan peningkatan kariernya dan juga keperluan-keperluan Jabatan-Jabatan berkenaan. Itu saja Yang Amat Mulia Pengerusi, mengenai perkara yang ditimbulkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Yang Amat Mulia Pengerusi, terima kasih Yang Amat

Mulia Pengerusi, peramba di sini ingin menambah sedikit, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pehin tadi, yang sebenarnya pegawai-pegawai khususnya seperti yang telah ditanyakan tadi oleh salah seorang daripada Yang Berhormat tadi, berhubungkait dengan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Memang pegawai-pegawai dihantar bukan sahaja dalam negeri malahan juga di negara-negara yang dikenal pasti boleh menambah kemahiran dan '*professional*' mereka dalam beberapa aspek yang sangat-sangat dikenalpasti berguna untuk menjaga dan mengawal keselamatan dalam negeri.

Sama ada di dalam aspek teknologi dan juga pengawalan-pengawalan yang tertentu dari segi perisikan dan seumpamanya ini bukan sahaja di negara-negara Eropah malahan juga di negara-negara Timur Tengah yangmana mereka ini ada keistimewaan-keistimewaan yang mereka mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu. Memanglah dari masa ke semasa dihantar pegawai-pegawai ini untuk meningkatkan tahap

“*professionalisme*” mereka dalam hal ehwal keselamatan dalam negeri.

Di samping itu juga bukan itu sahaja, malahan ada juga pada masa ini pegawai-pegawai yang berkemampuan dan berkebolehan, jika mereka meningkatkan ilmu pengetahuan dari segi ijazah juga dihantar. Ini adalah digalakkan bagi pegawai-pegawai yang mempunyai berkebolehan dan berkelayakan dan mampu untuk meningkatkan tahap ‘*professional*’ mereka dengan melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

Dan dalam pada itu juga memang tidak tertera di sini jumlah peruntukan yang khusus \$32 ribu itu. Kalau \$32 ribu menghantar orang keluar negeri memang inda cukup, memang ada peruntukan-peruntukan bukan sahaja ada yang melebihi kadang-kadang berjuta-juta ringgit kerana tanpa adanya pegawai-pegawai yang mahir dan juga mempunyai “*professionalisme*” adalah sukar untuk kitani menangani hal ehwal keselamatan dan apa tah lagi dalam era pada masa ini.

Seperti yang telah dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat tadi mempunyai

keselamatan, jenis keselamatan yang tidak menentu, jadinya ini keadaan-keadaan sendirinya seperti ini menghendaki pegawai-pegawai yang lebih mahir lagi untuk menangani hal ehwal keselamatan.

Jadinya memang sudah ada “*strategic planning*” di jabatan masing-masing untuk memberikan pegawai-pegawai itu secara proaktif, macam mana lebih meningkatkan lagi *post* perkhidmatan kemahiran masing-masing terutama sekali dalam hal ehwal aspek keselamatan di negara ini. Memanglah pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil perhatian berat dalam hal ehwal keselamatan ini.

Dan ini juga kalau kita perhatikan adalah salah satu peruntukan yang besar yang telah diperuntukan khusus untuk menjaga kestabilan, politik dan keselamatan negara ini tanpa adanya keselamatan negara mungkin akan boleh menjejaskan apa jua kehidupan dan juga “*economic activity*” negara ini. Inilah keselamatan memanglah di given, apati diberikan ‘*priority*’ oleh Kerajaan dan juga bukan sahaja bab

keselamatan seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Pehin tadi dalam pasukan-pasukan dalam agensi-agensi penguat-kuasaan seperti di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, dan Jabatan Biro Narkotik tadi memang ada dihantar kursus dalam negeri dan luar negeri.

Yang ada bersangkutan-paut bukan itu sahaja pegawai-pegawai berkenaan juga menghadiri seminar ataupun mesyuarat-mesyuarat yang khusus yang bersangkutan-paut dengan hal ehwal keselamatan. Memang dari semasa ke semasa diadakan mesyuarat, bukan sahaja dari peringkat '*regional*' malahan juga di peringkat antarabangsa kerana kerjasama yang kukuh dan erat adalah sangat-sangat diperlukan dalam menanai hal ehwal keselamatan bukan sahaja di negara ini tetapi juga kitani berkongsi maklumat dengan Negara-negara luar terutama sekali '*counterpart-counterpart*' masing-masing untuk bertukar-tukar maklumat dalam bersama-sama menangani apa jua ancaman-ancaman yang mungkin akan menjejaskan keselamatan bukan sahaja diperingkat nasional yang saya katakan

tadi malahan peringkat '*regional*' dan peringkat antarabangsa.

Dan juga sebagai contoh pegawai-pegawai di Jabatan Keselamatan yang ada pada masa ini bekas pegawai keselamatan ada juga yang ada pada masa ini telah memegang jawatan Pengarah Biro Kawalan Narkotik, ini adalah salah satu daripada kerana pengalaman-pengalaman pegawai-pegawai memanglah akan ditempatkan di tempat-tempat yang tertentu. Sekian, yang dapat saya sampaikan, Terima Kasih.

Pengerusi: Tidak ada lagi yang dibincangkan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Dipertua Dewan, saya tertarik apa yang telah yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi dan juga jawapan yang telah diberikan mengenai dengan kecukupan budget bagi Keselamatan Dalam Negeri.

Alhamdulillah, apa yang saya ingin mengetahui dan membuat satu perbandingan sebagaimana yang telah diketahui di luar negara apabila terjadi sesuatu perkara berhubungkait dengan keselamatan, dilihat mengenai dengan kecekapan, kebolehan dan kepantasan bagi pegawai-pegawai keselamatan bagi mendapatkan siapa-siapa juga penjenayah yang melakukan di negara tersebut. Tetapi kalau dibandingkan di negara kitani Brunei Darussalam, negara yang dianggap kecil kalau dibandingkan barangkali agak lambat sedikit untuk mendapatkan penjenayah-penjenayah yang berlaku di negara ini.

Adakah ini barangkali berhubung-kait dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pehin tadi dan juga berhubung-kait dengan Belanjawan yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih, Yang Dipertua Dewan.

Pengerusi: Ahli-Ahli yang lain sekiranya tidak ada maka Jabatan Keselamatan Dalam Negeri telah diambil satu bahagian undang-undang perkenankan.

Jurutulis: Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat jika ada pertanyaan sila kemukakan. Sekiranya tidak ada maka Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara diperkenankan untuk menjadi sebahagian undang-undang.

Jurutulis: Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sila minta sebarang pertanyaan mengenai dengan tajuk ini.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf: Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Pengerusi, saya sesungguhnya tertarik mengenai dengan hal Radio Televisyen Brunei ini. Rancangan-rancangannya boleh dikatakan cukup baik namun yang demikian kalau kitani melihat Rampai Pagi kebanyakannya hal masak-memasak saja, pertama. Yang kedua, adakah pihak Radio Televisyen ini mengampit-ngampiti sepertimana di Temburong dan di Daerah Belait, kalau kiranya ada di Daerah Tutong

tentulah ada persaingan, jadi adalah diharapkan kepada pihak yang berkenaan supaya melaratkan di Daerah Tutong. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengerusi, mengenai dengan teguran-teguran program itu dapat diambil kira apabila membuat rancangan-rancangan program, di kurangkan rancangan masak-memasak, lebihkan program-program yang semasa dan sebagainya. Barangkali itu boleh disesuaikan dengan program-program di RTB.

Pembahagian tugas atau pembahagian stesyen-stesyen di Tutong, Temburong, Kuala Belait masa ini menggunakan studio sementara bukan *'permanent'*. Kalau sekiranya ada keperluan karang dan jika sekiranya kos menjalankan stesyen itu dibenarkan boleh di timbangkan. Pada masa ini belum atau keperluan mengadakan stesyen demi untuk persaingan, bukan untuk service. Kalau untuk persaingan, anda dapat dipersaingan di antara stesyen dan sama-sama stesyen. Untuk memberi "coverage" barangkali boleh

diambil kira apabila membuat perancangan yang akan datang. Yang Amat Mulia Pengerusi, itu saja.

Pengerusi: Jabatan Radio Televisyen Brunei nampaknya tidak ada lagi orang mau bicara dijadikan sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat sila minta sebarang pertanyaan mengenai dengan tajuk ini.

Jurutulis: Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Jabatan Penerangan ini, ia adalah mengeluarkan Pelita Brunei. Jadi biasanya Pelita Brunei ini datang lambat, biasanya hari Rabu, kadang-kadang hari enam baru datang di tempat-tempat. Jadi orang membaca menjadi tawar apabila menerimanya. Kadang-kadang kelambatan Pelita Brunei ini, anda jadi, jadi kenapa anda dapat menetapkan waktunya tiap-tiap Hari Rabu datang di tempat-tempat yang ditujunya itu matlamatnya sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Sekali lagi Yang Amat Mulia Pengerusi, terima kasih. Kadang-kadang berita-berita itu diterima pada hari Selasa ataupun hari Isnin untuk dimasukkan dalam berita hari Rabu. Jadi hari Selasa itu sudah durang memulakan untuk memrint. Satu sebab jua ialah masalah pengagihan di daerah-daerah dan kampung-kampung itu barangkali belum lagi lebih teratur lagi dan mencapai hasrat Pelita itu sebagai suara Kerajaan itu.

Insya-Allah, nanti akan menjadi tekad Jabatan untuk membetulkan cara menyampaikan berita itu, lebih '*current*' atau lebih awal daripada apa yang berlaku pada masa ini.

Pengerusi: Ada lagi yang lain-lain.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih sekali lagi Yang Dipertua Dewan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Jabatan Penerangan mempunyai satu program yang dipanggilnya menyusur "Mukim dan

Kampong". Pada pandangan saya program ini adalah bagus membantu penduduk-penduduk kampung untuk menyuarakan masalah isu-isu di kampung untuk dihadapkan untuk diketahui oleh pihak-pihak yang berkenaan cuma saya ingin tahu menyoal setakat ini sejauh ini apakah keberkesanannya program tersebut sejauh ini, terima kasih Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Awang Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengerusi, barangkali buat masa ini belum dapat saya menjawab. Nanti akan diterangkan secara bertulis ataupun lisan mengenai keberkesanan program yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Yang perlunya disediakan peruntukan untuk mengadakan program itu. Kalau ada peruntukan barangkali boleh di teruskan program-program itu.

Pengerusi: Tidak ada lagi yang ingin mengemukakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd. Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Pengerusi.

Sungguh menarik perkara ini, mengenai dengan Pelita Brunei, kalau kita melihat di Pelita Brunei kebanyakannya gambar-gambar kitani boleh dikatakan tertera di sana. Jadi kalau kita lihat bahawa perkara ini agak tercemar sedikit kerana apa, berampaian, perkara ini patut jua ditangani. Macamana cara kitani untuk mengatasi dan yang kedua berampaian yang saya katakan ini kiranya membazir jua. Jadi ada sangkut paut dengan titah Kebawah Duli, terima kasih Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada lagi yang dikemukakan lagi. Oleh yang demikian, SA09A, dijadikan satu bahagian yang telah diluluskan.

Jurutulis: SA09A – Jabatan Penerangan dijadikan sebahagian daripada jadual. SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah Ahli-Ahli ingin bertanya atau lebih dan memerhatikan perkembangan Jabatan Perkhidmatan Awam. Adakah pertanyaan sekiranya tidak nanti luluslah undang-undang ini.....Nampaknya tidak ada, jadi sekarang tajuk SA10A telah diperkenankan.

Jurutulis: SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada jadual. SA11A – Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, tajuk SA11A nampaknya tidak ada yang dikemukakan, persoalankan. Maka tajuk ini menjadi satu tajuk yang diperkenankan.

Jurutulis: SA11A – Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dijadikan sebahagian daripada jadual. SA12A – Polis Diraja Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillah Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Dipertua Dewan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan kesempatan dalam Polis Diraja Brunei.

Maaf dalam perkhidmatan pengurusan di sini ada termasuk Polis Diraja Brunei, jadi di sini saya ingin membangkitkan mengenai dengan Pos-Pos Polis. Sekarang di daerah-daerah dan juga di mukim-mukim ada terdapat Pos-Pos Polis sekarang, jadi perlu diperbaiki dan diperbesarkan sebagai contoh salah satu daripadanya ialah Pos Polis pintu

satu di Lumapas, nampaknya kalau dilihat keadaan bangunan yang ada sekarang perlu diperbaiki dan pantau oleh pihak-pihak yang berkenaan, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Awang Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, mengenai dengan Pos-Pos Kawalan di daerah-daerah itu, kalau tidak termasuk dalam perancangan tahunan mungkin dimasukkan ke dalam perbelanjaan kemajuan negara. Jadi dalam perbelanjaan kemajuan negara polis disediakan dalam tahun ini \$25 juta, jadi kalau kitani dapat meneliti nanti sama ada masuk pos-pos daerah yang disebutkan. Walau macamana pun kalau belum masuk mungkin kitani akan menimbang sama ada dimasukkan dalam rancangan yang akan datang atau dalam perbelanjaan tahunan tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebenarnya Pos-pos kawalan Polis "*special expenditure*"nya. Sekarang ini ditaruh di Jabatan Perdana Menteri.

Kalau kitani melihat di muka surat 9, SA01A itu banyak pembinaan bangunan baru pos seperti Pos Polis Lumapas, Lambak Kanan, Teraja Belait, Jalan Muara dan sebagainya. Peruntukan Polis Diraja Brunei dalam SA12A hanyalah bagi gaji kakitangan dan jua OCAR manakala yang "*special expenditure*"nya sudah dimasukkan ke dalam Jabatan Perdana Menteri, terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Supaya Pos Polis ini ditambah umpamanya di sebelah Ulu Malabau, inda ada Pos Polis hanya di APO. APO apa jua adanya, kalau berlaku sesuatu atau yang kurang menyenangkan lambat bertindak, sama halnya jua dengan di Bukit Teraja sebelah Belait. Dengan adanya pertambahan Pos Polis ini keselamatan dalam negara akan

terjamin kerana pihak-pihak tertentu akan bertindak cepat, sekian.

Pengerusi: Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, silakan.....Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada apa-apa dan tajuk ini hanyalah perbelanjaan kakitangan jadi sekiranya ada Ahli-Ahli menyoal lagi sila kemukakan..... Nampaknya tidak ada.....Tajuk SA12A: Polis Diraja Brunei dimasukkan dalam jadual yang diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SA12A: Polis Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SA14A: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Awang Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengerusi, kalau dapat peramba menerangkan sedikit keperluan Polis di luar-luar Bandar itu, bukan untuk membuka mungkin ampun, untuk menerangkan saja. Diluluskan sudah peruntukan bagi Polisi, cuma memberi penjelasan mengenai dengan kakitangan di Pos-Pos Kawalan itu. Peruntukan kakitangan sudah ada cuma untuk mendapatkan orang-orang itu

payah untuk mengisi. Pada masa ini jadi peruntukan itu sudah ada disediakan untuk men-*deploy* pos Polis dengan digaji sebagai Polis. Cuma untuk mendapatkan orang-orang mengisi jawatan itu payah sedikit. Jadi kekurangan itu bukan disebabkan kekurangan peruntukan. Peruntukan memang sudah disediakan, untuk mengisi payah mendapatkan orang-orang kitani untuk mengisi jawatan-jawatan yang di iklankan. Itu sebagai penerangan saja Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Sekarang kita masih lagi melihat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak ada sebarang soalan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Yang Dipertua Dewan, mengenai dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, biasanya apabila seorang memohon pekerjaan kemudian ditemuduga dipanggil ke Bandar Seri Begawan, ada kalanya mengikut jadual program, Alhamdulillah, tapi ada setengah-setengahnya waktunya calon diumumkan diberitahu secara singkat mendadak sampainya orang terajun in da bertanggung, masalahnya kalau di Daerah Belait atau mungkin

Temburong jauh, kalau dapat saya cuma bertanya tertakluk kepada bilangan calon untuk ditemuduga, apa kiranya pihak SPA ini turun ke padang, ertinya turun ke Daerah Temburong dan Belait untuk menemuduga calon-calon tersebut, sekian Yang Dipertua, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Boleh diambil maklum mengenai dengan teguran itu. Keperluan untuk turun ke padang, itu tertakluk kepada keperluan dan peruntukan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Dipertua Dewan, saya tertarik hati mengenai dengan bab ini, jadi kebanyakan bila Suruhanjaya Perkhidmtan Awam mengambil orang-orang kebanyakannya adalah daripada bergaji hari, apalah kiranya orang bergaji hari ini diberi bergaji bulan bah seterusnya, jangan tah diberi gaji hari sebabnya orang gaji hari ini memberi kesian jua bah, sudah tah diorang gaji hari, kemudian tambang inda dapat, kalau diorang ini diberi gaji bulan jadi ia

ada hak dalam negeri ini bah, ia rakyat negara ini jua bah tu, jadi beri tah ia kesempatan, tapi kenaikan gajinya kali, taraf gajinya seimbang dengan gaji harinya itu, jadi beri tah ia gaji bulan bah supaya dapat ia menikmati seperti apa yang dinikmati oleh orang yang gaji bulan. Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebenarnya dalam perkhidmatan Kerajaan ada peraturan-peraturan yang tertentu. Jadi orang yang dilantik gaji hari terpaksa ia bergaji hari, ini menurut skimnya. Kalau orang yang gaji hari dilantik gaji bulan ianya tidak selaras dengan skimnya. Skim perkhidmatan seseorang itu ada skim-skimnya yang tertentu, jadi kalau sekiranya kita kan melantik orang gaji hari, mana jua dapat untuk gaji bulan. Sebabnya terdapat "*timeframe*" atau masanya yang membolehkan ianya akan di lantik gaji bulan, ada "*certain period*"nya. Lantikan gaji bulan ini "*obviously*" banyak peruntutannya dari segi misalnya pencennya. Jadi itu saja barangkali ada peraturan-peraturan tertentu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, walaupun seringkali kitani mendengar bahawa pihak swasta digalakkan untuk mengambil anak-anak tempatan bekerja di dalam swasta tapi seringkali jua kitani dapati bahawa apabila sudah diambil bekerja di pihak-pihak swasta, pekerja-pekerja tempatan ani walaupun kitani inda berhak untuk menghalang diorang ia akan cabut lari, ke bahagian bekerja dengan Kerajaan jadinya timbul tidak seimbangan, kadang-kadang kitani disuruh mengambil swasta disuruh mengambil untuk bekerja anak-anak tempatan tapi di samping itu jua sudah dilatih di apa, sudahnya pandai bekerja, Kerajaan mengambil.

Kadang kala terdapat alasan-alasan bahawa perkara ini inda diketahui barangkali dengan hanya menyelidiki, fasalnya semua pekerja itu ada TAPnya jadinya dengan menyelidiki bahawa mengetahui number IC nya bahawa orang ani adakah inda sudah ia TAPnya atau tidak boleh kitani mengetahui ianya bekerja di mana.

Jadinya kalau boleh pihak swasta kalau sudah melatih seseorang itu bertahun-tahun bekerja sudah mahir perbelanjaan untuk melatih itu adalah sangat tinggi dan di samping itu juga pihak swasta inda ada mempunyai kakitangan yang lebih bah, apa yang ada itu ialah secukup-cukupnyanya, jadi kalau ia sudah diambil bekerja kadang-kadang, kadang kala bukannya sebab gaji tinggi, inda kadang-kadang pihak swasta lebih tinggi lagi daripada pihak Kerajaan atupun kanak-kanak kitani lari bekerja sama Kerajaan. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat: apa sebenarnya maksud Ahli Yang Berhormat tadi. Ringkaskan saja, tapi apa yang patut di ambil perhatian oleh Kerajaan. Untuk menerangkan saja keadaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Maksud peramba itu kalau boleh kanak-kanak kitani yang sudah bekerja dengan swasta yang sekian-sekian lama kalau boleh janganlah diambil bekerja, walaupun bukan hak kitani untuk melarangnya. Tapi kalaulah seboleh-bolehnya adalah pertimbangan dari pihak Kerajaan sebelum mengambil

diorang itu bekerja pasalnya kalau ia diambil jua akan memincangkan swasta yang berkenaan. Terima kasih

Pengerusi: Diminta Ahli-Ahli sebelah Kerajaan mengambil maklum, penerangan daripada Ahli Yang Berhormat tadi. Diambil maklum saja.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, perkara yang ditimbulkan memerlukan "*approach*" dasar secara menyeluruh dan melibatkan pihak swasta dan pihak Kerajaan. Ada beberapa perkara yang perlu diteliti, diambil maklum seperti yang disabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengerusi itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:

Peramba sangat-sangat tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua (II) terhadap soalan kepada Yang Berhormat Ahli sebelah sini tadi mengenai pengambil kerja melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Kerajaan.

Memang benar ada peraturan jadinya bukan salah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, akan halnya Pengiran Pengerusi, pemohon-pemohon yang layak, orang bergaji bulan sudah 2 tahun lebih, boleh kata orang ber-*degree* di Pejabat Perundangan Kehakiman, kalau peramba tidak salah, sampai masa ini belum menerima gaji bulannya bukan tidak ada peruntukan atau tidak ada wangnya seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tetapi harus atau boleh jadi ada kebelingkokan dipihak pentadbiran sama ada Jabatan Undang-Undang mahupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Sekian.

Pengerusi: Apa maksud Tuan Peramba.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail:

Peramba tadi memberi sedikit ulasan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua (II) berkenaan jawapannya terhadap soalan yang dikemukakan sahabat saya sebelah sini berkenaan dengan orang yang memohon kepada pekerjaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan

Awam dibayar gaji hari dulunya, menunggu keputusan dilantik, jika pekerjaan ada peraturan, terhadap jawatan yang layak bergaji bulan atau gaji hari tapi kan halnya yang bergaji bulan yang patut bergaji bulan, pun bergaji hari sampai dua tahun sampai hari ini.

Ini lah barangkali tapi boleh jadi seperti yang diterangkan oleh Menteri Kewangan Kedua (II) bukan fasal ini ada peruntukan, bukan fasal ini ada duitnya, sudah ada boleh jadi ini disebabkan masalah kurang kecekapan, pentadbiran sama ada di Pejabat Undang-Undang ataupun di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, itulah maksudnya.

Pengerusi: Tuan Peramba itu hanya memperbandingkan di antara bercakap dua Ahli tadi. Tapi apakah hasrat Tuan Peramba kiranya digubal....diminta Kerajaan membuat apakah.....untuk mengatasi hal ini.....

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Peramba tidak dapat mengatur apa Kerajaan mesti buat terpujilah

kepada mereka yang bertanggungjawab mengertikan apa yang patut mereka buat.

Pengerusi: Sebagaimana yang dijadikan tiap-tiap seorang hamba Allah, memang ada kelemahan, tapi kalau ada seorang itu mempunyai kelebihan bolehlah mencadangkan sesuatu dan menambah atau di bahagian Kerajaan jangan sekadar bercakap membalik-balik, jadi sayang masa kitani untuk membaiki dalam negeri menerusi sidang ini. Jadi peramba cadangkan bukanlah satu apa jalannya yang boleh membawa kebaikan lebih kepada Ahli-Ahli. Itulah pada pandangan peramba. Sekiranya tidak ada.....

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Yang Dipertua Dewan, Terima kasih saya ucapkan. Saya ingin membangkitkan semula mengenai dengan keistimewaan pekerja-pekerja Division V kebawah dan pekerja-pekerja Division V ke atas, misal kata Division V kebawah sebagaimana yang telah dimaklumi pekerja ini ia mempunyai keistimewaannya sendiri mengikut kelulusan dan kebolehan masing-masing.

Gajinya cukup tinggi setelah ia berpencen ia mendapat baksis yang banyak dan juga pencen yang tinggi, kalau dibandingkan dengan pekerja-pekerja yang Division V ke atas yang mempunyai gaji \$400, \$500 membawa ke \$700.

Tapi apabila pekerja ini berpencen melihat keadaan yang sudah lalu pekerja ini apa ia berpencen ia tidak mempunyai keistimewaan yang banyak, pencennya sedikit, dan kedua ia inda mempunyai pencen bulanan. Sudah setentunya pekerja ini akan menanggung kesengsaraan untuk menampung kehidupannya dengan keluarganya banyak didapati pekerja-pekerja yang saya maksudkan ini apabila ia sudah bersara setahun, dua tahun nampak dilihat mereka ini menempoh kesengsaraan banyak yang memohon bantuan kebajikan dan juga bantuan fakir miskin dan sebagainya.

Jadi maksud saya pihak yang berkenaan akan dapat memikirkan pekerja-pekerja yang gajinya rendah sedemikian untuk menampung dan menjamin hidupnya setelah ia bersara. Terima kasih Yang Dipertua Dewan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah pihak Kerajaan, ada yang ingin mengulas mengenai dengan percakapan di sebelah kiri?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh seorang Ahli, tadi mengenai dengan ada orang gaji bulan terpaksa bergaji hari dulu. Ini adalah barangkali soal proses dan soal proses ini memang disedari oleh Kerajaan dan dari masa ke semasa proses ini memang akan diperbaiki, insya-Allah.

Mengenai dengan orang-orang yang bergaji Division V ke bawah, ia mempunyai "*Scheme of Service*"nya. Ada yang tidak berpencen sebab itulah ia tidak menerima pencen-pencen di hari tuanya. Ada jua Division V, ada Division IV dan sebagainya ada jua berpencen, itu tergantung kepada peraturan-peraturan yang ada pada waktu ini. Jadinya kalau peraturannya ia tidak berpencen terpaksalah macam itu.

Tapi sekarang ini kita ada sudah sistem TAP. Sistem TAP ini, ia menyeluruh kepada semua orang untuk menabung, sekurang-kurangnya gaji 5% dan Kerajaan bahagian majikan 5%.

Sama ada ia cukup atau tidak pada waktu ini mestilah kitani lihat dari beberapa segi perspektif-perspektif yang tertentu. Bukannya satu perspektif saja, soalnya pekerja itu sendiri dan “*at the same time*” perspektif kemampuan majikan dan sebagainya, majikan dari segi Kerajaan dan majikan daripada “*private sector*” jua. Itu soal-soal dasar yang perlu kitani fikirkan secara mendalam dulu sebelum kita membuat sebarang komitmen di sini. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada sebarang pandangan maka Peruntukan SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menjadi satu Jadual diluluskan.

Jurutulis: SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima

kasih Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Pada masa ini ada terdapat sebuah stesyen minyak di Daerah Temburong dan Insya-Allah sedikit masa lagi.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, belum lagi tajuk itu, nanti boleh bersuara nanti. Oleh kerana jam sekarang sudah 10.10 minit, jadi Majlis ini dipindah balik menjadi Sidang Penuh.

(Majlis Mesyuarat Bersidang Semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, permesyaratan di dalam Jawatankuasa tadi nampaknya licin tetapi sekarang sudah jam 10.10 minit maka saya cadangkan supaya Majlis ini ditangguhkan selama 20 minit. Majlis ditangguhkan.

(Berehat minum sebentar)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi

menyambung perbincangan kita di dalam Ahli Jawatankuasa maka sekarang Majlis dijadikan Persidangan Jawatankuasa dan ditangguhkan untuk itu.

**(Majlis Bersidang Selaku
Jawatankuasa)**

Pengerusi: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sudah berunding dalam Jawatankuasa sekarang. Dalam persidangan tadi kita telah membenarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Sekarang disambung SA15A - Unit Petroleum.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Bismillahir Rahmannir Rahim, pada masa ini ada terdapat sebuah stesyen minyak di Daerah Temburong dan insya-Allah sedikit masa lagi akan ada satu lagi stesyen minyak yang telah dan sedang dibuat. Jadi masalah-masalah yang dihadapi mengenai dengan penghantaran minyak yang sudah lama wujud dengan menggunakan kapal iaitu dihantar dua kali seminggu.

Apa yang masalah-masalah dihadapi dan kelambatan satu perjalanan yang memakan masa dan kedua mengikut keadaan air pasang surut. Dan telah beberapa kali menjadi satu fenomena yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Daerah Temburong, kelambatan-kelambatan ada sampai sehari menunggu untuk menerima bekalan minyak ini.

Jadi dalam perkara yang diusulkan ini adakah pihak yang berkenaan akan dapat menghantar minyak itu melalui jalan darat iaitu melintasi negara jiran.

Oleh sebab keadaan masa ini sudah jauh berkembang maju jadi minyak yang selalu habis iaitu minyak "*diesel*" bagi swasta-swasta, misalnya kontrek-kontrek, kuari-kuari yang menggunakan ani, inda sampai sehari habis. Jadi dengan ada kelambatan penghantaran kapal ani supaya dapat dibuat melalui jalan darat melintasi negara jiran. Sekian, terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sebelah Kerajaan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato

Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan masalah pembekalan bahan-bahan minyak, ke Daerah Temburong, memang diakui ada masalah. Pada masa ini pakai kapal, jadi ada jua masa ini untuk menimbangkan melalui "*Road Tanker Corporation*" melalui jalan darat tetapi itu tertakluk kepada syarikat minyak yang berkenaan, BSM untuk menilai macamana cadangan itu boleh dilaksanakan, mengambil kira keperluan-keperluan pengguna di sana.

Sekiranya ada benar-benar memerlukan "*Road Tanker*" ataupun kapal itu seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tertakluk kepada keadaan pasang surut air mungkin menjejaskan pembekalan. Jadi itu akan disampaikan kepada syarikat minyak yang berkenaan untuk menimbangkan, untuk memberi bekalan minyak di Daerah Temburong.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmannir Rahim. Pengiran Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang tenaga

pekerja di Syarikat Minyak Shell. Untuk makluman Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa dalam lawatan saya ke syarikat tersebut baru-baru ini, saya difahamkan bahawa kakitangan pengurusan di peringkat atas.

Alhamdulillah dalam lingkungan 50-50 orang kitani Brunei tetapi di peringkat bawahnya di pertengahannya berlaku barangkali "a waste", kekurangan, ada setengahnya berhenti walaupun perkhidmatannya cuma dalam 5 - 4 tahun, orang yang kanan banyak berhenti.

Sebab-sebab mereka meninggalkan syarikat tidaklah dipastikan sama ada mempunyai tujuan atau perancangan sendiri ataupun kerana "frustration" ataupun kerana saingan, kurang daya saing. Oleh sebab sistem yang ada pada Syarikat Minyak Shell pada masa ini yang peramba ketahui Pengiran Pengerusi bahawa diperkenalkan apa katanya dalam bahasa orang putihnya "open resourcing" yang membawa kepada globalisasi di mana orang dari luar pun boleh memohon kerja ke Syarikat Shell yang berpengalaman, yang di peringkat kanan.

Jadi saya minta dalam hal ini, saya mohonlah kepada Unit Petroleum supaya mengawasi keadaan situasi ini ataupun membuat pemantauan, memata-matai supaya jangan rakyat kitani, kakitangan yang berpengalaman, yang sudah lama bekerja, berhenti, ertinya satu kerugian kepada negara kerana orang ini mempunyai pengalaman yang baik. Kalau kan bekerja dengan Kerajaan pun umur sudah 50 lebih, anda jua diterima barangkali. Itulah saya pohonkan supaya Unit Petroleum memata-matailah keadaan situasi sedemikian. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ada Ahli yang mencadangkan tadi supaya yang orang bekerja lama itu jangan berhenti tapi susah untuk difikirkan kerana kalau umurnya itu tua bolehkah ia bekerja lagi? Jadi saya minta pandangan daripada Ahli Kerajaan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam Syarikat BSP ini dan juga sebagai “*regulator*” di Petroleum Unit telah

menetapkan dasar pembruneian “*Bruneisation*”, pekerja - pekerja di syarikat itu. Jadi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kalau sudah ada yang meninggalkan pekerjaan di syarikat itu, ertinya tujuan untuk membanyakkan orang-orang Brunei di syarikat itu bekerja sudah anda dapat dicapai. Kalau sudah ia keluar secara sendiri ataupun kalau syarikat itu membuang sendiri mungkin itu barangkali dikira “*administrative*”.

Tetapi dasar itu memang untuk melaratkan orang-orang Brunei itu bekerja di sana, memang dari awal sudah tu dan pencapaian sejauh ini Alhamdulillah, seperti yang disebutkan di peringkat atasan banyak sudah orang-orang Brunei kitani memegang jawatan dan peringkat bawah ini pun ada jua.

Tetapi masalah yang ditimbulkan mengenai ia meninggalkan kerja itu kadang-kadang disebabkan oleh tawaran-tawaran yang diberi oleh syarikat-syarikat yang bersaing. Masa ini barangkali belum melibatkan peringkat-peringkat bawah tetapi peringkat atas sudah ditawarkan oleh Petronas dan syarikat-syarikat daripada

Timur Tengah menawarkan gaji yang tinggi. Memanglah itu inda dapat ditahan orang-orang atu meninggalkan daripada syarikat. Apa yang dapat pihak Kerajaan, pihak Petroleum Unit dapat memastikan kalau sekiranya orang-orang atu dibuang secara ani, memang diberi teguran bukannya dibiarkan supaya durang atu diberhentikan tanpa ada alasan, ataupun tanpa ada pembayaran yang tertentu.

Jadi walau macamanapun seperti yang disebutkan atu kalau tujuan untuk membruneikan atu dipersoalkan bukan jua tu ah..sebab ani mempersoalkan tentang mengapa orang-orang atu meninggalkan kerja di BSP atu, atu barangkali bolehlah dibuat penilaian macamana durang atu lari samada lari disebabkan oleh ada lagi orang-orang yang lebih memerlukan bisdurang dengan gaji yang tinggi, kalau sekiranya durang atu dibuang sebab atu mangkali bolehlah dipegang tu, tapi selalunya kalau macamatu sukat-sukatnya ada sebagai tugas sebagai regulatorlah memang dipantau, itu saja Yang Amat Mulia.

Pengerusi: Terima kasih, tidak ada lagi apa-apa pertanyaan? Sekiranya

tidak ada Unit Petroleum telah.... Ada lagi?

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Pengerusi dalam Unit Petroleum ini saya ingin mendapat pengetahuan kalau misalnya dapat Menteri yang berkenaan memberi penerangan, adakah syarikat minyak yang lain selain daripada BSP dibenarkan menjual minyaknya di Brunei misalannya syarikat minyak yang lain itu yang saya maksudkan negeri yang boleh mengeluarkan, misalannya kalau di tempat yang lainlah ada Shellnya, ada Mobilnya, ada Essonya, ada Petronasnya.

Jadi kalau di Brunei sini cuma Shell saja, BSP saja, yang lain atu nampaknya, mudah-mudahan barangkali kalau atu ada, ada peluang swasta boleh membawa balik ke mari, mendatangkan menjadi satu cara juga secara ekonomi di Brunei barangkali boleh, itu saja pertanyaan saya mudah-mudahan, ini bukan besar, banyak, adakah kemungkinannya selain daripada BSP saja yang mengontrol di Brunei ani syarikat-syarikat minyak

yang lain dibenarkan membuka cawangannya, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat di pihak Kerajaan yang berkenaan sila beri pandangan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengenai dengan peluang-peluang untuk memberi "*supplies*" kepada "*refined products*" yang telah diproses ani kalau macam syarikat-syarikat itu ada bertapak di Brunei memang anda pulang menjadi masalah. Kalau sekiranya Syarikat "total" itu tahu sekiranya ada "*refinery*" di Brunei yang mau menjual "*refinery*" product itu memang anda pulang menjadi tegahan cuma kalau sekiranya syarikat itu anda ada "*refinery*" di Brunei.

Misalnya Petronas kan mengadakan petrol station di sini, yang ditakutkan tu dari segi sekuriti, keselamatan bekalan minyak-minyak yang diproses, kitani mastikan jangan karang kitani "*at their mercy*" ataupun di bawah pengaruh pembekal-pembekal itu. Shell kitani

pastikan durang memastikan "*Country Wide Stock*" itu memenuhi dalam satu waktu ertinya durang menjanjikan "*supplier*" yang gasoline ada di Negara Brunei ani walaupun terjejas di mana-mana, durang berjanji melalui "*Country Wide Stock*", ertinya kalau apa-apa berlaku di luar negara, di Brunei ani akan ada "*supply*" tu tapi macam orang lain barangkali susah tani kan mengenangkannya.

Petronas ataupun syarikat-syarikat yang anda ada bertapak di Brunei mungkin susah bagi memastikan mereka memenuhi kehendak keselamatan bekalan minyak-minyak yang telah diproses. Kalau sekiranya ia ada bertapak di sini dengan ia punya "*refinery*"nya, tertakluk kepada mereka untuk mengadakannya ertinya iapun menimbangkan dari segi ekonomiknya kalau sekiranya anda menguntungkan. Kitani tidak dapat menyuruh ia mengadakan petrol station itu kalau anda menguntungkan.

Jadi itu tertakluk kepada mereka dan kedua mengenai dengan bekalan yang "*secure*" yang masa ini dikomit oleh syarikat BSP melalui "*Country Wide Stock*" ditepati oleh syarikat-syarikat

yang membekal minyak-minyak yang diproses , atu saja, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Terima kasih Pehin penerangan itu, maksud kaola tadi atu adakah kemungkinan pasal apa yang sudah-sudah ani tidak ada orang berani masuk ke mari, pasal apa sama ada tegahan hanya BSP sajakah atau pun kaola percaya barangkali selain syarikat-syarikat macam di Malaysia ani di manapun tidak ada kompeninya, yang mobil atu tidak ada di Malaysia ataupun di Indonesia dan begitu juga Esso tapi mereka sanggup. Kalau misalannya adalah, misalannya kalau itu ada, insya-Allah kaola percaya petrol –petrol orang-orang ini pun mahu menjaga keselamatan segala-segalanya, kalau inda ia berani, terima kasih banyak Yang Dipertua, itu makluman sahaja daripada sini.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat ada pertanyaan lagi, sekiranya tidak ada pertanyaan mengenai perkara ini maka tajuk SA15A Petroleum Unit telah diluluskan satu part, menjadi satu part undang-undang.

Jurutulis: SA15A, Unit Petroleum diluluskan sebagai sebahagian daripada jadual, SA16A Jabatan Mufti Kerajaan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sila berikan pandangan sekiranya ada ahli-ahli ingin..

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Tuan Pengerusi sekali lagi saya minta maaf, oleh kerana, hanya sedikit sajalah Jabatan Mufti Kerajaan ini saya difahamkan ada mempunyai, mengeluarkan buku Fatwa Mufti, sepanjang pengetahuan saya sebelum ini, Fatwa Mufti ini ertinya bukan hanya Fatwa Mufti itu untuk kepada pegawai-pegawainya tetapi untuk keseluruhan orang, rakyat mesti mengetahui apa fatwanya, tapi ada telah pun keluar Mufti yang sudah-sudah ada diberi kepada orang dan sekarang ini.

Minta maaf mudah-mudahan Menteri Ugama dapat barangkali memberi penjelasan kalau pun tidak Menteri yang berkenaan kalau bolehlah saya pohonkan Fatwa Mufti ini sekurang-kurangnya janganlah kepada orang lain kalau kepada members ini saja pun

dapat diberi Alhamdulillah, mengetahuilah kita, jadi boleh dapat Fatwa Mufti itu. Sekian saja terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan sila.....

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Jabatan Mufti di bawah Jabatan Perdana Menteri, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, barangkali kalau dapat selepas peramba menerangkan ani barangkali Yang Berhormat Menteri Ugama boleh menambah jua. Fatwa-fatwa mufti itu walaupun itu ada jua yang diedarkan melalui Pelita Brunei dan jua dalam satu berita yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti diberi secara percuma. Mengenai yang dijual itu dibukukan tu, boleh menambah lagi Yang Amat Mulia Pengerusi.

Pengerusi: Bah.... Sila.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Fatwa-fatwa yang dikeluarkan

oleh Mufti sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi disebarluaskan melalui berbagai-bagai cara sebahagiannya ada disiarkan dalam Pelita Brunei dan sebahagiannya ada disiarkan dalam Al-Hadaf iaitu satu keluaran daripada Pejabat Mufti sendiri dan juga dikeluarkan di dalam buku-buku yang diterbitkan oleh Pejabat Mufti yang boleh dibeli di beberapa tempat tertentu khasnya di Pejabat Mufti dengan harga yang tidaklah begitu membebankan. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat tadi mengenai dengan kalau dapat diberikan kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ini, perkara ini akan diberitahulah kepada pihak pejabat yang berkenaan untuk dipertimbangkan, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Terima kasih Pehin, penerangan Pehin dalam perkara itu, kaola memang fahamlah ada terbit di dalam Pelita tetapi bahagiannya sahaja, yang kaola maksudkan tadi itu Fatwa Mufti Kerajaan ini bukan hanya kepada orang-orang bahagiannya sahaja tetapi kepada seluruh rakyat mesti

mengetahui apa Fatwa yang dipakai, misalannya kalau ada fatwa yang mengatakan katalah kita pernah mendengar dihebahkan oleh televisyen Brunei.

“Kalau siapa yang tidak dapat sembahyang berjemaah jadi kalau saya tidak silaplah ada hadisnya dari Rasulullah Nabi Muhammad Sallallah Alaihi Wassalam meminta kalau ada orang yang boleh menjadi imam, dia akan berjalan ke kampung-kampung kalau mendapat orang tidak sembahyang berjemaah, rumahnya akan ditunu”. Adakah benar itu fatwanya? Kalau itu ada jadi kalau nabi sudah kan menunu rumah orang apa fatwanya?

Saya sendiri belum dan tidak mengetahui dalam apa-apa dalam perkara ini, jadi yang saya pohonkan tadi bukanlah sebahagian-sebahagian isi yang diterbitkan di Pelitakah, di mana apa namanya ni.... macam-macam juga majalah lah itu barangkali siapa yang terbaca tapi kalau ada buku itu sebagai satu rujukan rakyat akan mengetahui kalau membuat ini, ini fatwa mufti, jadi itulah saya pohonkan kalau bolehlah bukanlah membeli itu barangkali orang

yang mampu membeli, membelilah, kalau orang yang tak ada duit macamana nak membeli, bukannya murah. Terima kasih banyak Pehin.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kalaulah seluruh rakyat islam yang kira-kira hampir tiga ratus ribu ringgit ini dikirimi tiap-tiap satu orang itu adalah terlalu membebankan Kerajaan, sedangkan fatwa-fatwa itu memang senghaja dijual dalam bentuk buku yang cukup cantik dan mempunyai penerangan-penerangan yang jelas, jadi bagi siapa yang berminat adalah lebih elok membelanjakan sedikit wang bagi membeli buku sedemikian, kerana sebagaimana yang saya beritahu tadi jikalau setiap orang rakyat islam yang akan dikirimi oleh Pejabat Mufti ini adalah suatu kerja yang membebankan kepada Kerajaan, terima kasih, Ahli Yang Berhormat.

Pengerusi: Pada Pendapat saya barangkali tiap-tiap seorang rakyat Brunei beragama Islam bolehlah mengurus terus bertanyakan fatwa-fatwa,

itulah saya beri pandangan, Ahli-Ahli yang lain.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih memberi peluang kepada peramba. Pada tahun-tahun kebelakangan ini Jabatan Mufti telah terdedah kepada kunjungan orang ramai dan bukan saja rakyat dan penduduk Negara ini bahkan para pelancong.

Disebabkan didalam Bangunan Jabatan Mufti terdapat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, tujuan peramba untuk bertanya ini bukanlah khusus untuk membincangkan tentang keadaan bangunan dibahagian dalam.

Kita telah memperuntukkan sebahagian jumlah kewangan khusus mengenai Pemeliharaan Bangunan dan Kawasan. Apabila kita membincangkan soal Pemeliharaan Bangunan dan Kawasan, kita agak terkilan sedikit apabila melihat sebelum datang masuk kedalam Jabatan Mufti, rumput-rumput yang begitu panjang serta kawasan-kawasan bahagian luar koridor dan sebagainya tidak terurus dengan begitu sempurna,

apa lagi barangkali ditambah dengan keadaan landskap yang tidak begitu teratur.

Jadi saya ingin bertanya dimanakah salah silapnya? Peruntukan ada, tetapi adakah peruntukan ini mungkin tidak memenuhi hasrat kepada buruh-buruh yang telah ditugaskan ataupun perkara ini satu kelemahan kepada pihak Pentadbiran Pengurusan Bahagian Luar Pemeliharaan Bangunan dan Kawasan, mohon penjelasan sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih memberi peluang. Peruntukan memang disediakan untuk pemeliharaan. Barangkali dalam perkara itu mungkin melibatkan masalah pentadbiran. Samada peruntukan tidak cukup ataupun cara pembayaran itu anda laju mungkin dapat dinilai apa yang menyebabkan berlakunya seperti yang disebutkan iaitu rumput panjang, kawasan yang anda dibersihkan dan sebagainya.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kiranya tidak ada lagi orang yang menyoal dalam tajuk ini, maka tajuk SA16A, Jabatan Mufti kita luluskan satu Jadual daripada Peruntukkan.

Jurutulis: SA 16A - Jabatan Mufti Kerajaan Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA 17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin bertanya dan memohon bahawa Jabatan Kemajuan Ekonomi dalam proses mereka untuk meluluskan sesuatu permohonan umpamanya membuat rumah saya kira mengambil proses masa yang panjang. Adalah dimaklumkan bahawa ianya melalui beberapa Jabatan, walau bagaimanapun yang saya akan timbulkan ialah kalau tidak menjadi keberatan saya memohon Majlis ini Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sekiranya ada permohonan seseorang akan membuat rumah itu, biarlah dimaklumkan khususnya kepada kalau membuat rumah di kampunglah diumumkan dimaklumkan kepada Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung

dan Ketua Rumah. Ini saya rasa adalah baik, bukan untuk meminta kebenaran cuma memaklumkan seperti apa yang telah buat atau dilakukan.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, apa yang maksud sebenarnya Yang Berhormat membangun di kampung itu meminta kebenaran kalau ia sudah dapat rumah.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Yang saya maksudkan ialah saya tidak akan mempertikaikan tentang budget \$9 juta yang dipohonkan.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, nanti kita membincangkan kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa iaitu tajuknya SK 04A.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Saya tarik balik permohonan saya itu, saya memohon maaf Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli lain. Sekiranya tidak ada perbincangan maka tajuk SA17A – Perancangan Kemajuan

Ekonomi sebahagian dari tajuk yang kita luluskan.

Jurutulis: SA 17A Jabatan Kemajuan Ekonomi dijadikan sebahagian dari Jadual. SA 18A Bahagian Undang-Undang.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada yang dibincangkan dalam tajuk ini, tajuk SA 18A.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa Bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya hanya ingin penjelasan adakah tajuk ini di bawah Bahagian Undang-Undang ini di bawah Peguam Negara ataupun satu Jabatan yang lain, kalau di bawah Peguam Negara kenapakah ianya diasingkan.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Menteri Kewangan sila beri penerangan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, bahagian Undang-Undang ini bukannya sebahagian daripada Peguam Negara, sebab itu ianya diasingkan daripada Jabatan Peguam Negara.

Pengerusi: Keraguan telah dijawab, sekiranya tidak ada Ahli-Ahli bercakap dalam tajuk ini, maka tajuk SA 18A Bahagian Undang-Undang diluluskan sebagai satu bahagian Undang-Undang Kewangan.

Jurutulis: SA 18A Bahagian Undang-Undang dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA 20A – Pencetak Kerajaan.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Pengiran Pengerusi dalam bahagian SA 20A Percetakan Kerajaan ini, saya ingin mendapat maklumat kalau boleh penerangannya, kenapa kah banyak ada diantara Jabatan-Jabatan Kerajaan yang mencetak buku atau pun apa jua pengeluaran surat khabarnya mencetak di percetakan di luar negeri atau adakah percetakan Kerajaan ini tidak cukup kertasnya atau tidak cukup orangnya maka Jabatan-Jabatan yang lainnya terpaksa mencetak dan menggunakan private punya cetakan, itu saja yang saya dapat minta penerangan.

Pengerusi: Pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Berlakukannya dibuat percetakan di luar daripada Pencetak Kerajaan atau dibuat di luar negeri, kadang-kadang kerja-kerja itu memerlukan cepat, jadi kadang-kadang kalau Percetakan Kerajaan ini kerjanya sudah penuh tidak dapat dimasukkan dalam perancangan kerjaya, mungkin di Jabatan-Jabatan Kerajaan itu melakukan mencetak di luar negeri atau di luar daripada percetakan Kerajaan, itulah salah satu sebabnya.

Tapi dasar memang digalakan dan di syaratkan mereka menggunakan Percetakan Kerajaan untuk mencetak apa jua bahan-bahan cetakan Kerajaan.

Pengerusi: Ahli –Ahli Yang Berhormat, sekarang kita ditajuk SA20A – Percetakan Kerajaan mungkin tidak ada orang yang membincangkan lagi. Sebahagian tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: SA20A – Percetakan Kerajaan dijadikan sebahagian dari Jadual. SA 21A – Peguam Negara.

Pengerusi : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada mahu membincangkan Tajuk SA21A maka kita bersetuju untuk menjadi satu bahagian undang-undang yang diluluskan iaitu Peguam Negara.

Jurutulis : SA21A Peguam Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual SA22A : Jabatan Kehakiman Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim : Yang Dipertua Majlis, dalam hal peruntukan-peruntukan Peguam Negara ni saya ingin bertanya cuma satulah, kalau dapat dibenarkan, nampaknya di dalam ini ada 2 Peguam Negara. Peguam Negara Superscale dan Superscale 'B'. Maaf Yang Dipertua, nampaknya ada pembetulan kepada terbalik saja Peguamcara Negara dan bukan Peguam Negara. I see salah baca maklum saja cermin mata pun sudah kabur.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita ditajuk SA22A : Jabatan Kehakiman Negara. Sekiranya tidak ada Ahli-Ahli membincangkan tajuk ini

maka sekarang saya anggap dia dipersetujui sebagai satu bahagian tajuk yang diluluskan.

Jurutulis : SA22A : Jabatan Kehakiaman Negara dijadikan sebagai Jadual. SB : Kementerian Pertahanan.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji

Ismail: Yang Amat Mulia Pengerusi barangkali peramba ingin mencadangkan barangkali ada lebih elok perkara ini tidak dibincangkan kerana peramba ingat semasa Al-Mahrum dulu peramba menjadi Jurutulis Majlis perkara macam ini ialah rahsia Kerajaan janganlah dihibah-hibahkan kepada orang lain yang kita ada mempunyai beberapa betalion dan sebagainya kerana ini boleh merugikan kita sendiri, rahsia dalam negeri kita ini kita beritahu kepada orang lain. Tapi peramba tidak mengetahui sama ada buku belanjawan seperti ini ada dijual kepada orang ramai sekarang untuk bacaan, dulu ada dijual, orang semua boleh membaca dan mengetahui akan kesemuanya terkandung dalamnya. Inilah cadangan saya supaya belanjawan Kementerian

Pertahanan janganlah kita besar-besarkan atau dihibahkan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Ahli Yang Berhormat supaya perkara ini jangan dibincangkan itu tergantung kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang perkara ini di dalam lebal kitani di dalam dikertaskan.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Mohonkan ampun Pengiran, mestilah jua diingat media luar negeri selalu di Brunei ini menghibah-hibahkan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya minta komen daripada Timbalan Menteri Pertahanan untuk apa pandangan yang akan diberi.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohd Yasmin bin Haji Umar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi, ada tepatnya barangkali jangantah *discuss* fasal sentuh menyentuh terus-menerus kepada

pertahanan tapi barangkali baik kalau dapat diizinkan peramba akan memberi sedikit saja rasional budget Kementerian Pertahanan ini kalau dapat diizinkan oleh Yang Amat Mulia Pengerusi.

Pengerusi: Ya. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohd Yasmin bin Haji Umar: Izinkan saya memberikan sedikit rasional mengenai Peruntukan Kewangan Kementerian Pertahanan. Kita tidak dapat menganggap isu-isu keselamatan Negara sebagai sesuatu yang ringan. Walaupun kita masih menikmati keadaan yang aman dan stabil, ancaman-ancaman dan ketidakpastian tetap wujud di rantau ini, seperti kejadian - kejadian serangan penganasan di rantau ini.

Melihat kepada keadaan ini, cadangan peruntukan pertahanan adalah dihasratkan bagi memastikan kesinambungan pertahanan Negara yang mantap, "*responsive*" dan berwibawa. Kementerian Pertahanan telah dapat mengekalkan cadangan purata tahunan bagi meneruskan

kegiatan - kegiatan Kementerian Pertahanan, terutama dalam memastikan kesiapsiagaan (Combat Readiness) dan perkembangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Pada keseluruhannya, cadangan peruntukan pertahanan bagi tahun 2006/2007 diperuntukkan untuk mengekalkan kos-kos operasi, (Operating Cost) yang berpatutan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan peruntukan kewangan pertahanan adalah kira 5 peratus dari jumlah keseluruhan Hasil Keluaran Kasar Dalam Negeri (GDP). Nisbah ini adalah seimbang dan mungkin rendah jika dibandingkan dengan belanjawan pertahanan negara-negara serantau. Sedar akan keadaan ini, usaha berterusan untuk membangun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai sebuah angkatan tentera yang "**Credible**" akan tetap diberi perhatian dan mengambil kira perkembangan teknologi masa kini. Sekian, terima kasih Yang Amat Mulia Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti penjelasan daripada pihak Kementerian Pertahanan telahpun diterangkan, jadi saya ingin mengetahui tidak ada sesiapa mau mengemukakan apa-apa tajuk ini dan kita jadikan daripada sebahagian undang-undang.

Jurutulis : SB : Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SC : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, tajuk ini kita tanggungkan kerana Menteri yang berkenaan minta izin keluar tadi, jadi kita berjalan pada tajuk berikut iaitu di belakangnya SDOIA. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ini kita tangguhkan sehingga Yang Berhormat Menteri ada didalam persidangan ini. Jadi sekarang kita beralih kepada Kementerian Kewangan SDOIA : Jabatan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: Global Speaker, and member of the colleagues, I would like to highlight the budget that Minister of Finance 2006 or 2007 from the report which I got from

the sources the government expenditure for the year to 2006 or 2007 is tight consistent until the last five years. I want to highlight some orders is expenditure from 2001 to 2005. In the year of 2001 government expenditure three thousand seven hundreds and forty four million, year of 2002, 4491 million, year of 2003, four thousand and eight million, year of 2005, four thousand nine hundred and eight million and 2005 of half year is two thousand forty four million but this provision reserved by Minister of Finance, there are some highlight of the Minister of Finance Budget.

I would like the Minister of Finance to explain to me this is very good budget OPV project you are standing about two hundred and sixty six million offshore petrol versar, this is very good project to protect our country but to my suprised this budget should be I need be define.

Secondly about the Jabatan Kementerian. Project ini bukanlah dibawah Kementerian Kewangan, Public safety about \$10 million, Kebajikan Pembangunan \$10 juta, Enterprises Development \$20 maintenance dan Public Utility \$25 juta. Capacity building \$10 juta project rampaian \$30 juta.

Projek jumlah keseluruhan half of your Ministry Expenditure. Second think, I want to high light some of the important things.

The Honorable Speaker, while discuss the important subject we should not just talk about budget but it is not enough, discussing should be focus actual standing order budget. I reason for committing on this, I was given to understand the budget for the year 2002 or 2005 was not be not utilized it only 40% has been utilized. if this figure is correct, the honorable, it means that the wish by His Majesty to care to rakyat and people who are not fulfill. Purpose this honorable should be look the matter seriously in supporting the sincere design his Majesty to help the rakyat through the implement of the project. The mean you asking so much money but you never use. Thank you very much.

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Seri Dato Paduka Awang Haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Speakar Pengerusi. Sebenarnya budget-budget yang dibawah rampaian memanglah bukannya budget-budget

yang digunakan oleh Kementerian Kewangan sendiri. Ianya adalah menyeluruh kepada Kementerian-Kementerian lain misalnya Kementerian Pertahanan, Pendidikan dari segi biasiswa dan sebagainya, begitu juga mengenai dengan budget sewa-sewa rumah ianya di “*centralized*” di Kementerian Kewangan.

Rational-nya ialah untuk “*check in balanced*”, misalnya walaupun kementerian-kementerian itu berbelanja sekurang-kurangnya ianya dapat dipantau dengan secara mendalam. Itulah sebabnya ia disimpan di Kementerian Kewangan supaya apa-apa jua perbelanjaan terutama perbelanjaan yang besar dapat dipantau. “*Jutification*” perbelanjaan juga akan di dapatkan dari Kementerian-Kementerian yang akan mencadangkan budget tersebut.

Mengenai dengan penerangan Ahli Yang Berhormat tadi, mengatakan kitani dalam beberapa tahun yang lalu 40% saja kita berbelanja. Barangkali kalau saya memberi figures-figures tertentu nampaknya tahun 2002, kita sebenarnya berbelanja 98.39%, sama juga dengan tahun 2003 dan

2004 - 96%, dan tahun 2004 dan 2005 - 95% dan pada tahun ini sehingga akhir bulan Januari kita sudah berbelanja 74%. Barangkali apa yang dikatakan Ahli Yang Berhormat tadi itu mungkin maklumat itu belum lengkap.

Alhamdulillah sekarang ini, oleh kerana masa ini kita ada sistem TAFIS, dapatlah kita sekurang-kurangnya “*up to date*” dalam maklumat perbelanjaan kita. Barangkali itulah yang dapat saya terangkan, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi mengenai dengan sistem belanjawan kita. Bukan sebenarnya yang banyak-banyak di Kementerian Kewangan iaitu Kementerian Kewangan yang memakai sendiri tetapi adalah sebenarnya bagi Kementerian-Kementerian yang lain. Bagi maksud “*check ini balanced*” ianya akan dibelanjakan menurut apa yang dipohonkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: Sorry the Honorable Speaker, I would like refer to Ministry of Finance to the budget of development this information I get it from the economic development board I don't think they make mistake for the year 2001 development budget \$550

juta we only use \$303 juta. Development Budget 2002, \$1 billion we only use \$503 million 50%, 2003 - \$1 billion \$261 million.

Pengerusi : Ahli Yang Berhormat, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dato Paduka Awang Haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim: Maaf Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, barangkali yang di maksudkan ialah “development budget”. Ini bolehlah kita bincangkan dalam ketetapan nanti bukannya di sini. Kita membincangkan disini ialah “Departmental budget”. Dalam lampiran 1.13 mengenai dengan kemajuan, yang mana perbelanjaan kemajuan ini adalah dibawah Jabatan Perancang dan Kemajuan Ekonomi.

Pengerusi : Ahli Yang Berhormat, terima kasih. Ahli Yang Berhormat, yang dikehendaki untuk dibincangkan tadi sepatutnya ialah SD01A kemungkinan nanti apabila sampai ke tajuk itu bolehlah Yang Berhormat bincangkannya. Sekarang kita berada di SD01A- Kementerian Kewangan sekiranya Ahli-Ahli tidak ingin membicara dan berbahas dengan

perkara ini maka tajuk SD01A jadikan bahagian tajuk yang diluluskan.

Jurutulis: SD01A - Kementerian Kewangan dijadikan sebagai jadual SD0A2- oleh kerana Agensi Pelaburan maka kita tidak ada dikehadaki untuk dibahasakan maka kita berpindah kepada SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, saya ingin bercakap disini bukanlah untuk bertanya dan sebagainya tetapi untuk memberikan sanjungan pihak Penguasa Kastam dan Eksais yang telah dari masa kesemasa berjaya menangkap penyeludup-penyeludup minuman-minuman keras dan juga daging-daging yang tidak ditentukan halal haramnya. Saya berharap usaha-usaha ini akan dapat diteruskan dengan lebih giat lagi dan mendapat sokongan daripada orang ramai dan feedback dan maklumat-maklumat akan dapat diberikan oleh orang ramai kepada Penguatkuasa. Kastam ini. Sekian.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat: Sekiranya tidak ada lagi.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia, Yang Dipertua Dewan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang. Mengenai dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, disini saya ingin memohon penerangan daripada pihak yang berkenaan sebagaimana yang telah kita maklum bersama keadaan bangunan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Bandar Seri Begawan sekarang iaitu berhadapan dengan tambing penurunan orang ramai ke Kampung Air.

Dilihat bangunan tersebut sekarang nampaknya kurang cantik atau kurang terpelihara jadi adakah bangunan ini masih lagi digunakan atau sebaliknya. Kerana mengikut pandangan orang ramai bangunan tersebut adalah terletak di Pusat Bandar. Kebetulan juga ia bertentangan dengan Kampung Air tetapi kurang manis tidak diperlihara dengan sempurna.

Oleh yang demikian, saya mohonlah penjelasan oleh pihak yang berkenaan jika bangunan tersebut tidak lagi

digunakan sekaligus saya mencadangkan supaya tapak bangunan tersebut akan diambilalih atau dicadangkan oleh bangunan-bangunan lain yang bersesuaian misalnya bangunan perhotelan atau Jabatan yang bersesuaian. Itulah yang dapat saya pohonkan. Terima kasih. Yang Di-Pertua Dewan.

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato paduka Haji Bakar:
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Peramba menjunjung kasih atas Tuan Peramba memberikan Peramba kesempatan untuk menjawab Sebenarnya bangunan itu tidaklah digunakan lagi tetapi termasuk dalam akta simpanan bangunan-bangunan bersejarah jadi apa yang masa depannya adalah masih dalam penelitian. Terima kasih

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi perbahasan akan di kemukan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat maka tajuk SD03A- Jabatan Kastam diluluskan sebahagian undang-undang

Jurutulis: SD03A- Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dijadikan sebgaiian jadual.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita berbincang dalam persidangan Majlis mula.

(Majlis Bersidang Semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, syukur kita kehadiran Allah, perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa telah begitu licin, melihatkan sekarang jam sudah hampir kepada pukul 12.00 tengahari, dan ada diantaranya Ahli-Ahli jauh tinggal daripada Bandar ini, maka Majlis Permesyuaratan saya tangguhkan sehingga pukul 2.30 petang nanti.

(Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis disambung bersidang pada jam 2.30 petang

Yang Dipertua: Persidangan dibuka semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagaimana semua ahli menyedari bahawa persidangan kita dalam Majlis Jawatankuasa belum selesai, maka sekarang majlis ditangguhkan untuk bersidang dalam majlis Jawatankuasa. Majlis ditutup.

(Majlis Bersidang Sebagai Jawatankuasa)

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagaimana dimaklumi oleh semua Ahli semasa perundingan tadi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri belum dibincangkan oleh kerana yang berkenaan masih lagi ada urusan maka yang demikian sekarang kita akan merundingkan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri iaitu SC. Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang dituliskan didalam AC Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan sekaligus kita rundingkan pada masa ini.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada pertanyaan atau tidak ada orang yang mahu membincangkan hal ini, maka nanti

dalam saya kasih tempoh sedikit masa, maka Kementerian ini akan diluluskan, saya memberi tempoh beberapa masa untuk Ahli-Ahli yang akan membincangkan berdiri, sekiranya ada keraguan didalam tajuk ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negera Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin minta penerangan untuk makluman jua bekeanan dengan pembayaran elaun bulanan semasa berkhidmat di luar negeri-negeri, yang kita mempunyai Pesuruhjaya Tinggi, Duta-Duta Besar berapakah elaunnya, elaun Ketua Delegasi, Ambassador ataupun Pesuruhjaya Tinggi, sebagai misal di Singapura, Malaysia terutama sekali di ASEAN inilah, kalau ingin dapat tahu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, barangkali penjelasannya barangkali apa yang disoalkan tadi untuk penerangan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan OCLA iaitu overseas elaunlah kepada Tuan Yang Terutama Duta-Duta

dan High Commissioner bukan sahaja kepada Duta-Duta dan High Commissionernya, ia dilaratkan juga kepada semua pegawai.

Mereka diberi elaun OCLA itu, cost of living elaunlah, untuk mereka yang keluar ber-*posting* di Negara-negara di mana Brunei yang terdapat mesin-mesin di luar negeri, OCLA ini berbeza mengikut Negara-negara yang berkenaan seperti di Negara ASEAN di mana OCLAnya barangkali kurang lebih dalam tiga ribu lebih ringgit, yang sehabis-habis tinggi barang kali di Tokyo di mana elaunnya setinggi sepuluh ribu ringgit sebulan, ini mengikut keadaanlah di mana cost of living itu tinggi di Tokyo dan kalau di Negara-Negara ASEAN rendah sedikitlah, jadi mengikut peringkat, mengikut negara dan dilaratkan kepada semua pegawai yang ber-*posting* di luar negeri. Terima kasih.

Pengerusi: Sekiranya Ahli-Ahli tidak ada mau mempersoalkan tajuk ini, maka tajuk ini akan dikira selaku lulus daripada perbincangan.

Jurutulis: SC- Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan

sebahagian daripada jadual. SD05A Jabatan Perbendaharaan.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Tuan Pengerusi, oleh kerana Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini juga, dia juga yang mengawal dalam bahagian perdagangan, barangkali, ada yang ingin mahu bertanya, barangkali semua itu barangkali kan ditanyakan, tapi cuma dalam bahagian Hal Ehwal Kementerian Hal Ehwal Luar, tapi oleh kerana ianya ada memegang satu apa namanya satu kuasa, iaitu dalam bahagian perdagangan, barangkali ada orang lain yang berkeinginan, untuk mengumumkan barangkali mereka tidak dapat, pasal apa ini, nampaknya jawatan perdagangan ini adalah baru dipindahkan ke kawalan Kementerian Luar. Sekian itu sahaja makluman yang dapat disampaikan.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sudah peramba jelaskan tadi sendiri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, sudah dijelaskan tadi. Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya tidak ada Ahli-Ahli yang akan membincangkan ditajuk ini, maka tajuk

ini disifatkan sebagai diluluskan dalam jawatankuasa ini. Sekarang....

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Minta maaf saya ingin bertanya sedikit oleh kerana ada bahagian perdagangan ini, adakah bahagian perdagangan ini segala hal-hal bahagian perdagangan ini direfer kepada Kementerian Luar.

Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng: Pengiran Pengerusi barangkali untuk menerangkan apa yang sebenarnya yang diambil alih daripada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama baru-baru ini yang sebenarnya sebahagian sahaja yang berkenaan dengan external trade atau perdagangan yang berkenaan dengan hubungan luar negeri jadi di sini barangkali satu berkenaan international trade, "*trade promotion*" selain daripada itu macam trade yang berkenaan dengan internal apa semua itu memang masih lagi di bawah jagaan

Kementerian Perindustrian, iaitu dalam rangka yang kasar sahaja.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Terima kasih Pehin, jadi ertinya all external trade yang itu sahaja dihubungkan kepada Kementerian Hal Ehwal Luar, bahagian internal ertinya tidak payah ke sana kalau ada orang kan menginvest ke Brunei orang luar yang akan mengimbas ke Brunei misalannyalah bukan orang Brunei sendiri untuk berniaga, kalau ada misalannya modal ataupun orang luar share for investment daripada katalah berselisih faham dulu hal perhubungan kita dengan negeri China atau Negeri Korea ingin menginvest ke mari, jadi yang nampaknya itu, adakah itu juga termasuk kedalam bahagian apa namanya external.

Jadi susah hendak membezakan nanti fasal apa kalau orang anak negeri hendak berniaga barangkali tidak payahlah kalau misalannya ada modal luar yang ingin hendak kemari yang memang di-encourage supaya foreigner investment datang ke Brunei. Adakah ini direfer kepada sama ada Kementerian

Sumber-Sumber Utama ataupun direfer kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Pengerusi: Yang Berhormat silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Bismillahir Rahman Nirrahim, Pengerusi Yang Amat Mulia, barangkali peramba, soalan daripada Yang Berhormat itu, barangkali serba sedikit boleh jua barangkali memberi penerangan atau too confuse Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh jua, yang sebenarnya tiap-tiap satu dasar yang baru diperkenalkan belum baru setahun, baru dicuba, jadi perkara ini memanglah untuk melihat hasil-hasil tertentu, baru berumur belum sampai setahun peralihan ini, barangkali susah untuk melihat kehasilannya, outcomenya yang tertentu, tetapi untuk menambah sahaja ulasan daripada Yang Dimuliakan Pehin Menteri Luar Negeri Yang Kedua bahawa perkara yang diuruskan oleh Menteri Luar, Kementerian Luar dan Perdagangan adalah berupa perhubungan di antara sebabnya Negara Brunei Darussalam adalah Ahli kepada WTO, Ahli kepada ASEAN, Ahli

kepada APEC dan Ahli-Ahli banyak lagi Ahli-Ahli yang lain. Jadinya masa ini kerjasama di antara dua Kementerian adalah apabila timbul permesyuaratan sebagai Ahli WTO, sebagai Ahli ASEAN, sebagai Ahli APEC yang berkaitan dengan '*negotiation of among country between country*' ini dihadiri ataupun diuruskan oleh Kementerian Luar Negeri dan Perdagangan.

Apabila timbul mengenai dengan '*content*' perdagangan itu hasil dari perdagangan itu barangkali hasil SME, SME ataupun pelancungan ataupun hasil daripada industri-industri yang kecil yang sudah kitani ada produk-produk tertentu untuk dijual di luar negeri masih lagi dikendalikan oleh Perindustrian Sumber-Sumber Utama. Jadi kata pendek bahawa kedua-dua Kementerian ini oleh kerana arah dan dasar yang telahpun diperkenankan atau dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama-sama untuk menunduki supaya di '*monitor*' dan penghasilannya '*maximize*'.

Jadi masih kita belajar untuk mencapai sesuatu tapi baru-baru ini Kementerian Perindustrian dan Perdagangan mencadangkan satu unit

di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk membuat unit piawaian '*standard*', ertinya untuk barang-barang kitani atu '*say*' barang-barang makan, '*down stream product furniture*' dan '*down stream product*' yang dibuat oleh di Brunei ani mesti mengandungi piawaian '*standard*' yang buatan Negara Brunei Darussalam. Jadi industri masih lagi diperingkat rendah yang buatan Negara Brunei Darussalam misalnya Sehat ani untuk di '*export*' ke Singapura, mesti ada '*standard*' piawaian tertentu digelar '*Made in Brunei*' ada '*passport*' nya untuk belayar bukan manusia saja untuk belayar ke luar negeri diakui yang '*Made in Brunei*' di '*passport*' nya tetapi kitani masih lagi meneliti satu pusat piawaian '*centre to approve that, this is product of Brunei*'.

Jadi atu dalam penelitian Kementerian Insya-Allah barangkali yang '*passport*' untuk '*product of Brunei*' atu akan diadakan. Jadi masa ani yang dibuat aktif adalah untuk promosi '*product*' tempatan atu dibeli oleh orang Brunei sendiri. Atu ada dalam negeri, macam atu, jadi.....barangkali tidak memuaskan jawapan ini. Insya-Allah bahawa kedua-dua Kementerian berusaha untuk

menentukan tapi bayangan '*plan*' tertentu sudah ada jadi... perhubungan untuk melihat '*outcome*' tertentu '*maximize*' untuk pendapatan lebih-lebih lagi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia bahawa mempelbagaikan ekonomi Negara jangan bersandarkan semata-mata minyak dan gas jadi atu telahpun sudah diketahui oleh Kementerian hasil daripada bukan minyak dan gas ada ternyata di sini bahawa masa ani baru \$490 million, billion out of \$500.2 billion jadi 5% sahaja pendapatan Negara yang '*fade to*' bukan minyak dan gas dan mengikut kementerian untuk panjang lebar kali kementerian ada mencetak atau '*constitution of Kementerian Perindustrian and Sumber-Sumber Utama*' untuk telahpun disebarkan diperkenankan maksudnya pencapaian dan prospek ke arah mencapai hasrat perbagaian dalam ekonomi yang mampan, Jadi...dalam 20 tahun yang akan dapat dari '*half of billion*' diangan-angan boleh dalam pendapatan 4.5 billion dalam 20 tahun yang akan datang tapi itu meliatlah kejayaannya nanti monitoringnya kebijaksanaannya kitani, barangkali Pengiran Pengerusi begitulah saja. Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Terima kasih Pehin, kerana penjelasan sejelas-jelasnya. Tetapi yang kaola ingin mau mendapatnya oleh kerana nampaknya dalam masa percubaan belum tentu lagi kemajuannya yang sudah sesuai itu, kalau misalannya adalah orang luar yang ingin me'*invest*' ke mana satu yang ditujunya oleh kerana tadi dituju di Kementerian Perdagangan barangkali ani baru mesti dihantar serba salah di mana mau dihantar. Kalau ada buat sementara ini, sementara menanti apa ni apa namanya period yang disertakan pada setahun itu belum ada ketetapannya, siapa ani, siapa bahagiannya.

Jadi itu barangkali '*that means*' menantilah orang luar pun serba salah barangkalilah di mana mau di tujukan. Itulah saja yang dapat saya mahu meminta penjelasan ke mana, ke mana satu yang berhak ditumpukan dulu, apabila saya sudah tumpukan misalan saya, bukan sayalah, bukan saya, kalau ditumpukan kepada Kementerian Luar dan Perbendaharaan barangkali mereka boleh me-*refer* dihantarnya kepada

ke Kementerian Perindustrian, kalau ada kerjasama antara dua Kementerian itu in da apalah, kadang-kadang orang yang menghantar itu nanti-nanti, sebulan dua bulan in da ada berjawab, in da tau ke mana kan diaganya. Jadi itu minta maaf, atulah saja penjelasan yang minta dikehendaki.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia dan Ahli Yang Berhormat, terima kasih. Soalannya ke mana, jadi ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama boleh jua tu addressnya ke mana, untuk, sebabnya dalam sukat-sukat kateria sukat-sukat ekonomi maju ada lapan ingredient diliat sesuatu itu ekonomi yang maju mempelbagaikan ekonomi yang maju, satu adalah barangkali aspek perdagangan jadi '*investment*' dari luar negeri adalah satu daripada lapan itu adalah '*FDI Foreign Direct Investment*' adalah satu daripada '*ingredient*' sukat-sukat Negara yang maju bertambahlah pelaburan luar negeri ke dalam negeri adalah satu sukat-sukat di mana untuk menyukat industri negara yang maju, itu salah satu daripadanya, daripada sukat-sukat

daripada lapan atau jadi yang lain atau nantilah kalau berpeluang untuk menjawab jadi salah satu tadi FDI kan di mana bolehlah ditunjukkan kepada aku, kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerja Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng: Pengiran Pengerusi saya barangkali ingin menambah sedikit, barangkali soalan tadi Yang Berhormat Pengiran, berkenaan dengan pelabur asing di manakan ditunjukkan, perkara ini ada dua, memanglah bukan ke Kementerian Luar *'directly because'* Kementerian Luar, apapun memang ada kaitannya tetapi kitani ada Kementerian Perindustrian dan satu juga ada *'Brunei Economic Development Board'* yang berkenaan dengan pelabur-pelabur asing, jadi yang sebenarnya satu *'To Economic Development Board'* dan kedua jua ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tapi oleh sebab mereka adalah daripada negara-negara jiran atau negara-negara asing, memanglah Kementerian Luar ada jua turut untuk memantau perkara ini tapi untuk menjawab soalan Tuan Peramba tadi

memanglah *'directly to Economic Development Board'* atau *'Ministry of Industry'*. Terima Kasih.

Pengerusi: Tidak ada lagi Ahli-Ahli yang lain, maka kita sambung semula - Tajuk SD05A Jabatan Perbendaharaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada Ahli-Ahli untuk membincangkan tajuk ini maka saya fikirkan tajuk ini sudah lulus daripada persidangan Jawatankausa.

Jurutulis: Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SD05A - Perkhidmatan Rampaian ini maka kita fikirkan tajuk ini telah diluluskan menerusi jawatankuasa ini.

Jurutulis: SD05A - Tajuk Perkhidmatan Rampaian dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SD06A - Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya beberapa minit tajuk tidak ada orang-orang yang ingin mengemukakan sebarang persoalan jika sekiranya tidak maka tajuk SD06A Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor

Negara disifatkan diluluskan dalam jawatankuasa ini.

Jurutulis: Tajuk SD06A Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SD07A Tabung Amanah Pekerja.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ibrahim:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba tertarik dengan SD07A iaitu mengenai Tabung Amanah Pekerja, peramba akan cuba sedikit memberikan pandangan dan jika sekiranya diizinkan juga akan memberikan sedikit cadangan. Seperti yang kita maklum tabung ini telah mula diperkenalkan pada tahun 1993 iaitu bagi menggantikan skim pencen yang dimaklumi melibatkan perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi.

Untuk mengatasi isu perbelanjaan yang lebih besar kerajaan telah mengadakan Skim TAP atau Tabung Amanah Pekerja dan meniadakan Skim pencen kepada penerima-penerima yang berhak. Dalam Skim TAP ini caruman yang telah diterima oleh pencarum ialah 5% daripada ahli sendiri dan 5% lagi

akan diberikan oleh majikan berjumlah semuanya 10%.

Pada ketika ini telah banyak rungutan dan suara-suara rayuan daripada mereka yang berkenaan lebih-lebih lagi bagi mereka yang berpendapatan sederhana, rendah dan ditambah lagi bagi mereka yang mempunyai ramai tanggungan kerana tidak dapat menampung perbelanjaan harian dan sara hidup yang begitu tinggi apabila wang caruman ketika mereka bersara diterima tidak seberapa dan habis digunakan tanpa menerima pencen bulanan lagi.

Oleh kerana keadaan yang sedemikian ada di antara mereka yang telah pergi memohon bantuan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat, Pihak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan Kementerian Hal Ehwal Ugama Bahagian Baitul Mal memohon bantuan sebagai fakir miskin.

Fenomena ini akan berterusan dan dalam jangka panjang ianya jika tidak kita tidak fikirkan bersama sudah tentu juga akan menjadi beban kepada pihak kerajaan, ke arah ini, dalam dewan yang mulia ini saya mencadangkan:-

- 1) Supaya skim pencen bulanan yang telah diberhentikan akan dapat diteruskan dan disambung semula pembayarannya.
- 2) Selain dari pencen bulanan Skim TAP juga akan dapat diteruskan dan dibayar mengikut tahun lama perkhidmatan contohnya perkhidmatan 1 ke 5 tahun akan diberikan 5% daripada majikan dan 5% dari pencarum.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin minta jelaskan pertama dan kedua tadi, adakah semua dikehendaki atau berasingan.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ibrahim: Seperti yang peramba katakan tadi peramba yang pertama adalah memberikan pandangan dan jika diizinkan peramba juga akan membuat cadangan.

Pengerusi: Bukan-bukan yang disebutkan tadi pencen dibalikkan dan kedua itu TAP dinaikkan yang mana satu atau kedua-dua dipohonkan.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ibrahim: Munkan ampun, kedua-kedua sekali dipohonkan dan pada isi yang kedua dan cadangan yang kedua selain pencen diteruskan, Skim TAP juga diteruskan tetapi mengikut kadar peratus yang diberikan oleh pihak majikan dan peratus yang diterima oleh pihak pencarum sebagai contoh orang yang berkhidmat:-

1. 1 ke 5 tahun pihak majikan akan memberikan 5% dan pihak pencarum 5%.
2. 6 hingga 10 tahun 10% daripada pihak majikan dan 10% daripada pencarum.
3. 11 hingga 20 tahun 15% daripada pihak majikan dan 15% daripada pihak pencarum.
4. Dan seterusnya 20 hingga 25 tahun 20% daripada pihak majikan dan 20% daripada pihak pencarum.
5. 26 hingga 30 tahun 30% daripada pihak majikan dan 30% daripada pihak pencarum.

Sekian, Munkan Ampun, junjung anugeraha.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:

Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, junjung kasih jua di atas perkenan Tuan Peramba untuk peramba memperjelaskan sedikit mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat di sana mengenai dengan supaya pencen bulanan diteruskan dan TAP juga diteruskan.

Dalam persoalan ini, perlulah juga kita balik kepada rasional apabila kita mengadakan TAP pada tahun 1993. Sebenarnya seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat di sana tadi, sebab ialah mengambilkira satu, kemampuan kerajaan untuk membiayai pencen ini secara berterusan dimasa akan datang. Jadi kalau kita mengambil kira pada waktu ini jumlah yang kita bayar untuk pencen dan baksis sahaja setiap tahun ialah \$211 juta pada waktu ini.

Alhamdulillah masa ini, barangkali dengan keadaan pendapatan kita yang baik daripada minyak dan gas, kita dapatlah menanai perkara-perkara macam ini. Tetapi dalam waktu yang sama, apa halnya 20 tahun atau 30 tahun akan datang ini satu gambaran sahaja.

Dalam pada itu, ada lagi sebab-sebab yang lain mengapa kita mengadakan sistem TAP. Satunya daripadanya ialah dari segi "*mobility*" pekerja, "*mobility*" pekerja itu, ertinya kita mahu menarik orang-orang bekerja sama ada dengan kerajaan atau swasta. Orang-orang bekerja swasta ia boleh "*mobile*" dari satu tempat ke satu tempat tanpa menjejaskan "*social security*" nya di masa akan datang. Misalnya kalau sistem pencen dalam kerajaan, kalau umurnya 45 bagi wanita dan 50 bagi lelaki baru boleh pencen optional. Kalau ia berhenti sebelum itu, ia tidak dapat pencen sama sekali.

Dengan sistem TAP ini walaupun ia berhenti dengan kerajaan, tetapi ia akan bekerja di sektor swasta, dengan sendirinya ia membawa caruman-caruman yang dicarumnya itu. Kedua dari segi "*social security*" bagi pekerja

swasta jua yang kita fikirkan bukan bagi kerajaan sahaja tapi swasta. Dulu-dulu sebelum TAP, pekerja swasta tidak menabung. Majikan inda memberi caruman kepada pekerja-pekerja, maka dengan adanya sistem TAP ini sekurang-kurangnya kedua-duanya berkongsi menabung "*shared responsibility*", tanggungjawab antara pekerja dan majikan untuk menabung bersama-sama. Itu juga mengapa kita me-*introduce* sistem TAP.

Itulah yang barangkali yang boleh kita terangkan di sini, tapi dalam pada itu jua kalau kita akan menaikkan caruman ini kita mestilah meneliti secara terperinci apa kesannya bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga majikan dan orang perseorangan itu nanti sendiri. Adakah ia mampu untuk menabung sekiranya kalau naikkan 30 persen?

Kalau di negara-negara lain memang ada 30 persen, macam di Singapura 33 persen, Malaysia dalam 20 persen lebih dan sebagainya. Tapi disana tidak ada "*security*" yang lain. Misalnya untuk "*medisave*" untuk pendidikan dan lain-lain. Tapi di Brunei, kesihatan untuk rakyat dan penduduk kita free. Setiap tahun bukan lagi itu, di hospital kita ia

free bagi rakyat. Orang sakit jantung kita hantar keluar negeri dan orang-orang yang sakit yang tidak dapat perubatan di sini, kita hantar keluar negeri. Kita sudah membelanjakan kira-kira 17 juta setahun.

Di samping itu pendidikan percuma di sekolah Kerajaan. Bagi pegawai-pegawai kerajaan, elaun-elaun pendidikan yang kita beri kira-kira 30 juta bagi anak-anak yang inda bersekolah di sekolah kerajaan dan dalam pada itu juga, penuntut yang cermelang kitani berikan biasiswa, kita telah berbelanja 34 juta setahun. Jadi kita meneliti secara mendalam perkara-perkara ini. Sebabnya banyak aspek-aspek lain yang perlu kita fikirkan misalnya prestasi ekonomi kita, keadaan pertumbuhan sektor swasta dan inflasi. Banyak lagi yang perlu kita fikirkan sebelum kita membuat keputusan yang terperinci. Kita perlu mengkaji dengan mendalam mengenai dengan perkara-perkara seperti ini, terima kasih. Munkan Ampun.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada, Ahli-Ahli akan membincangkan maka Tabung Amanah

Pekerja dikira sebagai diluluskan dalam.....

Jurutulis: Tajuk SD07A Tabung Amanah Pekerja dijadikan sebahagian daripada Jadual. SD08A dijadikan sebagai Perkhidmatan Rampaian His Majesty Sultan's Flight .

Pengerusi: Sekiranya tidak ada ulasan maka Tajuk ini kita dijadikan Tajuk diterima pada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis: Tajuk SD08A Perkhidmatan Rampaian His Majesty Sultan's Flight dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam SE012 Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, jadi disini saya ingin menyampaikan satu suara rakyat yang mahu perkara ini perlu disampaikan dalam Majlis Mesyuarat ini. Jadi apa yang akan disampaikan sebagaimana yang telah didengar di mana-mana perkumpulan, di mana-mana muzakarah, di antara penduduk

mahupun seluruh negara mahupun peringkat mukim, mahupun peringkat kampung selalu dipohonkan supaya Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim supaya Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung yang dikehendaki harus dihidupkan, harus dipupuk harus dimajukan, jadi pihak yang berkenaan iaitu Ahli Jawatankuasa Perundingan Mukim dan Ahli Jawatankuasa Perundingan Kampung supaya diberikan sagu hati ataupun elaun bagi mereka yang telah dilantik, mohon penjelasanlah daripada pihak yang berkenaan jika apa yang hamba / saya sarankan ini salah tolonglah diperbetulkan. Terima kasih, Assalamualaikum.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, alhamdulillah, kalau kita merenung sepertimana yang pernah dititahkan, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1997 atau 98 semasa Baginda merasmikan Seminar

Perhimpunan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, saya tidak membawa teks kandungan isi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di mana Baginda antara lain menitahkan supaya Majlis-Majlis Perundingan ini haruslah berkorban secara sukarela bukannya kitani sentiasa untuk ada imbalan-imbalan tertentu untuk kepentingan masyarakat umumnya di Negara Brunei Darussalam tetapi khasnya adalah untuk kebajikan dan kepentingan masyarakat setempat di kampung masing-masing.

Kalau sekiranya semua sekali kitani akan meminta imbalan dan seumpamanya ini apakah sumbangan kita, satu pepatah yang barangkali di sini Ahli-Ahli Yang Berhormat barangkali sudah sedia maklum di Amerika Syarikat, tanyalah apakah sumbangan kita kepada Negara. Jangan ditanyakan apakah sumbangan negara kepada kita. Itu haruslah kitani serapkan di dalam jiwa rakyat dan penduduk di Negara ini dan alhamdulillah, seperti yang sedia maklum oleh Yang Berhormat bahawa pihak Kerajaan sendiri sehingga ini telah memperuntukan khusus perbelanjaan untuk apa jua aktiviti-aktiviti yang

dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung diperuntukan pada setakat ini \$100,000.00 iaitu apa jua projek-projek yang mendatangkan kemanfaatan sama ada akitiviti yang berbentuk kemasyarakatan, keagamaan, kesukanan dan juga yang boleh mendatangkan faedah kepada masyarakat khususnya di tempat-tempat masing-masing.

Alhamdulillah, pada masa ini pihak Kerajaan tidaklah membebaskan kepada Ahli-Ahli Majlis Perundingan dan Mukim, semua sekali apa aktiviti-aktiviti tersebut dihadapkan dengan adanya cadangan-cadangan dihadapkan melalui Jabatan Daerah masing-masing dan juga pegawai-pegawai daerah dan Kementerian akan meneliti cadangan-cadangan tersebut, dan alhamdulillah, setakat ini 80% telah pun diluluskan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri untuk mengendalikan projek-projek yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sebagai contohnya kelmarin Majlis Perundingan Mukim Kota Batu telah diamanah untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti keagamaan di antara pertandingan Al-Quran di antara penghulu-penghulu mukim dan ketua-

ketua kampung serta rumah panjang secara bacaan Al-Quran secara tertib ini adalah salah satu daripada aktiviti-aktiviti yang dianjurkan, dan banyak lagi di daerah-daerah Temburong misalnya ada aktiviti-aktiviti yang dianjurkan begitu juga daerah Belait.

Alhamdulillah, ini kitani Majlis-Majlis Perundingan ini adalah dihasrat untuk penglibatan penduduk dan rakyat di tempat masing-masing dan dalam waktu yang sama kitani hendak menyatupadukan semua sekali masyarakat perpaduan, kerjasama dan keharmonian di kalangan semua masyarakat ertinya di sini pihak Kerajaan dan pihak orang ramai sebagai partnership untuk sama-sama bekerjasama bukan saja dalam aktiviti-aktiviti tetapi juga bersama-sama dalam menjaga hal ehwal keeselamatan, ketenteraman dan juga keamanan negara, alhamdulillah pada masa ini ianya berjalan dengan baik dan sempurna. Itu saja Yang Dipertua.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Pengerusi, Peramba ingin hanya mendapat tau penjelasannya

mengenai perbelanjaan kementerian yang terkandung dalam Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri \$16,810,862.00. Ada satu Tajuk Program Bantuan, Program Perkembangan Belia memanglah dipuji Menterinya mengadakan bantuan ini akan tetapi tidakkah ini menduplicatekan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan, kalau pun tidak memanglah dialu-alukan memberi bantuan perkembangan ini, kalau ada patutlah jua difikirkan pula. Itu yang pertama, yang kedua ini harus sahabat saya Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua (II) akan dapat memberikan penjelasan yang lebih ringkas senang padanya.

Yang kedua membeli 7 buah truk sampah, dipohonkan di sini, pembelian ini dianggarkan \$600,030,000.00 tetapi budget yang asal untuk membeli sebuah truk \$100,000.00. Dalam yang ada sekarang ini untuk revote sebanyak \$50,000.00. Saya berconfuse apa yang sebenarnya ni, yang diluluskan tahun 2006, 2005, Pengiran dapat penerangan lebihkan hal ini sebab kebiasanya peruntukan tahun ini \$650,000.00 sepatutnya ada

ditunjukkan, ini inada tetapi adalah, itu yang kedua.

Yang ketiga kerja membina semula Pentas Diraja Padang Bandaran Jalan Sultan Kuala Belait, saya sendiri bekas Pegawai Daerah sana mengalu-alukan, tetapi lagi sama jua masalahnya ni. Pengambilan semula sedangkan benda ini dalam yang diluluskan satu sen pun belum tetapi apa yang diminta luluskan semula ani, agar rancangan kos \$500,000.00 tetapi peruntukan tahunan kewangan 2005, 2006 \$100,000.00 I have confuse, tapi saya percaya Menteri Kewangan kita boleh menjelaskan banyak lagi perkara serupa ini berlaku dalam perkara ini dan sekiranya anggapan saya ini betul, tolonglah betulkan saja, jadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri senang hati. Sekian Pengiran. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, izinkan Peramba menjelaskan sedikit dan mungkin barangkali akan menjelaskan seterusnya kali Yang Berhormat Menteri

Kewangan Kedua (II) kali berhubung dengan Program Bantuan Perkembangan Belia ini, ini barangkali teknikal, tajuk sebenarnya ialah yang digunakan oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, ini perlu penyelarasan di sana ni, sebabnya disini ada masalah teknikal disini, komputer sistem mungkin ampun.

Ani diprosesnya perbelanjaan ini adalah untuk aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung anilah abis Peramba gunakan peruntukan ani. Ini adalah masalah-masalah komputer sistem ni mungkin ampun terpaksa abis peramba gunakan tajuk ani. Ani perkara ini sudah diselaraskan dengan Kementerian Kewangan, dalam waktu yang sama boleh jua abis Peramba dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu yang ada menjurus kepada aktiviti-aktiviti belia tetapi indalah ada.

Oleh sebab inada dapat digunakan pada tahun itu, terpaksa di"revote", mungkin ampun. Kalau inada dapat digunakan 2005/2006 itu kadang-kadang ia "takes time", mungkin ampun untuk trak itu sampai ke Negara Brunei

Darussalam. Jadinya inda memerlukan peruntukan *"the whole"* peruntukan atu.

Macam atu jua munkan ampun, misalnya tadi kerja-kerja membina semula Pentas Diraja, Bandaran dipohonkan pada tahun 2005/2006 *"it takes time"* munkan ampun dulu belum lagi kan dirobah dan seumpamanya. Alhamdulillah pada masa ani sedang dalam proses pembinaan. Ianya insya-Allah akan dapat diselesaikan sebelum Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-60 tahun. Dan atulah barangkali yang dapat peramba sembahkan mengenai perkara ini dan mungkin barangkali keterangan lanjut boleh diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua (II) dalam masalah peruntukan ani.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih. Peramba jua menjunjung kasih di atas nasihat Ahli Yang Berhormat di sana. Mengenai dengan membeli tujuh buah trak ani sebenarnya sudah ditawarnya pada tahun ini. Cuma akan menanti datangnya lagi saja.

Tapi dikhuatiri jua nanti. ia tidak dapat dibekalkan pada akhir bulan Mac ini, sebab itulah sebagai *"token"* saja tu diberi peruntukannya. Kalau sekiranya ia lambat di bekalkan sekurang-kurangnya dapatlah kita bayaran dengan mengadakan *"virement"* daripada tajuk-tajuk yang lain yang tertentu.

Alhamdulillah, usul-usulnya truk ini, sudahpun datang. Jadi ada sudah *"virement"* dipohonkan pada tahun kewangan ini \$50,000.00, ini tidak diperlukan pada tahun hadapan. Mengenai dengan kerja-kerja membina semula Pentas Diraja, dari segi *"tendering"* dan sebagainya barangkali sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri jadi tidak payah lagi peramba menjelaskan secara terperinci. Menjunjung ampun.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Membetulkan keadaan cara membuat peruntukan bagi tahun, istimewa yang diminta balik semula. Dalam tahun 2005/2006 inda ada, apa yang dipinta kalau barang inda ada, di"revote"? Dulu "revote" ani ada dua

“R”, satu “on request”, “R” jua, satu “revote”, “R” jua. Which one is each? Barangkali ini cuma teknikal yang boleh, yang senang dibetulkan. Jadi saya pulangkanlah kepada Yang Berhormat Pehin Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Munkan ampun, Insya-Allah itu akan dibetulkan. Sebenarnya \$100,000.00 peruntukan 2005/2006 sepatutnya di dalam “column” itu bukannya di luar itu. Insya-Allah akan dibetulkan. Menjunjung kasih jua di atas teguran Yang Berhormat Ahli di sana.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sekiranya silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya ingin bertanya dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang Berhormat Pehin mengatakan bahawa peruntukan untuk perbelanjaan Majlis Perundingan Kampung ada \$100,000.00. Adakah

peruntukan ani tiap-tiap tahun ataupun iatah hanya sekali itu, yang pertama dan yang kedua pengalaman hamba memohon “budget” tersebut kalau abis hamba memohon katalah \$2,000.00, \$1,000.00 ganya, \$1,000.00 kena potong. Jadi yang \$1,000.00 terpaksa Majlis Perundingan Kampung, nya orang mencari-cari, mengakai-ngakai untuk mencukupkan “budget”. Jadi saya minta Yang Berhormat Pehin menjelaskanlah. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba menjunjung untuk menjelaskan serba sedikit tentang pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, peruntukan \$100,000.00 ani tahun lepas memang ada sudah \$100,00.00 dan \$100,000.00 juga dipohonkan pada tahun 2006/2007. Insya-Allah kalau sekiranya benar-benar diperlukan di masa-masa akan datang, sangat-sangat diperlukan ianya akan dapat dipohonkan untuk ditambah. Jika benar-benar keperluan itu dikehendaki

oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk mengendalikan apa jua aktiviti-aktiviti yang diungkayahkan.

Memanglah barangkali nya orang konsep '*beampit-ampitan*' ani. Kalau sekiranya semua sekali dalam satu Majlis Perundingan Kampung itu spesifik diberikan seperti yang dipohonkan mungkin barangkali ahli-ahli perundingan yang lain inda ampit. Ertinya di sini konsep '*beampit-ampitan*' di antara semua Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seperti Ahli Yang Berhormat maklum juga di sini banyak kampung-kampung itu lebih 200 kampung di seluruh negara.

Jadinya di sini terpaksa pihak kementerian dengan kerjasama daripada pegawai-pegawai daerah untuk membagi-bagikan peruntukan-peruntukan yang disediakan ini dengan konsep '*beampit-ampitan*' bagi membolehkan digerakkan aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Jika betul-betul perkara itu inda mencukupi, boleh biskita menghadapkan rayuan supaya akan

dapat dipertimbangkan. Kalau sekiranya ia membantutkan peruntukan itu inda cukup, boleh ia membantutkan projek yang dapat dilaksanakan bolehlah dihadapkan semula kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Pegawai Daerah untuk mempertimbangkan peruntukan jika sekiranya inda cukup yang biskita fikirkan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti sedemikian. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada Ahli-Ahli yang ingin mengemukakan Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kita sifatkan lulus sebagai bahagian Undang-Undang.

Jurutulis: SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Pengiran Pengerusi yang telah diluluskan, dimasukkan eloklah dikatakan telah dimasukkan dalam jadual tertakluk kepada pindaan yang telah dibuat dalam Jawatankuasa.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, tidak ada yang membincangkan hal Pindaan tadi.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Telah banyak didengar pindaan-pindaan yang salah itu dipindahkan, diubah. Jelas ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengatakan itu ini salah, dibetulkan, inda dibetulkan, kita masukkan dalam minitnya.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, walaupun dalam perbincangan ada tadi tetapi berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang ditentukan kepada Jabatan tertentu maka urusan perpindahan-perpindahan itu akan dilakukan cara dalam di antara Kerajaan dengan Kerajaan saja, tidaklah perlu dituliskan di sini nanti banyak masalah akan timbul.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Maaf Ahli Yang Dipertua. Kalau tak salah dalam susunan perundingan dalam persidangan, apa jua yang telah dibuat dalam ini kalau

ada pindaannya mesti masukkan dalam minit. Kalau tidak ada pindaan, pindaan yang tadi yang betul berjalan sebagaimana apa yang ditulis dalam ini, tak ada tak apa.

Pengerusi: Sebagaimana peramba sembahkan tadi tulisan “budget” kepada Kementerian-Kementerian itu akan mengikut secara biasa tetapi perundingan ini perkataannya boleh ditulis di dalam minit nanti oleh Setiausaha. Tidak jadi apa-apa tetapi “budget” ini tidak akan berubah, macam ani jua. Jadi ertinya kedua kementerian akan mempunyai satu persetujuan sebagaimana yang dilafazkan tadi. Itulah pada fikiran peramba.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Saya minta maaf sekali lagi, saya terpaksa menyuarakan sebenar-sebenarnya. “Budget” memang tidak diubah tetapi perkataan apa yang di dalam itu mesti mahu diubah.

Ada perubahan yang telah dicadangkan oleh Menteri sendiri mengakui akan dipindah perkataan itu. Bukan “figures”nya yang akan dipindahkan itu,

diubah itu. "Budget"nya sebagaimana hanya supaya jangan terkeliru. Sebagaimana yang dikatakan tadi itu lain dimaksudkan wang itu kepada ini tetapi yang sebenarnya kepada ini.

Pengerusi: Sila ambil perhatian itu. Masukkan dalam perundingan itu, ubah ia sedikit.

Yang Berhormat Awang Haji Idris Bin Haji Abbas: Peranannya dalam mencapai matlamat yang hendak dicapai Lembaga Bandaran adalah sebagai sebuah jabatan yang berfungsi memberikan perkhidmatan kepada orang ramai mestilah memberikan kepuasan ataupun satisfaction kepada pelanggan-pelanggannya sebagaimana tekad pemedulian seperti pengeluaran lesen-lesen, meluluskan permohonan-permohonan pembangunan, pembersihan seperti sampah dan sebagainya, juga sebagai sebuah agensi Kerajaan, ia juga mentadbir keseluruhan bandar untuk berfungsi sebagai bandar yang bersih selamat dan digemari dalam suasana alam sekitar yang sihat serta membuat pengutipan-pengutipan hasil pendapatan Kerajaan seperti cukai pintu

dan pembayaran-pembayaran letak kereta.

Untuk melaksanakan semua tugas-tugas ini memerlukan kakitangan yang cukup, yang mencukupi, saya rasa lembaga memerlukan lebih ramai lagi pegawai-pegawai yang bertauliah dan profesional seperti planner, engineer, arkitek dan sebagainya bagi tugas-tugas seperti meluluskan sebarang permohonan-permohonan selain daripada memberikan perkhidmatan-perkhidmatan pentadbiran ataupun pemeliharaan .

Satu isu yang dikenal pasti buat masa ini ialah masalah tunggakan, tunggakan bayaran cukai pintu, letak kereta jumlahnya begitu besar, barangkali dapatlah direfer kepada Lembaga kalau untuk mengetahui job figure, dengan adanya pentadbiran yang efisien dan berkesan mungkin akan mengurangkan tunggakan-tunggakan pembayaran ini kerana pembayaran ini adalah pendapatan negara juga sebagai satu lagi sumbangan untuk memberikan ekonomi kita yang sustainable.

Ia juga akan memberikan kualiti perkhidmatan yang baik dan cemerlang,

kelengkapan seperti kenderaan membuang sampah dan sebagainya mestilah mencukupi, tadi ada disebutkan juga tujuh buah truk yang sudah diberikan kerana tanpa adanya truk-truk pembuang sampah mungkin tugas tidak akan dapat dijalankan dengan baik ataupun cara lain mungkin akan dapat diswastakan, perkhidmatan-perkhidmatan diperlukan, lebih-lebih lagi untuk menampung perkembangan dan pembangunan yang pesat di bandar, penyediaan tenaga manusia dalam perjawatan juga patut dibuat untuk rancangan panjang masa depan bagi rancangan meluaskan bagi kawasan bandar misalannya dan bidang operasinya.

Saya tidak akan menimbulkan secara detail hanya memberikan seranan bahawa tenaga manusia yang mahir perlu dicukupkan dalam peruntukan ini, juga pentadbiran management seperti *Local Council Information System Billing System* akan dapat dibuat di sana iaitu *E-billing* perlu juga diusahakan, saya difahamkan juga ini termasuk dalam perancangan *E-Government*, jadi satu tugas yang urgent yang patut dilaksanakan, saya rasa sistem ini akan membantu kita lagi untuk pengutipan-

pengutipan cukai yang teratur dan berkesan, Insya-Allah dengan peningkatan ini nanti setelah taraf bandar kita akan lebih-lebih lagi baik dan maju juga akan berpotensi menaikkan tarafnya kepada peringkat bandaraya ataupun *city status*.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi kesimpulannya adakah "*budget*" yang telah diperuntukan ini mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugas ataupun tanggungjawab yang telah saya sebutkan tadi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof : Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi ingin saya serba sedikit menjelaskan di sini, segala maklumat-maklumat memanglah diambil perhatian yang telah dicadangkan oleh salah seorang ahli yang berhormat tadi, memanglah tujuan yang sebenarnya kita hendak membina mungkin juga meningkatkan taraf Bandar Seri Begawan dan pada masa ini juga pihak Jabatan Bandaran juga telah membuat satu kertas kerja untuk dalam

rancangan untuk membesarkan kawasan Bandar Seri Begawan dan juga di samping itu untuk membina Bandar Seri Begawan ini dengan kerjasama kementerian-kementerian yang berkenaan untuk lebih maju lagi di masa-masa akan datang, dalam masa yang sama memang sudah dalam bukan lagi dalam rancangan akan dilaksanakan Insya-Allah dalam waktu yang sesingkat-sesingkatnya untuk menyiapkan kertas kerja tersebut, ini adalah masih lagi di dalam teknikal untuk menentukan sempadan-sempadan yang akan diperluaskan di kawasan Bandar Seri Begawan itu dan di samping itu juga seperti yang telah dinyatakan memang ada tunggakan-tunggakan yang dialami oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

Di mana tunggakan ini juga adalah kurang kerjasama kepada pemilik-pemilik bangunan kedai di kawasan Bandar Seri Begawan dan pihak Lembaga Bandaran juga telah berusaha sedaya upaya untuk menuntut-tuntutan yang tertunggak dengan mengadakan secara persuratan, melalui perundingan dan seumpamanya dan belumlah seratus peratus dapat dijelaskan oleh pihak-pihak yang

berkenaan, misalnya saja pada tahun 2002 saja misalan tunggakan bagi hasil cukai yang dialami oleh Jabatan Bandaran ialah dua belas juta sembilan ratus satu ribu ringgit 2002, dan tunggakan yang hanya dibayar ialah pada tahun tersebut hanya dua juta dan pada tahun 2005, ini sebagai bayangan saja tunggakan menurun dari hasil collection yang telah diusahakan oleh Lembaga Bandaran sebelas juta lima ratus lapan puluh ribu ringgit.

Ini adalah kurang kerjasama daripada pemilik-pemilik bangunan dan mereka-mereka yang sepatutnya menjelaskan tunggakan-tunggakan tersebut itu daripada hasil cukai pintu, walau macamapun pihak Bandaran memanglah berusaha sedaya upaya untuk memohon kerjasama kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk menjelaskan cukai pintu yang sepatutnya dijelaskan oleh mereka-mereka yang berkenaan, bukan saja cukai-cukai pintu malahan juga di Lembaga Bandaran Kuala Belait juga mengalami perkara-perkara sedemikian, inilah tanggungjawab haruslah kitani pikulkan bersama bukan sahaja di pihak Kerajaan tetapi pemilik-pemilik kedai atau bangunan sepatutnya lagi

bertanggungjawab untuk menjelaskan mana-mana hutang ataupun cukai-cukai yang patut dijelaskan oleh pihak Kerajaan, walaupun pihak Kerajaan telah memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu terutama sekali di kawasan Bandar yang tersebut tetapi malangnya kerjasama sepenuhnya belumlah dapat ditunaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk menjelaskan hutang-hutang tersebut, dan ini salah satu daripada seperti yang telahpun disuarakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi menjejaskan juga pendapatan Kerajaan dalam perkara ini, itulah yang dapat saya jelaskan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, saya merasa bangga dan sangat memuji keadaan Bandar Seri Begawan sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, keadaan Bandar Seri Begawan memang dipuji, memang dapat di ketengahkan dan dipuji oleh pelancung-pelancung yang datang di negeri ini dari segi keindahan bandar, kecantikan dan keamanan serta selesa, jadi walau bagaimanapun dalam

keadaan pujian orang ramai dan juga pihak pelancung serta rakyat di Negara ini.

Ada lagi satu perkara yang harus ditangani iaitu pasar ikan di tambing Sungai Brunei berdekatan dengan turun naiknya perahu, di sana kalau kita mengamat-amati benar-benar pasar ikan yang ada sekarang itu memang kalau dilihat memang kurang manis dan kurang cantik tambahan pula setiap masa kita mendekati tempat Bandar Seri Begawan kita terhidu bau yang kurang menyenangkan walaupun yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri tadi, cadangan-cadangan bagi pihak meluaskan Bandar Seri Begawan memang dimaklumi, tapi apa yang saya sebutkan untuk mencantikkan Bandar mengenai dengan pasar ini haruslah diperbaiki lebih awal, kerana apa pasar ikan yang ada sekarang ini sepatutnya harus difikirkan oleh pihak yang berkenaan sama ada ia dibaiki ataupun dipindah ke satu tempat yang sesuai.

Yang kedua mengenai dengan pasar tamu di Sungai Kianggeh yang bermusim digunakan pada hari Jumaat dan Minggu, sekarang alhamdulillah, nampaknya sungguh selesa dan

pengguna-pengguna pun amat berterima kasih, walau demikian tapak yang ada sekarang boleh menampung pengguna-pengguna yang ada sekarang tapi walau macamapun masih lagi memerlukan penambahan petak-petak bagi pengguna-pengguna apatah lagi dalam jangka masa yang akan datang, memanglah perkara sedemikian diperlukan oleh rakyat dan penduduk yang memerlukannya.

Oleh yang demikian barangkali jadi sekarang eloklah pihak yang berkenaan untuk membesarkan dan mengikhtiarkan tempat supaya pengguna-pengguna akan lebih banyak menggunakan tempat tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof : Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi berhubung dengan pasar ikan basah yang sebenarnya di dermaga itu adalah bersifat sementara, memanglah ini adalah satu isu barangkali terutama sekali peniaga-peniaga di sana dan memanglah susah untuk mereka-

mereka ini terutama sekali dalam mengenalpasti tempat yang bersesuaian, jadi memang sudah lama difikirkan untuk mengenalpasti tempat-tempat yang bersesuaian di manakah sepatutnya memindah mereka ini dan jabatan-jabatan yang berkenaan juga telahpun diundang untuk merundingkan perkara ini dan memilih beberapa buah tapak yang telah dikenalpasti.

Dan memanglah perkara ini diambil berat pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga ada sudah rancangan untuk memindah mereka ini ke tempat-tempat yang lebih bersesuaian dan ini adalah tertakluk lagi rundingan seterusnya dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam memindah peniaga-peniaga yang pada masa ini ditempatkan di Dermaga Bandar Seri Begawan yakni pasar basah, berhubung dengan tamu dalam jangka masa yang panjang memang kawasan tamu di Sungai Kianggeh juga telah difikirkan untuk dipindahkan di tempat yang lebih bersesuaian dalam jangka masa yang panjang. Itu saja yang saya dapat saya jelaskan.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat

Yang Berhormat Haji Sulaiman Ahad:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam menambah apa yang telah dicakapkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingin menambah mengenai dengan tempat penurunan perahu tambang dari Daerah Brunei ke Daerah Temburong. Apa yang telah disunggutkan daripada orang ramai tidak ada pondok untuk mereka berehat apabila waktu hujah, apatah lagi mereka membawa keluarga-keluarga, misalan satu daripadanya mereka akan bersesak untuk tinggal untuk berlindung ditempat-tempat pembayaran tiket-tiket sahaja.

Adalah dapat diharapkan supaya pondok diadakan ditempat tambing berkenaan, supaya mereka akan dapat melindungi diri samada anak mereka yang kecil-kecil atau pun barang-barang yang akan bawa yang tidak patut basah dikena hujan. Inilah satu-satu masaalah yang dihadapi bagi penduduk khasnya di Daerah Temburong yang akan balik dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan: Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi perkara yang disuarakan oleh Yang Berhormat diambil perhatian oleh Kementerian dalam perkara ini.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin bertanya saja khusus kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, pada pandang saya bahawa pembangunan khususnya di Pekan Belait.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat anu yang Belait Belum lagi. Baru Bandar Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafie Bin Ahmad: Minta maaf saya tarik balik.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada perbincangan di dalam Lembaga Bandaran Seri Begawan maka tajuk SE02A ini dimasukkan dalam bahagian Undang-Undang yang diluluskan.

Jurutulis: SE02A – Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dijadikan kepada sebahagian daripada

Jadual. SE03A – Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafie bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya memohon maaf sebentar tadi luan laju barangkali bah. Saya khusus ingin bertanya tentang pembangunan di Bandar Kuala Belait. Jadi saya tujukan soalan ini saya tujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada pandangan saya Pengiran Pengerusi bahawa pembangunan di Pekan Belait itu agak lembab perlahan.

Pada pandangan saya lah, pembangunan lambat membangun, jadi saya ingin mengutarakan soalan-soalan khusus kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Adakah perancangan samada jangka pendek jangka panjang untuk membangun dan membina Kuala Belait khususnya kalau disepanjang tambing dari Taman Seri Kenangan itu menuju tu. Pada masa ini kawasan tersebut kosong saja kali dalam masa 10 – 15 tahun keadaannya begitu, jadi saya bertanya adakah pihak Kementerian Dalam Negeri untuk membina Pekan

Kuala Belait, terima kasih Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat tadi memanglah ada perancangan dan dimasukkan jua dalam rancangan Kemajuan Negara Ke-9 untuk membina disepanjang kawasan Sungai Kuala Belait iaitu daripada Mercu Tanda Kenangan disana tu sehingga lah ke Taman Tudung Saji, dikawasan Tudung Saji disana dan juga ada beberapa projek dalam pemikiran juga untuk membina di Bandaran Kuala Belait. Bukan saja ada rancangan pihak Kementerian malahan juga termasuk lah juga rancangan-rancangan di Jabatan Alam Sekitar.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafie bin Ahmad: Kalau ada perancangan bila kira-kiranya supaya diturunkan jawapan itu pada khususnya penduduk-penduduk Pekan Belait. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin peramba kaola saya menentukan bila dapat dilaksanakan projek tersebut, ini adalah akan memakan masa dan juga reka bentuk terpaksa disediakan oleh pihak-pihak yang berkenaan, jadinya ada dalam rancangan Kedua dalam Rancangan Kemajuan Yang Ke-9.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada ahli-ahli yang bercakap dalam tajuk Lembaga Bandaran Kuala Belait maka tajuk ini dimasukkan ke dalam tajuk yang telah diluluskan didalam Undang-Undang ini.

Jurutulis: SA03A – Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dijadikan sebahagian daripada Jadual. SA 04A – Lembaga Bandaran Tutong.

Yang Berhormat, Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd Rauf: Yang Amat Mulia Pengerusi Majlis saya selaku wakil dari Tutong, ingin tahu apakah Lembaga Bandaran Tutong ini akan diperluaskan

iaitu seperti mana yang ada pada masa ini. Satu diperluaskan lagi, kerana apa yang kita lihat, kedai-kedai yang ada di Tutong itu ada sebahagian nya tidak masuk kepada Bandaran, hanya tanggungjawab kepada Daerah. Jadi ingin tahu perkara ini kalau kan memperlihatkan bahawa satu Bandar Tutong adalah tempat persinggahan daripada Kuala Belait dan ke Brunei, ingin tahu pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memang sudah ada rancangan dan telahpun di arahkan Jabatan Lembaga Bandaran Tutong untuk mengenal pasti dan merundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk membesarkan kawasan Bandaran Tutong dan ini memerlukan masalah-masalah teknikal dan juga kawasan-kawasan untuk dimasukkan untuk membesarkan Bandaran Tutong dimana seperti yang telahpun dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Memang diakui banyak sudah pembangunan-pembangunan khususnya di pusat Pekan Tutong pada masa ini. Kedai-kedai sudah makin berkembang luas dan begitu juga gedung-gedung perniagaan dan terdapat Hotel di Pekan Tutong dan masih lagi menunggu daripada Lembaga Bandaran Tutong dimana telahpun diarahkan menyediakan kertas kerja dalam rancangan untuk membesarkan kawasan Bandaran Tutong. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi perbincangan pada tajuk ini maka tajuk ini diluluskan sebagai satu tajuk didalam rang undang-undang ini.

Jurutulis: Tajuk SE04A, Lembaga Bandaran Tutong dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE05A Jabatan Buruh.

Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunos Bin Haji Mohd Noh: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi peramba ingin memberikan sedikit padangan mengenai dengan keseimbangan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan, jadi alhamdulillah skim-skim

yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan seperti lepasan-lepasan Universiti, Sekolah-Sekolah Teknikal, Sekolah-Sekolah Trade School pada kadarnya adalah mencukupi kepada kehendak keperluan kakitangan, sebahagian daripada kakitangan Negara Brunei Darussalam tetapi yang lazim kita dengari yang kitani ketahui bahawa kebanyakan daripada belia-belia ani menganggur.

Apabila mereka keluar daripada institusi-institusi berkenaan mencari pekerjaan terutama sekali pihak swasta jawatan-jawatan semua di penuhi oleh pendatang-pendatang asing. Jadinya tiada perseimbangan daripada lepasan sekolah dan untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Jadi nya saya peramba ingin mencadangkan supaya pekerja-pekerja asing yang bekerja di pihak swasta mestilah dengan secara perlahan di face out supaya tempat-tempat yang mereka kosongkan itu dapatlah diambil alih oleh belia-belia tempat yang mempunyai kelulusan yang kadang kala bersesuaian dengan pekerjaan yang dikosongkan itu. Yang kedua, kadang kala kalau sudah memohon labour quato Pejabat Buruh sering kali menyanyakan ada sudah

projek kalau kadang-kadang tidak ada projek labour quota dibenarkan. Camana tah gayanya kitani kan apa ni kan dapat kontrak kalau sekiranya labour kouta belum kitana tadapat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, memang banyak mereka dikalangan belia-belia yang mendaftarkan untuk bekerja di Jabatan Buruh. Misalannya sahaja pada bulan Oktober 2005 seramai 6,951 orang anak tempat mendaftarkan untuk memohon pekerjaan. Kebanyakan mereka ini dan boleh dikatakan 40 peratus mereka ini ialah mereka yang berkelulusan hingga setekad form 5 saja kebawah.

Inilah salah salah satu daripada dealimanya mereka ini kadang-kadang ada yang terlampau memilih untuk bekerja di sektor swasta walau macamana Jabatan Buruh telah berusaha untuk menyerap mereka ini ke sektor swasta dengan

mengadakan satu ujian khusus pekerjaan bagi anak-anak tempatan dan mengiklankan jawatan-jawatan kosong di Jabatan Buruh bagi membolehkan anak tempatan tersebut memohon pekerjaan dan disamping itu juga Jabatan Buruh juga telah menyediakan beberapa bilik khusus kepada majikan untuk menemuduga calon-calon yang berkecukupan untuk diambil bekerja.

Setekad daripada Januari tahun 2005 hingga Oktober 2005, 416 orang yang berdaftar mendapatkan pekerjaan dan usaha-usaha bagi inisiatif-inisiatif juga telah pun dibuat bagi mengadakan latihan-latihan dan kursus-kursus yang bersesuaian yang difikirkan berkecukupan untuk mendapatkan pekerjaan bagi anak-anak tempatan misal dengan pihak swasta iaitu salah satu daripada auditing form dimana kebanyakan jawatan-jawatan yang tertentu telah pun juga dibekukan bagi hanya berkecukupan untuk diambil bekerja dikalangan anak tempatan misalnya kerani perakunan dan security memang tidak ada orang-orang asing yang dibenarkan dan ada juga kategori-kategori yang diketatkan yang majority seboleh-bolehnya diambil anak-anak tempatan dan juga menjadi sungutan-

sungutan majikan-majikan satu daripadanya ialah meliti atau intitut orang kitani dan over pihak-pihak anak-anak tempatan ini adalah sentiasa bekerja dengan tidak ada notis sehari dua hari notis berhenti dengan tidak ada memberi alasan tertentu dan pihak majikan telah pun membuat aduan macammana kan mengambil anak tempatan.

Kami harus sentiasa beroperasi dan ini akan menjejaskan peniagaan, sungutan-sungutan ini terdapat di gedung-gedung perniagaan dimana telah banyak juga anak-anak tempatan kitani bekerja di gedung-gedung perniagaan tetapi, disamping itu juga Jabatan Buruh telah meneliti dan juga memohon kerjasama supaya mengutamakan anak tempatan untuk diambil bekerja dan disambil itu juga pihak Buruh juga bekerjasama dengan syarikat yang berkenaan untuk mengadakan kursus-kursus yang tertentu bagi membolehkan mereka ini mendapat kemahiran dan boleh bekerja tempat-tempat yang berkenaan.

Alhamdulillah, dengan dari kursus-kursus yang sedemikian pihak majikan juga mengambil beberapa orang

pekerja-pekerja tempatan, masalah yang dihadapi sekarang ialah iaitu orang kitani in da tetap bekerja dimajikan di sektor-sektor swasta barangkali Ahli Yang Berhormat mengambil maklum tentang perkara ini walau bagaimanapun, memanglah diutamakan atulah, masalah memproses-proses pekerja asing ini terpaksa diteliti kalau boleh ditawarkan-ditawarkan dulu kepada anak-anak tempat yang berdaftar di Jabatan Buruh dan ditemuduga oleh majikan sama ada bersesuaian untuk diambil bekerja tempat-tempat perniagaan mereka dan masalah lessen ani, lessen mendatangkan pekerja asing memanglah kriteria-kriteria yang dibuat oleh Jabatan Buruh hendaklah menunjukkan bahawa ada projek ataupun perniagaan.

Ini adalah bagi mengelakkan orang-orang yang didatang kalau pun indada projek macammana majikan kitani atau pun orang-orang kitani untuk membayar gaji, ani adalah salah satu eliman ni, delima, kadang-kadang majikan hanya menghantar boring-borang tersebut tanpa ada perniagaan-perniagaan yang tertentu dan macammana hendak mereka membayar gaji dan masalah ini akan timbul, siapa kah akan

membalikkan mereka ini dan mereka akan menjadi mangsa di negara ini kalau sekiranya pekerja indada dan juga banyak juga terdapat filing atau pun Ali Baba disini, ertinya terpaksa Jabatan Buruh pengalaman yang sudah-sudah terpaksa meneliti dengan secara terperinci permohonan-permohonan untuk mendatangkan pekerja asing.

Seperti yang biskita yang sedia maklum, walau pun sekiranya ada pekerja-pekerja asing yang telah pun didatang ke Negara ini seperti misalan walaupun company yang besar protect salah satu daripada delima yang dihadapi di Jabatan Buruh, majikan tidak bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja-pekerja tersebut. Anilah salah satu daripada delima bukan Jabatan Buruh tidak dapat mempertimbangkan tapi kalau majikan ada perniagaan yang genuin perkara ini boleh dipertimbangkan oleh Jabatan Buruh kalau ada bukti-bukti yang mereka ini akan menjalankan perniagaan ataupun apa jua jenis perusahaan yang akan dikendalikan.

Memang pihak Kerajaan memberikan keutamaan anak-anak tempatan untuk

mengendalikan apa jua perusahaan dan perniagaan di Negara ini tetapi harus bersama-sama bertanggungjawab supaya pihak-pihak pekerja asing itu tidak akan menjadi mangsa tidak ada pekerjaan berkeliran di sana sini dan masalah akan timbul di Negara ini banyak pekerja-pekerja asing tanpa pekerjaan kita pun mengetahui juga tindakan undang-undang telah pun diambil di mana beberapa kes telah terdapat pihak majikan gaji sehingga 6 bulan, 7 bulan, 8 bulan ada yang sampai 2 tahun tidak dibayar gaji anilah, jadi pengalaman-pengalaman anilah jadi contoh tauladan kepada Jabatan Buruh untuk meneliti dan memastikan bahawa perniagaan itu akan dijalan supaya jangan akan menjadi satu masalah atau pun isu yang dihadapi oleh Negara ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor :Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan peraturan Buruh ini kepada majikan khususnya majikan-majikan ada yang mengambil anak-anak tempat di majikan masing-masing jadi ada di antara aduan majikan aduan pekerja-pekerja tempat mengata majikan menjanjikan kepada pekerja-pekerja tempatan mengenai dengan

gaji, kenaikan gaji dan berapa hak cutinya dalam setahun, tetapi malangnya pihak majikan cuma janji tinggal janji malah pekerja ini pernah ditimpa perkara sedemikian mereka memohon cuti di atas sebab-sebab yang memerlukan pekerja itu bercuti, malangnya pekerja tersebut apa ia bercuti, cutinya itu disuruhnya ganti makna cuti yang dibenarkan oleh majikan itu tidak berguna.

Kedua, majikan pernah menjanjikan bahawasanya gaji yang diberikan sekian-sekian akan dinaikan setiap tahun dan akan dibayar bonusnya sekian-sekian malangnya ada majikan juga yang tidak menunaikan janji-janji terdapat pekerja-pekerja tempatan. Oleh yang demikian, perkara sedemikian haruslah yang berkenaan akan membuat penyiasatan kepada majikan yang berkenaan dan kepada mangsa-mangsa yang saya sebutkan tadi ke manakah mereka ini akan mengadukan halnya sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Johan Pahlawan Dato Paduka Awang
Haji Adanan bin Begawan Pehin
Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang**

Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan, kalau sekiranya ada pekerja-pekerja yang mengkomplain kepada majikan mereka haruslah membuat aduan dan melaporkan kepada Jabatan Buruh supaya Jabatan Buruh akan menyiasat perkara ini dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian seperti yang barangkali Yang Berhormat sedia maklum memanglah banyak majikan-majikan di negara ini barang dapat terperikah oleh Jabatan Buruh untuk melawat kesemua sekali tempat-tempat mereka, apa yang seharusnya juga pihak-pihak yang menjadi mangsa itu haruslah "*come forward*" untuk melaporkan perkara ini mungkin barangkali pihak yang berkenaan melapurkan ke Jabatan Buruh supaya siasatan lanjut akan dapat dijalankan.

Ini tertakluk kepada kerjasama kalau sekiranya perkara itu ada masalah haruslah juga dimaklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya pihak berkenaan akan dapat mengadakan lebih terperinci tentang aduan-aduan tersebut samada berasas ataupun sah supaya akan dapat tindakan yang tertentu seperti yang

saya tadi sampaikan tadi bahawa misalnya masalah orang itu lagi melapurkan ke Jabatan Buruh, Jabatan Buruh menyiasat dan akan mengambil tindakan undang-undang seperti yang telahpun ada kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah terutama sekali majikan yang tidak membayar gaji kepada pekerja-pekerjanya ada dalam Undang-Undang Akta Buruh tetapi adalah dipohonkan kerjasama kepada siapa yang tertentu untuk melapurkan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan bagi menjalankan penyiasatan dan tindakan yang sewajarnya dengan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuat kuasakan pada masa ini.

Yang Amat Mulia Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada lagi Ahli-Ahli ingin membincangkan perkara ini maka Tajuk SE05A : Jabatan Buruh diluluskan pada pertimbangan jawatankuasa.

Jurutulis: Tajuk SE05A - Jabatan Buruh dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang jawatankuasa perbincangan

di dalam Jawatankuasa ditangguhkan untuk kita bersidang di dalam Mesyuarat Negeri.

(Majlis bersidang semula)

Yang Dipertuan Dewan: Sekarang Majlis Mesyuarat Negeri disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah sampai jam 4.00 petang, maka Mesyuarat kita ditangguhkan pada hari Isnin, jam 10.30 pagi kerana memberi peluang akan diminta hadir ke airport memberikan penghormatan kepada keberangkatan Duli Pengiran Muda, kerana itu, jam pada ketika itu, meeting hari Satu ialah jam 10.30, hari Isnin jam 10.30. Maka Mesyuarat sekarang ditangguhkan hingga tarikh tersebut dan jam tersebut.

(Mesyuarat ditangguhkan)

**YANG DIPERTUA DEWAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

YANG HADIR : YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj
ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd.
Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK., PKL.,
Yang Dipertua Dewan,
Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.
2. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
3. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah
Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan,
Negara Brunei Darussalam.

4. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir sebelah pagi)

5. Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.
6. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.
7. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.
8. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.
9. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

10. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang
Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.
11. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri
Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB.,
DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.
12. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang
Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
SPMB., DSNB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana
Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
13. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji
Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, DPMB., SNB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.
14. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Paduka Awang Lim Jock Seng, SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI YANG DI LANTIK (ORANG-ORANG BERGELAR):

15. Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin
Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS.,
PHBS., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

16. Yang Amat Mulia,
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul
Momin bin Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB., DPMB., POAS.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
17. Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Paduka Awang
Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, DPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN):**

18. Yang Berhormat,
Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh,
DPMB., PHBS., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
19. Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin, SMB.,
PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.
20. Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
21. Yang Berhormat,
Awang Haji Idris bin Haji Abas, SNB., SMB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.
22. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.
23. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri
Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
24. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh, DPMB., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK DARI DAERAH-DAERAH:

25. Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Penghulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .
26. Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, PSB., PKL.,
Penghulu Mukim Lumapas,
Negara Brunei Darussalam.
27. Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin
Abd. Rauf, SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Penghulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.
28. Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad,
Ketua Kampong Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.
29. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Ketua Kampong Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR
BERSAMA:**

1. Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji
Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.
2. Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Isnin, 20 Safar 1427 / 20 Mac 2006****Majlis mula bersidang jam 10.30 pagi**

Yang Dipertua Dewan:
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, sekarang Majlis bersidang
semula.

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim,
Majlis Pertama Pertama Dari Musim
Permesyuaratan Kedua bagi Majlis
Mesyuarat Negara bersidang semula
dengan mendahului Doa Selamat.

Jurutulis: Membaca (Doa Selamat).

Jurutulis: Perkara yang kedua
mengangkat sumpah bagi Yang
Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa
Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan
Awang Haji Mohammad bin Haji Daud
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri
Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri
Pahlawan Awang Haji Mohammad bin
Haji Daud Menteri Kebudayaan, Belia dan
Sukan mengangkat sumpah.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli
Yang Berhormat, sekarang kita
bertukar kepada Majlis Persidangan
Majlis, ditangguhkan untuk
bermesyuarat secara Jawatankuasa.
Majlis ditangguhkan.

**(Majlis Bersidang selaku
Jawatankuasa)**

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang
Berhormat, kelmarin kita
menyelesaikan sampai Lembaga
Bandaran Tutong. Sekarang pada
hari ini kita akan merundingkan
Pejabat Daerah Brunei dan Muara.
Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya
tidak ada Ahli-Ahli ingin
membincangkan tajuk ini maka tajuk
ini kita...

**Yang Berhomrat Orang Kaya Jaya
Putera Awang Haji Mohd Taha bin
Abd.Rauf:** Yang Amat Mulia
Pengerusi Majlis, Ahli-Ahli Yang
Berhormat, alhamdulillah saya
sesungguhnya terpanggil setelah
meneliti dari awal hingga keakhir

hingga ke saat ini. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, apa yang saya suarakan dalam dewan yang mulia ini, ialah mengenai dengan scale gaji, bahawa sejauh ini adakah pihak-pihak yang berkenaan terfikir meningkatkan kedudukan scale gaji ini pada misalnya Bahagian 2, dan seterusnya ke bahagian-bahagian lain. Sekiranya ada diucapkan terima kasih. Dan kalaupun belum ada, akan dapat diusahakan. Ini adalah beberapa faktor.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, scale gaji itu untuk siapa di dalam tajuk ani?

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd Taha bin Abd.Rauf: Scale gaji ini dalam bahagian penghulu dan Ketua Kampung. Nampaknya di sana masih pada takok lama. Jadi kalau dapat perkara ani diusai balik ataupun ditingkatkan balik.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, apa yang saya suarakan perkara ini, ialah keperluan kita pada hari ini sehari-harian agak meningkat. Kalau kita tinjau barang-barang pada masa ini tentulah naik daripada satu masa ke satu masa. Jadi perkara ini seeloknya kawalan-

kawalan yang sedemikian supaya dapat diberi perhatian. Jadi kearah ini sesungguhnya dalam dewan mulia ini, kita menyuarakan adalah kepentingan orang ramai. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.

Yusof : Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahamatullahi Wbarakatuh, Bismillah Irahman Nirahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba memohon untuk memberikan sedikit penjelasan tentang perkara yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Sebelum saya menjawab secara khusus, baik jua kitani imbas kembali, yang sebenarnya pada dulunya elaun Ketua Kampong dan Penghulu-Penghulu mukim pada tahun 90-an telahpun dinaikan daripada scale divison 4 kepada scale C3. Bagi Penghulu Mukim saya masih ingat lagi daripada D3 hingga pada masa ini hingga kepada

scale C2 iaitu menerima \$1,260. Begitu juga halnya dengan Ketua Kampong daripada scale E telah dinaikan kepada D3. Dan pada baru-baru ini juga melihat akan keadaan dan tugas “*to the extent*” hingga menjangkau kepada Ketua Rumah Panjang. Terutama sekali yang Ketua Rumah Panjang masih ada di Daerah Temburong, Tutong, dan Temburong yang ada permulaannya hanya ada menerima elaun telah pun dipertimbangkan.

Dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada sebilangan mereka yang termasuk dalam beberapa kategori misalnya, mereka ini bukan sahaja menjaga rumah panjang malahan juga menjaga rumah-rumah dan bilangan penduduk yang banyak mereka ini telah pun ditingkatan tahapnya menjadi Ketua Kampong. Dan mereka ini juga telahpun menerima ada yang menerima D1 dan masih lagi dalam E1. Ertinya disini sudah ada peningkatan dari masa kesemasa dan pihak Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dalam perkara ini apatah lagi dalam menanai dan juga menjaga kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di kawasan masing-masing.

Dan untuk makluman pada masa ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang dalam proses dan meneliti dan ada satu jawatankuasa telah dibentuk untuk mengkaji semula gaji-gaji Penghulu Mukim dan Ketua Kampong dan pada masa ini masih lagi dalam proses penelitian untuk mensejajarkan dengan tanggungjawab Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampong dalam institusi Penghulu dan Ketua Kampong. Sekian daya yang dapat Peramba terangkan. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli yang Berhormat, sekiranya tidak ada.....

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos Bin Mohd.Noh :
Assalamualaikum Warahamatullahi Wbarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyuarakan dua perkara, pertama mengenai dengan lesen rampaian. Pada ketika ini permohonan lesen rampaian memakan masa yang agak lama dan kadang-kala walaupun lesen

rampaian yang hanya dipohonkan atau mengambil alih perniagaan yang sudah ada jadinya kalau boleh saya syorkan bahawa semasa membuat permohonan lesen rampaian sebelum lesen rampaian itu dibenarkan satu lesen rampaian "Provisional" dikeluarkan jadinya perniagaan dapat berjalan terus kalau tidak tempat-tempat yang disewa akan sentiasa kosong sebelum lesen rampaian atau dibenarkan.

Dan kalau sekiranya dikeluarkan satu lesen rampaian "provisional" dan mana-mana perkara yang menjadi halangan untuk pengeluaran lesen rampaian akan dapat diusahakan oleh pemohon dan pihak Kerajaan sehingga semua keperluan-keperluan atau dipatuhi dan yang kedua mengenai dengan jalan daerah, kita semua sudah maklum bahawa tanah-tanah persendirian di Brunei ini adalah dalam kadar 8% sahaja dan ada kalanya jalan-jalan daerah atau melibatkan tanah-tanah persendirian, tanpa ganti rugi ataupun gantian. Jadinya kalau boleh mana-mana tanah-tanah persendirian yang terlibat dalam jalan-jalan daerah akan dapat diinda semestinya diganti dengan duit tetapi kalau boleh dipindah ataupun disingkirkan dari mana bahagian yang tekana jalan atau

disingkirkan daripada jalan. Itu sahajalah Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba ingin menerangkan lagi serba sedikit seperti yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, bahawa memang diakui seperti lesen rampaian ini adalah salah satu daripada syarat-syaratnya memanglah menghendaki seseorang pemohon itu memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki misalannya tempat perniagaan dan seumpamanya dan pemohon sepatutnyalah mengetahui dan borang-borang telahpun disediakan, yang pada masa ini memanglah ada TPOR (Tekad Pemedulian Orang Ramai) memang ada sudah tempoh-tempoh yang telahpun ditentukan dan juga senarai-senarai yang perlu dipenuhi untuk memenuhi kehendak TPOR.

Alhamdulillah pada masa ini jika dibandingkan dengan permohonan yang dahulu, dalam permohonan lesen rampai seperti tadi, terpaksa pegawai yang ditugaskan melihat tempat perniagaan dan juga semestilah memenuhi syarat-syarat terutama sekali tempat perniagaan abis dialah tempat perniagaan yang telah dibenarkan oleh pihak Kerajaan tidak melanggar syarat-syarat.

Misalnya saja Daerah Brunei dan Muara, peramba sendiri telahpun mengadakan lawatan-lawatan untuk meneliti apakah masalah-masalah yang melambatkan proses untuk mereka ini menjalankan perniagaan dan juga proses pembaharuan memang telahpun di "review" dari semasa ke semasa, misalan sahaja alhamdulillah bagi Daerah Brunei dan Muara, telah dapat dipendekkan daripada 30 hari waktu bekerja dulu, sekarang telahpun dapat dipendekkan kepada 21 hari dan juga misalan untuk membaharui pada dahulunya 14 hari sekarang telah dipendekkan kepada 10 hari waktu bekerja, bagi Daerah Brunei dan Muara.

Saya dapat maklumat-maklumat ini hanyalah beberapa daerah, misalnya Daerah Tutong bahagian

permohonan lesen baru 30 hari dan membaharui adalah dalam 7 hari, bagi Daerah Temburong lagi cepat dalam memproses permohonan seperti ini.

Alhamdulillah permohonan-permohonan seperti ini memanglah telahpun diarahkan untuk di "review" dari semasa ke semasa dan dalam waktu yang sama apa yang mustahak juga bukan sahaja pihak Kerajaan untuk mempercepatkan, tetapi kalau ada kerjasama daripada pemohon memenuhi syarat-syarat tidaklah ada satu masalah yang akan timbul dan dalam waktu yang sama juga pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyedari untuk membaharui setahun ke setahun ani. Baru-baru ini juga satu pindaan telahpun diluluskan iaitu "instead" satu tahun akan dipanjangkan lesen itu boleh dipohonkan dalam 2 hingga ke 5 tahun, jadi anilah proses-proses pihak Kerajaan akan sentiasa *review* apakah masalah-masalah yang melambatkan ini.

Jadinya alhamdulillah pada baru-baru ini telah diluluskan satu pindaan

memberikan tempoh untuk membahurui lesen ataupun lesen rampaian itu, bukan saja setakat setahun tetapi malahan kepada satu tahun kepada 5 tahun, ertinya 2 tahun, 3 tahun, 4 tahun inada diperlukan lagi untuk memenuhi untuk satu tahun. Ani terpulanglah kepada situasi dan rekod-rekod peniaga-peniaga sendiri kalau sekiranya ada masalah-masalah timbul dan ada pelanggaran-pelanggaran syarat-syarat tanah inada semestinya pemohonan itu sendiri akan diberikan secara automatik kepada 5 tahun. Pada kasarnya mereka sekarang ini boleh dipertimbangkan sehingga ke 5 tahun, inada payah lagi memohon setahun-setahun, tetapi dengan syarat merekalah membayar lesen setahun itu kali lima sahaja.

Atulah di antara sudah "*review-review*" untuk mempercepatkan dan memperkemaskinikan lagi pentadbiran dan pengendalian khususnya yang bersangkutan dengan orang ramai apatah lagi dalam bidang perniagaan sentiasa pihak Kerajaan memberikan pemudah cara untuk menyenangkan terutama sekali peniaga-peniaga di Negara ini. Berhubung dengan yang ditimbulkan tadi fasal jalan di daerah-daerah, ini ada jua bersangkaut-paut dengan mungkin

barangkali dapat membantu Yang Berhormat Menteri Pembangunan barangkali berhubung dengan jalan-jalan raya ini, ia ada bersangkaut-paut dengan tanah pengambilan tanah ini. Mungkin barangkali dalam hal ini Yang Berhormat Menteri Pembangunan dapat memberi penjelasan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahi Rahman Nirahim, peramba menjunjung kasih, atas kebenaran Tuan Peramba menjawab, mengenai jalan kecil itu atau penggantian tanah ini, apabila jalan itu masih lagi dibawah jalan kecil, jadi dan jalan itu belum termasuk dalam jalan Kerajaan atau digezet, maka belumlah dapat diambil dibuatkan penggantiannya, jadi dalam pada itu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, perkara ini akan dipertimbangkan dari masa ke semasa macamana untuk mempercepatkan.

Tapi perlulah disedari bahawa apabila dibuat jalan kecil itu, ialah untuk menyenangkan pengguna-pengguna itu untuk menggunakannya, disedarilah bahawa perkara sedemikian itu akan menyedikitkan tanah keluasan tanah yang berkenaan, tetapi cara penggantinya izinkanlah selepas mesyuarat ini setelah mengetahui daripada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, kedua-dua Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan akan dapat berunding macamana, perkara ini akan dapat dipercepatkan atau dicari penyelesaiannya. Jadi dijunjunglah, selepas ini, Insya-Allah, junjung kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahman Nirahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan, saya ingin menimbulkan dua permasalahan orang ramai khususnya bagi Jabatan Daerah Brunei dan Muara. Pertama, iaitu mengenai dengan jalan kecil. Jalan kecil ini ialah jalan kecil yang saya maksudkan jalan kecil yang menembusi dari Kampung Kasat ke Kampung Lumapas iaitu Sungai Limau dan Sungai Gutung. Mengikut pengetahuan saya pada tahun 2004 dan sebelumnya jalan tersebut telahpun siap

dalam pembinaannya dan telahpun dipakai oleh penduduk kampung kedua-nya.

Kemudian jalan tersebut telahpun tidak lagi dipakai disebabkan oleh kedua jambatan putus disebabkan oleh air dan sebagainya jadi hingga sekarang jalan tersebut tidak dapat digunakan dan tidak terpakai, jadi maksud saya memohon jawapan daripada pihak yang berkenaan apakah kedudukan jalan yang saya maksudkan tersebut kalau mengikut pengetahuan saya pada tahun 2004 telah diserahkan kepada bahagian Kementerian Pembangunan. Tapi hingga sekarang apakah kedudukan jalan tersebut?

Kedua Yang Amat Berhormat, mengenai dengan jalan-jalan kecil di mukim-mukim dan di kampung-kampung nampaknya sekarang semakin bertambah dan alhamdulillah, pemeliharannya telahpun dipantau oleh Jabatan Daerah, tetapi ada di antara jalan-jalan yang saya maksudkan ini jalan yang sudah lama dan penduduknya semakin bertambah jadi saya mencadangkan jalan-jalan kecil yang

terdapat di mukim-mukim dan di kampung-kampung supaya ia dibubuh tar. Sekian Yang Amat Mulia terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih sekali lagi, Bismillahir Rahman Nirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Peramba menjunjung kasih, terima kasih, kepada Yang Berhormat atas membangkitkan Sungai Limau dan Sungai Guntung ani, jadi oleh kerana perkara ani, baru jua dibangkitkan pagi ani. Jadi peramba menjunjung sama ada dalam mesyuarat yang petang atau dalam di luar daripada mesyuarat untuk memberikan penerangannya kepada Yang Berhormat.

Kemudian mengenai dengan jalan kecil yang semakin berkembang ani, adalah menjadi program, apabila jalan kecil itu sudah berkembang ia akan ditingkatkan menjadi satu jalan besar, dan jalan besar itu akan menjadi “*network*”, “*secondary*”, jalan “*secondary*” di Daerah Brunei dan Muara, jadi apabila ia bertaraf sedemikian selalunya jalan itu dibubuh tar oleh

Pejabat Daerah Brunei dan Muara itu setelah ia di Pejabat Daerah sahaja.

Apabila ia sudah naik tarafnya ia akan diserahkan kepada Kementerian Pembangunan dan masuk dalam program Kementerian Pembangunan, jadi dengan adanya teguran Yang Berhormat itu tadi, abis peramba dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan meninjau mana-mana jalan yang sudah dapat dipertingkatkan tarafnya itu, akan dipertingkatkan dan kemahuan atau hajat penduduk-penduduk di kampung itu akan dapat ditelitilah dari semasa ke semasa. Junjung kasih.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengerian Pengerusi, terima kasih diatas peluang yang diberikan, peramba ingin juga bertanya lesen rampaian yang telah diberikan melalui Jabatan Daerah Brunei dan Muara yang disalah gunakan. Ini membawa maksud mungkin di “Alibaba”kan. Kebenaran telahpun diberikan kepada

khususnya penduduk-penduduk yang berkelayakan, tetapi lesen ini ada sebahagian daripadanya telahpun digunakan oleh peniaga-peniaga lain seperti peniaga India ataupun lain-lain bangsa yang mengambil kesempatan diatas lesen yang telah diberikan ini.

Saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak-pihak berkenaan khususnya Jabatan Daerah untuk mengatasi dan mengelakkan perkara ini supaya tidak berleluasa bukan saja di masa kini bahkan dimasa-masa yang akan datang. Soalan kedua setiap daerah ada diperuntukkan dewan serbaguna. Menyentuh mengenai Pejabat Daerah Brunei dan Muara, kita juga ada mempunyai sebuah Dewan Serbaguna yang dipanggilkan Dewan Muhibbah.

Pada lazimnya pada masa ini kebanyakannya penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam khususnya di Daerah Brunei dan Muara ini menggunakan sebarang kemudahan dewan-dewan ini bagi kegunaan majlis-majlis tertentu seperti perkahwinan dan sebagainya dan pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara sejauh ini diketahui belumlah ada halangan bagi penggunaan

dewan ini, dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Dalam majlis ini juga saya ingin mencadangkan untuk mempelbagaikan lagi serta keselesaan penggunaan dewan ini dicadangkan supaya Dewan Muhibbah ini akan dibekalkan dengan penghawa dingin atau "*air-condition*" dengan kadar sewa yang bersesuaian dan berpatutan bagi menampung perbelanjaan kerana pengurusan perkara ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.

Yusof : Terima Kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Peramba menjunjung kasih lagi dan ingin menerangkan seperti yang ditimbulkan dan juga pendapat daripada Yang Berhormat tadi yang berhubung kait dengan lesen rampaian yang di Ali Babakan. Dalam perkara ini siapa yang patut disalahkan, Ali Baba ani, siapa yang patut disalahkan. Adakah pihak

Kerajaan atau orang kitani sendiri yang menjalankan perniagaan. Persoalan kitani adakah benar-benar orang yang untuk memohon ani untuk berniaga benar-benar ataupun lesen ani digunakan untuk berniaga kepentingannya sendiri dan diberikan untuk orang luar. Atu persoalannya, kadang-kadang orang kitani sendiri memohon ke sana atu marah ia pulang ni, aku benar-benar berniaga ani, mengapa pulang kitani kan bertanya, persoalkan lagi sedangkan Kerajaan menggalakkan supaya orang-orang tempatan berniaga. Betul! sudah dibenarkan, di liat bukan ia menjalankan perniagaan orang lain disuruhnya.

Anilah satu persoalan yang harus kitani bersama-sama bertanggungjawab menangani masalah ani, sepatutnyalah orang-orang kitani sendiri yang mendapat lesen dan mempunyai perniagaan atu haruslah berkecimpung dan sendiri '*involve fully*' supaya hasrat Kerajaan untuk menggalakkan perniagaan dan aktibiti-aktibiti perniagaan atu terus dipikul bersama pihak Kerajaan memanglah untuk menggalakkan anak-anak tempatan sendiri yang '*involve*' 100% dalam ahli perniagaan apa jua dari segi ekonomi, pertanian apa jua sektor-

sektor. Disinilah siapalah yang patut disalahkan.

Orang-orang kitani sendiri yang mempunyai lesen sendiri tetapi digunakan oleh orang lain, kalau masalah timbul inda dibenarkan memang ia ke Jabatan tu, sama ada Jabatan Daerah, Lembaga Bandaran, ke Jabatan-Jabatan yang mengeluarkan lesen, marah ia tu. Tetapi sudah dibuat bukannya orang membuat perniagaannya, aku sendirinya, kalau orang, sekiranya orang-orang memeriksa, Jabatan Buruh memeriksa, Jabatan Daerah memeriksa, ada ia benar sana atu tapi dengan '*actual fact*' bukan ia menjalankan perniagaan. Siapa yang harus kitani persalahkan dalam perkara ani.

Haruslah kitani bersama-sama bertanggungjawab dan diharapkanlah macam kitani berusaha untuk menasihati supaya orang-orang atu kitani sendiri menjalankan perniagaan bukannya di Ali Babakan dari aspek perniagaan. Anilah komen yang dapat peramba berikan disini. Dalam hal ehwal Dewan Serbaguna ini

sepertimana Dewan Serbaguna, memang ada Dewan Muhibbah, Dewan Serbaguna, dalam waktu sama juga pihak Kerajaan juga membukakan untuk digunakan dewan-dewan yang lain seperti ICC yang pernah digunakan juga dan Dewan *Canselor* ada juga digunakan oleh orang-orang khususnya di Daerah Brunei Muara.

Dalam pada waktu yang sama memanglah ada rancangan Kementerian Dalam Negeri untuk setiap mukim ini bukan saja di Daerah Brunei Muara, di Daerah-Daerah yang lain mempunyai satu Dewan Serbaguna khususnya untuk apa jua perkara-perkara yang mendatangkan kebajikan dan juga kesejahteraan penduduk-penduduk setempat khususnya digunakan oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, misalnya saja yang sedang dalam proses pembinaan ialah satu Dewan Serbaguna di Mukim Sengkurong dan satu Dewan Serbaguna yang pada masa ini dalam proses jua ialah di Mukim Pengkalan Batu dan juga ada lagi Dewan-Dewan yang dalam proses pembinaan.

Dalam pada masa itu juga ada jua rancangan untuk menjadikan setiap mukim di Negara ini akan mempunyai

Dewan Serbaguna dikhusus untuk Mukim masing-masing. Mustahaklah disini macam ada seranan tadi Yang Berhormat untuk memasang "*air-conditioner*" di Dewan Muhibbah itu memanglah akan diteliti dari segi perbelanjaan dan juga kegunaannya dan itulah barangkali yang dapat peramba sampaikan terima kasih.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim : Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, atas peribadi peramba bukanlah memikirkan siapa yang salah atau disalahkan, kalau inilah yang menjadi pokok persoalan kita maka masing-masing sama ada pihak-pihak Kerajaan atau pihak orang ramai yang memohon lesen ini tadi masing-masing dengan cara dan alasan yang tersendiri untuk menegakkan benang yang basah. Soalnya apa yang patut kita ambil perhatian ialah apa yang salah itu yang patutnya kita fikir apa yang salah bukan siapa yang salah atau disalahkan dalam soal ini tadi peramba ingin menghadapkan apakah langkah-langkah yang sepatutnya diambil bagi menangani masalah Ali Babaan ini. Di samping

atu supaya skopnya lebih luas lagi bagi difahami oleh orang-orang yang memohon ini tadi supaya dengan adanya langkah-langkah serta tindakan-tindakan daripada pihak Kerajaan itu akan dapat dipatuhi dengan sepenuhnya sekian terima kasih.

Pengerusi - Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada perbincangan lagi mengenai dengan hal ini, maka kita persetujuan tajuk ini sebagai iaitu tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara menjadi sebahagian tajuk dipekenankan dalam Undang-Undang Kewangan .

JURUTULIS, Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad : Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap pada pagi ini berbincang. Memandang melihat Anggaran Perbelanjaan bagi Daerah Belait bagi tahun 2006 / 2007 nampaknya menurun dari tahun yang lepas dan dibandingkan

dengan Daerah-Daerah yang lain Peramba merasa tidak puas hati memandangkan size, size Daerah Belait adalah besar, tapi tidak semestinya perbelanjaan besar saya faham apa yang saya lihat daripada anggaran perbelanjaan itu khususnya dalam aktiviti sosial dan kebudayaan, \$30 Ribu untuk setahun barangkali saya rasa tidak cukup kalau dibandingkan dengan isu-isu khususnya isu-isu yang mendadak, isu-isu kecemasan. Jumlah tersebut barangkali tidak mampu untuk menangani masalah-masalah di Daerah Belait berpandu pengalaman peramba pada tahun-tahun kebelakangan.

Yang kedua memandang keadaan pada masa ini, kata orang ICT Teknologi jadi saya pohonkan peramba pohonkan kepada kepada Pejabat Daerah Belait khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya dapat menimbangankan memikirkan untuk membekalkan alat-alat komputer. Peramba faham bukan semua Penghulu Ketua Kampung berkebolehan tetapi mereka dapat mempelajari IT, ini ialah untuk memudahkan

perhubungan mengemaskinikan pengetahuan Penghulu dan Ketua Kampong selaras dengan keadaan zaman dan bukan juga Penghulu, Ketua Kampong dan Jabatan Daerah itu sendiri pun dibekalkan cukup dengan komputernya supaya dapat Penghulu dan Ketua Kampong berhubung dengan Jabatan Daerah tanpa kadang-kadang ke Pejabat melalui "email" kah.

Ini mempercepatkan proses perhubungan di antara satu dengan yang lain terutama Daerah Belait pendalaman macam di Labi, di Bukit Sawat, di Merangking, di Mukim Liang, di mana Penghulu Ketua Kampong kebanyakannya berpejabat di rumah kerana abis peramba merasa berpejabat di rumah lebih mesra dengan orang Kampung. Sekian, terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas perkara yang ditimbulkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi memang barangkali dalam peruntukan kebajikan \$30 Ribu seperti

yang pernah saya jelaskan di mesyuarat yang lalu di samping itu pihak Kementerian ada mempunyai peruntukan \$100 Ribu ini bukan saja dikhususkan memang 'specific' kepada Jabatan Daerah boleh melalui projek-projek dipohonkan dalam waktu yang sama melalui Jabatan Daerah boleh juga dipohonkan peruntukan yang telah diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk apa jua aktibiti-aktibiti yang diungkayahkan melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini tidak semestinya \$30 Ribu.

Ada lagi 'additional' \$100 ribu yang boleh dipohonkan oleh pihak mana-mana jawatankuasa melalui Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Daerah-Daerah yang lain seperti yang peramba sembahkan. Walaupun sekiranya peruntukan itu tidak mencukupi ia boleh dipohonkan jika sekiranya bersesuaian dan pada masa ini seperti yang disarankan pada tahun lepas saja peruntukan \$100 Ribu tidak digunakan sepenuhnya oleh melalui Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Kementerian sendiri telah menyarankan beberapa

supaya Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan mengaktifkan dan menggunakan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan untuk dimanfaatkan mungkin dahulu barangkali beberapa tahun yang lalu diakui memang ada peruntukan masalahnya susah untuk mengendelikan projek-projek ataupun perkara-perkara berkebajikan yang dikendalikan oleh Majlis. Perundingan Kampong dan Mukim tetapi persoalannya sekarang peruntukannya telahpun diadakan oleh pihak Kerajaan dan adalah dipinta melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan memanfaatkan peruntukan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan samada peruntukkan yang telah diperuntukan Kementerian Dalam Negeri sebanyak \$100 ribu ringgit di samping peruntukan yang telah dikhususkan masing-masing. Itu seperti yang telah dimaklumkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat sebanyak \$30 ribu.

Dan kedua yang berhubung dengan E-Kerajaan ini memanglah sudah ada peruntukan khusus yang termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara iaitu kalau ada dalam Kemajuan Negara memang sudah ada kalau macam Kementerian memang sudah ada iaitu untuk E-Kampung adalah salah satu projeknya

dan ini memanglah melalui proses-proses yang tertentu ditender dan seumpamanya ada khusus barangkali sehingga kalau saya tidak silap \$64 million untuk projek-projek E-Kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri termasuk tidak terkecuali Jabatan-Jabatan Daerah dan juga melalui E-kampung dipanggil disana itu diharapkan di sana karang kitani manfaatkanlah projek tersebut tapi kitani haruslah kitani teliti melaui 'tender procedure' dan diteliti keperluan-keperluannya itu supaya akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan adanya peruntukan khusus oleh pihak Kerajaan dalam perkara ini, terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, saya ingin menimbulkan mengenai dengan bangunan rekreasi bagi kakitangan dan orang ramai di Kuala Belait pada masa ini. Pada masa ini di Kuala Belait tidak mempunyai bangunan rekreasi bagi pegawai-pegawai dan orang ramai kecuali

Dewan KBRC yang masa ini tidak lagi boleh digunakan.

Dalam hubungan ini, bangunan ini adalah perlu kerana ianya sebagai satu tempat di mana Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dan orang ramai boleh berjumpa, bertukar-tukar fikiran, berinteraksi semasa lapang dan semasa lepas bekerja. Saya ingin tahu kepada pihak yang berkenaan mempunyai rancangan untuk membuat bangunan kelab rekreasi yang baru yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan di Kuala Belait, jika ada bilakah rancangan ini akan dijalankan dan jika tidak ada apakah sebab-sebabnya, sekian Yang Amat Mulia Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, seperti peramba telah maklumkan tadi dalam Majlis ini juga, bahawa memang sudah ada rancangan Dewan Serbaguna tiap-tiap mukim akan disediakan dan pada masa ini dalam proses. Misalannya saja di Daerah Belait ada sudah Dewan Serbaguna, di Lumut yang mana atas

tajaan daripada BLNG dan begitu juga di Mukim Labi ada Dewan Serbaguna di Mukim Labi dan berhubung dengan di Mukim-Mukim lain dan khususnya di Pekan Kuala Belait memang sudah termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara Yang Ke-8 dan 9 dan pada masa ini dalam proses penelitian. Seperti yang saya jelaskan tadi memang sudah ada perancangan dan adalah mengikut giliran dan keutamaan bahawa tiap-tiap Mukim akan disediakan Dewan Serbaguna.

Dewan Serbaguna ini adalah untuk apa jua perkara-perkara yang mendatangkan kebajikan sama ada untuk rekreasi, untuk mesyuarat dan seumpamanya dikhususkan untuk dimanfaatkan rakyat dan penduduk di negara ini bukan sahaja di Daerah Belait, malahan juga pada masa ini seperti yang kita sediakan maklum ada Dewan Bandaran, Dewan Bandaran yang banyak digunakan di Kuala Belait.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat oleh kerana kita akan menggunakan masa untuk menyelesaikan masalah budget penerangan itu cukuplah

pada yang tepat, cukuplah jangan tah panjang-panjang.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Sedikit sahaja mungkin ampun peramba akan menjelaskan di sini, Dewan Bandaran Kuala Belait memang sudah ada dan digunakan oleh rakyat dan penduduk di sana, di samping itu juga kadang-kadang ada Dewan Persantapan digunakan juga untuk mesyuarat dan dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk di Daerah Belait. Terima Kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli lain.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Di bawah tajuk lain-lain Bayaran Perbelanjaan Khas dari perkara membaiki Jalan Biadong ke Sukang, membaiki Jalan Bukit Abai Dungun hingga Sungai Titian Dawai, membaiki Jalan Sungai Dungun Bukit Sukang, membaiki jalan dari simpang jalan rumah panjang Biadong hingga ke Sungai Tantang, menyambung jalan Keriam Kuala Balai semula dari Kuala

Keriam hingga ke Sampuru sepanjang 4.8 kilometer peruntukan tiap-tiap tadi terdapat diluluskan bagi tahun 2005 dan 2006 boleh jadi sudah habis dibelanjakan.

Akan tetapi adakah ini saja setakatnya kerana kalau ini jalan raya cuma mencurah tanah kiri kanan longkang, kalau tidak ada “*maintenance*” nya kalau tidak ada peruntukan dalam tahun 2006 2007 maka ianya akan balik kepada asalnya. Bukankah elok jika tajuk ini walaupun tidak boleh sepenuhnya 50% dimasukkan di bawah jumlah “Lain-Lain Perbelanjaan Tahun Yang Berulang-ulang”, kerana ini terpaksa diperbaiki tahun-tahun dibuat sebegitu akhirnya sudah tentu akan penuh dengan rumput-rumpai, licak, balik kepada asalnya.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Dalam perkara ini seperti yang juga telah pernah dijelaskan oleh Yang Berhormat

Menteri Pembangunan tadi, memanglah pada peringkat permulaan itu jalan itu jalan yang berbentuk tanah dan dari semasa ke semasa akan dinaikkan tarafnya dan jika kegunaannya itu adalah khusus untuk ramai dan kepentingan masyarakat umumnya akan ditingkatkan tarafnya dan akan diserahkan kepada Kementerian Pembangunan bagi proses selanjutnya untuk di tar dan seumpamanya.

Dan berhubung dengan jalan-jalan raya bukan sahaja jambatan memanglah pihak Kerajaan ada peruntukan yang khusus untuk pemeliharannya memang ada di sini dalam tajuk ini, memang ada peruntukan tahunan misalnya macam Daerah Belait itu memang ada peruntukannya di sini pemeliharaan jalan kecil dan jambatan memang disediakan kurang lebih \$80 ribu di sana, memang ada pemeliharaan dan juga apa jua kerosakan-kerosakan akan diperbaiki dari semasa ke semasa. Sekian. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekiranya tidak ada Ahli-Ahli akan membincangkan lagi maka tajuk ini akan dikira diluluskan oleh jawatankuasa

sebagai tajuk dalam undang-undang kewangan 2006 dan 2007.

Jurutulis: Tajuk SE07A Pejabat Daerah Belait dijadikan sebahagian daripada jadual. SE08A – Pejabat Daerah Tutong.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Mohd. Taha bin

Abd. Rauf: Terima kasih Pengerusi, Yang Amat Mulia Pengiran, saya membangkitkan dalam hal ini ialah pemeliharaan jalan kecil dan jambatan. Jadi ada hubungkait perkara ini mengenai dengan laluan ke rumah persendirian pada masa ini telah ditetapkan atau diberikan satu-satu peraturan hanya yang akan dibuat jalan macam ini meninggikan taraf ialah lima buah rumah itu berderet barulah dapat dibantu jadi apa yang peramba usulkan di sini atau ditimbulkan di sini perkara yang demikian supaya dapat dikaji semula kerana orang-orang kampung tentulah membuat rumahnya tidak keseluruhannya menghadap ke jalan raya atau ke jalan kecil mereka berderat ke bahagian-bahagian lain, itu pertama.

Kedua, bangunan baru Pejabat Daerah Tutong apakah perkara ini cukup perabutnya sudah disediakan kerana mengikut apa yang difahamkan bahawa bangunan baru ini pegawai-pegawainya dan kakitangannya akan berpindah pada bulan Mei. Yang ketiga ada hubungkaitnya dengan peralatan pejabat pada misal, pada masa ini kita boleh dikatakan kita menggunakan IT iaitu computer, tapi di Unit Penghulu Pejabat Daerah Tutong terdapat hanya dua buah sahaja, apakah ini boleh ditambah untuk pada masa yang akan datang. Terima kasih Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, izinkan peramba menyentuh mengenai jalan ke rumah persendirian ini. Pada masa ini memanglah perkara itu ada jadi perkara kesesuaian untuk memberikan itu pada masa ini dikaji dari semasa ke semasa, hanya kalau kita lihat dalam bila membincangkan dalam budget Jabatan Kerja Raya tadi memang diperuntukan wang. Kerja-kerja yang sedemikian tapi pada masa ini mengikut keutamaannya sebab apa "*privileges*" untuk memberi

jalan persendirian itu adalah terhad untuk dibuat tidak dapat dijalankan dalam sekaligus jadi apa yang dibuat bukannya dibuat oleh Pejabat Daerah, Jabatan Kerja Raya, Jalan Raya ialah untuk memberi kepada rumah-rumah mengikut giliran dan keutamaan jadi apa yang dibangkit Yang Berhormat itu tadi akan diambilkira dalam kemudian, menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Berhubung dengan penggunaan bangunan baru yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memanglah bangunan Pejabat Kerajaan ini seperti yang ditimbulkan di Pejabat Daerah Tutong ini, memanglah ada rancangan-rancangannya terutama sekali mana jabatan-jabatan yang belum mempunyai bangunan-bangunan "*permanent*" akan dipindahkan ke bangunan-bangunan yang kekal di Daerah Tutong ini tertaklukkan

kepada keperluan-keperluan jabatan-jabatan yang berkenaan untuk dipindahkan ke bangunan lama di Daerah Tutong, yang mana jabatan bangunan baru sudah hampir siap di Daerah Tutong.

Berhubung dengan IT tadi sudah peramba timbulkan tadi bukan sahaja ani adalah secara menyeluruh bukan sahaja Jabatan-Jabatan khusus di Daerah Tutong malahan juga di Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga ada sudah satu projek yang khusus untuk disediakan dalam “E-Government” E-Kampung dalam perkara ani dan dalam Rancangan Kemajuan Negara juga ada sudah peruntukan khusus untuk IT tiap-tiap kementerian.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat cukup jelas sudah tadi, sekarang saya minta, adakah Ahli-Ahli lain lagi membahaskan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah meneliti anggaran perbelanjaan Pejabat Daerah Tutong dan dalam tajuk bayaran khas didapati tajuk seperti membina “*multi-purpose hole*”

Kampung Tanjong Maya, Layong, jalan-jalan kecil akan tetapi tidak didapati bayaran bagi membersihkan anak-anak sungai, membina longkang dan membesarkan parit untuk menangani masalah banjir. Apabila musim hujan lebat selalu berlaku banjir di kampung-kampung seperti Kampung Layong, Kampung Rambai, Tanjong Maya, Penapar dan lain-lain lagi yang menyebabkan jalan raya tidak dapat dilalui, merosakkan hartabenda, tanam-tanam, budak-budak sekolah tidak boleh pergi sekolah.

Saya berpendapat peruntukkan bagi perkara-perkara yang saya sebutkan itu tadi mesti diadakan ataupun peruntukkan yang saya sebutkan tadi ada didapati dalam Kementerian Pembangunan. Sukacita penjelasan daripada yang berkenaan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebelum dapat diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri

Pembangunan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tadi memang ada peruntukkan pemeliharaan bangunan dan kawasan begitu juga Jabatan Daerah Tutong dan pemeliharaan rumah persinggahan, pasar-pasar, sungai, laut, pantai dan jambatan, pemeliharaan pejabat memang ada peruntukkan ada disediakan.

Jika sekiranya memerlukan pembersihan dan jika sekiranya kewangan mencukupi pihak Kerajaan akan meneliti dan akan memberikan peruntukkan yang khusus jika sekiranya benar-benar diperlukan dalam perkara ini apatah lagi kalau sekiranya ada berlaku banjir dan seumpamanya dengan kerjasama Kementerian Pembangunan akan bersama-sama melakukan kerja-kerja pembersihan dan apa jua perkara-perkara yang diperlukan untuk memberikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Memang ada peruntukkan kalau kita lihat dibawah perbelanjaan berulang-ulang memang ada. Tiga Ratus Lapan Puluh ribu pemeliharaan pembangunan dan kawasan tapi dipecahkan lagi bangunan, sungai, jalan raya, jambatan, bangunan Kerajaan dan untuk makluman juga .

Pengerusi: Ahli-Ahli yang Berhormat sudah cukup jelas yang satu Menteri Pembangunan, Silakan

Yang Berhormat: Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. Junjung Kasih Bismillahi Rahmannir Rahim seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi, dalam peruntukkan Kementerian Pembangunan ada satu tajuk pembinaan longkang “concrete” tepi jalan bagi di Daerah Tutong harga “Skim Value” berjumlah \$1.5 juta diperuntukkan tahun depan \$500 jadi *to be sure* Yang Berhormat itu bahawa keadaan parit saluran malah pembentungan di Daerah Tutong ini memang masuk dalam “Overall Skim Value” jadi alhamdulillah “*can will show you*” tapi kerja-kerjanya bukan sama tanahnya ada terus tidak ada banjir kerja-kerja akan terus dijalankan. Terima kasih.

Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya

Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba ada satu perkara yang akan ditimbulkan iaitu mengenai dengan jalan penghubung daripada Kampung Merangking, Daerah Belait menuju ke Kampung Long Mayan Daerah Tutong yang mana jalan penghubung ini sudah ada dibubuh dengan batu tetapi dibina beberapa tahun yang lalu hingga masa ini tidak dipelihara jalannya, berlubang-lubang dan rumput serta kayu-kayuan sudah menjalar keatas jalan ini.

Tetapi jalan ini mengikut penerangan penduduk-penduduk dari Kampung Long Mayan mereka sentiasa menggunakan jalan ini untuk ke Kampung Merangking ke Labi dan juga ke Daerah Belait kerana jalan singkat. Adakah pihak Kerajaan akan memperbaiki jalan ini dengan membubuh "*pit*" kerana perkara ini memang akan saya timbulkan pada tahun lepas tetapi tidak ada kesempatan jadi pada kesempatan ini saya terpaksa menimbulkan perkara ini pada hari ini. Sekian.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Menteri Pembangunan sila jelaskan.

Yang Berhormat: Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang

Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih sekali lagi. Jalan itu seorang Yang Berhormat ingat majlis meletakkan batu asas Balai Raya Kampung Long Mayan, abis Peramba jalani memang berlubang-lubang tapi dapat dijalan dengan menggunakan "*Four Wheel Drive*" tetapi walaubagaimana pun masa ini belum ada rancangan dinaikkan tarafnya dengan menggunakan "*pit*". Tetapi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tadi ada beberapa perbelanjaan berulang-ulang di Daerah Belait seperti membaiki Jalan Bidadong ke Ulu Sukang, Bukit Abai, Mukim Lumut dan berapa pemeliharaan itu.

Peramba di fahamkan bahawa Pemeliharaan jalan-jalan kecil seperti itu termasuk dalam pemeliharaan jalan kecil dan Jambatan dalam tiap-tiap Daerah itu jadi sebagai menjawab rancangan untuk menggandakan jalan "*pit*" tarafnya seperti jalan "*secondary*" belum ada tapi jalan itu di "*maintain*" dari masa ke semasa mengikut perbelanjaan yang ada di Pejabat-Pejabat Daerah.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi jika tidak ada perancangan dalam pemeliharaan jalan itu untuk memperbandingkan tarafnya dan memperbaiki jalan itu sekurang-kurangnya jalan itu dapat di perbaiki secara membubuh batu dan sebagainya dan membersihkan rumput-rumput dan akar-akar kiri kanan jalan itu supaya tidak lagi menjalar keatas jalan tersebut supaya dapat dilalui dan digunakan oleh penduduk yang berkenaan. Sekian.

Yang Berhomat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dalam perkara ini pihak Kementerian mengambil maklum dan dalam waktu haruslah kita sama-sama mengambil perhatian kadang-kadang kawasan-kawasan itu yang dirusakan oleh pembalok-pembalok kadang-kadang di tutup sudah oleh sebab pembalok-pembalok ini terlampau "*overlorded*" rusak tah lagi kadang itulah sudah dibaiki rusak. Barangkali itulah sahaja penjelasan Tuan Peramba. Terima kasih

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat: Tajuk SE08A Pejabat Daerah Tutong sekiranya tidak ada perbahasan maka tajuk ini diluluskan untuk menjadi sebahagian Rang Undang-Undang Kewangan 2006/2007.

Jurutulis: SE08A – Pejabat Daerah Tutong dijadikan sebagai jaduan SE09A- Pejabat Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmannir Rahim, Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat Peramba tidaklah banyak mengulas mengenai dengan belanjawan yang diperuntukan bagi Daerah Temburong cuma peramba menghadapi 3 perkara:-

1. Supaya Balai Raya jenis kayu yang terdapat di Daerah Temburong supaya dapat dinaikkan tarafnya kerana ada yang melebihi daripada 40 Tahun contoh saja telah

- beberapa kali telah memohon menghadapkan supaya Balai Raya Kampung Belingus diubah suai tetapi belum dapat pertimbangan dari pihak yang berkenaan.
2. Jalan utama Daerah Temburong daripada hujung Kampung Puni menuju ke Kampung Puni ke Pos Kawalan Labu dapatlah dibanggakan khasnya penduduk Daerah Temburong tetapi sayangnya jalan tersebut banyak digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat daripada negara-negara jiran yang melalui dari Pos Kawalan, Jalan Labu dan merosakkan jalan-jalan tersebut. Saya bertanya apakah langkah-langkah yang perlu/patut dibuat kepada mereka ini, adakah mereka dikenakan bayaran tol ataupun jalan terbaik supaya jalan-jalan yang baik itu tidak akan merosakkan daripada mereka yang berkenaan.
 3. Salah satu Kampung Daerah Temburong itu Kampung Selangan ada satu anak sungai yang dinamakan Sungai Selangan apabila hari hujan di Ulu sungai itu

kerap kali menjejaskan apabila banjir berlaku melimpahi kampung-kampung yang berdekatan di kawasan yang berkenaan. Apabila di buat penyiasatan perkara ini penglibatan daripada “*query-query*” yang tidak bertanggungjawab samada mereka mencuci pasir dan menimbus kepada anak sungai Kampung Selangan itu. Ini juga pernah dibuat beberapa kali aduan tetapi belum ada tindakan-tindakan daripada pihak berkenaan. Sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Pembangunan.

Yang Berhormat: Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih sekali lagi Peramba hanya menjawab soalan 2 dan 3. Soalan 2 mengenai jalan utama itu jalan raya dibuat adalah tertakluk dari “*load baring capacity*” beberapa “*100 watt*

per excel” digelarnya jadi apa yang diusahakan bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Perhubungan memasang “*bridge way*” di tempat masuk seperti di Labu, dan boleh jadi di Puni mengikut keutamaanya jadi mana-mana kenderaan yang melebihi daripada “*excel lord*” ini nanti akan samada terpaksa dikurangi “*excel lord*” nya atau dilarang sama sekali itu masih lagi dalam penyiasatan sayangnya itu masih baru .

Mengenai dengan Kampung Selangan itu perkara ini masih dalam penyiasatan Kementerian Pembangunan dan alhamdulillah walaupun belum dibangkitkan memang dalam perhatian jadi kementerian abis peramba dapat mengawasi pos berkenaan. Junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof: Berhubung dengan Balai Raya di Kampung Belingus sebagaimana peramba terangkan projek ini akan diselaraskan tadi, dua projek ani, rancangan ani akan diselaraskan, karang kalau sekiranya dibangunkan Balai Raya

di sana sedangkan ada rancangan sudah untuk mengadakan Dewan Serbaguna yang lebih baik dan lebih besar mungkin “*distruptive*” mungkin. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada mahu membahaskan lagi tajuk ini kiranya tidak ada Jawatankuasa bersidang ini meluluskan Tajuk SE09A Pejabat Daerah Temburong diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SE09A – Pejabat Daerah Temburong dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE10A Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba di sini ingin memberikan komen mengenai dengan tajuk ini, semenjak dari dahulu lagi hingga masa ini Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen berserta dengan Polis Di-Raja dan ada kalanya Jabatan Ugama telah mengadakan operasi atau rondaan dari masa ke semasa

di Negara ini untuk mengesan orang-orang yang melanggar Akta Imigresen, penjenayah dan pelanggar Undang-Undang Negara.

Yang Amat Mulia usaha-usaha dan kegiatan Jabatan-Jabatan yang berkenaan haruslah diberi segala galakan dan pujian kerana pegawai-pegawai bertugas sentiasa terdedah kepada bahaya yang mungkin timbul, tetapi demi untuk keamanan Negara dan kesejahteraan rakyat mereka terus mengadakan rondaan dengan penuh dedikasi dan komited kepada tugas-tugas mereka, saya berharap Jabatan-Jabatan yang berkenaan akan terus menerus mengadakan rondaan selagi penjenayah-penjenayah itu masih ada.

Saya juga berharap supaya orang ramai terutama sekali rakyat Negara ini akan memberi kerjasama bagi membendung jenayah-jenayah, penjenayah-penjenayah tersebut dengan memberikan maklumat atau "tip-off" kepada pegawai-pegawai yang bertugas, dan Jabatan-Jabatan yang berkenaan haruslah memaklumkan nombor-nombor telefon, "hot-line" dan sebagainya supaya senang dihubungi oleh orang ramai, mudah-mudahan, orang ramai akan memberikan maklumat-

maklumat dengan segera dan diambil tindakan dengan segera bagi membendung penjenayah-penjenayah yang sentiasa bertambah di Negara ini. Sekian Pengerusi.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat terima kasih. Ucapan sedemikian ini bukan ada kena mengena dengan Tajuk Daerah, ani ucapan keseluruhannya, ucapan seumpama ini patut nanti dibuat pada perbahasan, selepas membincangkan budget nanti. Sekarang ani inda payah diulas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.

Yusof: Yang Berhormat ingin peramba tadi tentang "hot-line" itu, peramba kan memberi pandangan ah, memang sudah ada "hot-line" itu diberikan.

Pengerusi: Tidak payah tu, bukan ada bertanya apa-apa, ia memberi penghargaan saja.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: “*Hot-line*” itu memang ada “*hot-line*” tu diberikan saja tu, terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Terima kasih Pengiran, saya ingin mendapat penjelasan yang sejelas-jelasnya kita faham bahawa Jabatan Imigresen adalah mempunyai banyak Pegawai, saya perhatikan dalam kawasan ini mempunyai kuasa Penguasa Undang-Undang, dalam bahagian orang masuk, jadi dalam masa ini ingin melihat, pasal apa di Kuala Lurah pun ada. Ada Pegawai Imigresen yang berkuasa dan begitu juga visa untuk bangsa asing hubungan luar negeri pun ada, juga Pegawai Imigresen yang berkuasa, dan visa lawatan-lawatan khas penuntut dan diplomat pun ada yang berkuasa dan begitu juga masing-masing ada pegawai-pegawai tiap-tiap di daerah.

Jadi mana satu pegawai yang sebenarnya mempunyai kuasa yang khas, sebab itu kita ingin mengetahui sama ada sudah adakah peraturan-peraturan

diadakan oleh Kerajaan, misalannya orang-orang melawat datang ke Brunei daripada ASEAN, negeri-negeri Asia dan daripada negara-negara di bawah “*Commonwealth*”, begitu juga negara-negara yang khas, dikhaskan dan lain-lain negara, jadi tidak dapat diketahui pegawai mana yang berkuasa, dan berapa lama di beri kuasa kepada setiap satu orang pegawai, tiap-tiap pelawat yang datang ke Brunei misalannya dari ASEAN, orang-orang Asia ataupun daripada Commonwealth, kalau inda salah memang sudah ada.

Saya harap kalau ada peraturan-peraturan itu supaya dapat diberikan, sekurang-kurangnya kepada Ahli-Ahli Majlis ini supaya dapat tahu, mengetahui hal-hal Imigresen, orang-orang “*Commonwealth*” berapa lama ia boleh tinggal di sini ataupun orang-orang ASEAN, dan ada negeri-negeri yang dikhaskan yang diberi keutamaan, sekian banyak boleh tinggal disini dan ini tidak, barangkali apa saya tengok dalam itu, ini maaf ya, ada satu perkara yang ia sudah terlepas dalam Buruh pun ada yang

penguatkuasakan undang-undang juga, jadi misalannya kalau orang datang pada "*Commonwealth*" ini dari berapa lama kah ia boleh tinggal disini, adakah kuasa-kuasa Imigresen yang telah diberi ini, suka-suka hati mencop, dua minggu, tiga minggu.

Padahal kalau melihat di negeri-negeri yang lain yang kitani persetujui, katalah usahlah banyak kata kita, kita nak pergi ke Malaysia atau pun ke Jepun, kita dibenarkan tinggal kalau dalam bahagian ASEAN dibenarkan tinggal 30 hari tidak kira datang sehari, kita inda tinggal 2 hari kah disana tidak apa ataupun seminggu tapi jangan lebih tempoh yang dikatakan 30 hari itu. Tapi di Brunei sini sepanjang yang saya faham, wallahuaklam.

Sama ada Penguatkuasa Imigresen ini mereka mempunyai kuasa boleh mencop walaupun Pegawai "*Commonwealth*" datang ke mari yang diizinkan 30 hari boleh tinggal, tetapi dicop untuk dua minggu. Lepas itu kalau lebih seminggu, dua minggu minta baharui balik, padahal mereka dibenarkan mengikut peraturan yang dibenarkan mereka boleh tinggal sebulan.

Misalanlah kalau ada ketetapan perkara itu saya harap akan dapat diberikan kepada kita supaya kita sama-sama mengetahui. Jangan nanti dibenarkan oleh Imigresen masuk tepi Buruh tidak membenarkannya. Selain orang menuntut kerja dibenarkan datang kemari, tetapi malangnya Imigresen memberi ia tinggal cuma dalam dua minggu saja.

Selepas tempoh itu mereka terpaksa keluar sama ada Kuala Lurah atau kemana-mana jua asalkan keluar dari Brunei. Disebabkan Pegawai-Pegawai di Daerah pun ada, jadi dimana? adakah satu ketetapan saja. Saya benar-benar memohonkan supaya jangan terjadi kita nanti orang datang misalannya kalau orang dari "*Commonwealth*" datang ke mari dicop dalam dua minggu saja. Padahal kalau di London dalam 60 hari kita boleh tinggal di sana, kita datang, tapi kalau orang "*Commonwealth*" ke Brunei ada yang dicop dalam dua minggu sahaja dapat di baharui. Waallahuaaklam, apa sebab sampai dibaharui inda sampai sebulan.

Itulah saja yang saya inginkan, supaya ini menjaga nama baik kitalah, kalau kita, misalan saya sendiri ada mempunyai pasport disini bukti yang saya liat, kalau saya pergi ke Singapura saya hanya ada 2 hari, tepi dicop di sana sebulan, kalau lebih sebulan barulah saya memohon, tapi di Brunei tidak sama ada yang saya dapat ketahui ada yang Imigresen di Kuala Lurah pergi ke sana membaharui diberi dua minggu lagi saja. Waallahuaaklam.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, cukup jelas sudah, bila nanti...

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam perkara ini Negara Brunei Darussalam memang sudah ada pengecualian Visa dengan negara-negara lain sebanyak 40 buah Negara, jadi tertaklukkan ada dalam perjanjian sama 14 hari, 30 hari in da boleh "*acceding*" daripada pengecualian "*Visa*" dalam tempohnya itu, kalau sekiranya diorang menghendaki lebih tempoh tinggal lama lagi, di kehendaki "*Visa*", dan dalam waktu

yang sama macam miatu jua kalau kitani keluar negeri memanglah pihak Imigresen bertanya jangan jadi bebanan kepada Negara kitani.

Ada sudah peruntukan cara pentadbiran kadang-kadang terpaksa mereka bertanya di mana biskita tinggal, apa tujuan biskita melawat dan adakah kewangan, tiket pulang balik jua diperlukan di sana tu, kalau sekiranya one way ticket macam mana di orang balik, mestilah juga menjaga keselamatan kepentingan Negara disamping menggalakan pelancongan-pelancongan dalam waktu yang sama juga seperti yang telah dialami ada kadang-kadang menggunakan "*U-turn*". "*U-turn*" ertinya dalam sudah tempoh di sana tu tujuan mereka hendak bekerja anilah tujuan mereka untuk melawat, tapi disalah gunakan.

Atu yang mustahak di sini, kalau "joining tourist" in da ada masalah, tempoh perjanjian diberikan dua minggu dan mencukupi syarat-syarat diperuntukan misalnya nya peramba tadi ada tiket pulang balik tidak ada masalah untuk menyara

hidup semasa di Brunei, tempat tinggalnya adalah teratur dan juga kalau tidak penjaminnya ada penjamin akan diberikan terus kepada dua minggu, kalau ada pengecualian visa dua minggu dan kalau sekiranya berikan 3 hari, adalah sebab-sebabnya yang tertentu, oleh sebab tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan.

Walaupun bagaimanapun kalau mereka ini akan melanjutkan tempoh tinggal di negara ini, ia boleh ke Jabatan Imigresen untuk melanjutkan tempoh tinggalnya di Negara ini berhubung dengan penguatkuasa undang-undang sama ada Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen, sebenarnya cop itu diberikan oleh Jabatan Imigresen, pasport-pasport yang ada diberikan kuasa adalah pegawai-pegawai di Jabatan Imigresen untuk membenarkan sama ada mereka membenarkan seminggu, tiga minggu, dua tahun dan seumpamanya.

Apa sebabnya orang baru datang ke sini hanya diberikan tempoh dua minggu kerana seperti yang mengikuti peraturan kitani, dalam tempoh dua minggu itu pekerja tersebut hendaklah memenuhi syarat-syarat dari aspek kesihatan mereka ini bebas dari penyakit-penyakit,

“*Instant*” daripada penyakit “*AIDS*” dan seumpamanya, penyakit-penyakit “*X-Ray*” mana tau tibi dan seumpamanya ada kes-kes berlaku ni, orang yang didapati tibi tidak akan diperbaharui, akan dibalikkan begitu juga kalau ada positif, penyakit-penyakit yang berjangkit, “*recommendation*” daripada Kementerian Kesihatan mengesahkan bahawa seorang ini berpenyakit akan terus dibalikkan kenegaranya asalnya supaya akan jangan menjadi satu masalah tujuannya bekerja itu tapi oleh sebab ada masalah-masalah kesihatan dan seumpamanya itu mereka dibalikkan ke Negara asalnya.

Atulah sebabnya mereka itu kalau dalam tempoh untuk bekerja dalam Negara ini diberikan dua minggu bagi membolehkan mereka diperiksa kesihatan dan seumpamanya dan kalau sekiranya tempoh kesihatan belum lagi ada akan disambung semula sehinggalah tempoh itu akan terus diberi dua tahun setelah mereka memenuhi syarat-syarat yang ditentukan terutama sekali dari aspek kesihatan mereka ini

dikehendaki “X-Ray” dan seumpamanya.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sudah jelas di sana.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Dipertua Pengerusi, yang saya kehendaki, saya tidak faham Imigresen boleh tapi kalau telah ditetapkan orang-orang “*Commonwealth British*” boleh dibenarkan melawat sampai 30 hari kenapa mesti dicop dalam dua minggu, begitu juga kalau misalannya orang ASEAN dibenarkan dalam peraturan, kalau saya tidak taulah sama ada peraturan ini suka-suka hati Pegawai Imigresen punya kuasa.

Tidak ada peraturan Kerajaan yang tetap yang telah mengakui bahawa kalau orang-orang dari “*Commonwealth*” sekian banyak dia boleh kalau hendak tinggal dua hari pun ia punya pasal, tapi jangan di cop dua minggu sampai padahal persetujuan kita telah membenarkan mereka itu datang ke mari seminggu atau sebulan atau pun berapa kecuali kalau pun dia ada wang atau tidak adakah, kalau orang nak minta kerja sebelum datang kemari memang sudah itu ada

dikehendaki sebelum dia datang ke mari. Kalau dia datang ke mari dengan tidak ada itu mereka akan dibalikkan mengikut sebagaimana yang dibenarkan.

Jadi yang saya maksudkan bukanlah ertinya orang ini nak mencari pekerjaan saja tetapi peraturan telah dikeluarkan oleh Kerajaan menetapkan “Komanwel” sekian banyak boleh tinggal di sini, ASEAN sekian banyak boleh tinggal di sini, ada negeri-negeri yang khas dibenarkan pun juga dan begitulah juga di tempat-tempat yang lain. Jadi bukan maksud saya orang yang bekerja, soal itu memanglah banyak corak-coreknya tetapi apa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan misalnya apa yang saya katakan tadi, saya melawat ke Singapura. Kita tahu kita boleh melawat ke Singapura, orang boleh melawat Singapura, sama, apa pengertian kitani membenarkan mereka itu tinggal di sini sekian banyak? Saya dua hari ke Singapura pun dicap juga dalam sebulan saja. Jadi inilah yang saya ingin menekankan supaya peraturan ini diikuti bukan

sekehendak-hendak Pegawai Imigresen mengecap dua minggu.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sudah jelas. Mengikut cadangan Ahli Yang Berhormat ini sekiranya orang Ahli-Ahli Yang Berhormat itu diberi peluang, ertinya Ahli-Ahli Komanwel kira-kira dibolehkan tinggal sebulan ataupun bergantung kepada ia sendiri mahu atau inda, itu maksudnya tu kalau diubah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang sebenarnya tadi kalau sekiranya inda ada masalah orang itu memanglah diberikan kalau sudah ada visa pengecualian dua minggu, dua minggu. Tetapi ada beberapa kes diberikan dalam tempoh-tempoh yang tertentu disebabkan mungkin ada masalah kewangan dan seumpamanya, tidak semestinya semua sekali. Munkan ampun. Kalau sekiranya sudah “*sure*” anu itu memang kalau ada pengecualian visa dua minggu, memang dibalikkan dua minggu, kalau sebulan macam British memang diberikan sebulan.

Mengikut “*Other Exchange of Notes*” di antara Brunei Darussalam ini dan negara-negara berkenaan dikecualikan visa seperti peramba sembahkan tadi 40 buah negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd.

Yusof bin Pengiran Haji Abdul

Rahim: Pengiran Pengerusi bagaimana yang saya tidak faham betul, yang dibenarkan misalannya ada dalam 40 buah itu ada ketetapan ni. Orang yang dibenarkan melawat ke mari, rakyat itu dibenarkan boleh tinggal di sini sebulan tetapi diberi dua minggu atau seminggu saja dan kononnya lepas dua minggu boleh pergi ke Kuala Lurah, ke Sungai Tujuh, ke manakah supaya membaharui.

Dengan sebab itu kadang-kadang Pegawai Imigresen itu kata dicop lagi padahal mereka dibenarkan sebulan misalannya tetapi hanya diberi kebenaran dua minggu ataupun seminggu supaya mereka itu dapat menukar balik pergi sekejap keluar negeri, dengan jalan, Wallahuaklam. Itu saja, itu maklulman yang saya dapat ketahui

daripada orang yang kena perkara ini.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin:

Honourable Speaker, I think all our collects we are going through wrong track. Now today is talking about Budget is not talking about problem. You see all this Budget is all clear state here, for example Brunei Muara salary wages \$6 over million then ... That is we are going to discuss, expenditure bukannya complaint. Complaint itu kemudian, kalau macam ani meeting delay, dua minggu pun habis ni. No because this is the Budget, this is Government Expenditure, we are going to talk about Expenditure, is not a problem. Problem later. Sorry, pardon me if I am wrong.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, mengikut biasanya kalau disentuh sedikit-sedikit polisi mengenai dengan Tajuk-Tajuk

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin:

Ini semua dia cakap "*problem*" tetapi macam tu "*expenditure*" inda cakap. Minta maaf kalau saya salah.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sebenarnya sekarang kita bersidang dalam Jawatankuasa. Di dalam perkara ini kita dapat bertukar-tukar, membisakan seluruh Majlis itu. Jadi ertinya sekarang antara lain Ahli Yang Berhormat sebelah sini memohonkan supaya visa yang diberikan kepada orang yang terkemuka, yang dipilih sebulan. Ertinya kalau diberi sebulan pun inda mahu, kalau kan mahu balik dua hari, fikir saja diri. Macam kitani jua kena beri ke Singapura sebulan, inda beduit, balik ku dua hari saja, hotel mahal. Inda ada masalah kepada orang yang difikirkan layak, mampu. Kalau sekiranya ia inda mampu manakan tinggal di sini, itu cadangan daripada sini saja bukan merundingan pasal "*Budget*" tapi asas "*Budget*" itu saja. Demikian.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada, sila.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya menyentuh mengenai kedudukan

Jabatan Imigresen di Daerah Tutong.
Pada masa ini

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat,
sekarang sudah limpas Imigresen Tutong
sudah lulus tadi.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha
Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:**
Tidak, maksudnya masih di Imigresen dan
Pendaftaran Kebangsaan. Jadi kedudukan
Imigresen Tutong itu tidak sama kuasa-
kuasanya dengan Jabatan Imigresen di
Bandar dan di Kuala Belait bah. Misalan
seseorang itu atau orang luar itu
memohon cuti, tempoh pekerjaanya akan
habis. Di sana anda ada berkuasa
memberi "*re-entry visa*", terpaksa ke
bandar. Jadi apa yang saya maksudkan
berilah kuasa ataupun taraf Imigresen
Tutong itu sama di Belait ataupun di
Brunei supaya memudahkan kepada
orang ramai anda lagi pergi ke Kuala
Belait ataupun ke bandar kerana
berurusan dengan di bandar pun
barangkali memakan masa kadang-
kadang tiga hari baru siap. Sekian.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Johan Pahlawan Dato Paduka Awang
Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja
Khatib Dato Seri Setia Awang Haji**

Mohd. Yusof: Munkan ampun Yang
Amat Mulia Pengiran Pengerusi,
peramba kurang pasti. Sebenarnya
kalau di "*re-entry visa*" tu memang
diberikan kuasa tu. Kalau sekiranya
benar perkara itu, peramba akan
mengambil perhatian. "*Re-entry
visa*" itu kalau tempohnya masih
tinggal lagi "*there is no problem*"
untuk dikeluarkan.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji
Bakar bin Mansor:** Yang Amat
Mulia Pengiran Speaker Dewan,
saya ingin membawa mengenai
dengan pentadbiran Jabatan
Imigresen iaitu mengenai dengan
bangunan Imigresen yang terdapat
di tebing Sungai Brunei berdekatan
dengan pasar ikan.

Jadi dilihat di sana, bangunan
tersebut nampaknya kurang
pemeliharaan, jelas kelihatan atap-
atap bangunan tersebut nampaknya
banyak yang terbuka, siling atau
sintanya banyak yang berlubang-
lubang begitu juga pagar-pagar
kawasan, berkarat bertagar dan
menjijikkan kalau kita lihat. Jadi

maksud saya adakah bangunan yang saya maksudkan sekarang ini masih digunakan atau sebaliknya. Jadi jika bangunan ini inda lagi digunakan apakah rancangan-rancangan bagi pihak yang berkenaan supaya menggalakkan jangan nampak keadaan bandar dan kawasan kelihatan kurang manis dan kurang elok dilihat oleh masyarakat mahupun pelancong-pelancong yang datang di negara ini.

Yang Amat Mulia, kedua, mengenai dengan keadaan keluar masuk penduduk-penduduk ataupun rakyat luar negeri sama ada yang melalui pos kawalan yang telah pun ditetapkan. Di sini saya maksudkan, adakah pihak yang berkenaan sekarang mengetahui dan memaklumi adakah jalan-jalan atau kawasan yang dilalui oleh rakyat atau penduduk dari negeri lain memasuki negara kita ani mahupun orangnya sendiri, batang tubuhnya sendiri mahupun seperti membawa binatang mahupun hasil-hasil dan sebagainya, adakah pihak yang berkenaan memaklumi apa yang saya maksudkan?

Jadi mudah-mudahan jika pihak yang berkenaan dapat memaklumi perkara yang sedemikian ianya akan

mengurangkan jenayah-jenayah yang akan berlaku di negara ini. Terima kasih Yang Amat Mulia.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.

Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan bekas bangunan Jabatan Imigresen di Dermaga Bandar Seri Begawan memang sudah diambil perhatian untuk memikirkan kegunaannya dan kalau sekiranya inda diperlukan maka akan diroboh ditempat itu, memang sudah ada rancangan.

Dan berhubung dengan orang yang keluar masuk ani memanglah dari semasa ke semasa "*Inforcement Department*" termasuklah Jabatan Imigresen. Atulah terdapatnya ada pendatang-pendatang haram masuk ke negara ini, memang sudah diambil tindakan. Kalau didapati orang-orang masuk inda melalui jalan-jalan yang diwartakan memang diambil tindakan tu. Jadinya di sini kerjasama orang-orang ramai juga sangat-sangat diperlukan. Dari

semasa ke semasa agensi-agensi penguatkuasaan memang sentiasa memantau perkara-perkara ini.

Misalnya saja kalau kitani mengikut perangkaan yang saya dapat pada masa ini, orang yang masuk tanpa melalui Pos Kawalan telah diambil tindakan undang-undang, 2005 saja, 43 orang telah diambil tindakan undang-undang kalau didapati masuk tanpa melalui pos kawalan. Dalam lima tahun saja kebelakangan ini, 245 orang telahpun dihadapkan ke Mahkamah yang bukan masuk melalui Pos Kawalan yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan.

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Speaker.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd.

Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ada dua soalan saja. Hamba difahamkan bahawa pembayaran ke atas pemohon yang memohon "*re-entry visa*" ke Negara Brunei Darussalam, umpamanya kalau penduduk tetap dikenakan bayaran \$10.00 setahun manakala pemegang kad hijau \$3.00 setahun, yang saya difahami, kalau salah diperbetulkan. Jadi pada pandangan saya

sepatutnya "*the other way round*" ataupun sekurang-kurangnya sama bayaran itu, soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, Pos Kawalan di Imigresen dan Kastam di Sungai Tujuh, bangunannya memang baik kalau dibandingkan dengan Pos Kawalan Imigresen di Kuala Lurah. Cuma peramba rasa dan pandang keadaan bangunan itu sendiri, umpamanya peramba inda pasti bahawa ini adalah satu peraturan Imigresen di mana kitani dapati cermin tempat Pegawai Imigresen itu bertugas, kitani inda mengetahui siapa di dalam itu. Jadi pada pandangan peramba kata orang, "*not friendly*"lah sedikit kerana kitani inda nampak siapa di dalam.

Kalau dibandingkan dengan negara-negara mungkin negara jiran serupa, tetapi kalau ke Singapura, ke Malaysia, ke Philippines, Pegawai Imigresen itu nampak kitani pandang dan mereka rasanya macam "*welcome*" para pelawat ke negara mereka. Tetapi tidak sebaliknya di Negara Brunei Darussalam. Sekian terima kasih

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan bayaran tadi itu peramba ini pula hafal semua sekali bayarannya. Peramba akan meneliti apa yang dimaksudkan tadi dan dalam waktu yang sama yang berhubung dengan, selalunya kita lihat pun macam di Lapangan Terbang Antarabangsa ini ada tu, "*clear card*" tu, "*friendly atmosphere*" tu. Di Lapangan Antarabangsa memang ada Pegawai Imigresen di sana itu, nampak benar-benar tu. Apa yang dimaksudkannya di Sungai Tujuh? Peramba mesti memastikan benarkah "*tinted*" di sana itu ataupun kadang-kadang pegawai itu sendiri menutup cerminya itu. Peramba belum pasti di sana itu sama ada ditutup oleh pegawai supaya ia ini menampilkan dirinya sama ada ia bekerja ataupun bagaimana.

Macam di Kuala Lurah dan di tempat-tempat lain memang "*transparent*" tu. Walau bagaimanapun perkara itu peramba terlebih dahulu hendaklah memastikan

sebelum peramba memberi komen dalam perkara ini.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba ada sedikit yang akan ditimbulkan iaitu mengenai dengan Pos Kawalan Kuala Lurah.

Pada biasanya kalau musim cuti sekolah ataupun pada hujung bulan, kawasan Pos Kuala Lurah ini akan didapati kereta-kereta dari Brunei yang akan keluar negeri melalui Pos ini sangat banyak sehingga pada cuti yang lepas "*queue*" itu sampai ke "*round about*" dekat Minyak Shell yang ada iaitu lebih daripada dua kilometer. Saya ingin bertanya adakah perancangan untuk mengubahsuai tempat-tempat orang Imigresen mencop pasport itu diperbanyakkan seperti yang terdapat di Sungai Tujuh ataupun perkara ini memanglah dasar Kerajaan.

Selain daripada itu kalau sebelah Brunei diubahsuai tetapi sebelah

Malaysia kalau anda mengubahsuai, masih juga terdapat kesesakan kenderaan ini. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berhubung dengan Pos Kawalan Kuala Lurah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Di sana memang, lalu-laluan telahpun diperbaiki dari semasa ke semasa, dulunya satu laluan ditambah lagi laluan khusus untuk pejalan kaki, laluan khusus untuk kenderaan-kenderaan saloon dan lalu-laluan khusus untuk kereta-kereta berat termasuk lori-lori dan seumpamanya.

Kalau kita perhatian di sana itu yang "*stapling block*" di sana, walaupun banyak laluan di Brunei, kalau laluan di Malaysia hanya satu masuk satu keluar perkara itu masih lagi. Orang ramai memang anda ketahui di mana "*stapling block*"nya itu. Pegawai-pegawai pun ditambah di sana pun dan "*gap*" di antara Kuala Lurah dan Tedungan itu terlampau "*close*". Walaupun cepat kitani membuat

atau mencop pasport kitani anda dapat bergerak. "*Stapling block*" di sana telah dikenal pasti. Itulah sebab pihak di sebelah negara jiran, Tedungan di sana itu hanya satu laluan untuk keluar, untuk masuk dan berhampiran Pos Kawalan di antara satu sama lain.

Kitani bandingkan dengan di Sungai Tujuh memang "*gap*" itu besar dan jua lalu-laluan sebelah Malaysia pun banyak laluan, anda ada masalah. Jadi itulah di antara sebab-sebabnya. Memang ada rancangan pihak Kerajaan untuk Rancangan Kemajuan Negara untuk membina dan juga membuat Pos Kawalan Kuala Lurah. Walaupun pada masa ini "*constrain-constrain*" itu, pihak Kerajaan melalui Jabatan Imigresen sentiasa untuk memperbaiki "*stapling block*"nya di sana.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ibrahim: Terima kasih tuan peramba. Peramba cukup tertarik dengan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri tadi. Banyak lalu-laluan serta pengubahsuaian jalan

serta laluan-laluan khusus yang telah disebutkan . Ada lagi barangkali satu laluan yang belum kitani ambil perhatian iaitu laluan tikus. Laluan tikus ini inderanya payah peramba ulas barangkali, jadi barangkali Ahli Yang Berhormat lebih arif dan memahami. Jadi apakah langkah-langkah Jabatan Imigresen bagi menangani perkara ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Seperti peramba sudah maklumkan tadi memang tindakan-tindakan akan diambil dan dalam waktu yang sama akan diadakan pemantauan dengan kerjasama orang ramai juga diperlukan. Peramba sudah menerangkan berapa orang yang telah ditangkap dan terus diambil tindakan undang-undang.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, semua jelas sudah? Jadi sekiranya Ahli-Ahli tidak akan membicarakan maka Tajuk Jabatan Imigresen ini kita luluskan daripada sebahagian Undang-Undang Belanjawan 2006 / 2007.

Jurutulis: Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, permesyuaratan dan perbincangan kita dalam Jawatankuasa akan ditangguhkan bagi membolehkan kita balik ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis bersidang semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Oleh kerana sekarang jam sudah 12.20 tengahari, maka Majlis Persidangan ini ditangguhkan hingga pada 2.30 petang nanti. Majlis ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis disambung bersidang pada jam 2.30 petang

Yang Dipertua Dewan: Majlis disambung semula, Ahli-Ahli Yang Berhormat kita akan menangguhkan Majlis ini dan berusaha lagi mesyuarat dalam jawatankuasa, Majlis ditangguhkan.

(Majlis Bersidang Selaku Jawatankuasa)

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sambung semula perbincangan dalam jawatankuasa tetapi saya ingin mengambil perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat sejak tadi lagi kita hanya beroleh lima tajuk, sekarang kita berusaha untuk menyempurnakan dan hanya memberi cadangan-cadangan ataupun perbahasan-perbahasan yang tepat begitu juga hendaknya pada menjawab soalan-soalan itu adalah pada point-point yang tepat, jadi kita tidak payah menggunakan perkara-perkara yang lain daripada itu, jadi mudah-mudahan dengan yang lain itu

kita akan berjalan dengan baik permesyuaratan kita. Silakan. Sekarang kita ke tajuk SE11A Jabatan Penjara.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Speaker Dewan dan Ahli-Ahli Mesyuarat Majlis, di sini peramba ingin menimbulkan satu permasalahan daripada rakyat Negara Brunei Darussalam khususnya iaitu mengenai dengan scale gaji pegawai rendah dan pegawai tinggi Jabatan Penjara, pada masa ini mengenai dengan gaji pegawai rendah membawa ke pegawai yang berpangkat tinggi dalam jabatan penjara nampaknya belum begitu bersesuaian kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai beruniform seperti Angkatan Bersenjata, Pasukan Polis dan sebagainya. Jadi saya berharap semoga scale gaji yang disebutkan ini akan dapat dikaji semula, satu.

Kedua berhubungkait dengan scale gaji di Jabatan Penjara ini, Jabatan Penjara sepertimana yang telah diketahui pegawai mempunyai senjata dan juga latihan dalam bersenjata tetapi mengikut pengetahuan peramba, saya pegawai di Jabatan Penjara ini tidak mempunyai elaun senjata, jadi dipohon supaya pihak yang berkenaan akan dapat menjelaskan maksud yang peramba tadi, terima kasih. Assalamualaikum.

Pengerusi: Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri silakan.

Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran di dalam scale gaji ini kalau sekiranya hendak membuat pertukaran-pertukaran memang ada khusus skim perkhidmatannya, skim perkhidmatan ini ada jawatankuasanya untuk menimbangkannya dan memanglah dari masa ke semasa dikaji tetapi itu

tertakluk kepada Ahli Jawatankuasa tangga gaji untuk menimbangkan perkara sedemikian.

Memang baru-baru ini sudah dihadapkan kepada pihak jawatankuasa berkenaan tetapi adalah sudah pertimbangannya dan ada sedikit perubahan dalam perkara ini, dan mungkin barangkali yang Berhormat Menteri Kewangan boleh menjelaskan perkara ini dan berhubung dengan elaun senjata ini. Memang tiap-tiap pegawai itu memang dilatih iaitu berasaskan kepada tanggungjawab dan tugas-tugas mereka tetapi setakat ini barangkali inada ada kursus lagi kali elaun senjata ini, tapi ada termasuklah tu tugas-tugasnya itu dalam pegawai uniform itu tugasnya ada NOP nya yang tertentu untuk menggunakan senjata itu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillah Hirrahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatukllahi

Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memang benar ada jawatankuasa yang tertentu untuk meneliti skim gaji tiap jawatan-jawatan yang tertentu. Mengenai dengan Penjara ini, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, memang sedang diteliti. Dari peneletian ini banyak perkara yang perlu di ambil perhatian dan ianya mengikut kriteria-kriteria yang tertentu, yang mana perlu dihalusi sedalam-dalamnya, itu saja dulu yang dapat peramba sampaikan.

Pengerusi: Terima kasih, ada Ahli-Ahli yang ingin membincangkan tajuk ini, kalau ada angkat tangan, nampaknya tidak ada. Jadi kita jawatankuasa sini bersetuju pada tajuk SE11A Jabatan Penjara sebagai salah satu diluluskan di dalam Rang Undang-Undang tahun 2006 dan 2007.

Jurutulis: SA11A Jabatan Penjara dijadikan sebahagian daripada jadual SE12A Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih serta Ahli-Ahli Yang Berhormat khusus untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba seperti yang kita maklum penukaran nama Jabatan Perkhidmatan Bomba kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat telah pun diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Bagida Sultan dan Yang Di-Pertuan baru-baru ini dan melalui penukaran nama tersebut telah menampakkan keadaan bidang tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat adalahn semakin meluas dan mencabar. Perkhidmatan ini adalah sepatutnya menjadi kebanggaan kita dan dihargai dan disanjung tinggi akan tetapi masih terdapat ruang-ruang mengenai kebajikan anggota yang masih di tahap yang rendah yang patut diambil perhatian.

Pertama ialah tangga gaji, skim tangga gaji juga, tangga gaji ialah sangat rendah jika dibandingkan

dengan pasukan - pasukan keselamatan yang lain di mana anggota-anggota bomba sentiasa menghadapi risiko merbahaya dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab sebagai penyelamat, nombor dua pencen, bermula pada tahun 1993 apabila peraturan akta pencen diubah kepada Tabung Amanah Pekerja (TAP) diperkenalkan anggota bomba yang berkhidmat pada tahun 1978 tidak lagi diberikan pencen, pemberian pencen kepada anggota -anggota bomba adalah sangat-sangat diperlukan kerana tugas dan tanggungjawab yang sentiasa terdedah kepada bahaya-bahaya semasa menjalankan tugas dan menghadapi kecemasan.

Yang ketiga elaun kurnia khas satu isu yang ditimbulkan oleh sebahagian anggota-anggota bomba yang tahun 2002 lagi, elaun khas yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebanyak \$200 sedangkan anggota bomba yang juga diiktiraf sebagai kakitangan awam hanya diberikan \$100 sebulan sahaja.

Pegawai-pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat pada awalnya diberikan elaun "P" sekitar akhir tahun 1970 sebanyak seratus, elaun "P" ini adalah dikhususkan kepada pegawai-pegawai dan kaitangan yang beruniform dalam tangga gaji "P" seperti Pasukan Polis Diraja Brunei (sebelum menukar tanggagaji "PD") elaun kurnia sebanyak \$200 itu sejauh ini tidaklah diketahui kedudukannya sama ada elaun "P" sebanyak \$100 yang telah dibagikan adakah merupakan kurnia elaun khas atau jika tidak itulah perkara yang dituntut dan ditunggu-tunggu oleh sebahagian anggota dari Jabatan ini.

Oleh yang demikian dalam dewan yang mulia ini adalah dicadangkan pertama skim gaji pegawai serta kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat akan dapat dikaji semula dan dicadangkan supaya ianya dinaikkan selaras dengan tugas dan tanggungjawab mereka yang lebih besar dan berat.

Yang kedua elau sara hidup akan dapat disamakan sengan Jabatan Perkhidmatan Awam yang lain sebanyak \$200 sebulan.

Yang ketiga oleh kerana Ahli-Ahli Pasukan Bomba dan Penyelamat mudah terdedah kepada kemalangan dan kecederaan semasa menjalankan tugas, maka jika mereka terpaksa diberhentikan daripada meneruskan pekerjaan atau dipersarakan hendaklah diberikan imbuhan yang sepatutnya termasuklah diberikan pencen bulanan bagi menampung kehidupan mereka bersama keluarga.

Cadangan yang keempat oleh kerana iklim dunia yang tidak menentu dapat kita rasakan bahangnya pada masa kini khasnya mengenai keselamatan. Maka dalam Dewan yang mulia ini saya mencadangkan supaya satu pasukan skuad khas ditubuhkan dalam Jabatan ini. Pasukan ini hendaklah diberikan latihan-latihan khusus dan mencukupi di samping mempunyai moral dan disiplin yang tinggi untuk menjadi orang yang

pertama bertindak dalam apa-apa jua keadaan bagi mengatasi sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Selain daripada itu pasukan ini juga hendaklah sentiasa didedahkan kepada kursus-kursus dan pengalaman-pengalaman yang berguna jika perlu untuk dihantar sebagai wakil negara untuk membantu negara luar jika diperlukan. Pasukan ini juga hendaklah sentiasa dibekalkan dengan peralatan-peralatan yang canggih dan moden serta diberikan kemudahan-kemudahan yang tertentu sesuai dengan tugas mereka sebagai penyelamat. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Berhormat Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam perkara yang

ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, petama-pertamanya berhubung dengan scale gaji, pada masa ini memang sudah dibuat satu kertas kerja. Perkara ini bukanlah amat senang tetapi ia hendaklah diteliti dan perundingan-perundingan telah dibuat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk memperbandingkan dengan negara-negara lain dan berhubung dengan scale gaji diselaraskan dengan agensi-agensi yang berkenaan. Pada masa ini memang sudah dalam penelitian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan ianya hendaklah memerlukan penelitian yang lanjut dan dibandingkan dengan pihak yang ada tertentu yang ada sebanding dengan tugas-tugas Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Negara Brunei Darussalam.

Keduanya berhubung dengan elaun, elaun ini memang ada sudah rancangan, ini pun memang sudah ada penelitian, macam di Singapura memang ada elaun-elaun khas yang

mengkhendaki scale-scale yang tertentu dan yang ada pada masa ini elaun yang diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat ialah elaun penyelam memang ada \$40.00 sebulan tapi elaun-elaun yang lain yang berhubung dengan scale dan seumpamanya pada masa ini sedang dalam penelitian untuk dibuat pengkajian yang selanjutnya kerana memang diakui banyak resiko-resiko yang dihadapi oleh pihak yang bertugas di Jabatan Bomba dan Penyelamat. Dan berhubung dengan Elaun Kurnia Khas, yang sebenarnya ada dua kekeliruan disana tu. Elaun Sarahidup memang dibagi tu mengikut bahagian-bahagian yang tertentu mengikut surat Keliling Jabatan Perdana Menteri 12/1998.

Tetapi kekeliruan kali Kurnia Khas dengan P-Elaun. P-Elaun ini dan Kurnia Khas bukan saja \$200.00 tapi mengikut scale dan bahagian masing-masing. Dan yang diterima pada masa ini mengikut P Elaun ini

sepatutnya \$100.00 ringgit diberikan kepada Anggota- Anggota Bomba yang beruniform ani dan berhubung dengan Kurnia Khas kali untuk division IV \$200.00. Ani pun dalam penelitian, adalah betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Kurnia Khas kalau mereka menerima Kurnia Khas jadinya dicampur dengan Elaun jadinya \$200.00. Kurnia Elaun Khas nampaknya disini berkurang sedikit.

Macam atu juga division IV. Division 3 atu sepatutnya nya Kurnia Elaun Khas \$170.00 tapi oleh sebab ada P Elaun itu mereka hanya diberikan \$70.00 . Ani lah maklumat yang saya terima dan dalam perkara ini akan diambil perhatian dan dibuat penelitian selanjutnya. Memang sudah disedari anu atu semasa ada perbincangan dengan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat akan diteliti perkara ani, dan dihadapkan kepada pihak-pihak berkenaan untuk mendapat penjelasan dalam perkara tersebut.

Dan berhubung dengan pencen-pencen ani mungkin Yang Berhormat

Menteri Kewangan akan dapat menerangkan bersama dan tidak lah termasuk dalam menerima pencen seperti juga dengan Jabatan-Jabatan yang lain. Squad Khas seperti mana jua di Singapura dipanggil DAT. Di Malaysia di panggil SMART, memang ada sudah ditubuhkan, ia ditubuhkan sejak tahun 2000 dengan mempunyai keramaian 43 orang anggota Bomba dan pada masa ini dan sebelum ini pun sudah diberikan latihan-latihan yang khusus dengan kerjasama “*Civil Defence of Singapore*” memberikan khusus samada didalam negeri dan pada masa ini juga dirancang untuk menambahkan lag latihan-latihan yang lebih professional untuk di masa-masa yang akan datang. Memang 43 orang yang sudah wujud Squad Khas.

Tapi belum lagi ada “*specific name*”, akan ditimbangkan untuk “*specific name*” untuk skuad khas. Squad Khas memang ada dikhaskan untuk apa jua perkara-perkara yang

memerlukan penyelamat-penyelamat yang berprofesional.

Pengerusi: Yang Berhormat memadai sudah penerang itu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Sertia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Amat Mulia, nampak-nampaknya telah diterangkan tadi dengan jelas oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Jadi peramba tidaklah akan menerangkan secara lebih lanjut dalam perkara ini kerana tiap-tiap jawatan-jawatan ada dengan peraturan - peraturan lantikannya. Ada yang berpencen ada yang tidak berpencen. Jadi itu saja yang dapat peramba sembahkan, terima kasih.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia mohon peramba menambah sedikit mengenai dengan pencen itu yang dimaksudkan walaupun ketetapan telah diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan mengikut kadar siapa yang layak menerima pencen atau tidak. Tapi apa yang peramba hadapkan di sini oleh kerana Ahli-Ahli Bomba dan Penyelamat ini tadi terdedah kepada resiko kemalangan dan bahaya serta kecederaan.

Jikalau sekiranya dalam menjalankan tugas mereka masih berumur muda tetapi tidak dapat meneruskan tugas disebabkan kecederaan serta kemalangan yang telah menimpa kepada mereka.

Hendak meneruskan pekerjaan tidak dibenarkan disebabkan kecederaan yang dihadapi, mereka telah diusulkan atau dicadangkan untuk menamatkan perkhidmatan dan bersara serta meninggalkan Pasokan Bomba dan Penyelamat.

Soalnya sekarang dalam keadaan Ahli-Ahli Bomba dan Penyelamat yang masih muda tercedera sudah tentu mereka ini tidak akan dapat meneruskan pekerjaan ditempat lain disebabkan kecederaan yang hadapi.

Itulah sebabnya peramba menghadapi mohon dipertimbangkan bagi mereka-mereka yang menghadapi resiko kemalangan ini dengan diberi kemudahan-kemudahan yang lebih menjamin masa depan mereka kerana mereka tidak mampu meneruskan pekerjaan apa tah lagi ditempat Pasokan Bomba dan Penyelamat dan di bidang-bidang lain mereka tidak dapat sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi seperti yang telah saya terangkan tadi, perkara ini sedang dalam penelitian tentang kesesuaiannya dan misalannya pihak Kementerian sedang meneliti

keperluan-keperluan untuk memberikan elaun-elaun. Apa yang sedang peramba terangkan ialah sedang dalam penelitian dalam perkara ini diambil maklum. Dan disamping itu ketani ada jua "*workman compensation Act*". Kalau sekiranya mereka itu cedera didalam pekerjaan memang ada Undang-Undang untuk diberikan "*Compersetation Act*" dalam perkara ni.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi menambah sedikit. Disini ada perbezaan sedikit ada keraguan diantara Pegawai Perkhidmatan Bomba mengenai dengan pemberian hak Elaun "P", mengikut dari setengah-setengah dari Pegawai Perkhidmatan Bomba, mereka ada diberikan Elaun "P" pada tahun 1987, jadi sebahagiannya menyangka ia mereka itu ada hak menerima dan sehingga sekarang

ani menyangka masih lagi menunggu-nunggu, jadi tolong lah pihak yang berkenaan memberikan penjelasan dan menyampaikan kepada pihak Pegawai Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat supaya mereka ini tidak ragu.

Pengerusi: Yang Berhormat, tadi ada sudah dijelaskan oleh bahagian Kerajaan tidak payah diulang-ulang elauan tadi, sudah cukup berapa elauan diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada perbincangan mengenai tajuk ini maka tajuk ini kita luluskan dalam Jawatankuasa ini iaitu Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat.

Jurutulis: SE 12A – Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat dijadikan sebahagian Jadual Kementerian Pendidikan Tajuk SF Kementerian Pendidikan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya beri masa Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan Sekolah Menengah dan Sekolah-Sekolah Rendah di Negara Brunei Darussalam ini, pertama ingin saya mengemukakan iaitu ada masih terdapat sekolah-Sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam ini tidak mempunyai padang. Kerana padang bagi Sekolah Menengah ini difikirkan memanglah amat penting dan mustahak.

Jadi mudah-mudahan dan dipohonkan kepada pihak yang berkenaan mana-mana Sekolah Menengah yang ada sekarang tidak mempunyai padang permainan diharap akan dapat diberikan lah. Kedua, Sekolah –Sekolah Rendah di Negara Brunei Darussalam hingga sekarang ini ada lagi Sekolah-sekolah yang belum ada Dewan Serbaguna walaupun sekolah ini lama dibangun dengan Sekolah-Sekolah lain ada juga terdapat sekolah yang tidak mempunyai

Dewan Sebaguna sekian Yang Dipertua Dewan.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Menteri Pendidikan silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, memang diakui bahawa ada beberapa sekolah Menengah, Sekolah Rendah yang tidak mempunyai padang. Walau macamana pun perkara ini Insyallah akan diusahakan. Sebagaimana yang dimaklumi bahawa padang ini memerlukan tanah.

Jadinya ada kadang kalanya tempat dibangunkan sekolah tidak mempunyai tanah yang mencukupi dan pihak Kementerian Pendidikan sentiasa berunding dengan kampung-kampung yang berkenaan supaya bagi sekolah-sekolah di pendalaman supaya perkara ini akan dapat diusahakan bersama. Mengenai dengan Dewan Serbaguna ini

memang menjadi satu standard keperluan bagi sekolah-sekolah terutamanya Sekolah Rendah tapi walau macamana pun di beberapa kawasan terutama kawasan pendalaman memang ada Sekolah yang tidak ada mempunyai kemudahan ini.

Tapi tertakluk kepada keadaan sekolah itu sendiri misalnya sekolah sementara tentulah tidak dapat diusahakan tetapi sekiranya sekolah baru dibangunkan Insyallah perkara ini akan dapat kita ikhtiarkan.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Yang Dipertua Dewan menambah sedikit yang saya maksudkan dengan Dewan Sekolah-Sekolah Rendah ini ialah sekolah yang bangunannya sudah dimulakan pada tahun 50an tapi hingga sekarang masih belum ada Dewan lagi. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sebelum dijawab dapatkah

menamakan Sekolah yang dimaksudkan tadi.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Yang Dipertua Dewan ingin saya menyampaikan salah satu contoh Sekolah Rendah yang belum mempunyai Dewan ialah salah satu daripadanya ialah Sekolah Rendah Kasat. Malah Sekolah Rendah Kasat yang saya tahu dibuka pada tahun 1957 hingga sekarang belum mempunyai Dewan Serbaguna. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib: Yang Amat Mullia Pengiran Pengerusi Insya-Allah perkara itu akan peramba siasat terlebih dahulu menentukan apa status nya keadaan sekolah yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengerusi Majlis, saya ingin menimbulkan mengenai

dengan elaun penuntut. Saya telah mengikuti masalah penuntut melalui media tempatan mengenai dengan kelambatan pembayaran untuk membayar elaun mereka menerimanya. Semenjak dari dahulu lagi hingga masa ini masih lagi elaun-elaun penuntut itu lambat dibayar oleh pihak yang berkenaan. Kita harus bersimpati kepada penuntut-penuntut yang berkenaan lebih-lebih lagi bagi penuntut yang keluarga mereka kurang berupaya dan kurang pendapatan.

Penuntut-penuntut berkenaan benar-benar berharap bahkan bergantung ke atas elaun yang dijanjikan untuk membiayai keperluan mereka dalam persekolahan sehari-hari. Pada era teknologi yang serba canggih ini, kelambatan seperti ini sepatutnya tidak berlaku. Kerana penggunaan alat-alat terbaru seperti komputer, boleh mengatasi kelambatan pembayaran elaun ini.

Saya berharap pihak yang berkenaan akan menyiasat sebab-

sebab kelambatan itu dan seterusnya mempercepat pembayaran elaun, kepada penuntut-penuntut yang berkenaan sekian.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, ada ketinggalan lagi, belum disebut yang mana penuntut penuntut mana belum dibayar elaun ani? Senang nanti mencari?

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya

Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya menerima maklumat ani dari suratkhbar Borneo Bulletin yang saya baca setiap hari dan ada "cutting" nya di sini saya bawa, kalau boleh penuntut-penuntut menulis itu tidak memberitahu sekolah-sekolahnya. Tetapi ada ditulis dalam ruangan Borneo Bulletin yang mereka ini tidak dibayar elaun ada di antaranya sampai 3 bulan, tetapi sekolah-sekolah lain ada dibayar elaun.

Ada beberapa "cutting" saya bawa di sini yang menunjukkan penuntut-

penuntut itu maseh lagi belum di bayar elaun mengikut waktu yang ditetapkan. Saya tidaklah tau sekolah-sekolahnya tetapi ada "cutting".

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, pada fikiran saya sebarang disebut dalam akhbar itu tidaklah boleh dijadikan asas yang sebenarnya. Kerana kadang-kadang orang boleh membuat percakapan di sana. Boleh membawa kekurangan fahaman antara satu dengan yang lain kerana itu saya fikir perkara ini patut disiasat saja.

Yang Berhoramt Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:

Pengiran Pengerusi, Insya-Allah peramba akan menyiasat perkara ani.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Di daerah Belait ada

sebuah sekolah menengah yang dipanggil diberi nama Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara (PJNI) letaknya di Kampong Pandan dan mempunyai sebuah asrama saya difahamkan oleh beberapa ibu bapa mengatakan bahawa asrama tersebut kawalannya kurang terjamin kerana setengah-setengah penuntut itu kadang-kadang kedapatan keluar di waktu malam.

Jadi para ibu bapa khususnya yang datang dari jauh mungkin dari Mukim Labi atau Mukim Liang merasa ragu-ragu dan curiga untuk menempatkan anak-anak mereka ke asrama tersebut.

Makanya saya bercadang kalau boleh selain dapat tinggal di asrama diadakan bas berulang-alik pagi dihantar, petang diambil kalau sekolah itu sehari suntuk, kerana tujuannya untuk menjamin anak-anak mereka ini supaya jangan terjemurus kepada gejala-gejala sosial sekiranya mereka ini tidak dijaga dan dibuat pemantauan terutama waktu malam.

Yang kedua, peramba difahamkan jua bahawa di Mukim Liang akan dibangunkan, didirikan sebuah sekolah menengah tidak berapa jauh daripada sekolah menengah yang ada pada masa ini iaitu Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah.

Peramba ingin memberi cadangan pandangan kalau difikirkan apabila kita hendak membuat sesebuah sekolah itu kalau boleh janganlah berhampiran kerana pengalaman bis Perama di Mukim Liang, khususnya di Mukim Liang di Kampong Lumut Dua, ada terdapat 3 buah sekolah yang dibangunkan di tempat yang sama.

Masalahnya "traffic jam" bila menghantar, mengambil anak sekolah pagi dan petang selalu bermasalah. Jadi saya cadangkan kalau boleh janganlah dihampir-hampirkan membangun sekolah itu daripada sebuah sekolah ke sebuah lain. Saya rasa itu saja Yang Amat

Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan persoalan pertama memang terdapat skim menghantar anak-anak sekolah berulang-alik secara bas, memang ada disediakan tetapi disebabkan oleh Sekolah Menengah PJN ini mengandungi juga penuntut-penuntut yang agak jauh daripada tadahannya agak jauh, jadi setentunya tidak munasabah bagi mereka dihantar balik ke rumah masing-masing jadi itu memerlukan bisdia di tempatkan dalam asrama.

Dan mengenai dengan asrama ani mempunyai penuntut-penuntut yang daripada "lower secondary" ataupun menengah rendah sehingga menengah atas, jadi perbezaan umur itu pun agak jauh sedikit jadi setentunya masalah-masalah sepertimana yang disebutkan oleh ahli

Yang Berhormat itu mungkin terdapat walau macmanapun Insya-Allah perkara ini akan Peramba teliti bersama-sama dengan pegawai-pegawai berkenaan.

Mengenai dengan Mukim Liang ani, sekolah menengah yang berkenaan ani, juga diharapkan akan menempatkan sekolah ataupun penuntut-penuntut Tingkatan Enam, jadi kawasan disebelah sana itu memerlukan sebuah sekolah Tingkatan Enam dan kawasan di mana tanah kerajaan terdapat barangkali disekeliling itu agak terhad, dengan sebab itulah terdapatnya keperluan untuk membangunkan sebuah sekolah sebagaimana yang disebutkan oleh ahli Yang Berhormat tadi.

Pengerusi: Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin.
Honorable Speaker, Members and Colleague, the Ministry of Education

has been allocated a large sum of \$529 million, I would like to highlight some of the matters...

1. *Maintenance of which the treasure required for \$5,150,000.00.*

This is for how many schools are there? As we understand, all schools should have proper maintenances in order to provide a good environment for the students. The classrooms, the toilets, the school compound, the canteens, must be maintained clean and proper so that students and teachers can study happily in a fresh and comfortable environment. This is very important. Do you think this budget is enough?

2. *Secondly I'm not franks what do you means by the Perkhdimatan Pengambilan, you asking for \$22,millions Lastly I like to highlight about the UBD. UBD has been*

allocated at sum of – about \$58 million if I am not wrong. The government has spent so much for the graduate but unemployment rate is so high now. But I don't think is it inappropriate for me to ask your how many graduates do not have jobs.

Now Parents have been complaining that their children no job even though they have been graduate but they don't have job. But the parents do not understand how much His Majesty's government has spent for their children's. Every year – It is above \$58 millions that government has spent. So this message has not reached the parents Obion. This very important. The parents have been complaining. This is my opinion.

I think that The Ministry concerned should look

seriously into the matter by setting-up a Human Resources Department for long term planning for these entire graduates. So all the ministries concern should keep feedback to you all Ministry under Human Resources Department and also all the private sector like BSP, the banks Financial Institutes and other.

Where this cooperation you might be able to solve the problem like that, so that you can locate certain jobs for certain sectors. Now the graduation that not have job, because did not focus in a long term. How many the banks need? How many doctors you need? How many engineer you need? How many and so on... Now at the moment you don't have a proper planning. So I think you must look the matter that you have recently. Thank you very much.

Yang Berhoramt Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, "Maintenance" sekolah atau pun pemeliharaan sekolah-sekolah memang merupakan satu perkara yang sangat penting dalam mana-mana sistem pendidikan pun jadi kewangan yang di perlukan setakat ini mencukupi. Oleh sebab jika pun ia ditambah terlalu banyak maka barangkali kitani ini terdaya membuat dalam setahun jadi budget yang diperlukan adalah merupakan budget tahunan, tahun depan meminta lagi. Jadi itulah caranya kitani tahun lepas pun ada jua budget atau.

Jadi kitani pohonkan setahun demi setahun dan mengenai dengan perkhidmatan pengambilan, ialah digunakan kewangan ini digunakan untuk mengambil guru-guru yang berkhidmat dari sebarang laut dan seumpamanya yang mana bisdia ini memerlukan gaji tertentu. Dan UBD

ani, mengenai dengan UBD ani beribu ampun memang ini adalah merupakan satu tanggungjawab Kerajaan untuk memberikan ilmu pengetahuan yang mencukupi bagi “Human Resources Development” kitani.

Jadi dengan sebab itu baru-baru ini Kerajaan sendiri telahpun bukan saja dalam barangkali dalam memberikan kewangan yang mencukupi di UBD, ITB, Maktab Jururawat dan seumpamanya malah baru-baru ini kitani mendengar ada satu pengumuman bahawa Kerajaan akan memperuntukan sejumlah kewangan sebanyak 250 juta untuk perkembangan Human Resource Development.

Ini adalah merupakan satu tanggungjawab Kerajaan untuk melatih anak rakyat ini sendiri supaya bisidia akan dapat mendapat ilmu pengetahuan yang mencukupi bagi membolehkan kitani, negeri kitani bergerak menempuhi cabaran-cabaran yang akan datang.

Mengenai dengan syarikat-syarikat memang diakui bahawa BSP ini telah pun memberikan, mengeluarkan scholarship daripada tahun ke tahun dan apa namanya ni, dan bisidia mengambil berkhidmat penuntut-penuntut yang diberikannya yang balik ke Negara Brunei Darussalam.

Mengenai dengan graduate yang sudah keluar. Memanglah ada graduate-graduate barangkali yang tidak mendapat pekerjaan tepi walau macam manapun kebanyakan daripada bisidia “*vacuole late job*” pada misalnya orang keluar dengan ijazah kedoktoran sebarang laut tentulah dengan mudah pekerjaan sama ada sebagai “*medical specialist*” ataupun “*medical preciseness*” di Negara Brunei Darussalam dan begitu juga barangkali Jurutera dan seumpamanya jadi “*this develop / thing student*” penuntut-penuntut ani apa namanya perlu kita menyiapkan, mengadakan bagi membolehkan kitani “*our silenceges peacture*”.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking : Yang Amat Mulia Pengerusi, saya bercakap mengenai Sekolah Sufri, di mana saya telah dihubungi seorang ibu bapa supaya melawat ke sekolah tersebut dan saya bawa bersama Orang Kaya Jaya Putera melihat keadaan sekolah tersebut.

Kami diberi tahu bahawa terdapat 2 blok asrama yang tidak digunakan sejak 8 tahun yang lalu kerana tidak dapat digunakan. Permohonan telahpun dihantar tapi barangkali disini ada peruntukan \$300 ribu dan tajuk-tajuk "readival" tiada kali barangkali tiada memadai dalam membaiki 2 blok asrama tersebut dan keadaan mereka pun sekarang ini terpaksa duduk di sebuah asrama sebanyak 100 orang lebihlah tu kerana asrama sebuah, dua buah itu tidak payah digunakan.

Selain daripada itu padang sekolah, padang Sekolah di Sufri itu dulu baik

masa kami menjadi jawatankuasanya baiklah barangkali dalam 30 tahun. Sekarang ini tidak boleh digunakan lagi jadi kalau durang mengadakan sukan tahunan terpaksa berpindah ke kawasan Askar di Binturan kira-kira jauhnya 10 kilometer barangkali.

Di situlah durang setiap tahun mengadakan sukan tahunan mereka. Satu lagi dapur, dapur yang terdapat di antara kedua asrama perempuan dan asrama laki-laki, kali keadaan 30 tahun lepas barangkali sesuai tetapi sekarang ini tidak sesuai kerana keadaan sudah ia punya siling-siling itu sudah berlubang bila angin kuat berterbanganlah, jadi apa yang diharapkan dalam Majlis ini supaya dapat diperhatikan kerana pihak-pihak di sebelah sana telahpun menghantar 5 tahun berturut-turut, katanya. Sekian Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin

Dato Setia Haji Mohd. Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, apa yang disembahkan oleh Ahli Yang Berhormat memang benar, saya sendiri telah melawat sekolah menengah yang berkenaan ini dan apa namanya ni Kementerian Pendidikan sedang berikhtiar untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi melalui "*development budget*".

Mengenai dengan asrama-asramanya ani barangkali kalau peramba sendiri berpendapat asrama ini inda sesuai digunakan lagi ada baiknya diroboh, diroboh sahaja walau macam manapun ini tertaklukkan kepada apa namanya article "*assessments*" yang akan dibuat oleh Kementerian yang berkenaan.

Mengenai dengan padang ani pun usulnya padang sekolah yang berkenaan itu barangkali "*samesaul grentic*" seumpunya peramba ani pun tidak mempunyai pengetahuan jadi barangkali tidak dapat memberikan penerangan yang

secukupnya tapi walau bagaimanapun usulnya padang itu sudah limpar ayungnya jadi Insya-Allah akan diteliti perkara ini dan tindakan-tindakan akan diambil. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli yang lain.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, menambah sedikit sahaja. Sebagaimana yang kitani maklum bahawa tiap-tiap tahun Kementerian Pendidikan menghantar anak-anak kitani Brunei belajar ke seluruh ke pelusuk dunia. Setelah mereka tamat balik ke Brunei ada mendapat ada yang inda dapat kerja, soalan saya minta maaflah bukan peramba kan mengajar cuma berkongsi pengalaman.

Barangkali dapat diperbaiki, mungkin Kementerian Pendidikan sudah mempunyai perancangan system yang akan saya sebutkan

umpamanya, kalau kitani kan menghantar penuntut keluar negeri biasanya ada perancangan macam setiap-setiap Jabatan, Kementerian ada requirement nya ada kemahuannya kalau misal kata Jabatan A ia mahu 2 orang jurutera kemudian dilaporkan kepada Jabatan Pendidikan, jadi daripada sana Jabatan Pendidikan mengetahui berapa sumber tenaga manusia dalam perancangan bisidia tahun ani bisidia gunakan kejuruteraan dan sebagainya.

Demikianlah kalau dapat apa ni dibuat daripada kitani sangal-sangal menghantar sahaja penuntut-penuntut itu tapi balik ada setengahnya tanpa mempunyai pekerja tertentu dan akhirnya jadi pengangur. Sekian. Itu sahaja Pengerusi, Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abhdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, kalau kan membuat apa namanya ni "*Main*

Power Planning" memang merupakan satu pekerjaan yang sukar dan secara tepat untuk menentukan berapa yang kita kehendaki setiap tahun, memang kadang-kadang inda semudah macam miatu itu pada misalnya kitani menghantar seorang penuntut keluar negeri ia akan mengambil masa sekurang-kurangnya 3 tahun untuk mendapatkan ijazah dan lepas itu ia lagi akan kadang-kadangnya ia lagi tertarik untuk melanjutkan pelajarannya mengambil "*Master*" dan seumpamanya.

Jadi kadang-kadang inda dapat kan dianu secara tepat ia benar akan balik dengan pekerjaan menunggu, kalau sekiranya keperluan kitani itu mendesak kitani terpaksa mengambil orang lain untuk mengisikan jawatan yang berkenaan, jadi indalah semudah macam miatu kitani tapi seberapa yang boleh memang dapatlah diaturkan tapi ada kalannya mis-mis itu berlaku jua memang diakui tu, dalam sepanjang perjalanan kitani

memang diakui bahawa "*planning*" kitani inda dapat diimbangi dengan "*implanningtion*" secara menyeluruh dan apa yang cuba dibuat untuk dibuat ialah untuk mengurangkan barangkali pembaziran tenaga.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai : Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dalam Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pendidikan dalam Tajuk Lain-Lain Belanja Tahunan Yang Berulang-Ulang didapati pemeliharaan "*Computer Maintenance*", saya berpendapat ada baiknya komputer-komputer PC yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah bukannya dibeli atau "*right purchase*" cuma disewa dan dibayar tiap-tiap bulan.

Di sewa itu banyak kebaikannya daripada di beli, satu daripadanya komputer-komputer, model-model komputer ini selalu berubah "*out-dated*" modelnya, jadi kalau disewa senang menukar model yang tinggi. Kedua tanggungjawab

"*maintance*"nya adalah tanggung si penyewa atau bukannya Kementerian, jikalau sekiranya komputer itu rosak sewa tidak dibayar, jikalau "*all right purchase*" kalau rosak melibatkan masalah, inilah cara-cara yang diamalkan oleh syarikat-syarikat yang besar sekarang di "*out source up-right purchase*". Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas cadangan, walau bagaimanapun perkara itu sudah pun mula dilaksanakan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi ingin dibahaskan, Tajuk SF: Kementerian Pendidikan diluluskan oleh Jawatankuasa ini sebahagian daripada Undang-Undang Kewangan 2006 / 2007.

Jurutulis: SF: Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Pengerusi: Ahli Ahli Yang Berhormat,

Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahi Rahman Nirhamim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sepertimana yang telah kita sedia maklum bahawa tapak industri Batu Apoi yang sudah lama terbiar yang tidak dapat dibangunkan oleh pengusaha-pengusaha dengan kadar modal mereka yang ada maka saya bercadang kiranya dapatlah Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk akan dapat dibangunkan, sepertimana jua di daerah-daerah yang lain.

Perkara yang kedua supaya dapat diadakan penyembalihan di Daerah Temburong bagi memudahkan pengusaha-pengusaha ternakan

dalam perkara tersebut. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Bismillahi Rahman Nirahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi ada dua soalan, yang satu ialah Tempat Perindustrian Batu Apoi, yang sebenarnya tapak perindustrian Batu Apoi ini yang sebenarnya bukan Kerajaan yang mendirikan bangunan, tetapi permohonan daripada pihak-pihak yang berkenaan untuk memohonkan disesuatu tempat tapak itu, seperti jua ditempat-tempat lain di Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Kuala Belait.

Jadi tidak adalah yang sebenarnya Kerajaan, hanya disediakan kalau ada "*private sector*" untuk memohon tapak-tapak tersebut jadi

dipersilakan untuk memohon, dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ada komiti namanya teknikal komiti untuk memproses permohonan-permohonan tertentu berapa "*investment*" yang akan dibuat, dan berapa peluang-peluang pekerjaan akan dibuat, apa jenis-jenis teknologi untuk dibuat disana, jadi macam atulah, jadi Kerajaan sendiri tidak akan membuat sesuatu perkara yang, adalah ditapak lain macam Bumi Putera, Shop Bumi Putera itu, bukannya ditempat perindustrian.

Yang kedua penyembalihan ini, Abatour ini pun Kerajaan ini ada yang sebenarnya membuat kecuali "*government link*", Mulaut, itupun bukan Kerajaan tapi duit Kerajaan dibawah RBA Mulaut Abatour, penyembalihan Mulaut. Macam penyembalihan - penyembalihan Yang lain, macam PDS, Soon Lee, Hua Ho, QAF Idel, Motor PAD, itu sendiri, "*private sector sponser investment*", macam publik dibuat oleh Kementerian ini ada. Jadi ini ada,

mungkin tidak ada dan tidak ada rancangan Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama untuk membuat "*investment*" kedua-duanya itu. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, penerangan daripada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telahpun jelas jadi sekiranya tidak ada Ahli-Ahli untuk membahaskan Kementerian.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Speaker, *I like to highlight. Some of the budget.....*

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Yang Berhormat, cakap ini ada mendengar.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: Sorry, local training you are just asking for 320, thousandthis training for the local SME...ataupun

for yours staff training...320, thousand.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:
Yang sebenarnya...

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: Lurus ada lagi, second thing the government have allocate you \$1.3 million budget for local product promotion activities, why this? \$1.3 million local product promotion activities. second thing I like to highlight your Ministry at this program call one stop agency but so far if I know even though it been doing successful so I want to know whether your Ministry can explain to me to ask why this thing was not successful and second thing the government have some...subsidiary like The Semaun Holding, Jerambak Holding this is very small business why don't your Ministry privatize this to the local business sectors. Thank you very much.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi ada dua perkara yang di "*high light*" oleh tiga, yang ketiga itu inada ada kedengaran, Satu "*let me explain to you frist, the local training*", salah satu ingradient untuk kecekapan kemajuan satu industri, salah satu adalah "*skill transfer, skill transfer diproses*" oleh sama ada orang Manager-nya, pekerjanya, pengusahanya "*skill*", jadi "*training, local training*" adalah satu faktor yang asas kepada kemajuan satu satu industri semua peringkat daripada ia punya CEO ia punya pekerja "*any body within the organization*".

"*Transfer of skill*" yang sebenarnya banyak "*factor*", yang "*factor fundamental*" tapi macam kewangan atau "*factor fundamental*" jua success and "*failure of*" satu industri, "*but what is important out of seven*" faktor-faktor tertentu yang mustahak

adalah "*skill Human Resources Development*", semua peringkat

daripada CEO sampai ke bawah dari CEO-nya itu. *“Transfer of technology”*, barangkali Ahli Yang Berhormat sendiri orang bisness jadi mengerti perkara ini, *“so it requires training now training facilitator”* dan *“leadership”* macam saya sendiri Yang Berhormat, dan juga Ahli-Ahli *“promotion”* daripada pegawai-pegawai tertentu di Jabatan-Jabatan tertentu di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bukan sahaja ada *“skill”* tapi ada *“entrepreneurship unscented the guard of doing this to do better if you don’t do any thing, you mean nothing, if you do some thing you fail and try again do some thing”*.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, jangan gunakan bahasa lain, sebolehnya dalam bahasa melayu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Minta maaf, menyentuh kepada yang kedua, *“local promotion, promotion”* juga yang mustahak, untuk *promote*

tetapi kitani disini, *“local promotion”* inada ada *“international promotion”* adalah perdagangan disana, tetapi kitani belum ada satu cap passport, piawaian untuk *“local product”* untuk belayar dan bepassport dan diakui dan dibeli diluar negeri, belum thats why disini local promotion ada banyak dalam satu tahun ada musim-musimnya untuk *“promotion”*, seperti Yang Berhormat sudah barang kali mendengar. Yang ketiga, *“sorry repeat please”*.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sila ulangi sekali lagi, yang ketiga.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: *Call One stop agency but so far is there any successful that foreign investor can come to our country very much.*

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Empat tah, kalau Yang Berhormat menambah empat tah tu,

ya tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa Jerambak dan Semaun Holding *this the government link investment actually* adalah untuk....

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, silakan cakap bahasa melayu berhujah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:

la cakap english jua tadi, mun kan ampun tadi Yang Berhormat, ia tah kan dibalas jua dengan bahasa English, tapi kalau ia bahasa china boleh jua ini, sebabnya peramba ani, mohon kan ampun peramba boleh jua bahasa china ni. Dua-dua satu Jerambak, satu Semaun, *Government Link Investment Company* okey yang ke empat tadi adalah *one stop agency what the problem one stop agency*.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: *Is this successful*

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:

Not for me to say your successful or not.... bukan pada saya yang peramba Yang Amat Mulia Pengerusi to say, bahawa *one stop agency* atu *success* atau inda this is kepada semua rakyat untuk meneliti sama ada berjaya atau inda, *where if you me to ask to say that maybe this quiet successful. Thank you.*

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada perbahasan pada tajuk ani maka tajuk ini dikira diluluskan oleh Jawatankuasa ini sebab apa sebahagian Tajuk yang diluluskan didalam Undang-Undang 2006 dan 2007.

Jurutulis: Tajuk SHO1A – Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama djadikan sebagai salah satu daripada jadual.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat majlis jawatankuasa

ditangguhkan untuk berbincang semula .

(Majlis bersidang semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula, setelah memikirkan banyak Ahli-Ahli telah membahaskan perkara-perkara empat lima tajuk tadi jadi kita ambil peluang sedikit berihat untuk minum maka Majlis ditangguhkan kira-kira 20 minit. Sekarang majlis ditangguhkan.

(Berehat minum sebentar)

Yang Dipertua Dewan : Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat disambung semula sebagai yang dilihat tadi hanya sedikit rang undang-undang perbekalan kita dapat perbahaskan maka sekarang majlis ini ditangguhkan untuk berunding di dalam majlis Jawatankuasa, ditangguhkan.

(Majlis bersidang selaku jawatankuasa)

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita akan membincangkan tajuk SH02A Jabatan Perhutanan, Perikanan, Perhutanan. Minta maaf.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh :

Terima Kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Pertama sekali barangkali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Perhutanan disebabkan strategi "*conservation*" kitani bahawa hutan kitani terpelihara dan kalau dibandingkan dengan Negara jiran hutan-hutan mereka telah habis dan kitani masih lagi "*about 90% - 80%*" diliputi dengan hutan "*Primary Jungle*" walau macam manapun dengan kakitangan 233 orang dan saya ingin bertanya kerana seringkali kitani terdengar bahawa hutan-hutan kitani selalu kena curi, tiap-tiap kali kena curi itu ia harganya lebih kurang dalam berjuta-juta adakah dengan

kakitangan 233 orang itu kitani boleh memantau perkara-perkara ini supaya tidak berlaku lagi ataupun apakah strategi Jabatan Perhutanan untuk mengatasi masalah ini. Terima Kasih.

Pengerusi : Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih yang sebenarnya barangkali peramba pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu barangkali “easy” juga ganya itu yang kitani kena curi itu yang berjuta-juta itu tapi sehingga masa ini yang peramba sudah mengetuai daripada 24 Mei 2005 hingga sekarang tidak adalah ‘record’ tertentu yang khas tertentu yang spesifik mengatakan yang kitani berugi-rugi berjuta-juta rugi itu, tidak ada barangkali bekas Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Menteri Pendidikan kali barangkali boleh menolong untuk memberi pandangan sehingga masa ini kerugian hutan

dicuri itu dan ada maklumat tertentu tidak sampai pada peramba sendiri, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Dato Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohd Yasmin:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dalam hal ini ingin menambah sahaja Kementerian Pertahanan, dengan Angkatan Bersenjata Di-Raja Brunei sentiasa melakukan “patrol” ataupun “air patrol” di kawasan-kawasan sempadan dan sebarang pencerobohan InsyaAllah selalunya dapat dikodinasikan dengan Kementerian Perindustrian untuk memastikan yang hutan-hutan kitani ini tidak kena curi. Ada “standard operating procedure” yang khas kalau tidak silap peramba PROTAP Salimbada yang mana ‘meeting protectively’ asset-asset ke hutan kitani, terima kasih.

Pengerusi: Cukup memuaskan jawapan itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada lagi ingin

membahaskan bertajuk tajuk S, ada lagi sila.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dalam menghadapi perkara di Dewan yang mulia ini, peramba sedikit menambah apa yang telah disuarakan tadi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada masa ini masih ada lagi kayu-kayuan yang ditebang oleh Pembalakan Pembalakan haram di kawasan antara Bukit Retak, dan Bukit Rasong yang bersempadan dengan Negara jiran spesies kayu yang ditebang dan dicuri oleh penceroboh adalah kayu atau spesies kayu yang berkualiti tinggi salah satu daripadanya ialah kayu gaharu yang berkualiti tinggi yang dijual di negara jiran.

Kegiatan penceroboh tersebut adalah sungguh merugikan Negara kita dari segi ekonomi dan juga dari simpanan khazanah Negara. Akan kejadian ini tidak akan dipandang ringan oleh pihak Kerajaan dimana salah satu perkara yang perlu diambil tindakan

“*serious*” ialah penyiasatan. Sejauh manakah keberkesanan kawalan ketat atau pemantauan yang dibuat oleh pasukan keselamatan untuk mengawal khazanah hutan Negara ini. Sekian Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Pengerusi: Yang Amat Berhormat Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi oleh kerana dua orang Ahli Yang Berhormat ada pernyataan kerugian, ada pencerobohan memanglah menyambut baik Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengucapkan terima kasih kerana maklumat ini jadi seperti yang di “*response*” oleh Yang Berhormat Pehin Yasmin tadi bahawa pihak-pihak tertentu yang berkenaan dan termasuk Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk

menyiasat perkara tersebut. Terima kasih.

Pengerusi - Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada perbincangan lagi maka tajuk Jabatan Perhutanan kita luluskan sebahagian daripada Undang-Undang Kewangan Tahun 2006 dan 2007.

Jurutulis: Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima Kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkara yang dihadapi ialah mengenai dengan kawasan Sungai Temburong iaitu supaya mendapat perhatian Jabatan Perikanan pemantauan bagi penceroboh-penceroboh yang memasuki perairan Negara kitani dalam mengambil hasil Negara. Selain membuat rondaan di laut dan juga supaya akan dapat

membuat rondaan di kawasan-kawasan Sungai Temburong.

Kerana Sungai Temburong terkenal dengan Udang Galahnya dan salah satu sumber ekonomi dan pencarian nelayan-nelayan bagi penduduk Daerah Temburong.

Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, beberapa kali didapati oleh nelayan tempatan ada penceroboh yang menggunakan racun untuk mendapatkan Udang Galah yang lebih mudah. Dan banyak spesies ikan lain, ikan-ikan lain mati.

Bila didekati mereka yang berkenaan, tanpa segan silu mengatakan tidak ada papan tanda yang mengatakan tidak boleh meracun. Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi perkara semacam ini terasa amat mengecewakan kitani. Sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat....

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:

Kalau begitu halnya Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, bahwa nantilah menyiasat perkara tersebut bagi pihak Kementerian peramba dan saya mengucapkan terima kasih terhadap teguran-teguran tersebut. Terima kasih akan disiasat.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada lagi Ahli-Ahli ingin membahaskan Jabatan Pertanian ini, Jabatan Perikanan ini, kalau sekiranya Ahli-Ahli ingin membahaskan Jabatan Perikanan ini sila angkat tangan. Sekiranya tidak SH04A, SH03A Jabatan Perikanan diluluskan dalam Tajuk Undang-Undang Kewangan.

Jurutulis: Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian.

Yang Berhormat Awang Haji

Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia, Pengiran Speaker Dewan, saya ingin menimbulkan satu perkara iaitu mengenai proses permohonan bagi Penduduk dan Raykat Negara ini kadangkala terlalu lambat untuk mendapatkan kelulusan untuk memohon kebenaran seperti ladang komersial dan juga untuk memohon persatuan berkebun apa dan sebagainya.

Masih lagi lambat untuk mendapatkan kelulusan cukup memuaskan Jabatan Kilanas, adalah satu kawasan tanaman padi waktu itu, cukup untuk memberi perbekalan makanan sebahagian daripada penduduknya.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, kemukakan apa cadangan yang patut dibuat, bukan di-*refer* anu lama.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Sunggoh: Hasil pendapatan

pertanian pada waktu zaman dulu, dan sekiranya tajuk-tajuk yang peramba katakan ini ada sudah dipindah kepada tajuk lain dalam kemajuan atau bertambah belum terdapat di sana tapi yang peramba baca tadi iaitu peruntukan daripada Jabatan Pertanian yang diberikan peruntukan dalam Tajuk Pertanian ini.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat janganlah disebut panjang lebar bercakap nanti anda dapat kitani menyelesaikan masalah budget ini.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Sunggoh: Walau macam mana pun kalau kita perhatikan di Jabatan dalam DD kitani di Brunei Jabatan Pertanian adalah sangat-sangat menurun, kalau kita berjalan di Daerah Brunei Muara susahkan dapat ladang-ladang Pertanian sepanjang jalan dari Kuala Belait susah, hanya barangkali terdapat kalau kita melawat ke Temburong, ada sedikit di Temburong padahal tanaman padi ini adalah sangat-sangat mustahak.

Kalaulah sekiranya Kerajaan dapat mengusahakan dengan besar-besar adalah suatu hasil yang mendatangkan hasil kepada Kerajaan.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masalah ini tentu dimaklumi oleh Menteri Pertanian, ini janganlah terlampau panjang bercakap balik-balik, berilah peluang Ahli-Ahli lain untuk mengemukakan dan membahaskan Rang Undang-Undang ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Sunggoh: Barangkali oleh sebab banyak perkara-perkara yang boleh disebut dan ada bahagian yang lain barangkali ada Ahli Yang Berhormat mahu menyambung lagi hujah-hujah maka bagi pihak Peramba sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli Ahli Yang Berhormat lain jawapannya barangkali sekian terima kasih. Ahli-Ahli yang lain.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd.

Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya hanya ada dua soalan yang pertama, saya pernah mengutarakan soalan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dimana bolehkah diadakan Station Pertanian di Sukang, jawapan yang saya terima anda sesuai diadakan pada masa ini, anda bebaloi dalam bahasa kitani Brunei, jawapannya kepada saya perkara ini saya bangkit sewaktu keberangkatan Kebawah Duli baru-baru ini ke Mukim Sukang, Melilas dan Labi, saya difahamkan dan diberitahu melalui SUT bahawa berkemungkinan hanya mampu diungkayahkan oleh MIPR ialah berbentuk klinik, dimana lawatan diadakan tertakluk kepada demand, kemahuan atau keperluan, soalan saya ialah sama ada perkara tersebut sudahkah ditepati, atau diadakan klinik tersebut sama ada seminggu sekali, sebulan sekali untuk membantu para petani di Mukim tersebut, terutama dalam pembelian baja, baja-baja orang bertani dalam

Mukim Sukang, Melilas terpaksa turun ke Labi, menyusahkan, jadi saya pohonkan kalau dapat pihak Jabatan Pertanian, membantulah, menghulur bantuan memang susah, tapi dibantu orang-orang kampung. Itu satu, yang kedua ingin tahu jua dalam tahun 2006, 2007 apakah Jabatan Pertanian mempunyai perancangan khusus di bidang pertanian untuk mengembang majukan Mukim tersebut, terutama Mukim Labi, Sukang Melilas supaya orang-orang di Kampung itu anda berhijrah ke Bandar, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi di Labi memang ada tu, Station Pertanian, saya sendiri sebagai Menteri telah melawat, tapi kalau Mukim Sukang itu adakan disiasat mun kan ampun, terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Soalan saya kedua belum berjawab tu.

Pengerusi: Soalan apa tu.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Soalannya dalam tahun 2006, 2007 ani adakah Jabatan Pertanian mempunyai perancangan pertanian untuk mengembang majukan di Mukim tersebut. Terima kasih.

Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Kalau anda ada dalam budget ni, mungkin ampun anda tidak ada tu, sebabnya budget ini kewangan adalah mustahak untuk membuat sesuatu, terutama sekali Station Pertanian, kalau ia anda ada di sini, minta maaf saya sendiri anda berapa detail-

detail di sini sebabnya yang akan dibuat adalah out come, saya mungkin ampun sebenarnya tertarik kepada emosi daripada Ahli Yang Berhormat tadi, kepentingan-kepentingan, vision, about pertanian, saya ada satu buku ni, ani kalau saya akan memberi syarahan barangkali abis kita tidur di sini kali, saya boleh sanggup dalam bil-bil tertentu untuk memberi penerangan macam mana kitani untuk berjalan dalam skim supaya tidak serahkan minyak dan gas untuk mempelbagaikan ekonomi ani. Kementerian ini ada Kementerian yang asas untuk terlampau panjang susah pulang, terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, kalau tidak ada perbahasan Tajuk SH04A Jabatan Pertanian di luluskan kepada sebahagian Rang Undang-Undang Kewangan 2006 dan 2007.

Jurutulis: SH04A Jabatan Pertanian dijadikan sebahagian

daripada Jadual. SHO5A Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA)

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, di dalam Badan Industri Brunei (BINA) walaupun perkara ini telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat di dalam Jabatan Pertanian izinkanlah peramba untuk menyuarakan seperti hasrat yang akan didengar oleh hasil di Daerah Temburong iaitu mengenai dengan program-program kemajuan pertanian luar Bandar sebagaimana rancangan kemajuan luar Bandar yang telah ditubuhkan setelah Jawatankuasa Kemajuan pertanian Luar Bandar di Perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Padudka seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam bulan Oktober 1992.

Dalam menjunjung Titah Baginda bagi “Konsep Bumi Hijau” supaya rakyat dan penduduk di negara ini menanam dan menyerapkan sikap “Budaya

Bertanam”. Untuk menambah sumber pendapatan dan seterusnya meningkatkan tahap hidup penduduk luar Bandar melalui kegiatan pertanian yang bersistem dan terkawal.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dengan penubuhan Jawatankuasa tersebut, sejumlah 46 kawasan yang seluas 2.018 hektar yang telah dipohonkan oleh 1,663 bilangan peserta bagi penduduk-penduduk Daerah Temburong yang telah menyertai dalam Program Kemajuan Pertanian Luar Bandar Daerah Temburong.

Dari jumlah 46 kawasan yang dipohonkan hanya 5 kawasan yang diluluskan, dan 3 kawasan tidak diluluskan kerana Tapak Pengambilan Batu Kelikir dan kawasan Taman Negara.

Sementara 37 kawasan masih dalam sudah sampai 10 tahun dalam penilaian. Persoalannya kenapa jawapan yang begitu lama masih belum ada jawapan-jawapan yang

tertentu dari pihak Jabatan-Jabatan yang berkenaan sama ada ianya diluluskan atau tidak, bagi 37 kawasan yang lama dipohonkan. Apakah masalahnya dalam perkara ini. Perkara yang kedua yang terakhir Pengiran Pengerusi, supaya Badan Industri BINA dapat jua akan mengambil perhatian yang lebih efektif terhadap perkembangan kedai-kedai syarikat koperasi di bawah naungan BINA.

Keluhan orang yang melabur saham dalam koperasi kerana ada yang mendakwa jarang menerima dividen malah ada yang tidak menerima langsung terdapat juga keluhan pelabur saham yang menuduh ahli koperasi tidak melaksanakan tugas dengan berwibawa. Yang Amat Pengiran Pengerusi, perkara ini boleh melemahkan dan menjejaskan semangat berniaga dan berpersatuan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih pertanyaan Yang Berhormat daripada Daerah Temburong bahawa tapak industri memang sudah disediakan, jadi setelah dijelaskan tadi Kerajaan tidak akan membuat sesuatu menyediakan tapak tertentu saja untuk "*private sector*", orang-orang Temburong, "*business-business*" Temburong memohon tapak dan membuat apa jenis industri yang akan dibuat oleh orang Temburong itu. Yang kedua mengenai dengan Syarikat Kerjasama yang sebenarnya ada barangkali Syarikat Kerjasama di Temburong ani, satu bahagian minyak dan satu bahagian pengangkutan.

Pengangkutan ini yang sebenarnya adalah Syarikat Pengangkutan yang dipengerusikan oleh Cikgu Haji Emran boleh tahan, saya melihat sendiri tiap-tiap tahun ada dividen diberi kepada Ahli-Ahli dan duit yang dibanknya adalah beratus ribu di "*fix deposit*"nya barangkali yang susah

masa ini ialah Syarikat Failing Station yang ada satu syarikat, itu benar adalah masalah-masalah tidak pecah amanah mengenai perkara tersebut “*supply*” minyak ke Temburong susah, walaubagaimana pun ada satu sudah “*petrol station*” diberikan untuk dua buah “*petrol station*” sekarang untuk di “*confet*”, barangkali satu, bukan ditiadakan saya sendiri pernah berbincang dengan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang ada unsur-unsur pecah amanah Syarikat Minyak Shell di Temburong itu, itu tidak diadakan. Barangkali kursus-kursus tertentu sudah dibuat tapi yang satu, pengangkutan itu yang diketuai oleh Cikgu Haji Emran barangkali ketua ugama di sana memang “very successful”, memang baik, yang \$800,000.00 duitnya di bank, “*fix deposit*” masa ini dan tiap-tiap tahun “*dividen*” itu memang ada. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, tak usah diulangi lagi kalau sudah dilepaskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kalau sekiranya tidak ada perbincangan, maka Tajuk SH05A diluluskan dan dijadikan sebahagian Undang-Undang diluluskan dalam Rang Undang Undang Kewangan.

Jurutulis: SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Menjunjung kasih di atas kesempatan yang diberikan. Bercakap mengenai dengan pelancongan, saya sering teringat akan moto Kementerian, “Brunei The Kingdom of Unexpected Treasures”. Inilah satu-satunya yang unik bagi Brunei.

Pelancongan adalah satu industri yang boleh dimajukan sebagai satu industri untuk mempelbagaikan ekonomi negara selain daripada minyak dan gas. Setengah-setengah negara yang maju dalam pelancongan boleh menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi dan juga kepada sebahagian daripada GDP sesebuah negara itu.

Selain daripada “natural resources” kita seperti minyak dan gas, Alhamdulillah, kita sangat-sangatlah beruntung Brunei memiliki keindahan alam semulajadi yang cantik dan canggih. Daerah Temburong misalnya Taman Negara, di Tutong - Tasik Merimbun, di Belait, Brunei Muara sebagainya memang ada tempat-tempat yang begitu menarik, yang berpotensi untuk dimajukan sebagai destinasi-destinasi pelancongan.

Kedudukan Negara Brunei Darussalam juga strategik dalam perhubungan dengan dunia antarabangsa melalui udara dan laut. Potensi-potensi pelancongan yang

telah dikenal pasti seperti “*Equa Tourism*”, “*Agro Aqua Tourism*”, “*Health Tourism*”, “*Sport Tourism*”, “*Cruse Tourism*”, inilah dimajukan dan di “*promote*”.

Menyentuh tentang promosi, ini adalah penting dalam memperkembang-majukan industri pelancongan. Selain daripada promosi, “investment” juga penting. Pelaburan dalam penyediaan “*infrastructure*” dan *faciliti-faciliti* dan juga di bidang tersebut.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, apakah keraguan Ahli Yang Berhormat terhadap Tajuk ini, tolong ceritakan.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas: Yang Amat Mulia, soalan saya begini. Adakah peruntukan-peruntukan yang mencukupi disediakan:

1. Untuk kakitangan, tenaga manusia di Jabatan ini bagi penyelarasannya,

2. Untuk promosi-promosi, usaha-usaha bagi mendedahkan lagi Brunei keluar negeri di antarabangsa.

Saya juga merujuk dalam “*budget-budget*” dalam peruntukan Kemajuan, mendapati ada peruntukan sebagai Insentif kepada Agensi Pelancongan sebanyak \$522,000.00, Insentif Perkembangan Pengusaha Pelancongan \$390,000.00 dan Pembelian Bot \$50,000.00.

Saya rasa industri pelancongan ini adalah satu potensi yang tinggi untuk dimajukan sebagai mempelbagaikan ekonomi negara dan peruntukan yang diberikan pada Jabatan Pelancongan nampaknya hanya \$1.2 juta. Memanglah kakitangannya hanya 33 orang dibandingkan dengan Jabatan-Jabatan lain dalam Kementerian. Jadi saya rasa fungsi Jabatan ini adalah begitu mustahak demi untuk memajukan pelancongan di negara ini.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, apakah cadangan Ahli Yang Berhormat untuk tajuk ani?

Yang Berhormat Awang Haji Idris

bin Haji Abbas: Peramba hanya menanyakan sama ada usaha ke arah ini dapat ditangani oleh kakitangan-kakitangan yang ada pada masa ani. Satu lagi peramba juga ingin mencadangkan supaya kalau boleh diadakan satu “*study*” untuk melihat kemajuan dan pencapaian Jabatan ini ke arah perkembangan pelancongan sejauh ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin

Haji Jumat: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, semua hujah-hujah yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat, perkembangan, pelancongan, prestasi, kapasiti, promosi apa itu, peramba menyambut baik perkara itu.

Yang sebenarnya mengenai dengan pelancongan ini adalah satu Jabatan yang baru, dulu unit, ini sudah jabatan dan "*Board of Tourism*" sudahpun di "*created*".

Kalau kan melihat perkembangan daripada "number of" pelancong-pelancong datang ke Brunei daripada tahun, saya ada "*figures*" di sini perkembangan orang melawat ke mari sehingga tahun 2000, 22,886, tahun 2003, 30,699, tahun 2004, 45,833, tahun 2005, 49,041. Jadi dalam lima tahun itu tiap-tiap tahun peningkatannya dalam 25% "*tourist*" sampai ke Negara Brunei Darussalam. Jadi nampak pertambahannya. Memang "*contribution*" macam Singapura "*contribution to*" kalau TDNK memang 12%, kapasiti kitani kapasiti "*contribute to*" kepada TD keluaran dalam negeri kasar masih di bawah 2%.

Jadi memanglah peranan pelancongan dari segi "*contribution*" kepada pendapatan dalam negeri kasar masih di bawah 2%. Kalau

"*bank's mark*" yang tinggi sekali kepada yang sudah lama supaya pelancongan ini adalah satu "*contribution*" pendapatan negara yang maksimumnya 12%, 8%, 10%, 12%. Jadi memang diakui bahawa "*contribution*" kepada negara, pelancongan ini masih sedikit, masih di bawah, ia baru berumur 4 tahun setengah.

Baru di Kindergarden belum masuk darjah satu. Jadi itu pandailah kitani menimbang bahawa di mana prestasi "*performance*" pelancongan ini. Insya-Allah memang Jabatan Pelancongan adalah "*facilitator*" saja. Jadi yang diungkuhkan untuk menambah ini adalah "*private sector*". Jadi "*private sector leadership lead by*" Kementerian, Jabatan dan "*facilitate*" saja macam "*infrastructure-infrastructure*" itu memanglah disahut oleh "*private-private sector*", belanja hotel, belanja bilik, yang hotel datang ke mari itu "*private sector*", bukan Kerajaan membuat kecuali di sini Empire Hotel

atu memanglah, “now is government link company” bukannya Kerajaan.

Jadi mungkin ampun, tidak ada perselisihan faham “on not congruent, it is congruent”, apa yang dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat. Yang sebenarnya Yang Amat Mulia, saya menyambut baik perkara tersebut. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada lagi perbincangan untuk Tajuk ini maka Tajuk Jabatan Kemajuan Pelancongan kita luluskan sebagai sebahagian daripada Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2006 dan 2007.

Jurutulis: SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah jam 5.10 petang maka persidangan dalam Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bermesyuarat penuh semula. Terima kasih.

(Majlis bersidang semula)

Yang Dipertuan Dewan: Mesyuarat disambung semula. Ahli Yang Berhormat, sekarang jam sudah 5.10 petang, maka Majlis ditangguhkan sehingga besok pagi jam 9.30 pagi.

(Mesyuarat ditangguhkan)

**YANG DIPERTUA DEWAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT EGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

YANG HADIR : YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj
ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd.
Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK., PKL.,
Yang Dipertua Dewan,
Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.
2. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
3. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah
Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan,
Negara Brunei Darussalam.

4. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.
5. Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.
6. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.
7. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.
8. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.
9. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.
10. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

11. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB., DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.
12. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, SPMB., DSNB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
13. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, DPMB., SNB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.
14. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng, SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI YANG DI LANTIK (ORANG-ORANG BERGELAR):

15. Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
16. Yang Amat Mulia,
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB., DPMB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

17. Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Paduka Awang
Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, DPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN) :**

18. Yang Berhormat,
Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh,
DPMB., PHBS., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
19. Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin, SMB.,
PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.
20. Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
21. Yang Berhormat,
Awang Haji Idris bin Haji Abas, SNB., SMB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.
22. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.
23. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri
Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
24. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh, DPMB., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK DARI DAERAH-DAERAH:

25. Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Penghulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .
26. Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, PSB., PKL.,
Penghulu Mukim Lumapas,
Negara Brunei Darussalam.
27. Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin
Abd. Rauf, SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Penghulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.
28. Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad,
Ketua Kampong Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.
29. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Ketua Kampong Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR
BERSAMA:**

1. Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji
Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Selasa, 21 Safar 1427 / 21 Mac 2006****Majlis mula bersidang jam 9.30 pagi**

Yang Dipertua Dewan: Bismillahir Rahmanir Rahim, sekarang persidangan disambung semula.

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua bagi Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dengan mendahului Doa Selamat.

Jurutulis: Membaca (Doa Selamat).

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan kita menyempurnakan beberapa tajuk anggaran belanjawan yang dapat kita jayakan kira-kira 49 tajuk dan sekarang tinggal lagi ialah 26 tajuk. Jadi sekarang saya minta Ahli-Ahli berkerjasama bagi membincangkan kepada tajuk-tajuk berasaskan kepada kewangan itu dengan tidak melebihi perkataan-perkataan lain supaya perjalanan kita mudah selesai.

Sekarang saya tangguhkan majlis ini untuk kita bersidang secara jawatankuasa.

**(Majlis bersidang selaku
Jawatankuasa)**

Pengerusi: Ahli - Ahli Yang Berhormat, semalam kita dapat selesai dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Mulai sekarang kita bincangkan tajuk SJ01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ringkaskan permasalahan iaitu:-

1. Mengenai dengan pemeliharaan bagi kerosakan - kerosakan bangunan - bangunan, masjid-masjid, balai - balai ibadat dan sekolah - sekolah agama di kawasan atau mukim-mukim di darat dan di Kampung Air. Ada

di antara bangunan yang disebutkan ini sudah lama rosak dan dilaporkan kepada pihak yang berkenaan dan sehingga sekarang belum ada pembaikan sebagaimana yang diketahui dalam anggaran perbelanjaan dan peruntukan sebanyak \$450 ribu. Saya pohonkan kepada pihak-pihak yang berkenaan agar kerosakan-kerosakan akan dapat dibaiki.

2. Mengenai dengan pembinaan semula bangunan sekolah-sekolah agama di Daerah Bunei dan Muara ada terdapat beberapa buah sekolah yang berbentuk sementara. Jadi dipohonkan sekolah agama yang berbentuk sementara yang sudah lama usianya agar dibuat / diganti dengan bangunan kekal.

Terima kasih, mohonkan ampun.

**Yang Berhormat Perin Jawatan Luar
Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr.
Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin
Haji Serudin:** Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, mengenai dengan pemeliharaan

bangunan-bangunan, masjid-masjid, balai-balai ibadat, sekolah-sekolah agama yang perlu dibaiki semula, sebenarnya bangunan-bangunan yang ada terdapat kerosakan itu memanglah diambil perhatian dan disiasat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Untuk memperbaikinya oleh kerana perkara ini berlaku diseluruh negara jadi ini adalah mementingkan keutamaan-keutamaanya bukanlah dibiarkan dengan tidak diperdulikan. Insya-Allah saya sangat-sangat mengalu-alukan diatas maklumat-maklumat seperti ini kerana Jabatan Hal Ehwal Masjid memang mengambil perhatian yang berat terhadap bangunan-bangunan, khasnya masjid-masjid, balai-balai ibadat dan sekolah-sekolah agama. Insya-Allah kerosakkan-kerosakkan itu akan sentiasa dipantau dan diusahakan pembaikannya.

Mengenai dengan sekolah-sekolah agama bangunan sementara memanglah ada, ada beberapa buah sekolah-sekolah bangunan sementara itu rancangan-rancangan

untuk memperbaikinya dan di bangunkan bangunan kekal, memang kalau kita lihat dalam rancangan kemajuan nanti bangunan banyak sekolah agama yang dimasukkan didalamnya. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengerusi, usul bagi menyokong sokongan yang dibuat dalam tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Agama. Satu rancangan untuk membuka tanah perkuburan orang Islam telah pun dilaksanakan di Pulau Berembang yang berdekatan dengan kawasan yang dinamakan Buang Tawar terletak di Mukim Kota Batu. Kerja-kerja meratakan tanah dan membersihkan kawasan dan memasang pagar telahpun dijalankan 2 ke 3 tahun yang lalu.

Pada masa ini kerja-kerja tersebut diberhentikan dan ditinggalkan begitu saja, tidak diketahui kedudukannya sama ada projek ini siap sepenuhnya atau hanya separuh jalan. Saya juga

difahamkan tanah perkuburan itu masih belum dapat digunakan dan mungkin tidak dapat digunakan sama sekali bagi maksud tersebut. Kerana keadaan tanah yang begitu keras mengandungi batu-batan yang tidak dapat ditembusi oleh cangkul dan skup. Oleh yang demikian, melalui dewan yang mulia ini saya ingin mendapat penjelasan

1. Berapa banyakkah peruntukkan yang digunakan dalam projek ini?
2. Apakah kedudukan kawasan tanah perkuburan ini akan diteruskan juga sedangkan tidak sesuai dengan keadaan tanah yang keseluruhannya keras.
3. Adakah sebelum rancangan atau projek ini dilaksanakan terlebih dahulu mendapat khidmat nasihat daripada pihak-pihak tertentu seperti JKR, khususnya kaji bumi jika tidak dan mengapa boleh jadi demikian.

4. Saya berpendapat jika projek ini diberhentikan dan ditinggalkan begitu saja, maka berdasarkan alasan disebutkan itu tadi ia merupakan projek yang gagal dan tidak mencapai matlamatnya. Kegagalan yang demikian boleh mengundang risiko kearah kerugian di samping boleh mengundang kerarah pembaziran. Maklumat yang dinyatakan dan diberikan berdasarkan kepada muzakarah diantara penghulu-penghulu Mukim dan ketua kampong Daerah Brunei/Muara bersama dengan wakil-wakil Kementerian Hal Ehwal Ugama pada tahun 2005. Dalam sesi taklimat untuk menutup dan membuka tanah perkuburan orang Islam yang baru. Sekian, mohon ampun.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin: Terima kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, maklumat-maklumat mengenai dengan tanah perkuburan orang Islam

yang baru yang dibuka di Kampung Berembang dan Kampung Buang Tawar. Memang ada masalah pada masa ini. Perkara ini akan disiasat terus dan perundingan-perundingan di antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pembangunan akan diteruskan bagi menyelidiki lebih mendalam perkara ini. Sebenarnya sebelum rancangan ini dimulakan memanglah ada perundingan dan penyiasatan di antara kedua-dua Kementerian.

Tujuan mengadakan satu perkuburan bagi Kampung Air memanglah sangat mustahak kerana perkuburan Jalan Subok, Jalan Residency sudah penuh dan apabila ada masalah rancangan perkuburan di Kampung Berembang dan Kampung Buang Tawar maka satu perkuburan baru telah dibuat di Kampung Terunjing dan juga di beberapa tempat disiasat bagi kemudahan untuk orang-orang di Kampung Air dan telah diberitahu kepada Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung.

Setakat ini memanglah kerja-kerja di Kampung Berembang dan Buang

Tawar diberhenti sementara, kerana perundingan-perundingan di antara dua Kementerian-Kementerian sedang berjalan untuk menentukan kedudukannya. Jadi setakat ini saja yang dapat saya berikan Pengiran Pengerusi. Bahawasanya perkuburan Kampung Berambang diberhentikan dan bagi menampung kehendak Kampung Air telah diberitahu kepada Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampong yang berkenaan bahawa Kubur Subok atau Kubur Jalan Residency ditutup, ada perkuburan-perkuburan lain yang masih boleh digunakan umpamanya Sungai Panga, Perkuburan Kandang Haji Tarif dan lain-lain lagi dan bagi orang di darat atau orang kampung air pun boleh pergi ke Kampong Terunjing, perkuburan yang bersistem. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat adakah memadai jawapan sila..

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, apa yang menjadi keraguan kepada peramba yang pertama sekali memang

peruntukan yang telah disediakan telah pun digunakan jadi walaupun pada masa ini projek tersebut diberhentikan untuk menunggu hasil rundingan daripada pihak-pihak yang berkenaan soalnya sekarang adakah projek yang telah nyata tidak dapat kita gunakan ini masih juga akan diteruskan, itu yang pertama.

Yang kedua peramba ada menyatakan tadi projek ini adalah merupakan projek yang gagal jika sekiranya tidak dapat diteruskan maka ia adalah mengundang risiko ke arah kejayaan di samping boleh mengundang ke arah pembaziran, mohon penjelasan, sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat silakan.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Pengiran Pengerusi, sebagaimana yang telah saya terangkan tadi buat sementara ini kerja-kerja telah diberhentikan kerana perundingan-perundingan sedang berjalan

mengenai rancangan itu, sama ada ia akan di teruskan atau sebaliknya tertaklukkan kepada hasil perundingan dan penyiasatan di antara kedua belah pihak nanti, Insya-Allah.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Bismillah Hirrahanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat pada tiap-tiap tahun Kementerian Hal Ehwal Ugama ada mengeluarkan kalendar yang cukup lengkap, canggih dan pada waktu yang sama jua tiap-tiap tahun Jabatan Penerangan ada mengeluarkan kalendar jua, jadi saya mencadangkan untuk menjimatkan kos walaupun sedikit kalau dapat diselaraskan pengeluaran kalendar tersebut itu yang pertama.

Yang kedua peramba mendengar beberapa ristaan yang kurang sedap didengar oleh kitani tentang ketiadaan setengah-setengah imam di waktu-waktu solat sembahyang di setengah-setengah masjid di Negara Brunei Darussalam. Sebagai menjaga imej para imam peramba

mencadangkanlah satu kata orang pemantauan haruslah dijalankan.

Yang ketiga peramba khususnya sebagai Ketua Kampong di Mukim Sungai Liang pernah memohon kepada Jabatan Hal Ehwal ugama untuk mendirikan pembinaan sebuah masjid di kampung tersebut, peramba ingin mengetahui akan status permohonan tersebut, sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat silakan.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih di atas tiga perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu. Mengenai kalendar tadi sungguhpun kedua-dua jabatan mengeluarkan kalendar setiap tahun sebenarnya permintaan sangatlah banyak sehingga calendar itu tidak cukup sehingga kehabisan dan ada permintaan dan orang ramai terus di kirim dan sebenarnya kalendar masing-masing jabatan itu

mempunyai kelebihan-kelebihan dan cara-caranya yang tertentu dalam membuat calendar dan mendukung tujuan-tujuan masing-masing.

Yang kedua mengenai dengan ketiadaan imam di waktu-waktu solat di beberapa buah masjid memanglah saya sendiri mendengar perkara ini, dan pemantauan-pemantauan memang dibuat kerana di tiap-tiap daerah ada mempunyai zon dan di tiap-tiap zon itu ada ketuanya, dalam pada itu kita hendaklah juga faham bahawasanya imam-imam itu juga adalah menjadi yang orang-orang jurunikah. Masaalah kitani jurunikah umpamanya ia dilagau pukul dua, tunggu-tunggu, nikahnya pukul empat baru berlangsung, kerana pengantin laki-laki lambat datang ke rumah pengantin perempuan, ketinggalan sembahyang Asar di masjid, inilah di antara perkara-perkara berlaku.

Jadi dalam dewan yang mulia ini, saya mintalah Ketua-Ketua Kampung dan juga Penghulu-Penghulu, bisai tah orang-orang Kampung yang berkenaan itu benar-benar menetapkan jam yang sebenarnya, supaya jurunikah-jurunikh yang

berstatus imam itu tidak meninggalkan masjid sehingga tidak sempat menjadi Imam pada waktunya. Kerana beberapa penghulu sendiri memang merisikkan perkara ini kepada saya selain daripada saya mengetahui sendiri keadaan ini dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Masjid, mengambil perhatian yang berat berhubung dengan imam yang tidak dapat hadir di masjid mengimamkan pada waktu sembahyang. Terima kasih di atas makluman itu, dan kami mengambil perhatian yang berat.

Berhubung dengan permohonan untuk mendirikan sebuah masjid memanglah permohonan-permohonan untuk membina masjid di mana-mana tempat pun diambil perhatian, di antaranya ialah menentukan bilangan penduduk-penduduk yang istilah kitani yang sudah akil baligh, kemudian berapa jauh antara masjid yang dicadangkan dengan masjid yang ada, yang terdekat, adakah difikirkan mustahak masjid baru ini sedangkan masjid yang dekat ada di sana dan masih boleh menampung penjimatan

dalam pada itu masih tapak masjid juga menimbulkan masalaah, penyiasatan tapak inipun akan mengambil masa. walau bagaimanapun saya minta kepada Yang Berhormat di mana kampungnya Yang Berhormat memohon itu?

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Di Kampung Lumut Satu Pehin.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Terima kasih Yang Berhormat.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada pertanyaan lagi, tidak ada perbahasan?

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir Rahim, ada beberapa perkara yang akan saya timbulkan dalam majlis dewan yang mulia ini, bila mana saya meneliti Pegawai Ugama Kanan tahun lepas, tujuh

masa ani tinggal lima, macam itu juga Pegawai Ugama, dulu sepuluh sekarang tinggal sembilan, jadi nampaknya berkurangan, apakah pihak Kementerian tidak mencadangkan lebih banyak pegawai pelajaran kanan dan pegawai pelajaran agama itu yang pertama.

Yang kedua, kalau kita melihat Pejabat Ugama Tutong yang didirikan beberapa tahun lepas nampaknya bangunan itu sudah lama, apakah pihak Kementerian ini untuk membina pejabat baru? Kalau kiranya ada terima kasih, kalau kiranya tidak ada lebih baik diusahakan.

Yang ketiga, mengenai dengan pembinaan Masjid Kiudang di Tutong, nampak kalau didengar daripada apa yang kita difahamkan ia akan dibina dalam tahun berapa? Dalam masjid jua tambahan pembinaan bangunan Masjid Keriam, jadi nampaknya pun belum ada hasil harap mendapat penjelasan, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Pengiran Yang Dipertua, terima kasih atas maklumat-maklumat ini, berhubung dengan kepegawaian itu saya sebenarnya kurang jelas antadi, tolong Yang Berhormat ulangi lagi mengenai yang pertama kerana kurang jelas.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih kalau saya lihat dalam anggaran belanjawan ani tahun lepas pegawai ugama kanan tujuh orang tapi mengapa tia pulang turun kepada lima orang, macamatua jua pegawai ugama dulu sepuluh orang, sekarang tinggal sembilan orang jadi peluang-peluang mereka ani untuk meninggikan lagi supaya prestasi Jabatan Ugama akan lebih berwibawa lagi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Satu perkara di muka satu yang sebuting di muka berapa tu? Kalau kitani lihat di muka

surat satu, pegawai ugama sepuluh jadi sembilan, sila lihat "lain-lain hal" satu jawatan dipindah ke Jabatan Majlis Ugama Islam, jadi inda kurang, ia orang itu dipindah, kerana dahulu "Bahagian" Majlis Ugama Islam sekali lagi di "Jabatan" Majlis Ugama Islam, orang itu dipindah ke sana, yang saya ingin saya tahu lagi yang merujuk kepada pegawai ugama kanan tujuh menjadi lima muka surat berapa Yang Berhormat? Di halaman "lain-lain hal" satu jawatan ke Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, satu jawatan lagi ditukar gelarannya menjadi Timbalan Setiausaha Majlis Ugama Islam, ertinya tidak berkurangan, satu Jawatan ditukar gelarannya dan seorang yang duduk di sana pindah ke tempat lain, tidak ada kurang, masih lagi bilangan itu, hanya orangnya pindah ke jabatan lain dan satu jawatan ditukar nama.

Mengenai dengan Pejabat Ugama Tutong terima kasih di atas perhatian Yang Berhormat itu, memanglah Kementerian Hal Ehwal Ugama sendiri merasakan perkara ini dan difikirkan, dan akan diambil tindakan-

tindakan yang bersesuaian, terima kasih. Mengenai dengan Masjid Kiudang insya-Allah perkara-perkara masalah tanah, masalah *plan*-nya akan diambil tindakan sesegera mungkin, insya-Allah, yang keempat atau saya kurang jelas tadi, dapat Yang Berhormat dapat mengulangi lagi.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Ingin saya mengulangi lagi, Yang Amat Mulia Pengerusi, di Bangunan Masjid Kampung Keriam nampaknya ada beberapa kali pegawai-pegawai yang berkenaan melihat dan memeriksa kononya akan ditambah bangunannya itu sehingga pada masa ini.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin: Terima kasih, kalau ketani lihat bukan belanja tahunan, tetapi dalam perbelanjaan Kemajuan Negara muka surat 34, 9210 – 01 bangunan tambahan Masjid Kampong Keriam harga rancangan \$850 ribu dan bagi tahun 2006 – 2007 diperuntukkan 510 ribu ada dalam Rancangan Kemajuan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Haji Rauf: Ingin tahu jua Pengiran Pengerusi bahawa bila tah masanya kan menambah atau, estimate sudah ada, kuasa pun sudah ada.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat masalah pentadbiran itu sudah diberitahu tadi in da payah ditanya, jangan memanjangkan perbicaraan kalau perkara-perkara yang berjalan biasa. Silakan ada ahli-ahli mahu bertanya.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Bismillah irahman irahim, assalamualaikum warahmatulahi wabarkatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat dalam menghadapi hasrat murni rakyat dan penduduk daerah Temburong sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di majlis Konvekesen Ke 17 Universiti Brunei Darussalam pada hari Selasa, 2 Syabaan 1426 bersamaan 6 September 2005.

Di mana Baginda bertitah bahawa asas untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam tulin sudah ada, dan apa yang tinggal kini hanyalah menunggu saat untuk kita mengurak langkah dan akan berfungsi untuk menampung keperluan masa kini dan akan datang, di samping menjadi mercu tanda kegemilangan kepada Negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi akan titah baginda yang amat ikhlas untuk menyampaikan kepada rakyatnya, ianya amatlah disambut baik oleh rakyat dan penduduk di Daerah Temburong, maka dalam cadangan ini saya bagi mewakili penduduk Daerah Temburong kiranya diwujudkan nanti Universiti Islam tersebut akan dapat dibangunkan di daerah Temburong, Sekian wabilahi taufik wal hidayah wasalam alaikum warahmatullahi wabarkatu.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin: Yang Amat Mulia

Pengiran Pengerusi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung mengenai dengan penubuhan Universiti Islam tulin dan sebuah Jawatankuasa telah dibentuk dan dipengerusikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan dan mereka telah pun bermesyuarat beberapa kali dan mendirikanannya itu akan memakan masa. Mengenai pemilihan tempat itu pun tertakluk kepada cadangan-cadangan Jawatankuasa itu dan bukan saja Jawatankuasa itu bahkan terpaksa akan dilantik Konsultan-Konsultan tertentu bagi memilih tempat dan perkara ini akan diselesaikan sebaik-baiknya, kita sama-sama menunggu.

Encik Gamat menikam gamat,
Bunga melur kembang melati,
Mudah-mudahan hidup selamat,
Dalam telur boleh dinanti.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada lagi ahli-ahli yang ingin membahaskan tajuk Kementerian Ugama, sekiranya kalau tidak ada.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd

Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Tuan Pengerusi saya sendiri ingin bertanya saja Menteri Ugama tentang kononnya ada sebuah masjid di Kampong Sengkarai, bukan kerana saya tinggal di Kampong Sengkarai maka saya bawa ini tetapi ini adalah untuk kebajikan penduduk Kampung Sengkarai yang lebih kurang dalam 1000 orang yang tinggal di sana tapi tidak ada masjid.

Jadi sama ada bahagian lain tidak dikhaskan tapi saya dipercayai cadangan mengadakan masjid di Kampong Sengkarai sudah berpuluh tahun sampai sekarang tidak ada satu pun nampak.

Di sini dalam cadangan Kementerian Ugama, bangunan tambahan masjid di Kampong Keriam ada, bangunan di Kampong Pengkalan Batu ada, bangunan di Bengkurong ada, Sungai Buloh pun di Labi pun ada. Tapi Kampung Sengkarai yang lebih kurang 10 tahun dicadangkan tapaknya dari satu tempat ke satu tempat tak ada sampai sekarang orang-orang Kampung Sengkarai, keluar sekali lagi saya katakan bukan saya tinggal di Kampong Sengkarai, nak sembahyang

pun di Kuala Tutong pun ada di masjidnya, di Bandar Tutong pun ada masjidnya tapi kalau dapatlah oleh kerana ada cadangan itu jadi saya harap supaya dapat, pasal apa saya tidak nampak kalau ada saya tidak bertanya, terima kasih.

YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin: Yang Amat Mulia Pengerusi kadang-kadang memberi jauh hati, sebenarnya di Sengkarai ada Balai Ibadat, Balai Ibadat ini antara balai ibadat yang maju pernah mendapat anugerah dalam anugerah takmir masjid dan saya sendiri pun pernah berkunjung ke balai ibadat ini, memang perlu ada masjid di sana bagi menggantikan bangunan ini. Al-kisah ialah masalah tanah, tanah Lot 2107, oleh seorang hamba Allah yang ingin berwakaf luasnya kira-kira satu ekar setengah.

Setelah dikenal pasti hasil lawatan Kementerian Ugama dan Jabatan Masjid melawat dan yang berkenaan dengan balai ibadat, mesyuarat diadakan dibalai Ibadat itu,

jawatankuasa Takmir dan beberapa wakil kampung, mereka tidak bersetuju dengan tapak yang ingin diwakafkan itu melihat kepada beberapa masalah, diantaranya “*infrastructure*” cukup susah maka Kementerian Ugama pun mencari tempat dan Perancang Bandar mencadangkan satu tempat di Jalan Pengasing dekat Highway Tutong Belait, usaha pun dibuat.

Tiba-tiba seorang hamba Allah dengan tanah Lot 1879 ingin berwakaf dan kami pun ahlan wasahlan wa marhaban kerana ini adalah kerja yang berkebakikan. Sesudah diproses, ada pula gundalai yang lain sehingga wakaf itu tidak dapat diteruskan, maka sekarang kembali lah tanah di jalan Pengasing, dekat Highway Belait Tutong dan alhamdulillah baru-baru ini telah digazzetkan. Insya-Allah proses bagi membina Masjid sedang diusahakan tapi tidaklah saya berjanji bila. Tetapi insya-Allah, masjid itu akan didirikan kerana mustahak di sana ada masjid, terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekira tidak ada ahli-ahli ingin membincangkan dan

membahaskan rang undang-Undang tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama ini maka tajuk ini kita kira lulus.

Jurutulis: Tajuk SJ 101A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada jadual, Tajuk SK01A, Kementerian Pembangunan:

Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Terima kasih lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Khusus bagi sokongan bagi sokongan peruntukan atas tajuk SK 03A Jabatan Kerja Raya.

Pengerusi: Yang Berhormat sekarang kita di Jabatan Kementerian Jabatan Pembangunan bukan Kerja Raya.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Mohon diampun peramba tarik balik.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Sebelum itu menjunjung ampun barangkali untuk meminta penjelasan peramba kurang faham samada boleh usul atau pertanyaan yang akan peramba hadapkan ini boleh dibawa ke tajuk SK01A Jabatan Kementerian Pembangunan.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat biasanya apabila membahaskan sesuatu tajuk hendaklah menumpukan segala perbahasan itu pada tajuk yang berkenaan iaitu samada cara perbelanjaan dan berbagai-bagai lagi yang kena mengena dengan nya. Jadi kalau hal itu akan disuarakan tidak lah menjadi masalah, silakan.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Dalam tajuk diatas peramba menyokong sepenuhnya cuma barangkali ada sedikit pertanyaan kalau sekiranya dapat dijelaskan yang berhubung kait kiranya bertepatan dengan tajuk ini. Iaitu Kementerian

Pembangunan. Ingin tahu saja satu bangunan yang menjadi misteri pada masa kini iaitu diantara Sungai Kianggeh dan masuk ke Sungai Kianggeh ada satu bangunan pada masa ini yang tergendala pembinaannya.

Soalnya sekarang bukan lah peramba bertanya siapa yang menjadi pemilik bangunan itu. Apa yang peramba ingin penjelasan, apa yang jadi dengan bangunan ini, yang tidak juga diteruskan samada disiapkan atau pun tidak, mungkin soalan barangkali atau pertanyaan ini perlu mendapat beberapa pandangan yang lain jika sekiranya, mudah-mudahan tidak menyentuh mana-mana pihak, cuma peramba ingin menghadapkan apakah yang akan jadi terhadap bangunan ini, sekian terima kasih.

Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat diminta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan memberikan penjelasan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin

Begawan Mudim Dato Paduka Haji

Bakar: Bismillah Irahman Nirahim Peramba menjunjung maaf kerana tidak dapat memberi penjelasan kerana bangunan ini adalah kepunyaan persendirian. Tapi kalau diperlukan Peramba boleh menyiasat karang tanah jenisnya, berapa, itu saja. Tapi apa yang terjadi kepada bangunan sama ada diteruskan, Peramba inda dapat memberi penjelasan. Bukan inda dapat, tidak ada penerangan yang Peramba dapat offer atau ketengahkan pada masa ini tapi kalau kan mau peramba boleh menyiasat dan memberikannya dalam akhir karang setelah menyiasat.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat penerangan ada pada Kementerian Pembangunan jadi cukup, sekiranya puas hati dan saya meminta ahli ahli hadirin, sekiranya tidak ada pertanyaan lagi maka tajuk ini akan kita luluskan sebahagian daripada tajuk Undang-Undang Kewangan 2006 dan 2007.

Jurutulis: Tajuk SK01A Jabatan Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual SK02A Jabatan Kemajuan Perumahan.

Yang Berhormat Awang Haji Idris

bin Haji Abbas: Bismillah Hirahman Nirahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya setinggi tinggi menjunjung kasih atas peluang diberikan Jabatan Kemajuan Perumahan salah satu jabatan dalam Kementerian Pembangunan yang penting yang bertanggungjawab atas penyediaan rumah-rumah bagi Negara ini.

Rancangan perumahan kita boleh dikatakan yang terbaik dirantau ini malah mungkin juga terbaik di dunia. Ini ialah *visi* dan hasrat Kebawah Duli yang Maha Mulia yang inginkan melihat setiap rakyatnya mempunyai rumah. Setinggi-tinggi menjunjung kasih.

Saya pernah menjadi President APH (Asian Association Planning Housing) beberapa tahun yang lalu, apabila kami bersidang conference membuat presentation mengenai dengan Skim Perumahan Brunei kesemua rakan-rakan Asian hairan dan tercengang mendengarkan

akan kemudahan-kemudahan yang diberikan terkandung dalam skim-skim tersebut seperti rancangan perpindahan, perumahan, rakyat jati, landless skim, bagi rakyat juga skim pinjaman loan, yang almost interest free juga perumahan bagi pekerja-pekerja kakitangan Kerajaan. Seolah-olah mereka tidak percaya. Walaubagaimana pun mereka mengatakan orang-orang Brunei sangat-sangatlah beruntung.

Alhamdulillah, jadi orang-orang Brunei yang beruntung yang berkenaan ini dipohonkanlah memberikan kerjasama seperti membuat pembayaran yang diperlukan untuk mengelakkan tunggakan. Kerana masalah tunggakan kalau terlalu serius akan menjejaskan pendapatan hasil pendapatan Negara. Apakah tindakan yang akan diambil mengenainya? Skim ini juga begitu mudah dan menarik sekali menyebabkan semua orang-orang berharap-harapkan bergantung kepadanya semata-mata.

Jadinya demand atau permintaan naik tinggi sehinggakan supply tidak mencukupi disediakan dalam waktu-

waktu yang dikehendaki. Soalan saya, adakah budget untuk Jabatan Perumahan mencukupi bagi tenaga-tenaga manusia jabatan ini untuk melaksanakan atau mengimplementasikan penyediaan-peyediaan perumahan ini.

Saya difahamkan beberapa tahun yang lalu, permintaan atau keperluan perumahan kira-kira 1,000 buah setahun dan yang dapat diusahakan tidak lebih daripada 400 buah setahun ini bererti setiap tahun 600 buah "*we have short*" setiap tahun. Jadi angka ini akan meningkat setahun demi setahun yang juga saya difahamkan setakat ini kira-kira hampir 20,000 buah diperlukan. Jadi soalan saya berapakah % keperluan perumahan selain rumah-rumah persendirian yang diusahakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan, adakah peluang-peluang diberikan kepada pihak-pihak konsultan misalnya untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kearah ini. Barangkali perancangan ini memang ada tetapi bagaimana dengan perlaksanaannya untuk mencapai kematlamat ini dengan

lebih berkesan. Sukacita disyorkan juga konsep bekerjasama antara pihak-pihak awam dengan pihak-pihak swasta mestilah digalakkan. Terima kasih.

Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:
Bismillah Irahman Nirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wbarakatuh, peramba menjunjung kaseh sekali lagi. Pertama mengenai tunggakan. Apa yang dibuat oleh Kementerian pada masa ini atau jabatan pada masa ini ialah membuat profile penunggak-penunggak ini kerana tidak dinafikan bahawa sebahagian daripada penunggak itu adalah penunggak betul betul berkesulitan. Tetapi apa yang disuahkan ialah untuk menapis penunggak-penunggak supaya kitani tahu mana penunggak-penunggak yang tidak berkelayakan untuk menunggak itu. Jadi apabila ini diketahui nanti akan diambil beberapa tertakluk kepada dasar dan cadangan

yang pada masa ini masih dalam penelitian.

Mengenai dengan skim bagi mencepatkan perumahan ini, memang disedari bahawa terdapat defisit dalam pemberian perumahan ini, jadi apa yang dibuat pada masa ini bukan saja di Kemajuan Perumahan ialah ia ada satu Majlis Jawatankusa Perumahan. Satu daripadanya ialah untuk menilai semula keberkesanan dan kaedah-kaedah pemberian perumahan ini termasuklah cara-cara memberi ini kerana adalah secara kasar dilihat dalam pemberian sekarang ini, sistem pemberian sekarang ini dengan tiap-tiap buah rumah diberi rumah tanah ini, bukanlah satu pilihan yang sustainable yang dapat dijangka tahan jadi beberapa usaha seperti mengadakan rumah-rumah padat atau rumah-rumah yang bertingkat juga sedang diusahakan.

Dalam pada itu termasuklah juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk mengadakan synergy ataupun hubung sama dengan pihak-pihak swasta dalam menjalankan projek ini termasuklah

beberapa usaha-usaha seperti kaedah-kaedah pembangunan atau pembangunan rumah yang baru misalnya atau kaedah-kaedah pengkontrekan dan sebagainya.

Insyallah, peramba adalah baru dalam Kementerian ini dan Peramba melihat daripada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang lama banyak rancangan-rancangan atau sudah ada, Jadi Peramba hanya akan melihat rancangan-rancangan atau dan menjalankannya dan sambil atau menyedari akan keadaan-keadaan pemohon-pemohon dan orang-orang yang perlu atau berkehendakkan rumah atau. Tidak dinafikan bahawa pemberian rumah pada masa ini adalah kurang daripada keperluan. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin mendapatkan maklumat daripada pihak yang berkenaan iaitu mengenai dengan Rancangan Perpindahan Perumahan yang terdapat di kawasan di Mukim Lumapas iaitu di Kampong Lumapas. Jadi Peramba ingin tahu

kerana sejauh ini Peramba belum mendapat maklumat yang rasmi dari pihak berkenaan untuk apa dan berapa dan untuk rakyat mana dan penduduk mana?

Jadi sejauh ini apa yang peramba saya maklum rancangan perumahan ada terdapat yang peramba sebutkan tadi, jadi bila rancangan ini akan dijangka siap dan juga berapa unit kah diperuntukkan di kawasan yang peramba sebutkan tadi dan juga sekaligus penduduk persekitaran kawasan tersebut supaya memohonlah pada pihak yang berkenaan untuk diberikan keutamaan supaya mengisi rumah-rumah yang akan dibangunkan di tapak yang Peramba sebutkan. Menjunjung ampun, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih sekali lagi. Peramba mohon maaf kerana jumlah sebenarnya tidak peramba ingat tetapi lebih 100 lah boleh jadi lebih daripada itu. Tetapi apa

yang Peramba ingat perpindahan itu dijalankan beberapa fasa.

Fasa pertama akan siap pada ini daripada peringatan Peramba pada akhir tahun 2007. Kalau anda silap. Tetapi kerja-kerja infrastruktur, kerja-kerja infra dan tanah sudah selesai sekarang infra dan setengah-setengah rumah telah pun dikontrekkan.

Jadi Peramba akan mendapatkan maklumat ini dalam boleh jadi dalam pagi ini tetapi apa yang mengenai pemohon itu ialah perumahan ini akan diperuntukkan bukan sahaja kepada pemohon-pemohon yang berhampiran tetapi kepada semua pemohon-pemohon yang berkecukupan kerana pada masa ini Jabatan Kemajuan Perumahan mempunyai senarai pemohon-pemohon yang berkecukupan mengikut tahun-tahun dan giliran-giliran itu jadi apabila ia sudah siap karang rumah-rumah ini akan ditawarkan kepada pemohon-pemohon yang berkecukupan bukan sahaja di kawasan itu saja di mana saja mereka berkecukupan dan mau

tinggal di rumah itu. Menjunjung kasih.

Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunus bin Mohd Noh:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam sejahtera. Bismillah Irahman Nirahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan ahli ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengemukakan soalan mengenai dengan satu kawasan tapak yang mana telah disediakan "infrastructure"nya dan platform-nya semua sudah pun sedia barangkali dalam jangka 6 ke 7 tahun yang lalu iaitu kawasan di antara Kampong Lugu dan "Costal Highway".

Saya ingin bertanya adakah kawasan ini kawasan perumahan? Jika ianya kawasan perumahan bilakah jangka ianya akan dimajukan? Dan seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi macam manakah kalau sekiranya ada pihak-pihak swasta yang berkeinginan untuk menyertai projek perumahan ini? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih sekali lagi. Peramba mengesahkan bahawa tapak perumahan di Lugu ini memanglah tapak perumahan. Ianya telahpun siap topo dan “*infrastructure*” belum disiapkan dan diharap perumahan dan “*infrastructure*” akan dijalankan dalam RKN 9 tertakluk kepada peruntukan. Jabatan Kemajuan Perumahan mengalu-alukan “*any proposal*” daripada pihak pengusaha untuk sama-sama bagaimana caranya mengusahakan rumah tersebut. Insya-Allah.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, pada masa ini pemohon yang sudah mempunyai tanah sama ada tanah itu di atas namanya sendiri atau pun suaminya kalau suami isteri atau pun di atas nama bapanya kalau ia anak beranak tidak akan layak untuk dipertimbangkan mendapatkan Skim Perumahan.

Jadi cadangan peramba supaya peraturan dan cadangan ini supaya pemohon yang sebegini dapat dipertimbangkan jika sekiranya tanah yang dipunyainya itu tidak dapat dimajukan kerana kos yang tinggi, barangkali tanah itu paya yang memakan perbelanjaan yang besar jika dimajukan.

Kedua, kalau dapat Skim Perumahan yang pada masa ini yang terdapat di kawasan Bandar kalau boleh dilartakan dan diampit-ampiti di kawasan-kawasan pendalaman seperti kalau di Daerah Belait di Bukit Sawat kah di Mukim Labi kah. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, menjunjung kasih sekali lagi. Sebenarnya soalan pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memang sudah ada,

siapa yang sudah bertanah, biasanya tidak dapat perpindahan tetapi apabila mereka merayu bahawa tanahnya itu susah untuk dimajukan maka permohonannya itu akan dipertimbangkan. Ada pemohon-pemohon yang sudah ampit rumah dengan cara ini.

Mengenai melaratkan Skim Perumahan ke kawasan luar bandar, perkara ini pun sedang dalam pertimbangan bergantung kepada keadaan tanah dan kesesuaian dan adanya tanah itu "*availability*" ditempat-tempat itu sedang dipertimbangkan. Apa yang menjadi kerisauan peramba / saya kitani nampaknya membuka tanah itu luas, rumahnya tidak banyak.

Kedua, dalam pada itu, beberapa skim-skim seperti in-fill dan penggeranan sudah diadakan dikawasan-kawasan tersebut misal di sana itu akan diadakan jua tu dan ini sudah berjalan jua ni bukanlah skim perumahan yang ada macam yang dilihat di Kampung Rimba, tapi skim in-fill dan penggeranan memang ada tu dikawasan-kawasan pendalaman.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada lagi ingin membahaskan Tajuk ini maka kita luluskan di dalam Jawatankuasa.

Jurutulis: SK02A: Jabatan Kemajuan Perumahan dijadikan sebahagian Jadual SK03A: Jabatan Kerja Raya.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah Ahli-Ahli ingin membahaskan Tajuk SK03A ini iaitu Jabatan Kerja Raya. Sila bahaskan.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, usul bagi menyokong peruntukan atas Tajuk SK03A : Jabatan Kerja Raya. Perkara atau usul yang akan saya kemukakan di dalam Majlis yang mulia ini, ialah membesar dan menaikkan taraf jalan raya sepanjang Jalan Residency dan Jalan Kota Batu. Sebut sahaja Jalan Residency daripada Jambatan Sungai Kianggeh menuju ke Pusat Kesenian hingga ke Kampung

Sungai Lampai dan Kampung Pintu Malim.

Semua orang Brunei tahu bahawa kawasan ini adalah kawasan yang indah dan menarik lebih-lebih lagi kita melihat pemandangan indah Kampung Air yang menjadi kebanggaan kita semua, tetapi sayangnya jalanraya yang disebutkan ini agak kecil dan sempit, ditambah lagi dengan kesesakan kereta yang diletakkan dikiri kanan jalan memburukan lagi keadaan. Kenderaan yang diletakkan begitu banyak ditempat yang begitu terhad, tidak teratur dan tidak mempunyai sistem.

Di akhir-akhir ini keadaan jalanraya bertambah sesak dengan kenderaan yang diletak di kiri kanan sepanjang jalan-jalan tersebut akan bertambah apabila sistem letak kereta berbayar metro diperkenalkan di tiga tempat berdekatan dengan kawasan tanah perkuburan Islam yang mungkin orang ramai tidak berminat untuk menggunakannya. Pemilik kenderaan pun berpindah dan meletakkan disepanjang Jalan Residency daripada Pusat Kesenian hingga ke Kampung Sungai Lampai dan Pintu Malim.

Manakala Jalan Kota Batu pula daripada Kampung Pintu Malim menaiki Bukit Muzium hingga jalan pusing keliling Kampung Mentiri telahpun dibina pada tahun 1972 ketika lawatan Baginda Queen ke Negara Brunei Darussalam sudah 34 tahun yang lalu. Keadaan hari ini jalan tersebut masih sama seperti 34 tahun dahulu sempit dan kecil sedangkan kenderaan serta pengguna jalan tersebut bertambah banyak dan ramai.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, butir-butir yang dikemukakan sudah pun cukup panjang saya minta penjelasan Ahli Yang Berhormat, Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih sekali lagi, peramba ingin mengesahkan bahawa sudah peruntukan melebarkan jalan daripada Jalan Residency ke Bomba, tapi apabila ia ditenderkan terdapat beberapa keperluan untuk mengubah design yang lebih baik caranya, jadi masa

ini masih dalam “*design stage*” tapi sudah ada peruntukannya.

Mengenai jalan-jalan daripada sana sampai ke Kampung Mentiri seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, akan disiasat mengikut keutamaan kerana peruntukan yang diberikan nanti kita bahaskan dalam pembangunan nanti dapat kitani lihat disana. Dijunjung.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai perkara dengan pembayaran bill air, orang ramai bertanya-tanya mengapakah bill air kadang-kadang datangnya 6 bulan dan dalam jangka yang panjang begitu bill telah terkumpul banyak dan banyak orang ramai yang bersungut dari segi pembayarannya terlampau banyak tidak terbayar kadang-kadangnya.

Peramba maklum bahawa Jabatan Kerja Raya juga mengikhtikarkan bahawa meter-meter dibaca oleh tuan-

tuan rumah, apabila tuan-tuan rumah membaca dan menghantar ke Jabatan yang berkenaan, itu pun memakan masa lebih kurang dalam 2 bulan baru bill air ada.

Saya syorkan kalau boleh pembacaan meter air ini disalurkan dengan pembacaan meter elektrik di swastakan dengan menggunakan anak-anak kampung yang tidak berkerja dan orang yang telah bersara. Barangkali nyata sekali, masalah yang dihadapi oleh Jabatan berkenaan bukannya pembacaan meter tetapi barangkali memproses pembacaan dan membuat tuntutan dan saya juga mencadangkan kalau boleh disalajurkan wakil-wakil swasta yang dibenarkan untuk membaca meter ini dapat memproses dan dapat menyediakan bill seterusnya. Sekian terima kasih Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Menteri Pembungunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji

Bakar: Menjunjung kasih sekali lagi, Peramba mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini pada penelitian peramba pun nampaknya sistem pembayaran air ini masih banyak perlu diperbaiki jadi cadangan-cadangan tersebut dapatlah dijadikan input dalam menilai pembaikan ini. Dalam pada itu, dalam majlis yang mulia ini, peramba menjunjung memohon kerjasama orang ramai jika sekiranya bill belum datang, mun ada rasakan membayar bill bayar tah jua supaya dapat di "reconcile" bill tersebut, jangan tah ditunggu sampai batak baru tah kan membayar. Menjunjung kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Peramba menjunjung pertanyaan sedikit sahaja yang berkenaan, berkenaan peruntukan yang terdapat di Jabatan Kerja Raya bermula muka surat dalam budget ini dari 15, 16, 17, 18, 19, 20 dan 21 peruntukan yang diadakan bagi Tahun

2005 hingga 2006 berjumlah \$136 juta \$169 ribu \$725 ringgit, ini bukanlah untuk gaji kakitangan, tetapi ialah untuk projek-projek yang dikendalikan dalam masa yang ditentukan ini. Peramba ingin tahu adakah projek-projek yang banyak ini sudah selesai, atau masih dalam pengkajian. Inikah sebabnya perbelanjaan untuk tahun 2006/2007 bagi projek-projek tidak lagi di perlukan?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Peramba menjunjung kasih sekali lagi. Apa yang baru dalam peruntukan tahun ini. Peruntukan Kerajaan terbahagi kepada tiga satu PE – Personal Emolument kakitangan, OCAR – perbelanjaan khas yang berulang-ulang dan satu OCSE, Perbelanjaan Khas. Apa yang tidak ada disini adalah perbelanjaan khas sebanyak \$42,042, \$544,480 yang kulam dalam muka surat 21. Jadi mulai tahun ini Kementerian Kewangan mengambil semua OCSE tiap-tiap Jabatan itu dan menaruhnya

ke Kementerian-Kementerian. Jadi ditaruhnya ke Kementerian Pembangunan, untuk makluman Kementerian Pembangunan pada tiap-tiap tahun ini, selalunya peruntukannya hanyalah dalam \$10 juta. Ertinya tahun ini peruntukannya meningkat kepada yang sudah diluluskan kepada \$66 juta ertinya \$50 juta peruntukan-peruntukan OCSE daripada Jabatan-Jabatan lain dipindah ke Kementerian Pembangunan.

Jadi kalau kitani lihat, imbas semula Jabatan Kementerian Pembangunan muka surat 35, kalau kitani lihat sana totalnya tiap-tiap tahun hanyalah \$10 juta tapi tahun ini bertambah kepada \$66 juta ertinya \$56 juta itu adalah OCSE daripada Jabatan-Jabatan lain itu. Jadi kalau kitani lihatpun di Kementerian Pembangunan kebanyakannya OCSE itu adalah daripada Jabatan-Jabatan Kerja Raya, Bahagian Air dan sebagainya.

Jadi menjawab soalan yang disabdakan oleh Yang Berhormat itu tadi setengah-setengah projek ini sudah dijalankan, tetapi mana yang

masih lagi tidak dijalankan dimasukkan kedalam OCSE dan diberikan skim value yang baru, itu yang peramba difahamkan misalnya adalah dapat kitani lihat Jabatan Kerja Raya misalnya muka surat 26 jalan-jalan raya ke Daerah Brunei dan Muara itu dulu di Jabatan Kerja Raya, sekarang di Kementerian Pembangunan.

Peramba berasa yakin memang ada dalam vote lepas, tetapi kerana OCSE ditiadakan dan dipindah ke Kementerian Pembangunan, macam itu juga Kementerian-Kementerian lain seperti Kementerian Perindustrian, kerana sarabab Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, supaya kalau minta "*Virement Warrant*" akan dapat di teleti di kemudian, kami difahamkan keadah baru ini memberikan better control kepada Menteri-Menteri atau Setiausaha-Setiausaha Tetapnya yang berkenaan, dan juga menyenangkan "*Virement*" daripada satu borang kepada satu tajuk-satu tajuk tidak akan diproses secara melalui Kementerian Kewangan tetapi dapat diproses oleh Setiausaha Tetap

Kementerian itu sendiri. Ini pembaharuan yang dibuat oleh Yang Berhormat ani, Menteri Kewangan Kedua (II).

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba banyak menjunjung kasih peramba saya cuba untuk meringkaskan pertanyaan ini mengenai dengan pembinaan jalanraya di Negara Brunei Darussalam memang setaraf dengan jalan-jalan antarabangsa, sebagaimana yang akan peramba saya sampaikan disini iaitu ada diantara suara rakyat dan penduduk di negeri ini ingin mohon meminta sampaikan kebanyakannya jalan-jalan yang dibena di Negara Brunei Darussalam khususnya termasuk jalan-jalan lebuh raya ada diantaranya jalan tersebut tidak mempunyai space ataupun bahu jalan di kiri kanan.

Jika terjadi pengguna-pengguna atau kereta yang mengalami kerosakan ataupun pancit untuk menukar tayar, jadi mendapat bahaya sedikit untuk pengguna-pengguna menyimpan kerita atau menukar tayar jadi dipohonkan jika pembinaan yang akan

datang perkara yang peramba saya sebutkan ini haruslah difikirkan semula dan diambil kira. Sekian junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih atas cadangan itu, dan akan ditelitilah mana-mana keperluan yang utama itu akan diberikan. Dalam pada itu mengambil kesempatan dalam majlis yang mulia ini jua, apabila pembinaan lebuh raya dan jalanraya ke Tutong, dan setengah-setengah jalan raya di Kuala Belait disediakan bahu jalan yang luas, disana tah tempat orang memotong pulang karang ani, tekadohong dan menghargai Yang Berhormat untuk mengadakan masalah diorang ani, kamipun memohonlah Ahli-Ahli Yang Berhormat, memberitahu supaya bahu-bahu jalan itu digunakan dengan sempurna, ertinya indada bahu jalan basungkut jua, InsyaAllah akan diusahakan, ada bahu jalan gunakan untuk "*insedent*",

kena pakai untuk memotong dan rising pulang.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat penjelasan cukup jelas.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Yang Amat Mulia Pengerusi Majlis, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya menyuarakan dalam dewan yang mulia ini, membesarkan Jalan Lamunin, Kuala Abang, termasuk Birau Tanjung Maya, jalan-jalan seperti di atas pada masa ini menjadi laluan penting selain daripada penggunaan lebuhraya.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat terus sahaja, Ahli Yang Berhormat untuk memohonkan untuk membesarkan jalan raya Lamunin, kerana jalanraya sudah banyak dibincangkan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Terima kasih Pengerusi, jadi macam itulah keadaannya, membesarkan Jalan Lamunin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih atas cadangan itu dan mengambil maklum dalam perancangan-perancangan yang akan datang.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Bismillahi Rahman Nirahim, Yang Amat Mulia Pengrian Pengerusi, soalan saya ini ialah mengenai dengan pembayaran kepada kontrakter-kontrakter, kontrakter-kontrakter menghadapi masalah bahawa pembayaran kepada mereka agak lambat sedikit walaupun baru-baru ini ada kemajuan, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah kelambatan ini berpunca daripada ketiadaanya budget bagi projek-projek ini. Saya difahamkan ada satu jawatankuasa telah ditubuh kira 2, 3 tahun lalu untuk menyelidiki masalah-masalah, apakah keputusannya penelitian

jawatankuasa yang saya sebutkan tadi itu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Yang Berhormat, Menjunjung kasih sekali lagi, kelambatan membayar bukan mengenai budget, itu diketahui, kerana kalau budget tidak ada projek itu tidak akan berjalan, ertinya bukan kerana budget, tetapi beberapa system dalaman yang masa ini sedang diteliti, jadi perkara itu diambil maklum, dan abis peramba jua sentiasa mengadakan perundingan dengan Kementerian Kewangan macamana memantau dan memperbaiki sistem ini, tidak dinafikan itu sungutan ini memang ada. Menjunjung kasih, jadi laporannya itu akan diteliti.

Pengerusi: Terima kasih, kalau demikian sekiranya ada berlaku sedemikian terus komplin sahaja pakai surat kepada pihak yang berkenaan, dari masa kesemasa.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih,

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan melihat kepada anggaran budget Jabatan Kerja Raya bahawa saya sekiranya ada sesuatu projek diluar daripada projek ini, adakah plan kontegensi budget, contohnya di Mukim Liang, satu gelombang besar akan melanda projek "*peritoneal*" jalan disepanjang itu memang sempit jadi mungkin diperbesarkan sedikit, adakah budget khas untuk menangani perkara yang sedemikian. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Junjung kasih sekali lagi. Dalam pada itu jua dalam budget Jabatan Kerajaan ada terdapat budget yang tidak betentukan tempatnya, fasa berapa, jadi ertinya kalau sekiranya ada keperluan yang lebih mendesak dapatlah daripada budget-budget tersebut itu abis peramba pertimbangkan kepada keperluan yang mendesak itu. Junjung kasih.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi perbahasan, maka Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya diluluskan dalam jawatankuasa ini untuk menjadi satu tajuk dalam undang-undang kewangan dalam 2006/2007.

Jurutulis: Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SK04A – Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih sekali lagi Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi saya cuma menyusul atau bertanya proses mengenai dengan memohon membuat rumah kerana setiap pemohon akan di hantar ke Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Hamba memohon untuk demi membantu bukan saja Ketua Kampung bahkan semua agensi Kerajaan bahawa setiap permohonan untuk membangun rumah bukan saja memohon kebenaran tetapi supaya akan dapat memaklum kepada Ketua Kampung atau Penghulu.

Bukan atas memohon kebenaran tetapi cuma untuk sebagai makluman sepertimana yang telah dibuat oleh setengah - tengah Kementerian umpamanya Kementerian Ugama, Kementerian Pendidikan dan banyak lagi. Ini adalah satu maklumat yang penting kepada abis peramba kerana boleh membantu apabila data-data dikehendaki di suatu ketika nanti. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Dijunjung kasih atas cadangan itu akan diambil perhatian. atas cadangan itu.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada Ahli-Ahli ingin membahaskan kalau tidak tajuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa diluluskan didadlam Jawatankuasa ini iaitu tajuk SK04A Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh:

Terima Kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi Jabatan Perancang Bandar dan Desa salah satu tugasnya memproses permohonan-permohonan pembinaan yang telah dikendalikan dalam satu jawatankuasa yang diPengerusikan oleh Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, dan di Jabatan Bandaran, di Kawasan Bandar Seri Begawan ada juga jawatankuasa yang serupa sama juga di Jabatan Tanah memproses permohonan-permohonan kemajuan dalam kawasan-kawasan Bandaran dan kawalan jadinya saya berpendapat jawatankuasa - jawatankuasa ini

Pengerusi : Ahli Yang Berhormat jangan dibawa bilangan-bilangan dan atau aturcara yang ada, soal apa apakah yang menjadi keraguan kepada Ahli.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Jadinya peramba ingin bertanya kalau boleh jawatankuasa-jawatankuasa disatukan memandangkan tugas Jabatan Perancang Bandar dan Desa selain daripada memproses permohonan pembinaan tadi juga

adalah yang mengendalikan '*master plan*' dan '*local plan*' bagi seluruh di Negara Brunei Darussalam. Itu sajalah Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih memang benar apa yang diserankan oleh Yang Berhormat. Jadi hanya Akta Perancang Bandar dan Desa pada masa ini hanya meliputi apa yang dipanggil kawasan terkawal sahaja. Jadi di kawasan-kawasan yang lain tergantunglah kepada Daerah, Bandaran mengikut undang-undangnya. Tetapi apa yang akan diusahakan kalau pun jawatankausa berlainan bagi berlainan kawasan akan diusahakan supaya 'information' atau penerangan-penerangan yang sama tidak akan payah dinilai semula atau "*overlap*" ini akan diusahakan, Insya-Allah. Sebelum Akta apa yang dipanggil "*Planning Act*" akan di "*finalise*". Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli yang Berhormat, sekiranya tidak ada lagi

Ahli-Ahli yang ingin membahaskan tajuk SK04A Jabatan Perancang Bandar dan Desa maka kita meluluskan tajuk ini dalam perbincangan Jawatankuasa ini.

Jurutulis: SK04A Jabatan Perancang Bandar dan Desa dijadikan sebahagian dari Jadual. SK05A Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Yang Berhormat Awang Haji

Sulaiman bin Ahad : Bismillahir Rahman Nirrahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat perkara yang peramba akan hadapkan di Dewan yang mulia ini adalah mengenai dengan janakuasa elektrik di Daerah Temburong. Janakuasa elektrik yang digunakan di Daerah Temburong pada masa ini sebanyak 4 buah enjin sahaja yang boleh digunakan daripada 5 buah enjin yang ada yang menggunakan minyak diesel.

Dalam keluhan-keluhan yang selalu didengar oleh orang ramai ialah kerap kali terjadinya terputusnya bekalan elektrik kadangkala memakan masa yang lama untuk diperbaiki yang menjejaskan kerja-kerja harian,

rumah-rumah persendirian, peniaga-peniaga, sekolah-sekolah dan membantut perkembangan swasta.

Ingin mengimbas dalam pengetahuan kejadian terputusnya bekalan api elektrik tersebut sepanjang tahun 2004 sahaja sebanyak 38 kali, tahun 2005, pada tahun yang lepas sebanyak 50 kali.

Alhamdulillah pada tahun ini 2006 sebanyak 3 kali sahaja. Peramba ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan dalam menangani dalam kerosakan-kerosakan tersebut. Berapakah masa yang diperuntukkan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) untuk menyelesaikan dan memperbaiki kerosakan-kerosakan, Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi dan seperti yang pernah dimaklumkan oleh Pengarah Jabatan Elektrik yang terdahulu bahawa talian, satu talian voltage tinggi dari Bandar Seri Begawan di Kampong Likiun, Daerah Temburong melalui bawah laut. Jika benarlah akan perkara ini bilakah perancangan ini akan dilaksanakan. Demikianlah Pengiran

Pengerusi mengenai dengan perkara yang dihadapi. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, Yang Amat Berhormat mengenai dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai barangkali dalam perkara ini saya belum dapat menjawab dalam waktu ini kemudian akan diterangkan berapa lama perkara ini akan dapat diselesaikan. Tapi dalam menyentuh bekalan tenaga elektrik di Temburong memang diakui kedudukannya kurang baik daripada yang ada. Cara pembakaran tenaga menggunakan diesel saja yang ada pada masa ini. Keenam enjin itu adalah diesel enjin. Masalah diesel enjin ini banyak menggunakan part yang bergerak.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, terus jawab sahaja jangantah dicerita lagi diesel enjin, terus jawab sahaja

samada akan dibaharui ataupun bagaimana?.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Mohon ampun, perkara ini seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pada tahun ini Alhamdulillah '*incident*' itu kurang jua sudah, enjin-enjin berkenaan telah diperbaiki. Dan disamping itu kakitangan juga telah ditambah dan telah ada 2 orang '*engineer*' yang berkelulusan ditempatkan di sana untuk mematai keadaan di Temburong disamping dibantu dengan kakitangan daripada Bandar kalau sekiranya ada berlaku kerosakan. Mengenai dengan '*high voltage*' itu memang ada perancangan untuk menyambung Daerah Temburong dengan pusat bukan dalam perancangan kemajuan masa ini. Kalau diperkenankan akan dimasukkan pada kemajuan akan datang. Ada perancangan untuk '*submarine cable*' daripada Bandar menuju ke Temburong, untuk mengelakkan daripada menggunakan diesel. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia, Pengiran Speaker, banyak-banyak menjunjung kasih, peramba ringkaskan, keadaan yang berlaku di Bandar Seri Begawan khususnya sama juga dengan di Temburong tadi tetapi peramba saya inda mengitung berapa banyak kali 'current' terputus di Bandar Seri Begawan kalau pertandingan kali mungkin Di Bandar lebih banyak atau lebih tinggi, jadi pertanyaan peramba saya apabila kejadian ini berlaku current putus inda ada api, jadi terus dihubungi kepada pihak berkenaan, Alhamdulillah hubungan cepat, pekerjaanya dihantar, apabila ditanya dimana putusnya dimkana sebabnya perkara-perkara ini berlaku, jadi ada di antaranya pihak pegawai menjawab disebabkan yang diganti yang lama, dipakai dulu sementara disini, satu. Kedua, kesian juga kita ani, seorang diri hanya , benar ni penghulu sebenarnya kurang orang kami ani, kami jua di tarik di muara, ditarik sengkurong, kami jua ditarik ke mari, jadi perkara sedemikian peramba ingin tahu, walaupun perkara ini mustahil berlaku, tapi barangkali patut jua barangkali berlaku, jadi diharapkan

piahk yang berkenaan akan dapat menyasat perkara ini jika perkara ini berlaku tambahlah pekerja dan gantilah benda-benda yang lama kepada yang baru, atau alat-alat yang baru, Sekian banyak-banyak menjunjung kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Sekali lagi menjunjung kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, dua perkara sahaja, memang diakui kakitangan bagi bahagian ini yang dipanggil Unit Pemeliharaan Volta Rendah dan Lampu Awam ini dalam 42 orang sahaja bagi seluruh Negara. Diakui tidak cukup kakitangan termasuk bergaji hari dan sebagainya bagi keseluruhan. Jadi kalau ada orang menalipon 144 mereka ini saja akan dilusirkan untuk membetulkan apa-apa kerosakan. Kedua, masalah-masalah peralatan itu memang ada yang sudah lama jadi dalam perancangan tahun 2006, kerja-kerja untuk memperbaiki

'*network*' dan *distribution* serta '*transformation*' ada dalam peruntukan yang akan dibincangkan nanti. Disamping itu juga yang didapati kebanyakan kerosakan itu disebabkan oleh '*intermittent supply*'. '*Intermittent supply*' ini disebabkan gangguan pokok kayu, binatang dan cuaca yang menyebabkan gangguan kepada aliran tenaga dan kedua disebabkan oleh kilat. Ini yang menyebabkan gangguan-gangguan itu. Itu saja Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengenai perkara itu.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd.

Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, menambah apa yang telah dicadangkan dan diusulkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi menambah kalau dapat jua khusus di Daerah Belait, di Pekan Seria kenderaannya sudah lama-lama kalau boleh dibelikan baru kerana ia menjejaskan perkhidmatan kepada orang awam. Yang Kedua, alhamdulillah peramba melihat waktu malam di simpang-simpang besar di sepanjang jalan Lebuhraya Tutong sehingga membawa ke Lumut Bay Pass sudah ada lampu.

Alhamdulillah terima kasih, tetapi peramba mohonkan sedikit di atas aspek keselamatan kalau boleh dipasang lampu street light walaupun tidak rapat seperti Lebuhraya Tutong - Brunei sedikit-sedikit dimasukkan untuk keselamatan. Lampu ini di pasang di antara Lebih Raya Tutong – ke Telisai dan daripada Lumut Bay Pass ke Seria sampai ke Kuala Belait, walaupun di pasang jarang-jarang pun macam gigi sudah memadai, alhamdulillah demi keselamatan di waktu malam. Sekian, Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Mengenai dengan kenderaan itu sudah ada dalam peruntukannya dalam bagi tahun ini untuk menggantikan kenderaan baru untuk di Kuala Belait. Mengenai dengan keperluan untuk menambah lampu-lampu awam kalau sekiranya dapat dinilai bagaimana ia boleh disesuaikan dengan peruntukan

yang ada, kalau pun dimasukkan ke dalam rancangan yang akan datang.

Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada perbincangan lagi.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi serta Ahli-Ahli Yang Berhormat peramba ingin menimbulkan satu masalah bagi penduduk-penduduk dan rakyat khusus saja di Daerah Tutong macam itu jua di daerah lain. Mengenai dengan pembayaran elektrik, nampaknya pada masa ini ia pakai anggaran, kalau dalam dua tiga bulan ia mendarat ia punyai meter, kalau \$80 sebulan ke 3 bulan, ada lebih baik perkara ini supaya dikaji balik tidak memberatkan kepada pengguna. Terima kasih.

Pengerusi: Diambil perhatian sahaja, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada perbincangan pada tajuk SK05A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik maka tajuk ini kita luluskan dalam jawatankuasa pada pagi ini.

Jurutulis: Tajuk SK05A – Jabatan Perkhidmatan Elektrik dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SK06A – Jabatan Tanah.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:

Bismillahi Hirrahman Nirrahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dan Labu Estet dan Batu Apoi. Labu Estet adalah bekas ladang getah kepunyaan sebuah Syarikat British, setahu peramba ladang yakni tanah telah diserahkan kembali kepada kerajaan sebahagian kecil daripada ladang ini telah dijadikan projek perumahan perpindahan di kawasan berkenaan. Dalam persoalan peramba apakah cadangan Kerajaan kawasan yang tidak termasuk dalam perumahan kerana ianya masih luas dan ada kemudahan-kemudahan asas.

Yang kedua bilakah kerajaan bercadang supaya kawasan ini iaitu Labu Estet dan Batu Apoi dibuka kepada pengusaha-pengusaha anak tempatan atau luar Negara membuka atau melabur untuk membuka perusahaan sama ada

usahasama atau persendirian kerana jika ada perusahaan atau kilang dibuka di kawasan berkenaan akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk di negara ini khasnya bagi penduduk Daerah Temburong.

Perkara yang kedua Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengenai dengan masalah pemohon tanah TOL, ia juga menjadi keluhan kepada orang ramai kerana untuk menunggu jawapan yang dibuat daripada jabatan yang berkenaan terlalu lama ada yang sampai 3 tahun baru ada jawapan. Sekian, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih sekali lagi Pengiran Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan Labu Estet dan Batu Apoi ini. Sebenarnya belum ada rancangan yang khusus bagi tanah-tanah yang tidak diberikan itu tapi mengenai cadangan kedua untuk

mengadakan usahasama dan industri itu akan dibincangkan dengan Kementerian berkenaan kerana kitani mendengar kelmarin bahawa tanah yang sudah disediakan oleh Kementerian berkenaan masih belum lagi diusahakan.

Mengenai dengan tanah TOL perkara ini sedang dalam penelitian Jabatan Tanah dan Kementerian Pembangunan untuk membuat satu dasar yang lebih jauh dan lebih “*sustainable*” kerana pada masa ini cara-cara pemberian TOL ini boleh diperbaiki semuanya. Menjunjung kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada lagi perbincangan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin: *Honorable Speaker, members of colleagues, I wish to touch on our country's property market. Our property sector has been depreciating from year to year. This is a result from the restriction imposed by the Land Department.*

Certain buyers are not allowed to buy more than 5 acres of land, is this practice gazetted in the Law or just a policy. If it is just a policy, the department concerned should review the case seriously so that the property market will improve. Thank you.

Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Menjunjung kasih sekali lagi Pengiran Pengerusi dan terima kasih jua kepada Ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara mengenai pembelian tanah 5 ekar ini. Dalam majlis yang mulia ini cukuplah peramba komen pendek sahaja, bahawa tanah ini adalah satu isu yang sangat sensitif kepada bangsa kitani iaitu negara kitani kerana dasar-dasar yang diambil itu adalah kadang-kadang diambil dengan "*sensitivity*" atau menyedari dengan keadaan-keadaan kitani yang ada. Jadi dasar itu adalah satu dasar bukannya dalam undang-undang dan kalau dasar itu kitani ambil ia adalah satu dasar yang

mempunyai satu wawasan yang jauh dan kalau ia memerlukan pembaikan, pembaikan itu akan dibuat dengan secara yang baik. Dalam pada itu juga, adalah menjadi *concern* kepada Kementerian Pembangunan sendiri mengenai "*property market*", "*property market*" ini adalah satu industri yang belum terkawal benar-benar, jadi Insya Allah penumpuan terhadap perkara ini akan dibuat dari semasa ke semasa.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat memadailah penerangan itu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terim kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Peramba ingin menimbulkan tanah yang tempoh 50 tahun. Pada masa ini geran-geran tanah yang tempohnya sudah mansuh atau hampir mansuh apabila dipohonkan untuk disambung atau dibaharui pemilikinya dikenakan bayaran *premium* yang sangat tinggi dan sulit bagi tuan-tuan punya tanah untuk membayarnya, jika tuan-tuan tanah ini tidak berkemampuan

membayarnya geran tanah mereka tidak akan diuruskan pembaharuannya dan mereka dinasihatkan memohon secara TOL sahaja jika mereka ingin terus menduduki rumah mereka itu dan tanah mereka itu.

Mereka ini memanglah tidak bernasib baik kerana tanah ini dulunya mereka beli dan ada tanah ini mereka dapati secara turun-temurun, kalau yang dibeli mereka membeli tanah ini dengan mengeluarkan wang yang banyak dan mereka memperolehi sebagai pusaka daripada indung bapa mereka yang kemudiannya akan diwariskan kepada anak cucu mereka, mereka tidak menyangka yang mereka ini dikenakan bayaran untuk membaharui geran tanah mereka ini.

Saya mencadangkan dan mensyurkan di sini supaya geran lama yang dikeluarkan dalam tempoh 50 tahun ini akan dapat dibaharui sahaja keseluruhan geran tanah itu dengan tidak dikenakan *premium* tetapi bayaran-bayaran perubahan tukar syarat dan sebagainya bolehlah dikenakan, ini memandangkan kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh tuan-tuan tanah yang berkenaan.

Kalaulah ini disambung sekiranya tidak diberikan secara kekal disambung mengikut tempoh yang ada dengan ditulis dalam geran tersebut maka pihak yang berkenaan bolehlah mengadakan syarat-syarat tambahan seperti geran tanah ini tidak boleh dijual atau tanah ini hanya boleh ditukar milik kepada waris-waris tuan tanah itu. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Menteri Pembangunan silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Menjunjung kasih sekali lagi. Peramba mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa, sebenarnya dalam ucapan penanguhan yang lepas seorang Ahli Yang Berhormat lain menimbulkan perkara ini juga. Jadi perlulah peramba memberikan pandangan sedikit bahawa *premium* itu pada masa ini sedang diteliti tapi yang perlu ditekankan di sini apa

yang dipanggilkan *premium* yang sangat tinggi itu kerana dalam penelitian "*premium*" ini adalah "*concessionary*" premium ertinya sudah diberikan "*concession*", misalan kalau orang itu akan membayar tanah pertanian hanya 10% daripada nilai tanah itu bukannya nilai kekal. Jadi kalau 10% pun tinggi terpaksa kita nilai semula cara-cara kita mengadakan "*concessionary*" premium ini. Mendengar cadangan daripada Ahli Yang Berhormat tadi alhamdulillah dapatlah cadangan-cadangan itu dijadikan *input* dalam menimbang kertas-kertas itu untuk dijadikan dasar Kerajaan.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Beberapa usahalah termasuklah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu dijalankan menangani masalah ini atau sebagai langkah yang penghabisan untuk memindah dari Sungai Akar atau macam caranya sama ada kitani menggunakan kaedah-kaedah pembuangan sampah baru atau di mana sedang dalam

penelitianlah. Mengenai staf atau kalau sekiranya ada orang memberitahu siapa-siapa bahawa stafnya mencukupi, baik tah, Alhamdulillah tah jua tu, saya, peramba inda pernah mendengar staf ani mencukupi.

Jadi apa yang dapat dibuat dengan staf yang ada ani ialah memanfaatkan dengan memberi prioriti ada kerja-kerja yang dibuat, mula-mula kerja yang akan dibuat dalam alam sekitar masa ani ialah "*awareness*" dulu yang mustahak sekali yang memberi kesedaran kepada generasi kitani dan generasi yang akan datang tentang peri mustahaknya alam sekitar ani untuk kehidupan kitani yang berkualiti di masa akan datang.

Pengerusi: Cukup jelas Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Haji Mansor: Banyak-banyak menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi di Negara ini memang sudah diusahakan. Di sini peramba

saya memohonkan agar pihak yang berkenaan akan berusaha lagi untuk menambahkan dan meneroka tempat-tempat yang bersesuaian untuk dijadikan Teman Rekreasi di Negara ini termasuklah peramba saya cadangkan supaya Bukit Saeh yang kedudukannya di kawasan Bandar Seri Begawan, supaya pihak yang berkenaan akan membuka dan membina sebagai satu Taman Rekreasi kerana ianya terletak di kawasan Bandar Seri Begawan dan mengikut pengalaman yang sudah-sudah Bukit Saeh ini memang banyak dikunjungi oleh orang-orang luar dan juga penduduk tempatan di Negara ini. Menjunjung kasih, Assalamualaikum.

Pengerusi: Waallaikumussalam, Ahli Yang Berhormat silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Junjung kasih peramba mengambil maklum atas cadangan itu, dan terima kasih atas cadangan itu.

Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, itu saja, Peramba maklum bahawa Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi ini memang baru khususnya di Daerah Belait, walaubagaimanapun peramba mohonlah ditambah bilangan tenaga pekerjaannya bagi menangani tanggungjawab yang bertambah dari masa ke semasa. Yang pertama, kedua pegawai-pegawai dan kakitangan yang di Kuala Belait itu diberi mandat untuk memberi kebenaran di atas setiap penggunaan kemudahan-kemudahan riadah yang di bawah kawalan Jabatan tersebut tanpa merujuk Bandar Seri Begawan. Terima kasih Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Sila ambil maklum, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada perbincangan mengenai dengan Tajuk ini. Maka Tajuk ini saya sifatkan sebagai diluluskan oleh Jawatankuasa ini.

Jurutulis: Tajuk SK08A Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan balik semula bersidang penuh daripada Jawatankuasa ini, sekarang kita akan mulakan persidangan penuh.

(Majlis bersidang semula)

Yang Dipertua Dewan: Alhamdulillah, di dalam persidangan Jawatankuasa tadi semua Ahli mengemukakan dan juga menjawab sebegitu bekerjasama dalam suasana yang baik dan indah maka kita harapkan pada masa yang akan datang juga sedemikian. Oleh kerana waktu sekarang 11.00 lalu, jadi saya fikir Majlis ditangguhkan selama 20 minit.

(Majlis berehat sebentar)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, apabila di lihat jam sekarang sudah betul-betul pukul 12.00 tengah hari, adalah difikirkan pada jam 12.00 tengah hari ini untuk menyampaikan waktu kita berehat makan tidak memadai, maka bagi menyampaikan salah seorang hajat Ahli Yang Berhormat untuk menjemput kita ke majlis, saya tangguhkan

sehingga jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

(Majlis ditangguhkan)

**Majlis disambung bersidang pada
jam 2.30 petang**

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita menanggungkan mesyuarat ini dan mengadakan Meeting Jawatankuasa. Sekarang Majlis ditanggungkan untuk membolehkan Ahli - Ahli bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

**(Majlis bersidang selaku
Jawatankuasa)**

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, tadi ada Menteri Pembangunan kan bercakap sebelum menyambung, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Assalamualaikum Warahmatullah. Peramba menjunjung kasih atas penerangan anugeraha Tuan Peramba ani.

Sebenarnya tadi semasa peramba membuat "*intervention*" mengenai OCSE, ada peramba membuat kesilapan mengenai kebenaran itu di tangani Kementerian. Sebenarnya

kebenaran bagi "*virement*" itu masih di Kementerian Kewangan. OCSE hanya dipindah ke Kementerian itu supaya membolehkan Kementerian itu menjaga dan mengawasi projek itu lagi. Itu saja, junjung kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sila ambil perhatian apa yang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan - SLO1A.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada Ahli ingin membahaskan Rang Undang-Undang ini iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan maka Tajuk ini dicepatkan, diluluskan.

Jurutulis: SLO1A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. SLO2A - Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada yang ingin membahaskan Tajuk SLO2A - Dewan Bahasa dan Pustaka maka

Tajuk ini disifatkan lulus daripada perbincangan Jawatankuasa.

Jurutulis: SLO2A - Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan sebahagian daripada Jadual. SLO3A - Jabatan Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, berbilang - banyak menjunjung kasih.

Bahagian Jabatan Belia dan Sukan, peramba ingin mengajukan dua Usul:

1. Persatuan Gasing Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam pernah memohon kepada pihak Kementerian khusus melalui Jabatan Belia dan Sukan iaitu memohonkan sebuah gelenggang gasing yang bersifat antarabangsa, tempat yang dipohonkan ialah di pusat perkampungan kawasan stadium. Oleh yang demikian permohonan yang telah disampaikan beberapa tahun yang lalu telah pun diambil ingatan oleh pihak Kementerian dan kedengaran ada sudah "*estimate*"

diberikan dan tempat-tempatnya juga sudah ada diperuntukan atau dicadangkan tetapi malangnya sehingga masa ini gelenggang tersebut belum juga dibuat. Oleh yang demikian selaras dengan kemajuan yang ada sekarang dan juga Persatuan Gasing Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam khususnya berharap dengan sepenuh-penuhnya agar gelenggang gasing yang peramba sebutkan ini akan dapat dibuat pada masa akan datang.

2. Peramba / Saya ingin mencadangkan di Majlis yang mulia ini supaya pihak Kementerian akan dapat menambah atau membuat atau membanyakkan gelenggang-gelenggang permainan di mukim-mukim, di kampung-kampung dan juga di mana-mana tempat yang bersesuaian. Melihat keadaan zaman sekarang, belia-belia dan juga golongan-golongan remaja masih ketandusan tempat-tempat permainan. Oleh yang demikian jika gelanggang-gelanggang

ini dibanyakkan khususnya di Daerah Brunei dan Muara, mungkin akan dapat membantu masalah belia-belia yang sekarang banyak melepak di sana sini dan juga membantu pihak remaja dan belia-belia terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang tidak diingini. Sekian, banyak - banyak menjunjung kasih.

Pengerusi: Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba menjunjung kasih di atas keizinan Tuan Peramba untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Pertama, mengenai dengan permohonan daripada Persatuan Gasing Kebangsaan. Peramba mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan dan juga permohonan untuk Kementerian membina sebuah gelanggang gasing yang bertaraf antarabangsa. Perkara ini peramba akan teliti dengan sepenuhnya

dan akan dilaksanakan mengikut kesesuaiannya.

Kedua, mengenai dengan cadangan untuk membanyakkan lagi gelanggang permainan di mukim-mukim dan di kampung - kampung, Insya - Allah perkara ini juga akan dilihat. Walau bagaimanapun sukacita peramba memaklumkan bahawa gelanggang-gelanggang permainan di kampung-kampung dan mukim-mukim telah pun dibuat beberapa tahun yang lalu.

Malangnya gelanggang-gelanggang ini ada separuh yang tidak dipelihara dengan baik dan keadaannya memerlukan pemeliharaan yang memakan belanja juga. Jadi perkara ini sedang ditangani oleh Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Peramba, pada kira-kira dua minggu yang lalu, berkesempatan melawat di Temburong, di mana dua daripada gelanggang ini sedang dibaikpulihan dan insya-Allah apabila baik nanti akan memberikan kemudahan-kemudahan terutama sekali penduduk-penduduk di pedalaman untuk membuat riadah sukan. Sekian, terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada perbahasan pada Tajuk ini.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba menyuarakan mengenai dengan Pembangunan Belia bagi Daerah Temburong. Pusat Pembangunan Belia mungkin dapat dilaratkan ke Daerah Temburong ataupun di daerah-daerah lain terutama kepada belia-belia yang menganggur atau belia-belia lepasan sekolah yang tidak lulus atau tercicir untuk dilatih supaya mereka itu berkemahiran.

Bukan tidak ada di Bandar Seri Begawan tetapi masalahnya kalau ke bandar memakan belanja yang banyak dan setengah belia-belia yang akan ke bandar ada yang tidak mampu menampung perbelanjaan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba menjunjung kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba sukacita mengucapkan ribuan terima kasih dan juga penghargaan di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Daerah Temburong itu, yang menyuarakan mengenai dengan Pusat Pembangunan Belia supaya diadakan di Daerah Temburong.

Mungkin ini adalah satu cadangan yang munasabah tetapi buat masa ini kita telah pun mempunyai satu Pusat Pembangunan Belia yang ada di Tanah Jambu di mana baru-baru ini kita telah pun menambah lagi kemudahan bagi peserta-peserta belia mengikuti kursus ini, kita sekarang boleh menampung kira-kira 300 orang belia.

Mengenai dengan kemudahan-kemudahan, kita mempunyai kemudahan-kemudahan tempat tinggal dan sebagainya. Jadi belia yang mungkin berada di pedalaman tidak perlu khuatir tempat mereka

tinggal di sana semuanya diadakan dan tidak perlu berulang alik.

Jadi peramba berharap dengan kemudahan-kemudahan yang ada pada masa ini memadailah pada setakat ini sehingga kita mempunyai keperluan yang lebih banyak untuk melatih belia-belia. Tetapi pada masa sekarang ini mana yang ada difikirkan sudah cukup. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Haji Mohd. Noh: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan tempat-tempat dan padang-padang permainan, peramba ingin khusus menyuarakan bagi pihak yang berkenaan untuk mengadakan satu tempat ataupun beberapa tempat permainan bagi belia-belia yang bermain "*skate board*" atau "*roller blade*".

Pada masa ini kita sering melihat belia-belia bermain "*skate board*" atau "*roller blade*" di tepi-tepi jalan. Dan satu ketika dulu pada masa ini kita sering melihat belia-belia bermain "*skate*

board" atau "*roller blade*" di tepi-tepi jalan, dan satu ketika dulu kita pernah melihat belia-belia bermain "*skate board*" dan "*roller blade*" ani di Lapau, jadinya kalau mereka ada satu tempat yang khusus mungkin di tempat-tempat yang merbahaya ani dapat mereka hindari daripada bermain, sekian Pengiran.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi diucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai dengan tempat permainan "*roller blade*" dan "*skateboard*", Insya-Allah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan akan membuat pertimbangan dengan cadangan ini.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada kesilapan tadi permainan skateboard bukan di Lapau barangkali di kawasan Lapau atau kesilapannya. Sekarang Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada Ahli-Ahli ingin membahaskan Jabatan Belia dan Sukan maka Tajuk SL03A ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SL03A Jabatan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk S04A, Muzium.

Pengerusi: Nampaknya Ahli-Ahli tidak ada yang berminat untuk membahaskan Muzium dengan demikian Tajuk SL04A Muzium, diluluskan

Jurutulis: Tajuk SL04A Muzium dijadikan sebahagian daripada jadual, Tajuk SL04A, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tajuk ini iaitu SL04A Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan nampaknya tidak ada Ahli-Ahli yang ingin membicarakan kerana itu tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SL04A - Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SL05A Pusat Sejarah.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya tajuk SL05A Pusat Sejarah tidak dibincangkan, maka sendirinya ia lulus.

Jurutulis: Tajuk SLOA Pusat Sejarah dijadikan sebahagian daripada jadual, SL06A Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Terima kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebenarnya membincangkan tajuk ini, Jabatan Pembangunan Masyarakat adalah amat menarik, kerana salah satu daripada fungsi daripada Jabatan ini ialah berhubung kait dengan masyarakat lebih-lebih lagi kedudukan Penghulu dan Ketua Kampung adalah juga sebagai sebahagian daripadanya Ahli Masyarakat yang berdamping dengan Masyarakat, usul atau pun cadangan yang peramba akan kemukakan ialah mengenai pengambilan wang pencen oleh Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung daripada Jabatan ini untuk disampaikan kepada penerima-penerima pencen orang tua serta bantuan kebajikan masyarakat, apa yang menarik lantikan Penghulu dan Ketua Kampung 1998 terkandung salah satu daripada syarat-syaratnya, penghulu dan ketua kampung itu

hendaklah sentiasa memberikan sebarang bantuan yang dikehendaki oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan, alhamdulillah ini dapat abis peramba laksanakan.

Dalam membincangkan soal pengambilan wang ini tadi untuk mencapai syarat lantikan penghulu dan ketua kampung 1998 itu tadi abis peramba telah laksanakan tetapi soalnya apabila dikaji akta kewangan, minta maaf peramba inda dapat menjelaskan berapa banyaknya sama ada seribu atau tiga ribu wang yang dibawa hendaklah diiringi dengan escort polis mungkin Penghulu dan Ketua Kampung barangkali inda jua relevant yang seratus lebih bilangannya di Brunei itu seorang Penghulu seorang Polis, inda jua relevant kali.

Soalnya sekarang paling rendah Penghulu dan Ketua Kampung mengambil wang pencen ini tadi paling rendah lapan ribu dan paling tinggi ada yang sehingga enam puluh ribu ke atas, bayangkan bukan sedikit banyak, tanpa ada iringan escort dan jaminan keselamatan soalnya di sini jikalau sekiranya terjadi apa-apa maka tanggungjawab ini masing-masinglah

salah menyalahkan apabila wang itu telah diambil sekiranya terjadi rompakan dan sebagainya atau kemalangan duit hilang, maka wang itu akan menjadi tanggungjawab Penghulu dan Ketua Kampung itu kerana sudah ditandatangani untuk dibawa dan pihak yang berkenaan pula akan menuding jarimengatakan itu pasal abiskita cuai abiskita.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat soalan ini soalan pentadbiran seharusnya kalau didapati perkara ini awal-awal lagi sudah dimaklumkan kepada pihak berkenaan supaya berbuat lebih.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Mohonkan diampun Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ketua Kampung dalam soal ini bukanlah berdiam diri, telahpun diajukan dan dihadapkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan muzakarah demi muzakarah, taklimat demi taklimat telahpun disampaikan tetapi belum ada satu kepastian sehingga ke hari ini sama ada Ketua Kampung atau Penghulu itu berhak daripada segi akta kewangan boleh membawa tanpa

iringan eskot dan macam mana jaminan keselamatannya dan jika sekiranya tidak dilaksanakan maka abis peramba dalam peraturan 1998 ini akan menjadi satu kesalahan, jadi Penghulu dan Ketua Kampung pada masa ini berada di dua persimpangan yang mana mesti diikuti, mohon pandangan dan nasihat daripada pihak yang berkenaan. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Yang Berhormat silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillah Hirrahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullah, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih jua di atas pandangan Ahli Yang Berhormat di sana. Memang dalam "FR", Peraturan Kewangan memang macam itu. Perkara ini nampak-nampaknya sudah di "*highlight*" di beberapa "*venue*" dan Insya-Allah kita cuba akan meneliti mengenai perkara ini, terutamanya mengenai dengan kesesuaiannya dengan tidak membebankan pihak-pihak yang tertentu. Itu saja Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih yang Amat Mulia Pengiran-Pengerusi sepertimana yang kita maklum bahawa pada masa ini Jabatan Pembangunan Masyarakat ada menghulurkan bantuan kepada rakyat yang tidak mampu untuk menyara diri dan keluarganya bentuk bantuan tersebut bergantung kepada kesusahan masing-masing pada tiap-tiap bulan, penghulu dan Ketua-Ketua Kampung lebih arif tentang perkara itu.

Jadi di sini saya mencadangkan supaya mereka-mereka ini dibantu dengan bantuan yang boleh membuat bisdia ini berdikari jangan dibantu, terkecuali kalau yang cacat yang tidak berupaya fizikalnya tapi kalau yang berupaya jangan dibantu kerana mereka ini dapat berdikari mencari modal untuk mereka ini berusaha sekali bantuan sekaligus, mungkin anda semua, dengan adanya perkara macamani barangkali pihak Kerajaan, mereka-mereka ini tidak akan bergantung kepada pihak Kerajaan seterusnya. Umpamanya macam janda, balu, ibu mithali dan banyak lagi, itu cadangan saya untuk dapat

difikirkan bersama, terima kasih Yang Amat Mulia.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sekali lagi peramba mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat membuat cadangan ini, yang mana cadangan ini adalah satu cadangan yang munasabah dan kalau kita dapat membantu dengan sedemikian hamba percaya akan mengurangkan bebanan bukan sahaja kepada orang dibantu itu tetapi juga kepada Kerajaan maka dengan itu pihak peramba akan mengambil perhatian terhadap cadangan ini dan akan membincangkannya dengan pihak yang berkenaan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba saya menyokong sepenuh-penuhnya apa yang dibawakan oleh Yang Berhormat Mejar (B) Haji Abu Bakar tadi, di samping itu peramba, saya menekankan bagi menghantar pencen tua itu disokong dengan sepenuh-penuhnya oleh Penghulu dan Ketua Kampung cuma

memohon jaminan keselamatan, keselamatan bagi Penghulu dan Ketua Kampung.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ini sudah dibicarakan tadi dan sudah dijawab jadi anda payah lagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada perbahasan lagi maka tajuk Jabatan Pembangunan Masyarakat disifatkan diluluskan oleh jawatankuasa ini

Jurutulis: Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat dijadikan sebahagian daripada jadual, Kementerian Kesihatan Tajuk SM Kementerian Kesihatan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada Ahli-Ahli ingin membahaskan tajuk ini sila.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekali lagi terima kasih, mengenai dengan Kementerian Kesihatan, bolehlah dikatakan "*standard*" penjagaan kesihatan di negara ini adalah sangat-sangat baik dan tinggi kualitinya dibandingkan di rantau ini, yang juga menggalakkan dan

memudahkan rakyat dan penduduk di negara ini menikmati “*high standard of living*”, diucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas khidmat Kementerian yang cemerlang itu.

Peruntukan sebanyak dua ratus empat puluh empat plus juta ringgit kepada Kementerian Kesihatan adalah saya rasa untuk membiayai kakitangan dan pegawai-pegawai, “*facilities-facilities*” dan “*equipment-equipment*” dan ubat-ubatan. Sebagaimana yang difahami permintaan ubatan-ubatan semakin tinggi dan semakin mahal, lebih-lebih lagi banyak penyakit-penyakit yang timbul sekarang baru-baru ini SARS, Selesema Burung, Mulut Tangan dan Kaki yang mana memerlukan ubat-ubat yang tertentu.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat adakah keraguan pada ahli pada Peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan, sila kemukakan apakah yang menjadi keraguan kepada Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi tidak ada keraguan, hanya peramba ingin menyentuh kepada titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada hari pembukaan yang mana berbunyi namun ini jangan lah kita bersikap leka dan membazir tapi sebaliknya perlu sentiasa waspada dan jimat, disana waspada dan jimat. Jadi soalan nya apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan untuk menangani permintaan-permintaan yang akan meningkat tinggi di masa-masa akan datang dengan cara yang berkesan dengan konsep “*sustainable economic approach*” sebagaimana juga yang dititahkan waspada dan jimat. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sebelah kanan silakan jawab yang berkenaan menjawab.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullah Wabarkatuh, peramba berbanyak mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan tadi. Yang sebenarnya banyak langkah-langkah yang diambil

Kementerian Kesihatan dalam berjimat cermat ini. Salah satu daripadanya ialah dengan pemberian ubat. Karang ani akan dikawal pemberiannya.

Mengenai dengan perkara yang lain ialah banyak perkhidmatan-perkhidmatan di Kementerian Kesihatan akan disatukan. Misalnya buat masa ani akan menghaluskan lah dari segi pengurusan, pentadbiran pengendalian ubat-ubat misalnya supaya ubat-ubat itu jangan tercicir dibuang dan menjadi mansuh. Itu sebabnya ketani tidak mengeluarkan ubat-ubat sampai tiga bulan sekali. Satu bulan sekali bagi pesakit kecuali ada kes-kes yang tertentu.

Kedua dari segi penjmatan dalam "equipment-equipment", masa ani banyak terdapat "equipment-equipment" kitani yang rosak dari segi pemakaian dan *maintenance*-nya, perkara ani sedang diperhatikan dan langkah-langkah untuk memastikan bahawa *equipment* ketani itu berjalan dengan baik supaya menjimatkan perbelanjaan dimasa yang akan datang.

Dari segi perkhidmatan perubatan secara menyeluruh memang masa ani

ketani banyak berbelanja dengan ubat-ubat dan sebagainya. langkah ketani ialah untuk mengalakkan supaya cara hidup yang sihat diamali oleh semua pihak supaya generasi ketani dimasa yang akan datang in dapat penyakit yang berbagai ani. Masa ani banyak masalah penyakit kronik yang dihadapi oleh orang ketani.

Jadi kalau kan mengikut budget untuk ubat \$20 million lebih untuk ubat ketani peruntukan adalah digunakan untuk mengubah penyakit kronik. Jadi masa ani langkah-langkah diambil oleh Kementerian Kesihatan ialah untuk mengalakan amalan hidup yang sihat, "*healthy life style*" dan sebagainya supaya kitani in da berbelanja dari segi rawatan di kemudian hari. Kementerian Kesihatan memberi tumpuan kepada konsep "*prevention is better then cures*" ani.

Mudah-mudahan dengan cara itu dapatlah ketani dapat kita menjimatkan dari segi perubatan dan rawatan. Sama juga dikalangan sekolah-sekolah, pihak-pihak sekolah ketani juga menganjurkan aktibiti-

aktiviti supaya pihak sekolah, anak-anak sekolah mengamalkan cara hidup yang sihat supaya mereka apabila dewasa ini lah dapat dihidapi banyak-banyak penyakit yang ada pada masa ini lah. Itu saja.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat ada kesilapan tadi, bukan tidak akan berbelanja, mungkin akan mengurangkan berbelanja.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Ada berbelanja tapi kan dikurangkan daripada tahun-tahun yang sudah.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Junjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi dalam Kementerian Kasihatan peramba ingin menimbulkan dua perkara. Sebagaimana yang diketahui pada masa ini kawasan parking kereta khususnya di Hospital RIPAS di Bandar Seri Begawan nampaknya sekarang ini memang susah orang ramai untuk mendapatkan parking. Maksud peramba saya apakah usaha bagi pihak yang berkenaan untuk memantau dan membaiki atau memberikan penyelesaian

bagi orang ramai dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Kedua melihat keadaan orang ramai di bahagian Kecemasan dan Kemalangan biasanya orang ramai memenuhi tempat tersebut untuk memerlukan pemeriksaan dan untuk mendapatkan ubat-ubatan. Apa yang pernah dilihat orang ramai pernah datang ke tempat kecemasan dan kemalangan untuk mendapatkan rawatan hingga memakan masa 5 ke 6 jam dan dilihat keadaan stitulasi di tempat tersebut bilik Doktor dilihat ada 5 atau 6 tempat bilik tetapi yang berisi hanya satu dua dan tiga sahaja. Jadi apa yang diharapkan apabila keadaan sititulasi yang memerlukan orang ramai supaya pihak yang berkenaan akan dapat mengatasi dan beriktirar untuk memberikan penyelesaian untuk orang ramai. Banyak-banyak menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sekali lagi peramba mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Masalah parking

memang lah diakui bukan saja disebabkan bilangan Pegawai dan Kakitangan yang sudah bertambah tetapi juga disebabkan oleh ramainya pengunjung yang melawat hospital. Ini menyebabkan kawasan Hospital semakin sempit dan sesak oleh kenderaan. Tambahan lagi banyak pelawat lebih cenderung meletakkan kenderaan mereka dikawasan yang percuma daripada membayar seringgit atau lebih ditempat yang berbayar. Untuk mengatasi masalah parking ini kita telah pun pada tahun ini menambah 60 petak lagi disepanjang jalan menuju jeti Hospital RIPAS.

Walau bagaimana pun nampaknya masih juga tidak mencukupi, usaha Kementerian seterusnya ialah untuk membuat dalam rancangan ketani satu kawasan parking mungkin dalam bangunan yang ada ani akan dibangunkan ani. Parking bertingkat, mudah-mudahan akan ketani dapat rundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan dan masa ani buildingnya letaknya pun sudah dirundingkan untuk dirobah sudah selesai. Insya-Allah kalau ada karang selesai perundingan mungkin dapat dibangunkan di sana. Di sebalik itu juga mungkin di kawasan di

tempat mayat mungkin jua akan diluaskan sedikit untuk dijadikan tempat parking.

Kesemua langkah ini Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi masih tidak dapat mengatasi masalah kesesakan dikawasan Hospital kecuali jika penghujung hospital RIPAS berkurangan ataupun perkhidmatan yang ada pada masa ini diadakan ditempat-tempat yang lain. Apa yang sudah ketani lakukan ketani sudah memusatkan perkhidmatan "*out-patient*" ni kalau dulu semua tertumpu di Hospital RIPAS, sekarang ani ketani sudah membuka banyak pusat-pusat kesihatan supaya traffic flow jangan saja ke RIPAS tapi tempat-tempat yang lain jua. Ani Kementerian Kesihatan merancang satu stratigice mungkin dapat kitani fikirkan dimasa akan datang walau macamana pun usaha tempat ini memang jua sesak.

Kemungkinan dalam keperluan kitani 5 hingga 10 tahun akan datang ani mungkin jua diperlukan sebuah Hospital lagi supaya dialih sedikit lah constresentation RIPAS. Dan langkah yang kedua jua mungkin dipertimbangkan ialah untuk

memindah beberapa perkhidmatan yang ada di RIPAS itu kepada tempat-tempat lain supaya tidak tertumpu kepada Hospital RIPAS ini, jadi semua ini dalam rancangan dan kita telah pun berunding dengan pihak-pihak yang tertentu di beberapa Kementerian yang berkenaan dan insyha Allah dengan perundingan itu nanti mudah-mudahanlah dapat ketani selesaikan masalah parking di RIPAS ini.

Mengenai dengan kesesakan di A and E (Out-Patient and Emergency) baru-baru ini pun ketani telah menjalankan our Jarayawara untuk menasihatkan orang ramai supaya mana-mana masalah yang anda perlu rawatan segera yang berjenis emergency ataupun yang bukan bercorak trauma ataupun accident bolehlah berkunjung kepada pusat-pusat Kesihatan dan pusat-pusat kesihatan di merata tempat sudah pun dibuka dan di Ong Sum Ping waktunya sudah pun dilaratkan kepada malam untuk membolehkan pesakit-pesakit yang ringan-ringan itu yang sakit batuk, selesema dan sebagainya, itu janganlah ke A & E tetapi ke pusat kesihatan. Tetapi kegemaran orang ketani ini memang suka ke A & E itu sebabnya sebabnya sentiasa adanya.

Alhamdulillah mana-mana yang dapat kita tangani kita tangani tapi priority mesti ketani beri jua kepada pesakit-pesakit yang betul-betul serious memerlukan rawatan segera sertamerta. Kedua masalahnya walaupun bilik ada banyak, masalah kakitangan itu memang ada, masalah Doktor yang anda cukup masih. Ketani menghadapi kekurangan Doktor walaupun Doktor-Doktor sudah banyak tapi kurang masih ada. Jadi insyha Allah dalam masa beberapa tahun akan datang ini mungkin dapat ketani atasi masalah A & E itu.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Ahli Yang Berhormat mungkin ampun perambakan menghadapi empat perkara mengenai Hospital di daerah Temburong. Pertama pada masa ini Hospital di Daerah Temburong apa yang dapat peramba lihat bagi bilik-bilik atau wad-wad pesakit ada hanya dua buah sahaja. Satu wad pesakit kanak-kanak bercampur dengan wad lelaki.

Yang kedua Wad Pesakit perempuan dan Wad Bersalin. Dalam perkara yang peramba nyatakan iaitu Wad Pesakit Kanak-Kanak ani bercampur dengan Wad lelaki ada jua keluhan daripada orang ramai, kalau boleh lah dapat diasingkan untuk dianukan kepada tempat yang lebih sesuai. Dalam hal ini peramba ingin membuat pertanyaan pada Yang Berhormat Menteri Kesihatan apa kah perancangan Kementerian Kesihatan bahawa Hospital daerah Temburong itu sudah berusia 20 tahun untuk diubah suai ataupun penambahan Wad bilik-bilik yang mungkin dapat seperti yang peramba nyatakan tadi iaitu Wad Pesakit Kanak-Kanak bercampur dengan Wad lelaki. Perkara yang kedua iaitu keluarga yang menunggu di Bandar Seri Begawan apabila sama ada keluarga lelaki ataupun keluarga perempuan untuk menunggu suaminya atau isterinya atau anaknya yang melebihi 3 ke 4 hari mereka ini tidak ada tempat bersalin bilik bilik khas untuk mereka bersalin. Perkara yang ke tiga mengenai dengan pakar tulang juga.....

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat siapa yang mahu bersalin itu? Ada orang

yang menunggu yang mau bersalin tidak berapa jelas....

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Maksudnya untuk orang yang bersalin pakaian sahaja Yang Amat Mulia Pengerusi, bagi keluarga pesakit-pesakit yang semestinya dihantar ke Bandar Seri Begawan. Yang ke tiga Pakar Tulang, patah tulang ani tidak pernah diadakan di Temburong kalau dapat, kerana ada bukanlah kitani ada orang yang patah tulang ani sampai kemalam, mereka akan menunggu sehari apabila waktu siang. Apatah lagi kalau sekiranya di dalam perahu menahan kesakitan lebih-lebih lagi alat-alat yang di dalam perahu itu tidaklah sama seperti dengan yang disediakan seperti kereta ambulan.

Dan juga perkara yang ke empat dapat diadakan menyuci buah pinggang. Peramba maklum dan penduduk Daerah Temburong pun maklum barangkali perkara ini mungkin susah barangkali masalah mesin yang mahal tetapi Peramba pertimbangan ihsan daripada Kementerian yang berkenaan untuk dapat menerangkanlah masalah ani

supaya akan dapat ditangani oleh rakyat dan penduduk di Daerah Temburong. Mohonkan ampun, sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhoramt Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Terima kasih sekali lagi mengenai persoalan yang ditimbulkan buat sementara ini post pintu Temburong barangkali kalau di lihat dibanding dengan hospital-hospital lain belumlah begitu sesak kali keadaannya walau macamanapun *concern* yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai dengan bercampur dan sebagainya itu akan di dilihatlah dan akan di atasi tetapi masalah “*space*”, inda pulang ada masalah ruang inda pulang ada di Temburong itu.

Persoalan yang kedua mengenai dengan keluarga menunggu, perkara ini juga akan diusahakan yang sebenarnya kita juga ada menyediakan bilik kalau ada pesakit ICU untuk menunggu untuk family untuk menunggu bemalam dan sebagainya. Tetapi terpaksa

bercampur dengan pelawat pelawat lain pengunjung-pengunjung lain. Kerana kekurangan tempat di Hospital RIPAS itu. Tapi Insyallah perkara ini sepertimana yang ditimbulkan Yang Berhormat kan diusahakan jika dapat kan disediakanlah di mana-mana tempat yang pelawat bersalin dan sebagainya.

Soalan ke tiga mengenai Pakar Tulang ini memang diakui kekurangan Pakar Tulang itu ini so jadi perkara ini akan bis peramba rundinglah sesama bis peramba karang dengan Ahli Pegawai yang lain sama ada dapat menempatkan Pakar Tulang di Daerah Temburong.

Tetapi kalau mengikut kes-kes sakit tulang ini di Temburong ini inda banyak bah untuk ditempatkan seorang bah, jadi kalau ditempatkan di sana dari segi tenaga doktor wasted tah sedikit jadi ia tah belum difikirkan keutamaannya itu. Tapi orang daripada RIPAS ada berkunjung ke Temburong tu untuk mengatasi kalau ada kes-kes sakit tulang ini, tetapi indalah kalau tengah malam berlaku apa mungkin seperti yang

ditimbulkan atau mungkin menjadi masalah jua tu. Jadi perkara ini akan difikirkan bagaimana caranya mengatasinya .

Mengenai dengan unit mencuci buah pinggang Insya-Allah perkara ini sudah dalam perundingan pihak Kementerian bukan saja akan mengembangkan akan melarutkan kepada Temburong kita juga akan melihat penambahannya di Daerah Belait, Tutong dan juga di kawasan di Bandar Seri Begawan. Insya-Allah.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad - Terima kasih. Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, serta Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kalau di Daerah Temburong ada masaalah, di Daerah Tutong jua ada masalah. Hospital Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah satu-satu hospital yang begitu moden. Apa yang Peramba timbulkan disini ialah pada 16 Oktober 2002, Majlis Perasmian Perkhidmatan Pembedahan Mata telah diadakan. Jadi apa yang ditimbulkan disini ialah mesin tersebut semasa itu saja

di adakan sedangkan pada masa ini sudah diambil balek. Jadi apa yang Bis peramba harapkan kepada kementerian yang berkenaan ditempatkan balek di sana. Yang kedua kalau boleh diusahakan supaya seorang Doktor Pakar ditempatkan di hospital tersebut. Sekian terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wbarakatuh.

Pengerusi: Waalaikum Salam. Ahli Yang Berhormat, sila berikan penjelasan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Pengiran Pengerusi, Mengenai dengan mesin pembedahan mata ani, Insya-Allah akan difikirkan macamana gayanya untuk membalikkan kepada yang haklah ni maksudnya di Tutong. Sebabnya Atupun rancangan-rancangan Hospital Tutong tu. Akan difikirkan macamana caranya membalikkannya semula inda pulang menjadi masaalah ni benarnya. Mengenai dengan Doktor Pakar di hospital sebenarnya masa ani kita pun sudahpun memindah beberapa

orang doktor ni daripada RIPAS dan kepada Tutong dalam penagihan itu mungkin dapatlah ditempatkan barangkali Doktor Pakar ani kalau maseh ada tapi Doktor Pakar ani sebenarnya sekarang pun inda berapa banyak bah, jadi iatah tumpuan itu kepada hospital RIPAS oleh kerana distance daripada Tutong jarak daripada Tutong kepada RIPAS ani inda jua jauh sangat jadi untuk memaximakan menggunakan pakar itu ditempatkan di mana ia diperlukan sangatlah tu.

Insyallah kalau ada karang dalam fikiran bis Kementerian Kesihatan ada lebih lebih doktor yang boleh di posting ke Tutong Insyallah akan di lakukan. Di ambil maklum. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai – Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, cuma peramba ingin mendapatkan atau idea daripada Kementerian yang berkenaan mengenai dengan “*Doktor-Doktor specialist*”. Jikalau dilihat disini dan tingkatan gaji mereka ini adalah amat rendah jika dibandingkan dengan

market price di negara-negara jiran kita. Jadi oleh kerana itu kita tidak dapat menarik mereka untuk bekerja di negara ini. Jadi saya ingin betanya apa pendapat Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat setuju menyokong menaikkan gaji-gaji ataupun elaun-elaun pakar-pakar “*specialist-specialist*” di Negara Brunei Darussalam. Sekian.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat masalah ani barangkali masalah “*decision*”. Ini boleh ahli Yang Berhormat menulis kepada kerana hal itu belum ada jadi dewan ani tidaklah bersifat untuk menaikkan gaji apa tu inda ada. Tapi boleh mendengar cadangan-cadangan daripada ahli tadi dan difikirkan semula.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, akan diambil maklum. Perkara ani jua disedari jua oleh pihak Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Terima kasih yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, Pada masa ini Mukim Liang khususnya sedang berkembang dan alhamdulillah selari dengan itu pihak Kementerian Kesihatan pun sudah membuat pusat kesihatan yang baru Insya-Allah dalam sedikit masa lagi abis peramba akan mempunyai satu pusat kesihatan yang baru di Mukim Liang. Apa yang saya akan bangkitkan disini ialah tentang perkhidmatan ambulan di mukim tersebut. supaya dapat didlengkapkan dengan menempatkan an kalau boleh seorang doktor di waktu malam dalam kes kes kecemasan pada masa ini anda ada dan dicadangkan jua kalau dapat ditambah sebuah lagi ambulan. Dan disamping itu dibekalkan dengan kelengkapan yang cukup umpamanya seperti stok minyak sentiasa ada anda kira berapa kali ia ambulan itu keluar 100 kali kah dalam sehari itu orang kampung anda kan mendengar jawapan itu pokoknya siap sedia.

Pernah suatu ketika apabila dipanggil, dijawab anda ada minya, ini sungguh mendukacitakan jadi kalau dapat dilengkapkan ambulan itu kerana ambulan ini ialah out front

perkhidmatan pihak Kesihatan ia akan menjajas prestasi di Jabatan Kementerian Kesihatan. Terima kasih Yang Amat Mulia.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Terima kasih Pengiran Pengerusi. Yang sebenarnya dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan mutu Perkhidmatan Kesihatan di negara ini, ataupun perkhidmatan yang dapat diberikan oleh Kementerian Kesihatan, ambulan atau perkhidmatan ambulan memainkan peranan yang penting jadi masa ini pun dalam usaha Kementerian Kesihatan memanglah kitani akan mengusai, memperbaiki lagi ambulan servis yang pada masa ini. Yang kitani dapati dari masa ke semasa aduan orang ramai jua baik yang direct kepada ke Kementerian Kesihatan, memanglah anda memuaskan maka sebagai salah satu usaha kitani perkhidmatan ambulan ini diutamakan untuk diusai mohonkan diampun. Insya-Allah dengan adanya pandangan dari Ahli Yang Berhormat dan juga dari aduan-aduan orang

ramai itu akan dapat kami diusailah perkhidmatan ambulan ani. Insyallah.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang

Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Saya ingin menanyakan kesesuaian inseniorita yang digunakan pada masa ini. Terutama sekali dengan adanya *a witness* kitani pada environment dan pollution sama ada inseniorita itu masih lagi sesuai dan kalau sekiranya tidak sesuai adakah rancangan-rancangan untuk digantikan dengan inseniorita bertaraf lebih sempurna. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Indera Pahlawan Dato Paduka Awang

Haji Suyoi bin Haji Osman. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebenarnya inseniorita kitani yang ada di hospital RIPAS sudah mengalami beberapa kali kerosakan. Tetapi alhamdulillah dapat diusai. Walau bagaimanapun dalam jangka masa panjang ani kemungkinan kita sudah memikirkan inseniorita ini untuk diganti kerana malar sudah rusak atau jadi kita mungkin memerlukan

inseniorita yang baru. Perkara ini sudah dalam perundingan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Di samping itu kita juga telah memikirkan untuk menswastakan pulang perkhidmatan inseniorita ani. Daripada pihak Kerajaan yang menanggung yang akan kita swastakan ani telahpun mendapat persetujuan dan insyallah akan dimaklumkan kepada pihak-pihak yang berminat untuk mengikut serta dalam memberi perkhidmatan inseniorita ani, akan kitani swastakan.

Untuk menambah jua lagi barangkali Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi kita juga bercadang untuk mengadakan satu inseniorita lagi di Tutong, sebabnya jika satu ani "break down" kita ada satu yang "standby", sepertimana yang dimaklumkan oleh ahli Yang Berhormat tadi kekhawatiran kitani mengenai dengan "environment" dan sebagainya itulah punca utama mengapa inseniorita patut dibangunkan satu lagi. Ani sudah dalam perancangan Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang

Haji Suyoi bin Haji Osman: Kita akan swastakan, mendapat persetujuan dan insya'allah akan dimaklumkan kepada pihak-pihak yang berminat untuk ikut serta memberi perkhidmatan insinorita ini akan kita swastakan. Untuk lagi menambah jua lagi kita juga bercadang untuk mengadakan satu insinorita lagi di Tutong jika ini breakdown kita ada satu yang standby sepertimana yang dimaklumkan Ahli Yang Berhormat tadi ke khuatiran kitani mengenai dengan inverment dan sebagainya itulah punca utama mengapa insinorita ini patut dibangunkan satu lagi, ini sudah dalam perancangan Kementerian Kesihatan.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar

bin Mansor: Banyak menjunjung kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, peramba ingin mencadangkan satu cadangan lagi untuk mengurangkan kesesakan di Pusat Kesihatan RIPAS peramba mencadangkan supaya pusat atau klinik kesihatan yang bersesuaian

supaya akan dibuka 24 jam misal Klinik Sungai Asam dan Klinik Kesihatan di Sengkurong kalau pun tidak 24 jam sekurang-kurangnya bermula dari pukul 4 petang hingga jam 12 sekurang-kurang dapat mengurangkan kesesakan di Hospital RIPAS. Menjunjung ampun, banyak menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:

Terima kasih, cadangan itu akan diambil maklum. Kadang-kadang kesesakan di pusat-pusat kesihatan bukan kesesakan yang sebenarnya kan ampun, sebabnya yang menjadi kesesakan itu sebelah pagi kebanyakan pesakit-pesakit luar itu diturunkan oleh suami, anak dan isteri sebagainya, jadi mereka datang kepada konsep-konsep kepada jam-jam awal pagi itu, jadi menyebabkan kalau banyak berkumpul dan kadang sebelum pintu klinik buka mereka menunggu daripada pukul 7 pagi misalnya.

Kalau sudah banyak berkumpul setentunya batak durang menunggu, jadi kitani sarankan

supaya durang akhir sedikit atau ditengah-tengah pagi atau tengah hari supaya tidak menjadi sesak. Jadi kadang-kadang telensi orang kitani durang suka datang awal sebabnya ia kena turunkan oleh suami atau pun isterinya dan kemudian kena diambil lagi selepas itu, jadi iatah awal tu, ia itu yang jadi sesaknya. Walau bagaimana pun pandangan itu akan diambil maklum dan diusahakan mana yang boleh itu. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli ada.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sedikit peramba menyembahkan mengenai dengan pesakit atau keluarga pesakit yang menunggu di hospital di Bandar Seri Begawan iaitu apakah mereka ini dapat diberi pertimbangan ihsan atau sensitif untuk mereka menunggu ini.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah diterangkan tadi dan telah dicadangkan oleh seorang pasal orang yang menunggu ini, adakan disediakan bilik dan tidak payah diulangi lagi.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, maksud peramba mereka yang tinggal sampai 3 hari itu kadang-kadang kemampuan ataupun kalau sudah sampai seminggu masalah jua makan minumannya apakah dapat diberi pertimbangan ihsan kadang-kadang apa dapat dilihat mereka menumpang-numpang makan makanan yang ada diberi kepada pesakit. Terima kasih. Menjunjung kasih Pengiran.

Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Pengiran-Pengiran perkara itu akan difikirkan dan dirundingkan nanti. Insya-Allah.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kalau sekiranya tidak ada lagi ingin membahaskan mengenai dengan Kementerian Kesihatan maka Tajuk SM : Kementerian Kesihatan ini kita lulus menjadi sebahagian rang undang-undang kewangan 2006/2007.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Tuan Pengerusi saya sedikit sahaja kasihan dekat satu jam sudah Menteri Kesihatan bersoal jawab berapa banyak soalan, saya sedikit sahaja ingin mendapat mengetahui kalau boleh dipohonkan janganlah ada sewa menaruh kereta itu dicaj seringgit sejam pasal apa kalau orang menanti mengambil ubat kadang-kadang ada yang sejam ada dua jam.

Kesalahan itu bukanlah kalau bolehlah hospital jangan tah menambah “*revenue*” barangkali kalau boleh dipohonkan tak ada siapa juga yang meletakkan keretanya tidak payah dicaj lagi, ini satu ringgit satu jam saya sendiri kena, jadi memohonkan mudah-mudahan kalau dapat dipertimbangkan, pasal apa kalau kita tengok ditempat-tempat ahli busines pula “*free no parking, no parking fees*”, sebaliknya Kerajaan punya parking ada bayar, jadi ini permohonanlah mudah-mudahan supaya tidak diminta sewa lagi.

Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Pengiran Pengerusi, apa yang disabdakan oleh Yang Amat Pengiran Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh Kementerian Kesihatan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kalau sekiranya tidak ada lagi perbahasan di dalam tajuk ini maka Tajuk Kementerian Kesihatan dilulus dalam perrundingan Jawatankuasa ini.

Jurutulis: Tajuk SM: Kementerian Kesihatan menjadi sebahagian jadual Tajuk Kementerian Perhubungan, Tajuk SN01A : Jabatan Kementerian Perhubungan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada masa diberi sudah tidak nampaknya Ahli-Ahli akan membahaskan maka tajuk ini dikira diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SNO1A : Jabatan Kementerian Perhubungan dijadikan sebahagian Jadual, Tajuk SNO2A : Jabatan Laut.

Pengerusi: Tidak ternampak juga Ahli-Ahli untuk membahaskan tajuk, maka tajuk ini dikira telah diluluskan.

Jurutulis : Tajuk SNO2A : Jabatan Laut dijadikan sebahagian Jadual, Tajuk SNO3A : Jabatan Pelabuhan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahman Nirrahim, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, walaupun pada dasarnya barangkali apa yang peramba suarakan ada berkaitan dengan Jabatan Alam Sekitar tetapi ada hubungkaitnya dengan Jabatan Pelabuhan yang akan dapat barangkali memantau perkara-perkara yang akan peramba hadapkan. Yang pertamanya beberapa kali telah didapati kapal-kapal yang membawa batu pengangkutan batu kelikir menuju ke Bandar Seri Begawan sesuka hati mereka membuang diesel yang terpakai di sungai-sungai.

Walau bagaimanapun dalam pengetahuan mereka, tetapi mereka tidak mengambil indah dalam perkara ini, menyebabkan pencemaran sungai akan berlaku, ikan air sungai berasa minyak diesel dan nelayan-nelayan memberi makluman bahawa merasakan

bahawa ikan-ikan yang dipancing mereka merasa minyak diesel. Perkara yang kedua dan terakhir bagi peramba untuk menghadapkan kepada Yang Amat Pengiran Pengerusi ialah apakah mereka ini diambil satu tindakan atau dibuatkan satu undang-undang tindakan kepada mereka yang ingkar mematuhi sesudah mengetahui perkara ini, jangan berbuat demikian tetapi tidak mengambil indah perkara ini. Sekian Yang Amat Pengiran Pengerusi.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, yang kedua itu fasal apa ada kenamengena dengan yang pertama.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Iaitu yang pertama mengenai dengan mereka membuang minyak diesel Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi divsungai minyak diesel yang sudah terpakai, mengikut peraturan mereka tidak boleh membuang di sungai. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih atas pemerhatian daripada Ahli Yang Berhormat tadi, perkara ini bukannya Jabatan Pelabuhan, tetapi sebenarnya laut adalah di bawah kuasa Jabatan Laut. Walau bagaimanapun, peramba akan menjawab jua. Memang benar ada terdapat peraturan-peraturan, akta-akta Jabatan Laut (Marine) yang mengawal mengenai dengan pencemaran di laut (oil spill) yang disebabkan oleh kapal-kapal atau sebab-sebab yang lain. Sekiranya didapati kapal-kapal tersebut sah, ia boleh diambil tindakan. Jadi kalau ada bukti-bukti tertentu perkara itu dapat diambil tindakan. Barangkali itu saja soalan Ahli Yang Berhormat yang dapat peramba jawab.

Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Nampaknya tidak ada yang suka membahaskan maka Tajuk SN03A : Jabatan Pelabuhan diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SN03A : Jabatan Pelabuhan dijadikan sebahagian

daripada jadual, Tajuk SN04A : Jabatan Penerbangan Awam.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Nampaknya tidak ada yang akan membincangkan maka Tajuk diluluskan oleh Jawatankuasa.

Jurutulis: Tajuk SNO4A : Jabatan Penerbangan Awam dijadikan sebahagian jadual, Tajuk SNO5A : Jabatan Pengangkutan Darat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd

Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, saya ingin menyuarakan permohonan daripada Persatuan Teksi dan Bas di Daerah Belait, mereka memohon pertimbangan dari pihak yang berkenaan supaya dapat mengkaji peraturan yang ada pada ketika ini yang dikenakan kepada pengusaha-pengusaha teksi, di mana apabila teksi mereka ini telah berusaha 7 tahun tidak lagi diberi lesen dan sebelum ini mengikut saya difahamkan mereka boleh merayu untuk lesen disambung tertakluk kepada kelulusan teknikal, tetapi pada ketika ini jawapannya sebaliknya jadi saya minta pihak yang berkenaan untuk dapat mengkaji

mempertimbangkan kerana ia akan menjejaskan ekonomi para pengusaha teksi, kalau bas 10 tahun dan setengah-tengah bas itu boleh lagi beroperasi kalau keadaannya baik. Sekian Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:

Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Sebenarnya menurut peraturan yang telahpun ditetapkan oleh Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor Negara Brunei Darussalam, ialah menghadkan had umur kereta-kereta dan teksi-teksi serta bas-bas awam, dan had umur kepada teksi 7 tahun. Ini adalah kerana menjaga atau memelihara memastikan keselamatan bukan sahaja pemandu tetapi orang yang dipandu. Apa yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa pada masa yang lalu memang ada kes kes tertentu di mana pemohon dibenarkan untuk dipertimbangkan untuk dilanjutkan satahun lagi tetapi tidak melebihi 10 tahun dengan syarat teksi itu mestilah diuji lagi, memenuhi aspek keselamatan dan pada masa itu adalah dikira masa di mana ekonomi

negara Brunei belum lagi bertambah baik. Jadi itu adalah merupakan pertimbangan khas kepada persatuan teksi. Walau bagaimanapun apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat ini, perkara ini masih dalam pertimbangan Kementerian Perhubungan. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Oranng Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi mengenai dengan had teksi menjadi kepada 7 tahun saja ini, saya sendiri sangat bersimpati kepada yang punya teksi ini kerana teksi mereka ini pada tiap-tiap hari jarang jua dipakai dan keadaannya kalau 7 tahun masih lagi baik, tetapi ini mengikut penerangan tadi ialah keputusan yang dibuat oleh lembaga melesen barangkali belum lagi disahkan oleh pihak kementerian berhubung dengan kelamaan kereta-kereta teksi ini, peramba ada ingin bertanya ingin tahu kerana pada masa ini mungkin ahli-ahli sendiri melihat di jalan-jalan raya banyak kereta yang lama-lama yang sudah kemek bertagar kadang-kadang tayarnya bergoyang-goyang dan berasap, mengeluarkan asap, masih lagi

berjalan di jalanraya kebanyakan kereta-kereta ini, saya lihat dipunyai oleh pekerja-pekerja asing yang ada di negara ini, adakah kereta ini diperiksa “*Vehicle Inspection Centre*” atau diperiksa di tempat-tempat lain kerana kitani melihat keadaan kereta itu jalannya pun kurang baik macamanakah boleh kereta ini dapat diberi permit pada setiap tahun, permit kereta. Sekian.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sebenarnya kalau kitani melihat kepada peraturan pada masa ini semua kereta yang melebihi 7 tahun dikehendaki untuk menjalani ujian pemeriksaan kereta, iaitu ujian teknikal sebelum ianya diberikan “*road tax*”. Hanya saja ujian secara rapi itu berjalan di Daerah Brunei dan Muara, di tempat lain akan diusahakan iaitu dalam rancangan untuk Temburong, Tutong dan kemudiannya barangkali di Daerah Belait. Jadi ini sebagai satu syarat. Di tempat yang lain yang tidak ada pusat pemeriksaan kereta ini, ia dijalankan secara manual, iaitu pegawai pemeriksa memeriksa kereta itu. Jadi wallahhuaklam, mungkin berlaku semasa pemeriksaan secara

manual itu barangkali, tidaklah serapi pemeriksaan secara mekanikal, secara teknikal seperti di pusat pemeriksaan kereta. Tetapi jika disahkan oleh pemeriksa, ia akan diberikan “*road tax*”. Mengenai dengan kereta teksi tadi itu sudah peramba jelaskan. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada lagi perbincangan untuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat, maka tajuk ini diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SN06A Jabatan Perkhidmatan Pos.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya tidak ada ahli-ahli untuk membahaskan tajuk ini, maka tajuk ini kita sifatkan diluluskan.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul

Rahim: Yang Dipertua, saya ingin mendapat maklumat, mengapa Jabatan Telekom ini nampaknya tidak ada lagi.

Pengerusi: Jabatan Telekom belum lagi, sekali lagi

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Maaf.

Jurutulis: Tajuk SNO6A – Jabatan Perkhidmatan Pos, dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk SNO7A – Jabatan Telekom.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Sebelum orang lain menjawab, saya ingin bertanya mengapa tidak ada peruntukan? apakah sebabnya sama ada ia ini sudah diswastakan ataupun bagaimana?. Itu saja, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi sebagaimana barangkali kitani terbaca dalam akhbar Borneo Bulletin minggu ini bahawa mulai 1 April 2006 Jabatan Telekom akan diswastakan menjadi *TELBRU*, jadi kerana itu budgetnya

bukan lagi sebagai jabatan kerajaan, ia sebagai sebahagian Syarikat Government Link Company. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Menjunjung kasih, Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, sebenarnya apa yang ditanyakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran tadi akan peramba tanyakan, tapi udah ditanyakan, yang kedua peramba ingin menarik perhatian bahawasanya Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung ini adalah sebagai pusat tumpuan daripada pihak kerajaan, pihak swasta dan sebagainya menumpukan kepada Penghulu dan Ketua Kampung. Orang ramai dan penduduk di mukim dan di kampung juga menumpukan kepada Penghulu dan Ketua Kampung.

Jadinya Penghulu dan Ketua Kampung ini menjadi sasaran menerima telefon dan menelefon keluar, jadi pendek kata peramba saya memohonkan kepada pihak yang berkenaan agar telefon ini kepada Penghulu dan Ketua Kampung dipohonkanlah supaya inda dibayar dipohonkan secara percuma. Kerana

kami biasanya Penghulu dan Ketua Kampung, peramba saya sendiri empat kali membeli kad yang dua puluh-dua puluh ringgit itu seratus, malah indera banyak kegunaan untuk peribadi, banyak digunakan untuk urusan anak-buah dan urusan daripada pihak-pihak yang berkenaan. Menjunjung ampun, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, barangkali peramba indera lagi payah menjawab soalan Yang Berhormat itu kerana mulai 1 April 2006 sebagaimana yang peramba maklumkan tadi telekom akan dikorporatkan menjadi TELBRU. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat tentu faham Jabatan Telekom sekarang sudahpun diswastakan, jadi tidak lagi payah dibincangkan dalam hal mesyuarat ini. Sekarang kita beralih kepada SPA01A Kemajuan.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Amat Mulia Pengiran

Pengerusi, sebelum dimasukkan dalam Jabatan Telekom ini oleh kerana ia telah diswastakan, adakah ia ini "*independent*" atau kerajaan masih boleh mengawal apa yang dibuatnya?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong:

Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, dengan Jabatan Telekom menjadi satu syarikat swasta, kerajaan juga telahpun sejak tahun 2003 menubuhkan autoriti mengenai dengan "*information*", dan "*communication*" industri iaitu AITI (Authority for Info-Communications Technology Industry of Brunei Darussalam), yang pada masa ini pejabatnya bertempat di Kampung Anggrek Desa. AITI akan mengambil alih kuasa-kuasa bagi pelesenan mengeluarkan lesen-lesen telekom dan juga mengawal salia syarikat-syarikat yang mengendalikan hal ehwal telekom. Jadi kerajaan hanya akan menjadi autoriti atau pihak berkuasa mengawal syarikat-syarikat ini. Sekian, terima kasih.

Pengerusi: Sekarang kita beralih kepada Kemajuan SP01A- Kemajuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga setakat ini tidak ada ternampak ahli-ahli ingin membahaskan mengenai dengan kemajuan kerana hal yang demikian.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abas Pengerusi menjunjung kasih saya ada sedikit perhubungan awam 919 sebagaimana dalam kemajuan ke 8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperuntukkan sebanyak 557 juta atau 76% RKN sebelumnya Perkhidmatan Awam diberikan dalam Public Building kita sudah beruntung dengan setinggi menjunjung kasih di atas penungerahan kemudahan awam, bangunan awam pejabat kerajaan pihak awam, sekolah-sekolah, seperti kemudahan sukan dan sebagainya. Sewajarnya bangunan-bangunan ini kemudahan-kemudahan ini dijaga dengan sebaik-baiknya agar ianya kukuh menjadi selesa dan mudah didiami dan digunakan. Di sebalik itu juga kekurangan di dalam pemeliharaan/*maintenance* ini terjejas dari segi keindahan, keselamatan dan juga ketahanannya.

Baru-baru ini Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya telah mengusahakan skim IMMS

iaitu "*Integrated Maintenance Management system*" ialah sangat-sangat dialukan dan diharapkan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Maka terpelihara harta benda kerajaan yang mana harta ini adalah juga hasil negara. Sukacita saya cadangkan supaya peruntukan yang sewajarnya diberikan kepada pemeliharaan "*maintenance*" di setiap bangunan dengan cukup-cukupnya secara berjadual dan berterusan. Terima kasih

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, barang ini tiap-tiap tahun memang ada. "*Maintenance*" ada kalau tidak silap. Menteri yang berkenaan sila jawab.

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi. Dalam peruntukan tahun ini memang telah disediakan bukan saja bagi memelihara bangunan, juga untuk peralatan dan lain-lain disediakan dalam \$285 juta dalam tahun 2006/2007 ini. Terima kasih

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang lain ingin membahaskan tajuk Kemajuan sekiranya tidak ada ahli -ahli yang berminat silakan..

Yang Berhormat Mejur (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim. Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam susunan kerja muka surat 3 perkara 7 dalam ketetapan ini 929 projek Pulau Muara Besar (PMB). Peramba ingin bertanya:-

1. Di bawah Kementerian manakah duduknya projek ini diletakkan?
2. Apakah yang sebenarnya projek ini?

Pengerusi: Yang Berhormat, silakan

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim. Ada 2 pertanyaan mengenai dengan letaknya projek ini. Ianya adalah dib idang kuasa Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Junjung kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat jika ingin membahaskan lagi

Yang Berhormat Mejur (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Mohonkan ampun Peramba ingin menambah sedikit keraguan Peramba jawapan pertama telahpun diberikan. Terima kasih. Soalan kedua. Apakah sebenarnya projek ini? mohon sekiranya jika tidak menjadi kesalahan.

Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, projek ini masih lagi dalam penilaian oleh pihak-pihak tertentu. Apa bentuknya dan bagaimana ianya akan di laksanakan, belumlah dapat diterangkan di sini secara detail kerana ianya masih dalam penilaian pihak yang tertentu. Dinasihati, Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya ingin tahu secara detail boleh berhubung dengan pihak BEDB untuk mendapatkannya. Terima kasih

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi, terima kasih Peramba ingin menyentuh 923 iaitu komunikasi keutamaan akan diberikan ICT, HRD yang serantau

antarabangsa . Mengenai dengan ICT ianya berhubung rapat dengan HRD kerana ICT benar-benar memerlukan tenaga manusia mahir yang banyak dan berkebolehan serta profesional. Baru-baru ini peramba pergi melawat di negara India dan Bangladesh melawat ICT mengambil banyak 50 ribu pekerja ini adalah penjelasan satu tenaga manusia diperlukan dalam ICT.

Inilah intensif dan banyak-banyak menjunjung kasih kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperuntukan \$250 juta untuk HRD baru-baru ini diharap kita akan dapat lagi meningkatkan usaha ke arah Universiti building lebih-lebih lagi di dalam bidang ICT. Salah satu persediaan asal bagi Infrastruktur bagi ICT ialah penyediaan “*data centre*” yang mana ICT “*application*” dan “*data centre*”, “*server, storage system*” di mana disimpan informasi “*the network*” ditempatkan di sana. Ada 2 cara pengendaliannya iaitu satu, *centralize* dan dua “*decentralized*” di mana dibuat beberapa buah “*data centre*”.

Perkembangan di ICT di negara ini memilih option iaitu *dicentralized* dengan menubuhkan beberapa “*data centre*”. Sistem ini adalah jelas menunjukkan pembaziran “*resources*” kerana ianya menduplikated barang-barang seperti “*fire wall, networking management, anti Virus*” dan sebagainya. Nampaknya setiap Kementerian menubuhkan “*data centre*” yang tersendiri. Cara ini menambahkan kos perbelanjaan yang lebih tinggi dan tenaga manusia yang banyak. Ini menimbulkan satu masalah kerana kita pada masa ini masih lagi kekurangan tenaga-tenaga manusia yang mahir dan berkebolehan kemahiran lebih-lebih lagi dari segi ICT .

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat apakah keraguan Ahli Yang Berhormat terhadap tajuk ini. Bukan menceritakan.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas: Peramba Keraguannya ialah kenapa kita memilih untuk mengadakan “*data centre*” *dicentralised*” sedangkan “*data centre*” sebagai contoh di negara Sarawak pada masa ini

mereka menggunakan satu “*data centre*” boleh menampung 20 jabatan di dalamnya dan bukan sahaja Jabatan-Jabatan seperti Jabatan Ugama, Jabatan Kebajikan, Jabatan Kehakiman, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Residen di Miri, Limbang, Lawas, Bintulu dan sebagainya menggunakan satu “*data centre*” jadi di samping “*data centre*” ini mempunyai satu potensi iaitu memasarkan perkhidmatan - perkhidmatannya kepada kompeni-kompeni Koporat jadinya contoh-contoh ini adalah “*best practice*” dan juga yang dapat diikuti. Jika dilihat di Sarawak mempunyai...

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, kita membincangkan sekarang ini tajuk Kemajuan yang mempunyai peruntukan sebanyak \$999 juta jika sekiranya ada keraguan kepada Ahli kemukakan lah keraguan itu supaya di sini dapat menimbangkan kalau hanya menceritakan hal lain. Ahli-Ahli yang lain dapat memaklumi hal itu.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas: Yang Amat Mulia Pengiran Pengerusi Saya hanya berkongsi pandangan untuk kita sama-sama

memikirkan keperluan negara di bidang ICT dengan melihat kebaikan dan kelebihan kos efektif dan effisiensi dan juga keupayaan tenaga manusia kita pada masa ini untuk mencapai objektif yang tertentu juga dengan berpandukan kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini mengatakan jangan membazir, berjimat dan berwaspada. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya tidak ada apa-apa perbincangan mengenai hal ini yang....

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi. Pemerhatian dan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi diambil perhatian dan Yang Berhormat tadi pun mengemukakan pandangan bahawa lawatannya ke India dan beberapa buah negara, terdapat dua cara untuk membuat “*data centre*”, satu secara “*centralized*” dan satu “*discentralized*”. Bagi Negara Brunei Darussalam kita mengamal kedua-keduanya. Iaitu bagi Kementerian-Kementerian diberikan pilihan untuk

mengadakan data center mereka masing-masing di Kementerian masing-masing kerana ada kementerian - Kementerian yang mempunyai 'feature-feature' ataupun rekabentuk khusus untuk Kementerian tersebut.

Pada masa yang sama kita juga menggalakkan bagi mereka yang ingin menggunakan data center yang sedang dalam pembinaan pada masa ini yang diharapkan akan dapat digunakan pada penghujung tahun 2006 ini. Jadi ada dua pilihan kepada Negara kitani. Peramba mengucapkan terima kasih atas pemerhatian yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi dan akan diambil maklum.

Yang Berhormat Haji Awang Abu Bakar bin Mansor: Banyak-banyak menjunjung kasih. Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi disini peramba ingin penjelasan mengenai dengan ringkasan anggaran perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara Tahun 2006-2007 Bilangan 11 Telekom. Disini ada tertulis peruntukan 2006-2007, \$23,160,000,000. Mohon diterangkan, dimanakah kegunaannya peruntukan yang peramba, saya sebutkan. Terima kasih.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Menteri berkenaan sila terangkan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Boleh ulangi lagi apa tajuknya.

Yang Berhormat Haji Awang Abu Bakar bin Mansor: Yang Peramba maksudkan bilangan 911 – Telekom iaitu peruntukan 2006 – 2007 disini tertulis 23,160,000,000 jadi apakah maksud peruntukan ini. Pohon terangkan dalam muka Surat Pertama tadi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi, sebenarnya kalau Ahli Yang Berhormat dapat membuka ke muka surat 14 dibawah tajuk 911 di sana ada Telekom. Dan di bawah Telekom itu ada beberapa pecahan-pecahan daripada peruntukan tersebut di bawah 001-002 iaitu mengenai dengan pembesaran dan menaikkan taraf 'network' dan 'cooperate infrastructure' dan yang 002 itu 'expansion external network

infrastructure'. Semua ini adalah '*infrastructure-infrastructure*' Telekom. Dengan tempat-tempatnya ada dinyatakan di sana iaitu tempat-tempat tertentu seperti di Subuk, di Gadong Rimba, di Madewa dan sebagainya.

Yang Berhormat Haji Awang Abu Bakar bin Mansor: Mohon ampun, Peramba bermaksud tadi Telekom diswastakan, tidak ada peruntukan, tetapi di sini ada tertulis peruntukan ini 2006–2007 di sinilah kekeliruan, peramba saya.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi dari segi '*infrastructure*' Kerajaan masih membiayai '*infrastructure*' tapi Syarikat Telekom melaksanakan – Tel-Bru yang diswastakan itu melaksanakan bisnisnya.

Yang Berhormat Haji Awang Abu Bakar bin Mansor: Mohon ampun, difahamkan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jila ada silakan

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Pengiran Pengerusi, peramba tertarik dengan rancangan untuk '*improve*' Jalan Residency bilangan Jalan Raya 907 ada \$25,000,000,000 ini sudah dua tahun, baik tah difikir-fikirkan. Ini banyaklah terima kasih kepada Menteri yang berkenaan dengan mengadakan rancangan ini, ingin jua peramba dapat tahu dari manakah Jalan Residency ini akan di '*improve*' adakah dari Jambatan Kianggeh hingga ke Jalan Residency ataupun dari mana. Memandangkan malamnya sangat merbahaya sebab kereta parking sepanjang-panjang jalan raya. Itulah yang dapat saya tanyakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Peramba menjunjung kasih kerana Pengiran Pengerusi memberi kesempatan, sebenarnya projek ini adalah daripada lepas Jambatan Kianggeh hingga ke Bomba Laut, Ke Bomba Sungai Lampai. Mulanya "*bend stand*" dari Jambatan

Kianggeh Ada perubahan pada 'design' lebarnya tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Saya sendiri melihat beri ijap pada kereta yang parking di jalan itu.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masalah ini sudah dibincangkan tadi. Pasal jalan raya ini jadi kalau mahu lebih detail boleh hubungi saja terus.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Mohon ampun mengenai spesifik ini saja cukup.

Pengerusi: Tapi dalam mesyuarat ini selesai sudah tadi pasal jalan raya sudah dimaklumkan.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Belum mengenai Jalan Residency ini tiada disebut.

Pengerusi: Ada tadi, sudah, Ahli –Ahli yang Berhormat sekiranya jika ada lagi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima Kasih Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi saya ingin cuma minta penjelasan kalau tadi Yang Berhormat mengutarakan 911 – Telekom, sekarang saya melanjutnya kepada 923 – Teknologi Maklumat Info Komunikasi apa hubungan di antara 2 perkara ini. Terima kasih.

Pengerusi: Yang Amat Berhormat yang berkenaan sila jelaskan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Amat Mulia, Pengiran Pengerusi sebagaimana tertera dalam muka surat 37 di bawah tajuk 923 Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi di bawahnya itu "*E-Government*" atau E-Kerajaan. Ini adalah merupakan rancangan-rancangan bagi melaksanakan ICT atau E-Kerajaan pada semua Kementerian-Kementerian dalam Kerajaan dengan peruntukan-peruntukan yang tertentu yang ada tertera di sebelah kanan tersebut. Jadi kesemua ini adalah bertujuan untuk melaksanakan program E-Kerajaan.

Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya tidak ada Ahli-Ahli ingin memperbahaskan tajuk SPO1A – Kemajuan maka tajuknya disifatkan telah diluluskan.

Jurutulis: Tajuk SPO1A – Kemajuan dijadikan sebahagian Undang-Undang Gelaran Bab 1 Gelaran dan Permulaan Kuatkuasa.

Pengerusi: Gelaran dan Permulaan Kuatkuasa Akta ini boleh digelar Akta Perbekalan 2006–2007. 2006 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1hb. April 2006. Demikian, terima kasih.

Pengerusi: Gelaran dan Permulaan kuasa Akta ini boleh digelar sebagai Akta Perbekalan 2006/2007 (2006) dan hendaklah mula dijalan kuatkuasanya pada pada 1hb. April 2006. Diminta yang bersetuju angkat tangan. Nampaknya semua persetuju.

Jurutulis: Bab 1 Gelaran dan Permulaan Kuatkuasa dijadikan sebahagian Rang Undang-Undang.

Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekarang kita akan balik kepada Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis bersidang semula)

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita baca sekali lagi gelaran dan permulaan berkuatkuasa undang-undang bergelar gelaran akta ini boleh digelar sebagai akta perbekalan 2006/2007 dan hendaklah berjalan dan Ahli Yang Berhormat bolehlah berhujah mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Dipertua Dewan, saya mohon izin memberitahu bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar satu akta untuk membekalkan sejumlah wang dari kumpulan wang yang disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan 2006/2007 bagi memperuntukan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu telah dipertimbangkan dalam persidangan jawatankuasa yang telah dipersetujui dengan hanya satu pindaan mengenai tajuk gelaran yang mana pindaan ini

insya-Allah akan diselaraskan. Sekarang saya memohon izin mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat telah mencadangkan dan ada sokongan supaya rang undang-undang ini sekarang dibaca kali ketiga dan diluluskan. Saya bertanya bolehkah ahli-ahli bersetuju dengan cadangan ini mengangkat tangan dan mereka katakan setuju. Setelah diperhatikan semua bersetuju.

Jurutulis: Satu undang-undang yang digelar satu akta untuk membekalkan sejumlah wang dari kumpulan wang yang disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan 2006/2007 dan untuk memperuntukan yang tersebut iaitu bagi maksud-maksud tertentu.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, sekarang kita telah Berjaya meluluskan satu rang undang-undang yang bergelar undang-undang perbekalan 2006/2007 (2006) dan hendaklah berjalan kuatkuasanya

mula 1hb. April, 2006. Sekarang Ahli-Ahli Yang Berhormat setelah berjaya undang-undang itu dibuat, seketika waktu saya tangguhkan majlis ini selama kira-kira 20 minit.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis disambung semula.

Jurutulis: Perkara yang ke 8 ditetapkan di bawah Bab 4 (2) dari akta kumpulan wang kemajuan penggal 136 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan Kedua (II).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahman Nirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Warakatuh. Salam sejahtera. Yang Dipertua Dewan, menurut peraturan 4(3) saya sukacita Majlis ini membincangkan perkara 8 di dalam agenda. Alasan saya untuk memohon sedemikian Yang Dipertua Dewan kerana ketetapan ini adalah berhubung dengan Kuasa-Kuasa

Majlis dalam meluluskan belanjawan bagi tahun kewangan 2006/2007 dan pertimbangan awal akan membolehkan pihak kerajaan menjalankan projek kemajuan bagi tahun kewangan pada tahun hadapan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli yang menyokong. Ahli-Ahli Yang Berhormat penjelasan - penjelasan telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua (II) dan mendapat sokongan, sekarang dipohonkan untuk perbahasan Ahli-Ahli yang ingin mengambil bahagian dalam tajuk undang-undang ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail: Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan. Peramba ingin menyembahkan bahawa peramba bersetuju dengan permohonan dan sokongan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan Kedua (II) untuk meluluskan rang undang-undang yang Tuan Peramba baru sabdakan dan peramba Yang Dipertua Dewan mengambil kesempatan ini untuk

mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan Kedua (II) yang berjaya mengemukakan cadangan-cadangan terhadap belanjawan 2006/2007. Sekian terima kasih.

Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua (II) supaya rang undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan. Siapa yang akan memperbahasan rang ini silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Dalam Majlis ini saya mengambil kesempatan untuk menyokong rang undang-undang ini yang mana mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan Kedua (II). Dalam pada itu, saya merasa sangat dukacita kerana keputusan yang kita bincang pada hari ini sebelum lagi keputusan diluluskan oleh sidang telah terkeluar dalam surat-surat khabar tempatan dan luar negara sepertimana yang saya ketahui. Jadi saya harap melalui Majlis ini sepatutnya perkara ini tidak akan berlaku patut diambil ingatan. Sekian Yang Dipertua Dewan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat lain. Sekiranya Ahli-Ahli tidak ingin membahaskan lagi.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Yang Dipertua Dewan, peramba berdiri di sini dalam menyokong ketetapan yang di bawah bab 402 dari akta kumpulan wang kemajuan iaitu penggal 136 dan sambil itu peramba menyokong saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapat perhatian kepada segala orang yang bertanggungjawab mudah-mudahan wang \$900,000,000.00 ini akan dapat digunakan dengan bijaksana dan dibelanjakan mengikut yang sebagaimana semesti sudah tercicir keluar atau tercicir ke mana-mana dan mudah-mudahan dengan jumlah wang yang sebanyak \$900,000,000.00 ini, entah mudah-mudahan sajalah dapat diselesaikan dalam tempoh dua tahun, dan itulah harapan saya Yang Dipertua Dewan sebab perbelanjaan ini kita jangan hanya semata-mata mengingatkan ini Kerajaan kaya. Kerajaan boleh membelanjakan wang \$900,000,000.00 malah lebih dari itu

pun barangkali boleh, tetapi kita hendaklah diingatkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, ertinya jangan membazir dan peliharalah dengan sempurnanya dan mudah-mudahan orang-orang yang mengelolakan perkara begini akan menggunakan akal fikiran yang sempurna dan mudah-mudahan kita sebagaimana yang dikehendaki sebagaimana yang dititahkan menjadi Ahli Fikir yang berbahagia, dan mudah-mudahan fikir-fikir ini jangan hanya memikirkan hal kata orang, tapi maaf saya menggunakan satu bahasa yang ini, bukan pantun Pehin ertinya berbelanjalah dengan sempurna, dengan bijak jangan sampai nanti bak kata orang “kera di hutan disusui sedang anak di rumah bulur susunya”.

Sekian saja untuk peringatan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas kebijaksanaan Menteri-menteri yang bertanggungjawab dapat memberi penjelasan yang sempurna atas beberapa banyak soalan-soalan dan pertanyaan-pertanyaan yang memang kadang-kadang menyungkil perasaan mengusik hati, tetapi saya percaya itu kita akan terima dengan

sempurna dan dengan akal budi pekerti yang sempurna dan mudah-mudahan basirah ini akan dapat kita gunakan sepenuhnya. Terima kasih. Saya gunakan perkataan basirah Yang Dipertua, Menteri Ugama faham apa erti basirah, terima kasih.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kiranya ada lagi Ahli-Ahli yang akan membahaskan Rang Undang-Undang ini, kalau tidak ada yang mahu bercakap ketetapan ini akan saya undi, yang bersetuju sila angkat tangan (Semua bersetuju angkat tangan). Yang tidak bersetuju sila angkat tangan. Nampaknya yang bersetuju menang.

Kita telah sempurnakan permesyuaratan kita hari ini dengan kerjaya meluluskan dengan satu Undang-Undang Kewangan Tahun 2006/2007 dan juga mengadakan ketetapan maka dengan saat ini oleh kerana semuanya selesai Majlis ini ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok.

(Mesyuarat ditangguhkan)

**YANG DIPERTUA DEWAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

YANG HADIR : YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj
ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd.
Yassin, PSLJ., SPMB., POAS., PHBS., PJK., PKL.,
Yang Dipertua Dewan,
Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.
2. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), PHBS.,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
3. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah
Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan,
Negara Brunei Darussalam.

4. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

5. Yang Berhormat,
Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, DK., PSSUB., DSLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

6. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, PSNB., SPMB., DSLJ., PJK., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.

7. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

8. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

9. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

10. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang
Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
DPMB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.
11. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri
Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, PSPNB.,
DSNB., DSLJ., DPMB., PHBS., PBLI.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.
12. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang
Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,
SPMB., DSNB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana
Menteri,
Negara Brunei Darussalam.
13. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji
Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, DPMB., SNB., PIKB., PKL.,
Menteri Kewangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.
14. Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Paduka Awang Lim Jock Seng, SPMB., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua (II),
Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI YANG DI LANTIK (ORANG-ORANG BERGELAR):

15. Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin
Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS.,
PHBS., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

16. Yang Amat Mulia,
Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul
Momin bin Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB., DPMB., POAS.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

(Tidak dapat hadir selepas rehat kerana bertugas di luar negeri)

17. Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Paduka Awang
Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, DPMB.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI DILANTIK (ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN) :**

18. Yang Berhormat,
Pengiran Dato Paduka Haji Damit bin Pengiran Haji Sunggoh,
DPMB., PHBS., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
19. Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin, SMB.,
PHBS.,
Negara Brunei Darussalam.
20. Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking,
SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.
21. Yang Berhormat,
Awang Haji Idris bin Haji Abas, SNB., SMB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.
22. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.
23. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri
Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

24. Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh, DPMB., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK DARI DAERAH-DAERAH:

25. Yang Berhormat,
Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim,
SMB., PJK., PKL.,
Pengkulu Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam .
26. Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, PSB., PKL.,
Pengkulu Mukim Lumapas,
Negara Brunei Darussalam.
27. Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin
Abd. Rauf, SMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Pengkulu Mukim Keriam,
Negara Brunei Darussalam.
28. Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad,
Ketua Kampung Lumut 1,
Negara Brunei Darussalam.
29. Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Ketua Kampung Belingos,
Negara Brunei Darussalam.

**HADIR
BERSAMA:**

1. Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji
Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)**Rabu, 22 Safar 1427 / 22 Mac 2006****Majlis mula bersidang jam 9.00 pagi**

Yang Dipertua Dewan:
Assalamualaikum, Bismillahir Rahmanir Rahim, sekarang kita buka Majlis Mesyuarat Negara semula.

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua bagi Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam disambung semula dengan mendahului Doa Selamat.

Jurutulis: Membaca (Doa Selamat)

Jurutulis: Perkara Yang Ke-9, Ucapan-Ucapan Penangguhan, Ucapan Penangguhan Yang Pertama oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji

Mohd. Taib: Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Sudah 6 hari Dewan ini bersidang, dan dalam tempoh 6 hari ini kita telahpun meluluskan satu Usul, Satu Rang Undang-Undang dengan sedikit Pindaan dan Satu Ketetapan. Untuk itu terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Dipertua Dewan atas ketekunan serta kesabaran Yang Dipertua Dewan mendengar hujah-hujah sama ada dari sebelah sini mahupun rakan-rakan di sebelah sana yang mana telahpun membawa kita ke hari ke-6 mesyuarat ini berlangsung.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada rakan-rakan sebelah sana, Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah dapat bersama-sama berfikir, mengeluarkan pandangan dalam kita

membincangkan agenda-agenda yang telahpun kita tempuhi.

Pada hemat saya keberhasilan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam melaksanakan permesyaratan ini jelas menunjukkan komitmen bersepadu, bagi kita semua menanai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana jua yang Baginda titahkan semasa Majlis Mesyuarat Pembukaan Rasmi pada 15hb Safar 1427 bersamaan dengan 15hb Mac 2006.

Beberapa pandangan dan pendapat Ahli-Ahli Yang Berhormat telahpun ditimbulkan dan bagi pihak abis peramba di sebelah sini, kita telah cuba untuk menerangkan sedikit sebanyak dasar-dasar Kerajaan yang telah berjalan pada ketika ini yang mana diharapkan dasar-dasar ini akan membuahkan hasil dan memberikan manfaat bagi sama-sama kita merasainya bukan saja bagi menentukan kesejahteraan penduduk dan rakyat Negara ini ketika ini bahkan juga bagi generasi-generasi yang akan datang.

Jadi saya tidak akan berpanjang lebar, walau macam manapun saya ingin sekali lagi mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, dan juga sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Dipertua Dewan dan sekiranya ada keperluan saya ingin untuk mengambil kesempatan untuk berucap lagi di akhir mesyuarat ini nanti, terima kasih.

Yang Dipertua Dewan: Yang membabit sesuatu perkara atau menjawab perkara-perkara masa yang dibangkitkan itu, masa yang diberikan itu adalah 10 minit tiap-tiap seorang, walau bagaimana pun jika perkara itu difikirkan sangat mustahak bolehlah ditambah sedikit, tetapi hendaklah terlebih dahulu memohon untuk kebenaran saya. Ini adalah menurut pada Peraturan 34 (4) dari Peraturan Majlis Mesyuarat bagi Mesyuarat Negara. Sekian dimaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan Yang Ke-2 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang
Haji Yunos bin Mohd. Noh:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Dipertua Dewan, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih di atas kesempatan ini dan seperti yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan saya menyokong bahawa di atas kebijaksanaan Yang Dipertua Dewan maka berjalannya permesyuaratan kitani dengan licin, seterusnya saya ingin mengemukakan satu cadangan mengenai pengubahsuaian dan "*re-scheming*" tanah.

Keluasan tanah Negara Brunei Darussalam ialah 5000, 576,571 hektar dan dari jumlah ini adalah dianggarkan cuba 7.5% sahaja tanah-tanah persendirian, yang selebihnya ialah untuk kegunaan tanah seperti tanah Kerajaan, hutan simpanan, tanah gazette dan tanah-tanah lesen tumpang sementara. Terdapat tanah-tanah waris terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman yang kedudukannya terpencil bukan sahaja jauh daripada perkampungan juga jauh daripada jalan dan services. Tanah-tanah begini ini adalah seperti tanah-tanah kebun ataupun yang dulunya

kawasan perkampungan kini telah ditinggalkan. Tanah yang berlapis-lapis yang kedudukannya di dalam atau di belakang sukar untuk dimajukan kerana tiada jalan laluan menuju ke tanah-tanah berkenaan.

Tanah-tanah yang bentuknya sukar untuk dimajukan seperti terlalu nipis atau memanjang mengikut jalan, Pemilik-Pemilik tanah tidak mampu memohon skim perumahan-perumahan Kerajaan, seperti Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Walhal mereka ini telah bertanah di tempat asal mereka.

Saya ingin mencadangkan tanah-tanah yang terpencil dipindah ke kawasan-kawasan perkampungan yang sedia ada yang telah mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, dan kemudahan-kemudahan yang lainnya, "*rescanning*" atau "*readjustment*" bagi tanah-tanah berlapis-lapis yang berbagai bentuk dengan dibuat kemudahan-kemudahan asas yang bersesuaian dengan dikenakan kos penyediaan

secara subsidi kepada pemilik-pemilik tanah.

Mengikut keadaan kemajuan yang teratur walaupun di luar Bandar memudahkan Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada kumpulan-kumpulan penduduk yang lebih berkesan dan kos-efektif mengelakan pembaziran, mengelakan penghijrahan penduduk-penduduk asal ke kawasan-kawasan lain semata-mata untuk mendapatkan tempat perumahan di kawasan perumahan Kerajaan yang memisahkan mereka daripada sanak saudara mereka iaitu “family grouping”, “breakdown of family grouping”. Mengurangkan permintaan terhadap Skim Perumahan Negara jika pemohon yang bertanah dapat dibantu melalui projek pengubahsuaian ini dan mereka boleh membangun rumah kediaman mereka di atas tanah mereka sendiri.

Menggalakkan pasaran “*market*” bagi “*property development*” dengan melibatkan pemaju-pemaju dan profesional-profesional yang terlibat dalam industri pembinaan. Maka dengan itu saya Yang Dipertua Dewan cadangan-cadangan saya. Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan Yang Ketiga akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Dipertua Dewan. Saya menyokong apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi bahawa Dewan ini telah berjalan dengan lancar dan baik dengan pimpinan bijaksana Yang Dipertua Dewan.

Yang Dipertua Dewan, mungkin ucapan saya ini akan melebihi daripada 10 minit. Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2005 yang lalu, yang antara lain mengenai dengan pembangunan yang berkaitan dengan sektor swasta dan penubuhan dan pengendalian Peniaga-Peniaga Kecil dan Sederhana yang dimiliki oleh

rakyat jelata. Izinkanlah saya memetik Titah Baginda itu.

“Menyebut tentang pembangunan, Beta inginlah menekankan di sini betapa mustahaknya proses pembangunan sektor swasta negara. Negara tidak akan maju dengan cepat dan sempurna tanpa sektor swasta yang teguh dan dinamik. Oleh kerana itu Beta sangatlah berharap supaya setiap agensi Kerajaan akan dapat menyokong sektor swasta serta memberi prioriti besar khususnya bagi penubuhan dan pengendalian Perniagaan-Perniagaan Kecil dan Sederhana yang dimiliki oleh rakyat jelata. Perkara ini mestilah diungkapkan dengan semangat kenegaraan yang tinggi sebagai salah satu proses ke arah layanan Kerajaan yang *transparency*” lagi munasabah”.

Yang Dipertua Dewan, dalam menyokong titah ini maka semestinyalah semua urusan-urusan sektor swasta dan SME yang dimiliki oleh rakyat jelata diberi prioriti seperti antaranya ialah bagi urusan-urusan yang berkaitan dengan tapak dan tempat-tempat perniagaan dan urusan-urusan perlesenan haruslah dipercepatkan. Urusan-urusan pinjaman wang mestilah dipercepatkan dan

dipermudahkan dengan dikenakan faedah yang rendah. Skim-Skim SME haruslah bagi semua jenis perusahaan dan perniagaan dan tidak hanya terhadap pada Skim SME yang berkaitan dengan pertanian sahaja.

Mengenai dengan pemaju perumahan. Pada masa ini pemaju-pemaju perumahan di negara ini tidak dikawal kegiatannya, sesiapa saja boleh menjadi pemaju perumahan.

Di negara-negara lain termasuk di negara-negara jiran, kawalan ke atas pemaju perumahan sudah wujud dengan mengadakan peraturan-peraturan yang tertentu, yang dikawal oleh agensi Kerajaan yang berkenaan. Di negara ini saya syorkan supaya semua pemaju perumahan dikehendaki mendaftarkan kepada agensi Kerajaan yang ditentukan jika mereka ingin membuat kerja sebagai pemaju.

Tujuan mengawal kegiatan-kegiatan pemaju perumahan ini antaranya ialah untuk menjaga kepentingan rakyat dan penduduk negara ini daripada kerugian kerana tipu helah sebahagian daripada pemaju-pemaju yang tidak

jujur dan berkeadilan lebih-lebih lagi yang mengadakan usaha sama dengan pemaju-pemaju dari luar negeri.

Selain daripada menjaga kepentingan orang ramai, kawalan ke atas pemaju-pemaju ini juga akan menjaga kepentingan pemaju-pemaju itu sendiri.

Di negara-negara lain, antara syarat-syarat yang diperlukan ke atas pemaju, yang saya telah perolehi ialah:

- (1) Pemaju mesti menunjukkan adanya kewangan yang kukuh dan modal yang cukup.
- (2) Pemaju mesti ada "*civil*" dan "*structural engineer*".
- (3) Pemaju tidak boleh memungut bayaran lebih daripada 35% dari jumlah harga bangunan yang dijual. Baki 60% daripada harga bangunan yang dijual hanya akan dibayar oleh pembeli sesudah "*occupation permit*" dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan manakala baki 5% selebihnya dijadikan "*retention money*".

Seterusnya pihak yang berkenaan hendaklah mengenakan syarat-syarat yang difikirkan sesuai bagi maksud mengawal dan pendaftaran. Saya berharap pihak Kerajaan akan mengambil berat ke atas perkara ini supaya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Dipertua Dewan, saya ingin menyentuh mengenai dengan flu burung. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan pujian yang tinggi ke atas usaha-usaha pihak Kerajaan dalam membuat persediaan awal bagi kemungkinan merebaknya flu burung ke negara ini. Saya sangat yakin dengan langkah-langkah persediaan awal yang telah dirancang oleh sebuah jawatankuasa yang berkenaan yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri akan benar-benar mengatasi masalah flu burung di negara ini.

Dalam hubungan ini juga pihak yang berkenaan dari Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri telah memuji ke atas langkah-langkah persediaan awal

yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan dalam menangani flu burung ini. Persediaan seperti ini adalah yang benar-benar dikehendaki dan diharapkan oleh orang ramai, mudah-mudahan dengan rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wataala dan berkat doa rakyat dan penduduk Negara ini flu burung tidak akan berjangkit ke negara ini, jika pun berjangkit saya percaya ianya tidak akan bertahan lama di negara ini dengan adanya persediaan-persediaan, tindakan yang rapi yang disediakan oleh pihak yang berkenaan .

Mengenai dengan penyakit Tangan Kaki dan Mulut yang sedang merebak di Negara ini, penyakit Tangan Kaki dan Mulut mula berjangkit dan dikesan di Negara ini pada penghujung bulan Februari 2006 tetapi penyakit ini diketahui oleh orang ramai hanya pada 7 haribulan Mac 2006 apabila seorang budak berumur dua tahun telah meninggal dunia dan 16 kes telah dikesan, dua hari selepas itu pada 9 haribulan Mac 2006 sebanyak 140 orang telah dijangkiti daripada 21 buah sekolah, penyakit ini ternyata cepat merebak sepatutnya penyakit merbahaya yang cepat merebak seperti ini

dimaklumkan kepada orang ramai dengan segera sebaik-baik saja ia mulanya dikesan dan disahkan berjangkit di Negara ini, seterusnya orang ramai perlu diberi nasihat yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan atas langkah-langkah dan perkara-perkara yang perlu dibuat oleh orang ramai bagi sama-sama membendung dan mencegah dari jangkitan wabak penyakit ini.

Mengenai dengan pertanian tanah-tanah yang sesuai untuk berpadi di Negara ini masih banyak yang kosong, pihak Kerajaan patutlah memberi galakan kepada rakyat dan penduduk Negara ini, terutama sekali rakyat dan penduduk luar bandar dan pengusaha-pengusaha yang berminat dan berupaya bertanam padi di kawasan-kawasan yang sesuai untuk berpadi, dengan memberikan segala galakan dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan termasuk subsidi untuk membeli alat-alat perkakas dan baja.

Melihat daripada pengalaman-pengalaman penanam padi yang telah dan sedang diusahakan oleh sebilangan kecil rakyat dan penduduk

negara ini seperti di kawasan-kawasan Labi, Temburong, Tutong, nampaknya penanaman padi ini telah menampakkan kejayaan. Kaedah-kaedah penanaman padi ini secara perlahan-lahan dan berperingkat-peringkat boleh diperbaiki mengikut kemampuan masing-masing dengan cara-cara yang sedang diusahakan oleh negara-negara jiran bagi menambahkan hasil pengeluaran dengan menggunakan berbagai jenis teknik bertanam padi yang sesuai.

Mengenai dengan pertanian juga, pada masa ini banyak petani-petani menanam limau manis dan pengeluarannya melebihi daripada keperluan dan menyebabkan buah-buahan limau yang tidak laku itu buruk begitu saja. Pihak Kerajaan haruslah membantu segera bagi mengatasi masalah pasaran supaya petani-petani yang berkenaan tidak menemui kerugian yang berpanjangan, yang boleh melemahkan semangat mereka untuk terus berusaha.

Satu jalan untuk membantu dalam masalah ini ialah bagi Kerajaan, membantu mengadakan kilang yang boleh memproses berbagai jenis buah-buahan seperti limau manis, nenas dan sikoi yang terdapat ditanam di negara ini

untuk dijadikan minuman botol yang boleh dipasarkan. Pengendalian kilang ini kemudiannya bolehlah diserahkan kepada pengusaha SME yang berminat dan berkeupayaan yang sentiasa dalam pengawasan dan bimbingan pihak Kerajaan dalam peringkat permulaannya.

Akhir sekali mengenai dengan penanaman tebu yang kitani sebutkan di sini adalah "gelagah" di negara ini ada mempunyai tanah-tanah yang sesuai untuk bertanam tebu sama ada secara besar-besaran atau kecil-kecilan. Sekiranya ada kilang untuk memproses tebu ini untuk dijadikan gula penduduk-penduduk di negara ini terutama sekali dari luar bandar boleh digalakkan untuk bertanam tebu secara besar-besaran atau kecil-kecilan dan hasil tanaman tersebut dijamin akan dibeli untuk diproses dalam kilang gula yang berkenaan.

Pihak yang berkenaan dalam Kerajaan bolehlah menyerahkan pengendalian kilang ini kepada pengusaha yang berminat dan berkemampuan dengan memberikan berbagai kemudahan dan subsidi di peringkat permulaan dan sentiasa di bawah pengawasan dan

bimbingan pihak Kerajaan. Jika kedua-dua projek buah-buahan dan gula ini berjaya ditubuhkan dan berjalan dengan baik, ianya boleh diperkembangkan secara berperingkat-peringkat menurut keadaan dan keperluan semasa.

Insya-Allah ianya akan memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di negara ini di samping untuk menambah lagi hasil dalam bidang pertanian dan perusahaan rakyat tapi bagi mempelbagaikan kegiatan ekonomi di negara ini. Yang Dipertua, sekianlah terima kasih.

Jurutulis: Penangguhan yang keempat oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Dipertua Dewan, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, saya ada membawa beberapa perkara yang baru saya terima di malam tadi.

Antaranya yang pertama ialah mengenai masyarakat ibu tunggal mereka minta

supaya saya menyampaikan harapan dan kalam mereka kepada Dewan ini yang mereka percaya akan boleh membantu masa depan mereka, seseorang ibu tunggal tidak menerima pesaraannya setelah suaminya meninggal lima belas tahun bererti dalam 70 tahun lah pada masa ini dari persaraannya. Mereka suami dan si isteri tidak menerima wang bulanan yang dipencenkan, dengan ini mereka-mereka yang terlibat (ibu-ibu tunggal) mengirim kalam ini kepada pihak yang berkenaan atau melalui Majlis ini akan dapat meneruskan pembayaran pencen tersebut sehingga akhir hayat bekas si isteri (balu yang menerima pencen), ertinya kalau lapan puluh tahun, lapan puluh tahun lah tu, kalau ia sembilan puluh tahun, sembilan puluh tahun lah.

Dan masalah yang kedua ialah ibu-ibu tunggal yang berpisah dengan suami, tetapi tidak menerima sebarang pencen setelah berkhidmat hingga ke 55 tahun, mereka ini tidak mendapat apa-apa untuk saraan hidup mereka seterusnya (tidak ada sara hidup atau pencen bulanan). Dari itu mereka memohon melalui Majlis ini supaya Kerajaan akan dapat meneruskan

bayaran sara hidup yang diterima oleh ibu tunggal semasa dalam perkhidmatan (\$200 sebulan) sehinggalah mereka itu mencapai atau menerima pencen tua (setelah berumur 60 tahun).

Di mana pada ketika itu barulah mereka berhak mendapat pencen tua atau mereka ini akan diberi peluang berkhidmat seterusnya kerjaya mereka sehingga umur 60 tahun kerana kebanyakan mereka ini didapati masih berkeadaan sihat dan mampu menjalankan tugas-tugas mereka seperti biasa seperti jawatan perguruan dan perkeranian. Kedua-dua golongan ini akan berdepan dengan bebanan yang berat setelah mereka ini kehilangan suami, kehilangan sumber pendapatan, kehilangan tempat berteduh dan kehilangan tempat bermesra.

Melalui Majlis yang mulia ini mereka mengharapkan sekali lagi akan dapat membantu mengurangkan bebanan mereka lebih-lebih lagi mereka yang berkeluarga besar, sudah tentu amat berat tanggungannya, bak kata pepatah "Betapa berat mata memandang berat lagi bahu memikul".

Yang ketiga Yang Dipertua Dewan, ialah mengenai perancangan perumahan dan pertanian semalam telah dibangkitkan tetapi saya tidak mengambil kesempatan itu kerana saya telah dihubungi oleh penduduk berkenaan, dalam rancangan ini Yang Dipertua Dewan ialah supaya Kerajaan mengadakan satu projek seperti perumahan yang berkonsepkan ala kerja di negeri jiran. Tempatnya yang saya cadangkan ialah di kawasan Ulu Tutong (antara Kampung Balabau dan Kampung Hulu).

Di mana pada masa ini pihak Jabatan Kementerian Pembangunan telah mengadakan sebatang jalanraya menuju ke Lubuk Ning iaitu Balabau sepanjang tujuh belas batu, dalam pembinaan tersebut saya dimaklumkan barangkali 25% hingga 30% telahpun siap, dan keadaan kampung itu pada masa ini telah ditinggalkan oleh penduduk-penduduk itu, mereka berhijrah ke bandar untuk mendapatkan kehidupan yang lebih senang ataupun lebih mudah dan keadaannya terbiar dan sehingga menyebabkan sebuah sekolah telah ditutup kerana tidak ada muridnya,

dan mungkin sebuah sekolah akan ditutup lagi iaitu Sekolah Balabau kerana masalah yang sama.

Dari itu saya bercadang supaya Kerajaan mengambil tindakan untuk membuat projek ataupun rancangan ini iaitu Rancangan Perumahan dan Pertanian. Perumahan iaitu seperti berjalan biasa seperti yang dikendalikan oleh Jabatan Perumahan dan Pertanian menyertai dalam projek tersebut iaitu dengan menanam lada sulah. Sepanjang pengetahuan saya atau pengalaman saya semasa bertugas di sana dulu lada sulah adalah sesuai di tempat yang berkenaan.

Jadi dengan adanya projek ini maka penduduk-penduduk di kampung tersebut yang telahpun memberi kenyataan kepada saya iaitu seramai lapan puluh tiga keluarga akan bersedia kembali jika sekiranya ada projeknya, jadi setiap keluarga akan diberi sekurang-kurangnya dua ekar iaitu dua ekar untuk penanaman lada sulah yang dianggarkan kira-kira seribu tiga ratus turus ataupun tiga ratus tiang dan selebihnya untuk rumah dan tanaman-tanaman lain bagi kehidupan mereka akan datang.

Masalah keempat barangkali saya pun menerima telefon di malam, ialah mengenai Taman Negara di Merimbun, perkara ini telahpun ditimbulkan dahulu pada masa kami mengadakan muzakarah di Merimbun. Ialah mengenai sempadan di manakah sempadan Taman Negara itu dengan kalau di ulu sebelah mana? Kalau di laut sebelah mana? Kalau sebelah utara selatan di mana? Masalahnya yang timbul apabila penduduk mohon tanah TOL di kawasan tersebut jawapan biasa diterimanya termasuk dalam Taman Negara. Jadi di manakah sempadan Taman Negara itu?

Jadi sebab itu saya timbulkan perkara ini untuk panduan terutama Penghulu dan Ketua Kampung yang berkenaan, apabila dia orang membuat sokongan tidak ada halangan ataupun disokong jadi jawapan di Jabatan Tanah nanti ialah termasuk dalam Taman Negara, seberang di sebelah sana pun seberang sungai sana termasuk yang saya tahu bukan Taman Negara pun termasuk dalam Taman Negara jadi untuk itu dipintakan kepada Kementerian yang berkenaan atau Pejabat yang berkenaan untuk

menandakan ataupun memberitahu di mana sempadan Taman Negara yang sebenarnya. Sekian Yang Dipertua Dewan, terima kasih.

Jurutulis: Ucapan penangguhan yang kelima oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin:

Honourable speaker, members of colleagues, allow me to bring to your attention to His Majesty's 2005 New Year titah. The business circle is very proud and happy that in the titah of His Majesty expressed his concern about the fate of Small and Medium Enterprise (SME).

Firstly, allow me to address the on-going problems faced by the SMEs. There are two categories of SMEs in our country:

1. *Local SMEs.*
2. *Foreign SMEs.*

Some local SMEs are not doing well. In my opinion this is mainly due to:

- A. *Lack of experience.*
- B. *Lack of support from the banks.*

His Majesty and His Government through the Minister of MIPR has been supporting the local SMEs in every aspect and angle by providing infrastructure in leasing of land, commercial buildings and also soft land at a very-very reasonable rate. There are few factors the government should look:

1. *A task force to ensure SME goes to the right direction.*
2. *Location of zoning area – Some SMEs are located in an inappropriate area.*

Foreign SMEs are doing very well. However, they don't intend to inject more funds into their businesses. Whatever profit made, the foreign business owners will transfer the fund out the country. This is because they are not sure how long will they be able to stay in Brunei.

For this reason, if we want to encourage these foreign investors to invest more on their business, we must give them assurance in the form of re-entry permit. This will in turn boost the country's economy as their foreign SMEs will inject more funds

and create more jobs for the local people of Brunei.

Another issue relating to re-entry permit is that many local housewives have married foreign husbands who are unable to get re-entry permit even after being married for 20 – 30 years with children. As a result, the family does not have a secure direction for the future. This matter should be taken into serious consideration by the ministry concerned. We must remember that the husband is the pillar of family.

Under the Immigration Act, the Controller of Immigration has the power to issue re-entry permit under the immigration Law of Brunei Section Cap 17 under Schedule Section 3 (1). However, the Act is not clear enough, by this Schedule 3 (1). However, the Act is not clear enough. By this act every professionals is entitles to have a re-entry permit, subject to the approval by the controller of Immigration. This Act is outdated and should be reviewed. Many of our country's law have been use (enacted) since the British time. These laws should be reviewed and revised from time to time.

Honorable Speaker, Brunei Darussalam in many ways ia a unique country. Under the leadership of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan we enjoy the peace and stability and we want t to maintain that way.

I recalled during the recent Chinese New Yare, His Majesty consented to celebrate the occasion together with the Tiong Hwa community. This showed that His Majesty is indeed a caring monarch who wants to be together with his rakyat and people regardless of their faith and the Tiong Hwa community was vary happy and very proud to be with His Majesty for sharing the joy. However more importantly they cherish to be able to live harmony under the royal umbrella of Malay Muslim Monarchy MIB. At the same time, there proud to be contributed and be part and parcel in nation building.

Speaking on the behalf of the Tiong Hwa community, I wish to highlight most of them a born here; they are intergrate of the commodity. I hope that the body could consider in given those of the Tiong Hwa commodity

who was born in Brunei and reach at the age of 55 to be given automatically citizenship. Consider can be based on the clean recorded of the application and pass the contributions to his Majesty, the Government and the country.

Your Honorable Speaker, I Wish to thank for giving me this opportunity to raise the problem facing by public.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke 6, oleh Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas.

Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas: Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarkatuh. Salam sejetera, saya sukacita mengabungkan diri saya menyokong ucapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, ucapan setinggi tahniah kepada Yang Dipertua Dewan di atas kebijaksanaan Yang Di-Pertuan memimpin pemesyuaratan kita dengan jayanya. Juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas penyertaan yang bernas dan bijaksana. Dalam ucapan penangguhan saya izinkan lah saya untuk menyentuh mengenai isu-isu Alam Sektar. Sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di hari

Pembukaan Pemesyuaratan kita pada tahun ini suatu wadah yang amat Baginda sukai yang memberikan insperasi pada Baginda ialah siri-siri lawatan kepada keseluruhan lapisan rakyat daerah-daerah mahu pun di kampung-kampung.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Raja dan pemimpin yang perihatin dan berwibawa sanggup bersusah payah pergi melawat ke mana-mana saja hingga ke tempat-tempat sampah sarap terdapat di merata-merata. Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberikan perhatian berat terhadap alam sekitar yang bersih dan memelihara kepentingan rakyat dan Negara ini. Kerana alam sekitar yang bersih ini adalah keperluan yang asas bagi kita menikmati kualiti yang sihat dan selamat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperatikan untuk mengamalkan kehidupan yang sihat sehingga Baginda sering mengapalangi acara-acara larian beramai-ramai seperti Jogging.

Sifat pemedulian ini juga jelas dibuktikan dengan lawatan-lawatan Baginda ke tempat-tempat perniagaan seperti Tamu dimana sekarang kita

sudah melihat rupa Tamu sudah berubah menjadi baik dan begitu indah. Kalau Raja kita sanggup berbuat demikian apakah kita tidak bersedia untuk membantu Baginda untuk kebajikan dan kebaikan bersama. Apakah tanggungjawab kita terhadap alam sekitar. Adakah kita hanya dapat bertindak mendisiplin diri kita dibawah penjagaan Undang-Undang saja. Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil atas kekotoran di tempat-tempat awam dan pembuangan-pembuangan sampah sebarang perlu dikuatkuasakan seperti didapati didalam perkara 38A (1) dalam Undang-Undang Kesalahan Kecil.

Justeru itu juga pihak-pihak yang berkenaan mestilah menyediakan tempat pembuangan sampah yang bersistem dengan baik dan secukupnya. Juga menyedia perkhidmatan-perkhidmatan pengutipan pembuangan sampah oleh pihak yang berkenaan juga pihak-pihak swasta yangmana akan dapat memberikan peluang-peluang untuk bekerjasama.

Yang Dipertua Dewan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan Akta Alam Sekitar, memandangkan kepada

kepesatan perkembangan Negara dari segi pembangunan fizikal dalam memajukan perkembangan ekonomi seperti di bidang Perindustrian, Mega projek dibidang pembuatan, pembangunan dan sebagainya. Aktibit-aktibiit seperti ini besar kemungkinan akan menjejaskan kualiti alam sekitar dari itu Akta Alam Sekitar perlulah diadakan dan dikuatkuasakan.

Insya-Allah ia akan dapat memata-matai dan mentadbir dan memberikan garispandu yang bersesuaian semua aktibiti yang melibatkan secara langsung atau pun tidak buat masa pendek atau pun panjang terhadap alam sekitar Negara yang masih bersih dan kurang tercemar ini. Menuju kearah itu kita sangat-sangat lah mengalukan diatas anisitif pihak-pihak yang tertentu pihak Kerajaan dalam usaha mempermosikan kesedaran "awareness" mengenai alam sekitar dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya diatas kepentingan memelihara alam sekitar yang bersih. Kita perlu lah juga menyediakan informasi database mengenai dengan alam sekitar dan

penghuni-penghuni didalamnya melalui system ICT yang canggih.

Kita mestilah mengintegrasikan semua perancangan dan pembangunan-pembangunan sosio ekonomi dengan keperluan alam sekitar seperti menyediakan “*environmental impact assessment*”. Sebelum kita menjalankan projek-projek yang melibatkan alam sekitar, jangan hanya mementingkan diri sendiri dan mengabaikan keperluan-keperluan alam sekitar. Kita mestilah memberikan kerjasama yang rapi dalam memperbaiki dan mencantikkan suasana alam sekitar lebih lagi terhadap hutan tropika kita yang menjadi khazanah Negara yang paling berharga. Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke 7 oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Assalamulalikum Warahmatullahi Taala Wabarkatuh. Bismillah irahman irahim, Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, apa yang saya diperkatakan dalam ucapan penagguhan yang ringkas ini ialah pertama mengenai umur persaraan

pegawai-pegawai dan kakitangan. Kedua mengenai cukai ataupun apa yang dinamakan “*Coperate Tax*”. Umur persaraan kakitangan Kerajaan pada masa ini ialah 55 tahun iatu apabila seseorang itu mencapai 55 tahun ianya dipencenkan. Mengenai perkara ini saya berpendapat pihak yang berkenaan perlu mengadakan kajian mengadakan “*studies*” bagi melanjutkan usia persaraan. Saya berpendapat apabila seorang itu berumur 55 tahun ianya masih muda untuk bersara.

Mengikut “*statistic*” tahun 2005 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang dan Kemajuan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri bahawa “*life expentas*” bagi Brunei lelaki 74.6 tahun dan perempuan 77.5 tahun. Pegawai-Pegawai dan kakitangan Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang berumur 55 tahun itu masih sihat dan boleh bekerja dengan baik.

Cuba lah dilihat disekeliling kita, Ahli-Ahli Yang Berhormat didepan saya berumur lebih 55 tahun, hanya beberapa orang saja yang belum mencapai 55 tahun jika ada, mereka ini boleh bekerja, berfikir dengan sihat

bahkan ada yang boleh berpantun. Untuk pengetahuan kita pada masa ini, Negara jiran menetapkan umur persaraan misalnya Singapura 62 tahun, Thailand 60 tahun Malaysia 56 tahun Filipina 65 tahun.

Oleh yang demikian supaya persaraan mulai pada 60 tahun. Persaraan ini tidaklah secara menyeluruh dan mengikut keperluan sektor-sektor keperluan masing-masing dan tidak semestinya otomitik dilanjutkan apabila berumur 55 tahun. Mereka diberi pilihan samada menyambung atau tidak perkhidmatan mereka juga kajian ataupun "*studies*" yang saya sebutkan tadi perlu mengambil golongan muda lepasan Universiti, Maktab-Maktab bagaimana peluang pekerjaan mereka jika umur persaraan dilanjutkan kepada 60 tahun.

Perkara kedua ialah mengenai cukai iaitu "*coporate tax*" iaitu cukai yang dikenakan atau dibayar daripada keuntungan Syarikat-Syarikat Berhad atau pun "*Private Limited Company*", sebagai contoh jika syarikat mendapat keuntungan 100 ribu cukai akan dibayar 30 ribu. "*Coporate tax*" masih lagi 30%. Kalau saya tidak silapan semenjak tahun

1949 tidak pernah berubah. Pada pendapat saya ini adalah terlalu tinggi perlu diturunkan sedangkan negara-negara jiran kita, Negara-Negara Asean lain "*coporate tax*" telah berubah dan diturunkan serendah-rendah 20%. Singapura sebagai contoh. Kita terpaksa bersaing dengan jiran-jiran kita, Untuk mengelakan pelabur-pelabur asing ataupun FDI, kita perlu menurunkan koperat tax sekaligus untuk meningkat daya saing kita. Juga untuk perkembangan peniaga-peniaga syarikat tempatan. Saya berpendapat "*coporate tax*" yang pada masa ini 30% diturunkan sekurang-kurangnya ke 20%. Sekian yang saya dapat perkatakan Yang Dipertua. Wabillahi Taufik, Wal Hidayah, Assalamualaikum Waraahamatullahi Wabarakatuh.

Jurutulis: Ucapan penangguhan yang ke lapan, yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Bismillah Irahman Nirahim.

Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh. Wal Hamdulillahi Rabil Alamin, Wasaalatu Wasalamu Asrafil Ambiya Hiwarmusalin, Saidina Muhammadin, Wa'ala Alihi Wasabaihi Ajamain, Rabbi Serahli Sadari, Wayasirli Amri, Wahlul Udatam, Min Lisani, Yaf Kau Kauli. Assalamualaikum Warahamatullahi Wabaraakatuh.

Yang Dipertua Dewan, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya amengucapkan terima kaseh ke atas peluang yang diberikan kepada saya telah memberikan ucapan ini. Saya bersyukur kehadiran Allah Subahanhu Wataalah, dan melalui Majlis ini sekali lagi ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Neagra Brunei Darussalam melantik saya sebagai seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Insyallah saya berdoa kehadiran Allah Subanahu Wataalla, untuk memohon perlindungan dan kekuatan serta akal fikiran yang bernas, berfaedah dan berguna untuk memberikan sumbangan terhadap Raja, Negara dan Ugama disamping menjadi keutamaan saya

untuk taat lagi setia Kehadapan Majlis Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan lantikan ini saya penuh percaya, bahawa inilah sebagai titik permulaan untuk meningkatkan hubungan yang lebih kukuh dan erat sebagai jambatan penghubung antara penglibatan rakyat dengan Kerajaan dalam usaha kita membangunkan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai.

Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam hubungan ini lantikan wakil daerah-daerah yang terdiri daripada kalangan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah merupakan satu penghormatan dan kepercayaan yang amat tinggi nilainya dan besar nilainya. Secara langsung mengangkat martabat institusi Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung di seluruh Negara yang menjadi pemimpin akar umbi masyarakat.

Dengan lantikan ini juga peramba menyedari dan akan sentiasa dan mengingatkan diri peramba bahawa lantikan ini bukanlah merupakan satu tiket untuk bermegah-megah bahkan ianya satu amanah dan tanggungjawab yang amat besar dan perlu dipikul sesuai dengan lantikan sebagai Ahli Yang Berhormat yang berfungsi membantu Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan apa apa jua bidang dan keperluan dapat membawa dan mengketengahkan apa jua cadangan...

Yang Dipertua Dewan. Yang Berhormat, sebenarnya peluang yang sekarang ada banyak memberikan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada banyak masalah di negara kita ni ataupun beberapa perkara yang kurang begitu diingini atau difahami dalam pemesyuaratan patut diperbincangkanlah untuk membaiki dasar dan sebagainya. Jadi nampaknya terlalu panjang membahaskan. Atu memang bagus sudah kebawah Duli sentiasa mengingati dan melantik rakyat terutama sekali dari Ketua-Ketua Kampung dan Penghulu-Penghulu dipilih oleh rakyat sendiri menjadi wakil kampung-kampung itu atau daerah-

daerah itu mengemukakan sungutan mereka untuk dibaiki jadi berilah peluang pada masa yang 10 minit ini untuk memukakan perkara-perkara yang sangat diperlukan oleh kampung.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim. Mohon diteruskan,

menyentuh sedutan titah Kebawah yang pernah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 15hb Julai 1987, sempana ulang tahun keputeraan Baginda yang lain Baginda telah bertitah: "Seperti mana Beta sering nyatakan Beta dan Kerajaan Beta adalah sentiasa mengambil berat tentang kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Salah satu cara beta untuk mengetahui lebih dekat mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk ialah melalui lawatan Beta ke Mukim-Mukim dan ke Kampung-Kampung.

Yang Dipertua Dewan: Ahli yang Berhormat, titah-titah sedimikian semua rakyat maklumi bagaimana

perihatin Baginda terhadap rakyat bukan sahaja kepada Ahli Yang Berhormat tetapi keseluruhan rakyat di Brunei. Jadi kita membincangkan sekarang peluang-peluang untuk membincangkan apakah yang ada sedikit kekurangan dalam Majlis ini utama sekalinya kesusahan-kesusahan di kampung dan di tempat yang diwakili untuk Ahli Yang Berhormat bercakap di sidangan ini.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim

Terima kaseh Tuan yang Dipertua, peramba membawakan titah ini ialah ada hubungkaitnya dengan permasalahan yang dihadapi. Mohon diteruskan. Hasil daripada beberapa lawatan yang telah Beta buat, Beta mendapati beban penduduk adalah merupakan sebagai masalah utama yang dihadapi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Kerajaan Beta yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, titah sedemikian ini yang sudah diterangkan oleh Jabatan Penerangan melalui berbagai-bagai kertas berita-berita dari harian, berita Bulletin dan lain lain lagi. Jadi kalau kita bincangkan terlalu panjang nanti untuk

didengar jadi pada fikiran saya semua titah-titah yang begitu enak dan bagus sekali. Perhatian Baginda terhadap rakyat sudah ada disiarkan menerusi berbagai-bagai akhbar, jadi kalau dibaca sekali lagi disini akan banyak membuang peluang kita berbahas untuk kebaikan Majlis ini terutama sekali kebajikan, kebaikan kepada rakyat. Kemukakanlah seberapa boleh bagaimana kesulitan-kesultan di kampung Ahli Yang Berhormat sendiri atau di sekitar-sekitar ataupun pada keseluruahn Negeri Brunei ini kita ingin melihat kebaikan dan peningkatan kemudahan-kemudahan yang akan dinikmati oleh rakyat seluruh di Brunei ini.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim:

Terima kaseh Tuan Peamba. Peramba ingin menyambung sedikit masalah yang dihadapakan ialah masalah rakyat yang melibatkan ketinggian sara hidup yang hadapi mereka pada masa ini. Peramba juga telah menerima mengenai dengan cadangan-cadangan serta rayuan daripada pihak orang ramai untuk membawa usul melalui Dewan Yang Mulia ini untuk

disembahkan Kehadapan Majlis untuk menjunjung ihsan serta belas kasihan Baginda dalam mempertimbangkan, pertama kenaikan gaji kepada keseluruhan pegawai dan kakitangan tangan perkhidmatan awam, dan anggota keselamatan serta pasukan-pasukan yang beruniform. Perkara ini dipohonkan adalah untuk menampung perbelanjaan sara hidup dan kenaikan barang-barang keperluan yang semakin meningkat dan mahal.

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, masalah ini juga telah dibincangkan dalam permesyuaratan Jawatankuasa sudah dipohonkan dan ada jawapan daripada ahli-ahli yang berkenaan. Jangalah membuang masa untuk kerana ini.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan, oleh kerana banyak peramba rasa teguran-teguran yang telah pun bernas diberikan oleh Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan, peramba akan cuba meringkaskannya. Walau bagaimanapun dalam masa 10 minit yang diperuntukan kepada peramba akan peramba gunakan kesempatan ini

dengan sebaik mungkin sebagai memenuhi permintaan orang ramai dan rakyat. Selain daripada itu peramba ingin juga menghadapkan walaupun ia berhubungkait dengan pencen yang telah dikuatkuasakan pembatalannya setelah Tabung Amanah Pekerja ditubuhkan dalam tahun 1993, pencen-pencen ini juga dipohonkan supaya akan dapat dilaratkan kepada pekerja-pekerja kakitangan wanita terutama yang mempunyai scale gaji division III dan IV dengan kadar satu perempat daripada gaji pokok mereka.

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, masalah ini juga telah dibincangkan pada kita bermesyuarat dalam Jawatankuasa, jadi tidak payahlah dibalik-baliki dalam hal itu.

Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Haji Ibrahim: Mohon sedikit lagi Yang Dipertua, yang ketiga Skim Pengurniaan Tambang bagi Menunaikan Fardhu Haji dipohonkan untuk kajian mengikut kesesuaian dan keadaan masa kini. Yang Dipertuan Dewan, demikianlah sahaja yang dapat peramba sampaikan dalam

ucapan penangguhan pada masa ini. Semoga Allah akan sentiasa memberikan taufik dan hidayah dan petunjuknya serta penuh keberkatan kepada kita semua dalam menjalankan tugas. Sekian Wassalamualaikum Warahmatullah Warkatuh. Menjunjung ampun.

Yang Dipertuan Dewan: Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan penangguhan yang ke 9 yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor:

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualikum Warahmatullahi Wabarkatuh, Salam sejahtera, Yang Amat Mulia Pengiran Yang Dipertua Dewan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, disini peramba / saya akan cuba menetapi masa kira-kira 10 minit untuk menyampaikan usul dan juga ucapan di Majlis ini. Pertama dengan hati yang tulis ikhlas menjunjung setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pengiran Yang Dipertua Dewan kerana kejayaan memimpin

persidangan ini dengan aman, gembira dan sempurna.

Kedua peramba / saya merasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Menteri-Menteri kerana sepanjang penyampaian usul dan juga jawapan-jawapan yang memuaskan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yangmana menyampaikan usul-usul di majlis ini.

Peramba / saya ingin menyampaikan dua, yang pertama disini saya ingin menyampaikan satu suara rakyat khususnya di Daerah Brunei dan Muara dan juga kepada rakyat Brunei Darussalam amnya iaitu permohonan bagi membina jambatan yang menghubungkan Laut Berambang iaitu Menunggul dari air berkunci ke Pulau Si Bungur dan dari Pulau Si Bungur ke Pintu Malim maknanya Jambatan ini menghubungkan 3 cabang. Jadi objektif permohonan ini pertama, pada masa ini sudah masanya yang cita-cita, angan-angan rakyat untuk menikmati jambatan tersebut, kedua bagi mengangkat mertabat Negara ini di mata dunia kerana mampu dan

seiring dengan negara-negara lain dalam pembangunan.

Ketiga sebagai satu marcu atau symbol Negara Brunei Darussalam supaya dikenali oleh Negara-negara luar. Empat, meningkatkan kemajuan prestasi dan reputasi Negara sebagai pelancangan antarabangsa dan serantau. Jambatan ini merupakan lanskap dan tentunya menjadi tarikan utama bagi pelancung-pelancung dan sebagai destinasi pelancungan yang bertaraf antarabangsa serta dikenali oleh Negara luar. Nasionalnya pembinaan jambatan ini sememangnya penting mustak kerana ianya adalah salah satu kemajuan Negara, walaupun sekali gus kalau melihat kos perbelanjaannya memanglah amat tinggi. Sebagaimana yang kita pasti kalaulah jambatan ini kitani bina pada masa ini setentunya kos perbelanjaan memang berkurangan tetapi apabila jambatan ini akan kita bina beberapa tahun akan datang setentunya kos perbelanjaan akan berlipat-ganda sebab itulah permohonan bagi pembinaan bagi pembinaan ini dipohonkan pada masa yang sesuai pada masa ini.

Huraian bagi tujuan pembinaan jambatan ini. Projek pembinaan jambatan ini peramba / saya tidak dapat menyatakan secara detil mengenai jumlah perbelanjaan dan panjang juga panjang jambatan yang dipohonkan kerana pihak yang berkenaan sudah sedia maklum. Projek pembinaan jambatan ini akan membuka luas dalam bidang pelancungan maupun sepanjang Pulau Perambang ini khususnya ke Pulau Menunggul hingga ke pesisiran Kampung Pudak, Kampung Sungai Bunga dan seterusnya ke Pulau yang menganjur ke laut, memangnya semakin cantik dan peramba kira sesesuai untuk persarana dan membuka jalan dalam bidang ekonomi, perniagaan, perhotelan dan juga restoran yang taraf antarabangsa. Oleh yang demikian, kesimpulan dan harapan untuk permohonan ini, demi fakta yang disebutkan di atas itu, akan mengembangkan prestasi pelancungan yang bertaraf antarabangsa membuka luas bidang ekonomi Negara dengan adanya tarikan kemudahan, indahan dan tempat riadah yang selesa.

Yang Dipertu Dewan, rasanya betapa tinggi harapan malah tidak dapat dilahir dengan kata-kata, tidak dapat dibayangkan dengan perasaan, tidak ada lagi secantik perkataan yang diluahkan, cuma yang cantik itu bahasa dan indah itu pula ialah budi, maka budi baik bagi pihak-pihak yang berkenaan itu yang diharapkan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat. Budi baik ini difikirkan sangat membuang masa bercakap, jadi gunakan betul apa yang berfaedah pada orang ramai dan penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Mansor: Yang Dipertua Dewan, usul ataupun permohonan peramba yang kedua, peramba berharap dalam persidangan ini, sepanjang persidangan yang telah berlalu, apa-apa jua usul-usul yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya ada tindakan dan dapat ditunaikan sekurang-kurangnya oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam erti kata yang lebih luas kalau pihak-pihak berkenaan berpuas hati akan tidakan dan jawapan dan usul-usul yang telah disampaikan maka setentunya pihak seluruh rakyat

dinegara ini akan berpuas hati, jadi disini peramba, hamba saya sudah dengan tidak rangkap pantun untuk jadi mesej dan tujuan untuk menjarus maksud dan makna.

*“Burung merpati terbang melayang
Terbang tinggi meniti-meniti
Apatah lagi sudah di eyang
Dalam telur lagi dinanti”.*

*“Orang petani turun ke bendang
Jalan berdua laki isteri
Berapa tinggi si gunung ledang
Tinggi lah lagi harapan hati”.*

*“Batang selasih permainan budak
Daun selasih dimakan kuda
Di dalam hati tidak ku lupa
Seribu tahun ku tunggu jua”.*

Assalamualikum Warahmatullah
Wabarkatuh. Menjunjung kasih.

Jurutulis: Ucapan penanguhan yang ke sepuluh akan disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha

bin Abd Rauf: Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assamaualikum Warahmatullah Wabarkatuh, Alhamdulillah saya sesungguhnya menyokong seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, atas kebijaksanaan Yang Dipertua Dewan memimpin Majlis ini, kerana kesempurnaan dan kelancaran. Terima kasih Yang Dipertua Dewan.

Apa yang saya utarakan disini ialah, tetapi perkara ini sudah disusuk dalam masa membincangkan Anggaran Belanjawan, walau bagaimanapun disentuh sedikit pembersihan dan pemotongan dibawah-bawah jalan raya dan jalan-jalan kecil, namun demikian apalah kiranya bahawa untuk sama-sama rakyat mengambil bahagian terutama Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung. Sebab-sebabnya:

1. Satu Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung adalah sebagai teras dan akar umbi disesuatu mukim.
2. Memberi peluang kepada anak-anak Kampung menambah

pendapatan sarahidup terutama sekali mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap

3. Mempertahankan pengaliran wang kitani, dan;
4. Penting sekali Yang Dipertua, yang lebih utama perkara ini dikecuali dari sebut harga / tender apa jua yang difikirkan yang bersesuaian supaya rakyat dan penduduk dikampung berkenaan sama-sama menikmati dan membantu Kerjajaan. Selain daripada itu Mukim Rambai, sebagai kawasan tadahan air bersih namun demikian ada masalah terdapat disebabkan oleh persyaratannya. Syarat-syaratnya Pembangunan Pertanian bagi penduduk Mukim Rambai amatlah terhad dan kebenaran telah tidak dapat diberikan kepada perusahaan pertanian seperti berikut:-

- a) Ladang Kominal luar Bandar Tasek Merimbun
- b) Pertanian Padi di Kampung Rambai

- c) Ladang Padi Kampung Belabau dan Kampung Binutan kemudian, penanaman buah-buahan secara komersial sekiranya semua ini tidak dapat dijalankan di Mukim Rambai maka penduduk-penduduk memohon supaya diberikan satu kawasan yang sesuai sebagai ganti untuk mereka bertani dan percucuk tanam atau diberi tunjuk ajar cara bertani yang selamat agar tidak menjejaskan keselamatan tadahan air.
- d) Ini menandakan batu geran sepanjang Sungai Tutong terutama sekali di Mukim Tanjong Maya. Mukim Tanjong Maya mempunyai sebatang sungai utama iaitu Sungai Tutong kebanyakannya penduduk-penduduk memiliki tanah tinggal dan tempat mereka bermastutin ditempat ini ialah sungai supaya ia berdekatan. Sejak kebelakangan ini penduduk-penduduk kampung telah membuat pemecahan tanah bagi pembahagian kepada

yang berhak menerimanya dan memohon untuk membuat rumah baru. Disungai ini ialah batu-batu tanda masih ditanam di Tebing Sungai (batu tempat asal) dan permohonan telah ditolak kerana syarat untuk membangun sesebuah rumah ataupun sesebuah bangunan jaraknya hendaklah 45 meter daripada tebing sungai dengan batu tanah sedangkan kerja pemasangan batu adalah dilakukan oleh Jabatan Ukur atas penerangan Jabatan Tanah.

Cadangan supaya Jabatan yang terlibat dengan pemecahan tanah dan pembinaan rumah atau bangunan memberi pilihan kepada penduduk-penduduk tersebut samada memilih tapak tanah atau dipindahkan tapak lain atau mensasar tanah mengikut keluasan tanah. Jadi setakat itu saja yang hamba

utarakan disini sepertimana peribahasa “**Merajuk kepada yang kasih meminta pada yang ada**”. Sekian terima kasih.

Jurutulis: Ucapan penangohan yang ke 11 oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualikum dan salam sajahtera. Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah saya bersyukur kehadiran Allah Subahanahu Wataala kerana berpeluang dapat bersama-sama membahaskan peruntukkan belanjawan negara serta menyokong penuh diatas ketetapan meluluskan rang undang-undang belanjawan tersebut 2006 / 2007 semalam dan saya juga menyokong penuh di atas ucapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu tadi dan Yang Dipertua Dewan di atas kejayaan memimpin persidangan dengan jayanya. Dan seterusnya berterima kasih kerana diberi kesempatan untuk memberi ucapan penangguhan pada pagi ini.

Pertama saya ingin mengimbas kembali sebahagian Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Mac 2006 yang baru lalu dimana Baginda bertitah semua sektor Kerajaan dan swasta mestilah sama-sama mendokong usaha Kerajaan bagi mempelbagaikan sumber ekonomi negara. Dalam hubungan ini, Yang Dipertua Dewan saya amat sukacita mengutarakan beberapa cadangan secara ringkas untuk difikirkan dan mempertimbangkan bersama seperti berikut:-

1. Memohon kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat merancang dan memberikan keutamaan kepada projek-projek pertanian yang boleh menguntungkan bangsa dan negara dikawasan pendalaman Mukim Labi, Sukang, Melilas dan kampung-kampung yang lain di Negara Brunei Darussalam seperti yang telah dihuraikan oleh seorang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

2. Dicadangkan supaya pihak yang berkenaan akan dapat membuat satu kajian yang komprehensif kearah merancang satu Skim Perkhidmatan Negara mengikut calak kita orang Brunei dengan tujuan menjaga, membentuk, membantu dan mengasuh dari semua aspek jati diri para belia supaya akan menjadi seorang belia yang berdaya saing yang berguna dan bertanggungjawab kepada bangsa dan negara.
3. Keterangan saya yang ke 3 telahpun dibincangkan semalam saya sekali lagi ingin mendapat keyakinan memohon kepada pihak yang berkenaan akan dapat memikirkan secara serious membangun Pekan Kuala Belait terutama sekali di kawasan Taman Indera Kenangan dengan kemudahan orang ramai dan juga tempat kunjungan pelancong-pelancong dari luar negara agar ia jadi menjadi satu destinasi dan ristaan yang tidak boleh dilupakan mereka.
4. Memohon membina bentang dais sepanjang pantai dari Pantai Kampung Sungai Teraban hingga menuju Pantai Mukim Liang di Daerah Belait dengan melibatkan sama pihak swasta yang ada di Daerah Belait demi menyelamatkan kawasan pantai daripada di hakis oleh ombak dan badai.
5. Mencadangkan Pos Kawalan Imigresen dan Kastam di Sungai Tujuh perlu dikemaskinikan dari masa ke semasa laluan masuk dan keluarnya hendaklah dibesarkannya bagi menampung memudahkan demi melicinkan pendatang ke negara ini. Tidak kurang pentingnya juga pembersihan dan pembisaian sekitarnya kawasan tersebut dan landscaping dan kemas lagi teratur bagi mencerminkan pada para pelancong asing "*First Impression*" mereka

bahawa Negara Brunei Darussalam adalah tempat yang bersih, cantik, seronok dan selamat untuk di kunjungi.

6. Kedudukan Pos TOL Rasau dan sekarang letaknya di kawasan Kuala Belait dicadangkan di pindahkan di tempat yang lebih difikirkan sesuai iaitu berdekatan dengan Pos Kawalan Imigresen dan Kastam Diraja Sungai Tujoh. Tujuannya ialah untuk menyelaraskan pembayaran agar setiap orang yang akan keluar Pos Kawalan Sungai Tujoh akan dikenakan bayaran tidak kira dimana saja mereka itu tinggal. Dan jika ianya difikirkan munasabah perkataan TOL itu di ubah kepada pembayaran masuk sempadan dan seterusnya menswastakannya ke Pengusaha Tempatan untuk mengendalikannya ataupun jangan ditiadakan TOL sama sekali seperti di Pos Kawalan Kuala Lurah. Demikianlah cadangan - cadangan saya

yang ringkas dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih pada Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah
Assalamualaikum. Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan penangohan yang ke 12 oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad.

Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahi Rahman Nirahim, Alhamdulillah Hirrabil Alamin, Wasalatuwasala Muala Hasrafil Ambiai Walmursalin Saidina Muhammadin Waala Alihi Wasahabihi Ajamin, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Dipertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam kesempatan ini peramba dengan hati yang tulus ikhlas menjunjung kasih dalam menyokong ucapan setinggi-tinggi tahniah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan atas kebijaksanaan Yang Dipertua Dewan memimpin sepanjang persidangan

mesyuarat pertama dari musim pemesyuaratan kedua di dewan yang mulia ini.

Yang Dipertua Dewan peramba dengan bershukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpahnya jua maka peramba dapat berucap dalam ucapan pengguhan peramba dalam Dewan yang mulia ini bagi mewakili rakyat dan penduduk dari Daerah Temburong dari berbagai lapisan masyarakat yang ingin peramba mengemukakan ialah mengenai dengan cadangan pembinaan jalan raya atau jambatan penghubung antara Bandar Seri Begawan dengan Daerah Temburong, tanpa melintasi Negara jiran.

Yang Dipertua Dewan seperti yang masyarakat umum yang sama-sama ketahui cadangan hasrat untuk membina jalan raya atau jambatan penghubung antara Bandar Seri Begawan dengan Daerah Temburong tanpa melintasi Negara jiran bukanlah satu perkara yang baru, tetapi adalah merupakan usul lama yang pernah disuarakan oleh Allahyarham, Pehin Datu Laila Raja Dato Paduka Haji Awang Abu Bakar bin Baha, ketika Allahyarham menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri sebagai wakil dan

penduduk Daerah Temburong ketika itu, namun usul tersebut disambut dengan senyuman.

Dengan perkembangan kemajuan Negara di era kemerdekaan sudah sampai masanya penduduk Daerah Temburong, sudah sampai masanya rakyat dan penduduk Daerah Temburong menyuarakan pandangan untuk menikmati satu jalan atau jambatan penghubung yang lebih baik berbanding dengan cara penghubung yang sedia ada pada masa ini dengan melalui sungai, jalanraya atau jambatan penghubung berkenaan bukan sahaja di kira “*efesien*” tetapi juga lebih selamat cepat dapat pula digunakan sepanjang masa siang dan malam berbanding dengan hari ini semua perhubungan sangat terhad penggunaannya iaitu cuma dari jam 6.30 pagi hingga 4.30 petang sahaja.

Perjalanan motor sangkut walaupun hanya memakan masa lebih kurang 45 minit dan dalam tempoh yang sekejap itu kebimbangan para pengguna dari segi keselamatan terus disuarakan, terutama dalam cuaca hujan dan keadaan air sungai yang deras yang pernah mengalami

kemalangan pelanggaran yang mengakibatkan kemalangan jiwa dan kecederaan, meskipun penghubungan Temburong yang mana selama ini negara jiran menjadi antara alternatif bagi sampai ke daerah-daerah yang lainnya namun penggunaannya tidaklah sebebaskan dengan penggunaan kemudahan yang dimiliki oleh Negara kita sendiri, justru tidak dapat tidak. Kita pengguna terpaksa akur kepada sistem dan peraturan yang dikenakan di negara mereka berkenaan.

Tidaklah keterlaluhan dikatakan pembinaan jalan atau jambatan penghubung Bandar Seri Begawan dengan Temburong adalah sebagai rahmat dan salah satu hadiah kemerdekaan yang sangat tinggi nilainya yang bukan hanya kepada rakyat dan penduduk Daerah Temburong malah kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Yang Dipertua Dewan rancangan pembinaan jalan atau jambatan penghubung ini patut diambil pertimbangan yang sungguh-sungguh dan perkara ini tidak dipandang ringan oleh penduduk-penduduk Daerah Temburong.

Cadangan asli, dan jujur lagi ikhlas serta harapan penduduk-penduduk Daerah Temburong untuk diteliti dengan bijaksana demi membela nasib dan kepentingan rakyat dan penduduk Daerah Temburong hari ini dan akan datang dalam sama-sama membangun Negara Brunei Darussalam. Dengan adanya jalan atau jambatan penghubung tersebut nanti masalah-masalah yang dihadapi dan penghijrahan yang berterusan penduduk-penduduk Daerah Temburong ke Bandar Seri Begawan dan Daerah-Daerah lain akan boleh dikurangkan atau diselesaikan dengan segera, dalam isu-isu keselamatan memandangkan Daerah Temburong ibarat inti.

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat terlalu panjang dibalik-baliki, kalau boleh dapat diringkaskan, kena tepat pada hasrat-hasrat orang-orang kampung itu.

Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Yang Amat Mulia, peramba menjunjung kasih ini adalah untuk rakyat.

Yang Dipertua Dewan: Tapi jangan dibalik-baliki lagi masa kita berguna.

Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Peramba teruskan, memandangkan Daerah Temburong inti serta laluan bagi negara jiran maka banyak isu-isu keselamatan yang perlu diambil perhatian, pada misal isu-isu ancaman penyakit serta kegiatan memberi kesan kepada isu-isu sosial dan keselamatan kedua-dua perkara ini perlu dikawal, rakyat dan penduduk Daerah Temburong secara majoriti berpendapat antara sumbangan jalan atau jambatan penghubung adalah seperti berikut, peningkatan pembangunan Daerah Temburong akan seiring dengan kemajuan dengan daerah-daerah yang lainya dapat mempelbagaikan aktiviti sektor swasta yakni perniagaan, memperluaskan aktiviti sektor pertanian serta meningkatkan pendidikan dan kurikulum anak-anak sekolah dan sebagainya. Hasil-hasil pertanian dari penduduk-penduduk Daerah Temburong akan dapat dipasarkan ke Bandar Seri Begawan dan daerah-daerah lain dengan senang dan mudah serta kos yang lebih murah, urusan pentadbiran dan perancangan Kementerian-Kementerian yang sememangnya

berpusat di Bandar Seri Begawan akan mudah membuat lawatan dan menangani masalah dengan lebih cepat dan berkesan. Di sektor swasta pula kos kemajuan dan pembinaan akan lebih murah dan Daerah Temburong akan membangun, Daerah Temburong akan lebih menjadi tarikan pelancung dan destinasi hujung minggu bagi keluarga dari Daerah Brunei Muara, Daerah Belait dan Daerah Tutong.

Perkhidmatan bas , teksi dan lori akan menjadi satu sistem pengangkutan dan menjadi sumber rezeki untuk semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam, melalui tol akan menjadi satu sumber pendapatan Negara dengan mengambil kira perbelanjaan, pembinaan jalan atau jambatan Bandar Seri Begawan dengan Daerah Temburong. Syarikat-syarikat yang mengendalikan perkhidmatan perahu masa kini akan dapat mengalihkan perniagaan kepada perkhidmatan bus dan taxi disamping terus menggunakan perkhidmatan perahu tersebut kerana setentunya masih ada yang berminat untuk menggunakannya seperti para pelancung.

Yang Dipertua Dewan, jalan atau jambatan penghubung yang dihasratkan dengan jarak 2405 kilometer, iaitu 13.05 kilometer jalan darat melalui mukim Labu dan 11 kilometer melalui jalan laut menuju ke Kampung Perpindahan Mentiri yang tidak akan melibatkan kawasan negara jiran setentunya 100% di bawah kawalan Negara Brunei Darussalam. Pemaju atau pembina boleh mendapatkan pulangan kos pembinaan dengan mengadakan tol yang berpatutan seperti yang dilaksanakan di Negara jiran. Perkhidmatan perubahan tertentu atau kecemasan boleh dihubungi, boleh dihubungkan 24 jam secara jalan raya dan tidak lagi akan menggunakan helikopter seperti yang diamalkan selama ini. Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan, hasrat cadangan pembinaan jalan atau jambatan penghubung Bandar Seri Begawan dengan Daerah Temburong sering menjadi perhatian umum adalah jelas...

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, nampaknya terlalu panjang, walaupun saya sudah menantikan tiap-tiap ahli hanya boleh bercakap dalam masa 10 minit.

Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Dipertua Dewan, cuma izinkan peramba bercakap dalam seminit sahaja lagi. Rakyat dan penduduk Daerah Temburong dengan satu hati dan satu suara berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dengan penuh yakin bahawa hasrat cadangan pembinaan jalan atau jambatan penghubung dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong mudah-mudahan ianya akan diambil perhatian yang sungguh-sungguh oleh pihak Kerajaan.

Maka dengan adanya pengwujudan jalan atau jambatan penghubung ini nanti Insya-Allah akan dapat mengubah wajah pembangunan dan kemajuan Daerah Temburong dengan lebih drastik lagi. Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat demikianlah mengenai perkara yang dihadapkan mudah-mudahan ianya akan mendapat penelitian dan penilaiannya dengan bijaksana di Dewan yang mulia ini. Sekian Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Peramba menjunjung kasih.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum kita beredar kepada pihak-pihak sebelah Kerajaan yang akan menjawab sebarang keraguan ini, maka kita tangguhkan mesyuarat ini kira-kira 20 minit untuk memberi peluang ahli-ahli mengambil sedikit jamuan yang ringan. Terima kasih, majlis ditangguhkan.

(Berehat minum sebentar)

Yang Dipertua Dewan: Majlis disambung semula sebelum saya membenarkan Ahli-Ahli sebelah kanan memberi jawapan-jawapan yang menjadi keraguan kepada Ahli-Ahli saya memberi peluang Yang Berhormat Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengian Haji Abdul Rahim untuk menyampaikan sepatah dua dalam majlis ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr) Haji Mohd Yusof bin Pengian Haji Abdul Rahim: Terima Kasih Yang Dipertua Dewan, kerana telah telah dapat mengizinkannya, kesiannya, budi pekerti yang baik oleh kerana mengikut peraturan 35 (4) saya sepatutnya memberi 48 jam baru boleh memberi tetapi pada syarat-syaratnya oleh kerana Yang Dipertua mengizinkan

saya ingin berdiri disini untuk mengucapkan terima kasih. Terutama sekali datangnya ucapan-ucapan yang telah diberi banyak kepada Ahli-Ahli tadi jadi saya hanya bersama-sama dengan Menteri Pendidikan ucapan terima kasihnya kepada Yang Dipertua Majlis dan satu perkara walaupun sudah sebelasan orang telah bercakap ada satu benda yang patut dicakapkan. Jadi saya berdiri di sini hanya untuk hendak mengatakan kepada Jurutulis Majlis yang juga dengan rela dan kaedahnya pandai membaca doa. Jadi dengan itu diucapkan terima kasih.

Yang Dipertua Dewan: Sekarang tibalah masanya bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah kanan untuk memberikan jawapan-jawapan pada keraguan - keraguan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Othman: Terima kasih Yang Dipertua Dewan kerana telah memberi peluang bercakap awal daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Tadi ada Ahli

Yang Berhormat menyentuh dengan kelambatan pihak Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan Penyakit '*Hand Foot Mouth Disease*'. Yang mengikut laporan daripada Ahli Yang Berhormat setelah seorang meninggal dunia iaitu kanak-kanak yang berumur dua tahun dan barulah Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai akan bahaya ataupun insiden berlakunya penyakit HFMD ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Majlis Dewan bahawa sebenarnya kes-kes yang berlaku memang sudah ada tetapi kes itu tidaklah terlalu banyak dan kes-kes yang berlaku itu '*Mile Cases*'. Kementerian Kesihatan ada sukat-sukatnya apabila kes itu menjangkau kepada beberapa '*figures*' barulah kita memaklumkan kepada orang ramai mengikut '*figures standard*' mengikut '*standard*' yang selalu diamalkan ertinya supaya kita tidak mahu membuat dan mengelakkan orang ramai panik pada keadaan itu. Tapi walau bagaimanapun, selepas kita mendapati satu kes kematian pada kanak-kanak yang berumur 2 tahun, dan setelah diamat-amati dan pihak Kementerian Kesihatan berfikir perlulah

perkara ini dimaklumkan kepada orang ramai supaya pihak orang ramai akan dapat beringat-ingat.

Hasil daripada 140 orang telah melaporkan diri mempunyai symptom-symptom yang sama bukannya mereka ini dikira kes-kes yang berat tetapi semua hanya kes-kes yang ringan yang mana kebanyakannya kepada mereka diberi rawatan dan dihantar pulang atas nasihat-nasihat dan dinasihati kepada mereka supaya tidak mencampuri orang ramai ataupun berada di tempat khalayak orang ramai bagi mengelakkan lagi merebak penyakit ini. Maka sebenarnya pertanyaan ataupun isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi untuk jelasnya perkara ini adalah memang sentiasa dipantau oleh Kementerian Kesihatan dan adalah tidak benar kalau perkara ini tidak dipantau ataupun sudah ia berlaku baru kitani sibuk-sibuk. Sebenarnya perkara ini telah sudah lama dipantau dan keadaanya tidaklah begitu membimbangkan pada ketika itu. Tapi masa ini, dengan nasihat-nasihat yang telah diberikan.

Alhamdulillah, penyakit '*Hand Mouth Foot*' ini telahpun menurun. Dan beberapa hari yang lalu tidak ada kes yang baru dilaporkan sehingga pada 17hb – 18hb kes itu sebagai kosong tetapi untuk makluman Ahli Majlis Dewan jua, kelmarin ada satu kes dilaporkan iaitu satu keluarga yang kena iaitu 6 orang adik beradik yang seorang dikira kritikal dan yang lima boleh dikatakan dapat dihantar pulang, tidak ada masalah. Itu saja dan terima Kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Laila Setia Dato
Paduka Awang Haji Abdul
Rahman bin Haji Ibrahim:**

Bismillahirrahmannirrahim,
Alhamdulillah Rabbilalamin Wassalatu
Wasalamu Asrafil Wal Mursalin
Saidina Muhammadin Waal Alihi
Wasahbihi Azmain. Assalamualaikum
Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
salam sejahtera, Yang Dipertua Dewan
terlebih dahulu saya ingin mengucapkan
berbanyak-banyak terima kasih di atas
peluang yang diberikan oleh Yang
Dipertua Dewan untuk saya berucap dan
memberi penjelasan terhadap kepada
perkara-perkara yang dibentangkan oleh
Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam pada
itu juga saya ingin menyertai Ahli-Ahli

Yang Berhormat yang lain untuk
mengucapkan berbanyak-banyak
terima kasih dan Syabas di atas
kepimpinan Yang Dipertua Dewan
yang membolehkan mesyuarat ini
dapat berjalan dengan teratur, lancar
dan dapat menyempurnakan tugas-
tugas yang begitu penting bagi Negara
Brunei Darussalam.

Yang Dipertua Dewan dalam
kesempatan ini saya juga ingin
merakamkan ucapan setinggi-tinggi
terima kasih dan penghargaan di atas
sokongan yang padu dari semua Ahli-
Ahli Yang Berhormat dalam
meluluskan Akta Perbekalan dan jua
ketetapan. Sokongan ini bukan saja
menunjukkan semangat perpaduan
Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam
menjunjung wawasan dan hasrat yang
di titahkan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia malahan mencerminkan
keprihatinan, Ahli-Ahli Yang Berhormat
terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk
meningkatkan kesejahteraan dan taraf
hidup rakyat di negara ini.

Cuma yang saya pohonkan di dalam
Dewan yang Mulia ini ialah kerjasama
Ahli-Ahli Yang Berhormat, selaku
penghubung di antara Kerajaan dan

rakyat, dan sebagai mata dan telinga Kerajaan, bagi perlunya Ahli-Ahli Yang Berhormat menyampaikan kepada anak buah kampung maklumat yang tepat dan meningkatkan kefahaman mereka bukan saja mengenai keprihatinan pihak Kerajaan mengenai masalah mereka tetapi juga mengenai visi keutamaan, keperluan Kerajaan terutama dasar Kerajaan untuk mengukuhkan kewangan Negara, amalan berjimat cermat, yang penting didahulukan dan kurang penting dikemudiankan mengikut keperluan dan keutamaan supaya bukan sahaja kemakmuran dan kesejahteraan ini akan dapat dirasai oleh kita semua di sini malahan jua dinikmati oleh anak cucu dan generasi kita yang akan datang. Kerana perkara ini adalah satu tanggungjawab bersama dan proses dua hala yang memerlukan kefahaman bersama bukan saja bagi yang menyumbang tetapi juga bagi yang menerima. Mudahan dengan kefahaman tersebut masyarakat penerima, insya-Allah akan menjadi masyarakat penyumbang dan akan dapat sama-sama membantu Kerajaan untuk menggerakkan sumber dan jentera perlaksanaannya kepada program-program yang terarah dan menepati sasarannya, insya-Allah.

Yang Dipertua Dewan, saya ingin juga mengucapkan terima kasih ke atas saranan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang meliputi banyak hal seperti hal ehwal peniagaan, hal ehwal pendidikan, hal ehwal pekerjaan, hal ehwal perkhidmatan dan lain-lain yang mana sebahagian besarnya insya-Allah akan diperjelaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan di sebelah sini oleh itu penjelasan saya akan di tumpukan kepada aspek yang hubungkait dengan hal ehwal kewangan semata-mata.

Yang Dipertua Majlis, saya ingin mengucapkan terima kasih atas kepakaran salah seorang Ahli yang menyarankan supaya gaji kakitangan Kerajaan akan dinaikkan yang mana diucapkan terima kasih di atas prihatinannya. Jadi dalam hal ini, saya disini berdiri hanyalah untuk mengongsikan apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan terutamanya mengenai kemudahan-kemudahan yang telah diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap Pegawai dan Kakitangan di sektor Kerajaan. Semogalah dengan adanya maklumat-maklumat ini dapatlah Ahli-

Ahli Yang Berhormat menilai sendiri betapa beruntung dan bertuahnya kita di Negara Brunei Darussalam berbanding dengan negara-negara lain.

Pertama, pada tahun 1984 selain dari kenaikan gaji yang diumumkan pada tahun berkenaan, pemberian bonus tahunan juga telah diperkenankan dengan kadar-kadar munasabah menurut bahagian masing-masing yang mana bagi Bahagian III, bonus yang diberikan ialah pada kadar 1.5 bulan gaji yang mana jika ditolak ditambah ianya adalah tambahan pendapat 12.5 % sebulan bagi bahagian tersebut. Begitu juga bahagian-bahagian II dan bahagian I dan sebagainya. Jadi dalam menyediakan bonus ini Kerajaan telah membelanjakan kira-kira 112 juta ringgit bagi membayar perkara ini setiap tahun.

Pada tahun 1998, tiga tahun selepas kenaikan gaji, diperkenalkan juga apa yang digelar Elaun Kurnia Khas yang mana mulanya pada kadar \$100, tapi pada tahun 1991 ianya dinaikkan misalnya bagi Division III ke \$170, bagi division IV dan V dijadikan \$200. Jika dicampur ditolak juga ianya dapatlah dikira sebagai tambahan pendapatan di antara 35% - 45% mengikut kadar gaji

bulanan masing-masing, menurut bahagian-bahagian yang tertentu. Jadi Kerajaan membiayai pemberian elaun ini bagi setahun kira-kira \$107 juta.

Pada tahun 1998 sekali lagi Kerajaan telah memperkenalkan Elaun Sara Hidup, yang mana mengikut bahagian-bahagian tertentu jua. Dalam tahun tersebut pencen tua dinaikkan juga daripada \$150 kepada \$200. Apabila diikira ini juga telah menambah pendapatan kakitangan Kerajaan dari ada yang, 4% hinggalah 31%, mengikut bahagian-bahagian masing-masing. Pada tahun 1999, EB Khas juga telah diperkenalkan iaitu skim kenaikan tahunan pada kadar kira-kira 2%. Kadar gaji bagi pekerja-pekerja bergaji hari juga telah dikaji semula dan dinaikkan pada tahun 1999. Jadi dalam langkah-langkah tersebut apabila dikira ia menambah pendapatan purata di antara 6.6% hingga 90.5% mengikut bahagian masing-masing.

Di samping kemudahan-kemudahan ini Kerajaan Kebawah Duli juga memberikan beberapa kemudahan misalan pemberian elaun pelajaran

bagi kakitangan yang berjawatan tetap dan secara berkontrak bagi membiayai persekolahan hingga 4 orang anak-anak yang bersekolah swasta sama ada di dalam atau di luar negeri bagi kanak-kanak yang berumur 5 tahun sehingga 18 tahun dan melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah. Bagi kemudahan ini pihak Kerajaan telah memperuntukan sebanyak \$30 juta setahun.

Pegawai dan Kakitangan Kerajaan juga berhak untuk menerima pengurniaan elaun cuti tiga tahun bagi sehingga 4 orang anak di mana kadar yang ditetapkan juga telah dinaikkan pada tahun 1992. Sebagai tambahan elaun cuti tiga tahun ini, tambang 10 tahun juga telah diberikan kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan yang mana Kerajaan setiap tahun telah membelanjakan kira - kira \$48 juta bagi pemberian elaun-elaun ini.

Seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah mengurniakan Tambang Menunaikan Fardhu Haji bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang telah berkhidmat tidak kurang dari 15 tahun.

Di samping kemudahan-kemudahan ini Kerajaan juga mengadakan pinjaman

rumah dan kenderaan tanpa faedah, yang mana setiap tahun Kerajaan perlu mengeluarkan bagi perbelanjaan pinjaman rumah sebanyak \$70 juta dan bagi membiayai pinjaman kenderaan sebanyak \$38 juta.

Di samping itu Kerajaan juga akan menyediakan perumahan untuk didiami oleh anggota Perkhidmatan Awam mengikut kelayakan. Misalnya bagi pegawai dalam Bahagian III, Kerajaan kalau tidak ada rumah Kerajaan maka ia perlu menyewa rumah-rumah private yang mana sewa yang dikenakan kepada rumah-rumah "private" bagi Division III ialah \$1,900.00, sedangkan pegawai itu hanya membayar \$110.00 sebulan. Manakala bagi Division II kita perlu menyewa rumah \$2,500 sedangkan yang dibayar oleh pegawai itu adalah \$130.00 sahaja.

Jadi kalau seorang pegawai baru bekerja dengan gajinya \$2,600.00 kalau di sediakan rumah, lagi sekurang - kurangnya Kerajaan sebenarnya telah membayar gajinya sebanyak \$5,100.00 lebih. Untuk menampung itu sahaja, iaitu untuk perumahan Kerajaan setiap tahun

terpaksa membelanjakan sebanyak \$120,000.000.00 untuk penyediaan perumahan tersebut.

Secara menyeluruh Alhamdulillah, Kerajaan juga telah menyediakan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang percuma dan begitu juga menyediakan perumahan yang bersesuaian untuk rakyat di negara ini termasuklah juga kadar-kadar api dan elektrik di negara ini yang nampaknya masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Itu adalah kemudahan bagi rakyat secara menyeluruh Yang Dipertua Dewan. Dari segi pengawalan harga minyak dan gas yang dijual di negara ini adalah masih rendah. Kenapa ianya rendah, ini adalah disebabkan Kerajaan memberikan subsidi supaya harga itu rendah seperti itu.

Pada tahun lepas sahaja Kerajaan telah menyediakan subsidi sebanyak \$166,000.000.00 untuk membolehkan harga minyak bertahan di peringkat yang ada pada waktu ini. Dalam pada itu juga, kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa apabila kita menerima gaji-gaji yang kita terima di Negara Brunei Darussalam ini, kalau misalnya

gaji \$2,000.00, \$2,000.00 itu jua masuk poket sendiri. Bukan macam di negara-negara lain ada *income tax* terpaksa mereka membayar kadang-kadang ada 20%, ada 26% *income tax* tetapi Negara Brunei Darussalam ini alhamdulillah apa yang kitani terima ialah *take home pay*, yang 100% disimpan oleh pekerja itu sendiri.

Kita juga telah membandingkan mengenai dengan *cost of living* di negara ini dengan negara yang lain. Nampaknya tidaklah juga berapa jauh di mana *cost of living* di negara ini masih lagi di peringkat yang rendah dan inflasinya adalah sebanyak 1.1%. Di Negara ini banyak kemudahan-kemudahan yang *free* manakala di Negara lain masuk ke Bandar pun sudah di kenakan *change* dan sebagainya. Alhamdulillah, kita di Brunei tidak begitu. Dalam pada itu juga, kita mestilah mengambilkira usaha kita untuk menarik lebih ramai orang bekerja di *Private Sector*.

Ahli Yang Berhormat ada pernah menimbulkan dalam majlis yang Mulia ini, bahawa pekerjaanya walaupun sudah di-*“train”* (latih) 5 tahun, masih melompat juga bekerja ke Kerajaan.

Jadi apabila kita mengkaji ataupun meneliti secara terperinci mengenai kenaikan-kenaikan, perlulah juga mengambilkira perkara-perkara seperti itu supaya sektor swasta ini akan dapat diperkukuhkan dan supaya orang ramai ataupun anak-anak dan belia-belia kita akan dapat bekerja dan menyahut pekerjaan di sektor swasta. Jadi kesimpulannya itulah yang dapat peramba kongsi mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Mengenai dengan perkara yang berkaitan dengan umur, persaraan / pencen yang perlu dilanjutkan, perkara ini sepertimana juga yang diakui oleh Ahli Yang Berhormat tadi perlulah diteliti secara mendalam tentang kesan-kesannya mengambilkira pengangguran yang ada pada waktu ini. Setiap tahun Pegawai Kerajaan hanya 800 orang yang bersara, manakala orang-orang lepasan dari sekolah kalau dikira-kira mungkin 2,000 orang lebih, jadi di sini kita perlulah mengukuhkan private sector ini agar dapat menjana lebih banyak peluang pekerjaan supaya orang-orang mencari pekerjaan bukan sahaja memilih kerja di Kerajaan tetapi di private sector.

Mengenai dengan "*Corportex Tax*" ini yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, seperti yang diamalkan oleh negara-negara lain, Negara Brunei Darussalam juga mengenakan "*Corportex Tax*" kepada syarikat-syarikat pada kadar 30%. Saya juga melihat di sini data-data di Indonesia 30%, China di antara 3% hingga 33%, Thailand 30%, Singapura rendahlah, Pakistan 38%, Laos 35% maksimumnya dan Malaysia 28%.

Tapi di samping "*Corportex Tax*" itu *income tax* juga dikenakan di tempat-tempat mereka iaitu sampai 30% hingga 45%. Alhamdulillah di negara ini nampaknya kita itu saja yang dikenakan pada waktu ini. Itu pun hanya yang kita dapatkan daripada Limited Company yang ada lebih kurang 4,000 yang tidak membayar, tiap tahun. Walaupun ada sebahagian Syarikat telah berpuluh tahun sudah beroperasi tetapi masih lagi "*in losses*" tidak pernah untung. Tapi kalau kita lihat COE-nya ber-mecedes dan sentiasa keluar negeri. Di sinilah kita meminta daripada pihak-pihak swasta sama-sama kitani menangani perkara ini supaya apa jua komitmen kita, silalah bayar kepada Kerajaan supaya

sekurang-kurangnya hasil itu dapatlah akan di gunakan Kerajaan untuk menampung projek-projek lain yang akan di laksanakan.

Mengenai dengan proses pengecualian tender yang dibentangkan oleh Ahli-Ahli baru-baru ini jua, memang seperti yang diamalkan oleh negara-negara lain Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam jua dimuatkan dengan peraturan tawaran dan sebutharga khususnya bagi tujuan memastikan setiap perbelanjaan Kerajaan dilaksanakan dengan teratur dan penilaian dilakukan dengan secara teratur dan saksama. Ini merupakan "*check and balance*" khusus bagi tujuan mendapatkan harga yang berpatutan "*value for money*" dan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

Di samping itu, mana-mana projek yang memerlukan kesegeraan yang bersifat "*proprietyship*" akan diberikan keutamaan dan sememang dipertimbangkan secara *case by case* untuk pengecualian. Walau bagaimanapun, dalam peraturan-peraturan tender memanglah ada peruntukan untuk diberikan pengecualian, terutamanya dalam keadaan hanya satu atau beberapa

syarikat yang berupaya membekalkan satu-satu perkhidmatan atau memberikan barangan yang diperlukan misalnya maka tawaran akan dibuka secara terhad. Begitu pun ada baiknya jua tawaran-tawaran ini dibuat secara terbuka untuk memastikan harga yang kompetitif dan berpatutan.

Barangkali setakat inilah sahaja yang dapat saya kongsiikan Yang Dipertua Dewan. Ada lagi satu barangkali kalau dapat 2 minit sahaja mungkin ampun. Ada Ahli membawakan mengenai dengan pencen, pembayaran pencen ini sebenarnya tertakluk kepada akta dan undang-undang di bawahnya dan bukannya di bayar secara automatik.

Jadi pembayaran pencen dibuat adalah disebabkan perkhidmatannya kepada Kerajaan yang mana jua tertakluk ianya jua dilantik dalam jawatan tetap. Jadi Akta tersebut memperuntukan bagi pembayaran pencen-pencen berkenaan antara lainnya, jika pegawai berkenaan meninggal dunia dalam perkhidmatan dan telah layak menerima pencen, pembayaran pencen akan dibayar kepada balu dan anak-anaknya

sehingga berumur 21 tahun bagi tempuh 15 tahun. Tapi kalau balunya itu berkahwin tia lagi, jadi tidaklah dapat pencen itu. Kedua, jika seorang pegawai bersara telah meninggal dunia dalam tempuh 15 tahun setelah ia bersara, pembayaran pencen baki tempuh pencen berkenaan akan diturunkan kepada isteri dan anak-anaknya.

Walau bagaimanapun jika pegawai berkenaan meninggal dunia setelah tempuh 15 tahun bersara, maka peraturan yang ada pada waktu ini pencennya tidak akan diturunkan lagi kepada isteri atau anak-anaknya. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih jua di atas saranan Ahli Yang Berhormat tadi. Perkara ini Insya-Allah akan diambil perhatian dan diteliti dengan sehalus-halusnya supaya kesan-kesannya akan juga dapat diambilkira. Sekianlah sahaja yang dapat saya jelaskan Yang Dipertua Dewan dan saya menjunjung kasih jua di atas kesempatan ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh, pasal menjunjung kasih di atas perkenan Tuan Peramba bagi peramba menjawab beberapa kerisauan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, disamping itu peramba juga ingin sama –sama menyebarkan banyak-banyak menjunjung kasih dan syabas terhadap kepimpinan yang telah tunjukkan oleh Yang Dipertua Dewan dalam menangani permesyuaratan juga sumbangan-sumbangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Jadi peramba akan secara ringkas saja berucap. Peramba akan menerangkan satu jawapan khusus kepada yang telah ditimbulkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat dan 5 kenyataan bagi menjawab secara umum kerisauan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seterusnya menyebutkan dua seruan. Jadi kalau diperkenankan peramba akan memulakan dengan, pertama menjawab mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh salah seorang oleh Ahli Yang Berhormat iaitu khidmat Negara yang diperlukan mestilah sesuai dengan calak-calak

Brunei. Keputusan Kabinet baru-baru ini telah meluluskan satu peruntukan sebanyak \$250,000,000.00 bagi perkembangan tenaga manusia termasuk dalam peruntukan itu ialah kajian kemungkinan "*feasibility study*" mengenai dengan khidmatan Negara. Kajian kemungkinan ini diperlukan bagi memastikan ia memenuhi hasrat negara dalam melaksanakan skim tersebut. Di samping itu ada juga pada masa ini telah dilaksanakan beberapa kerja-kerja perundingan di antara agensi-agensi Kerajaan yang terlibat bagi menilai sejauhmana ataupun macammana nanti calak perkhidmatan Negara yang akan dilaksanakan.

Bagi menjawab secara umum apa yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan kenaikan gaji dan sebagainya barangkali peramba, saya ingin menyatakan lima kenyataan yang "*relevan*" dalam perkara ini. Pertama mengenai bahan tenaga seperti minyak dan gas ini seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa menyambut Hari Kebangsaan tahun ini, "penting bagi kehidupan yang mana rata-rata orang bergantung kepadanya sedangkan dua sumber ini adalah merupakan sumber

yang terhad serta berkemungkinan untuk pupus pada satu ketika kelak".

Yang kedua lebih 90% pendapatan Negara adalah hasil dari hasil minyak dan gas. Dan ketiga adalah dijangkakan permintaan terhadap tenaga akan meningkat pada kadar 7% setahun iaitu mengambil kira perkembangan ekonomi dan perkembangan penduduk, dan yang keempat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Negara Kedua (II) awal di siding ini. Sistem Kewangan Negara hendaklah sentiasa dikukuhkan. Salah satu cara mengukuhkan system kewangan Negara ialah dengan mengawal kadar inflasi. Jadi kalau kadar inflasi itu tidak terkawal maka system kewangan Negara akan terjejas. Inflasi yang tidak terkawal atau dipanggilnya "*runaway inflatsion*" itu seperti apa yang berlaku di negara-negara jiran, berlaku apabila kenaikan harga berbubut-bubutan dengan kenaikan gaji. Jadi ani yang patut kitani elakan daripada berlaku di negara ini bagi memastikan sistem kewangan negara kitani adalah sentiasa setabil. Yang kelima generasi-generasi yang akan datang juga mempunyai hak

kepada sumber-sumber kekayaan Negara ini yang pada masa ini dinikmati oleh generasi-generasi pada masa ini. Di Majlis yang mulia dan dihormati ini saya ingin menyeru dua saja:-

Pertama hendaklah kita mula memikirkan cara hidup yang lebih sesuai dalam menggunakan sumber yang berharga dan terhad ini. Kedua melaksanakan apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis ini supaya kita jangan bersifat leka dan membazir tapi sebaliknya perlu sentiasa waspada dan berjimat. Jadi itulah saja yang dapat saya bentangkan di Majlis ini, menjawab secara umum perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian Wabillahit Wataufik Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud: Yang Dipertua Dewan saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan memberikan saya peluang untuk memberi jawapan kepada pertanyaan yang dibuat oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat disebelah sana, sebelum itu saya sukacita

mengucapkan syabas dan tahniah di atas kepimpinan Yang Dipertua Dewan yang telahpun membimbing Majlis pada kali ini yang telah berjalan dengan sempurnanya, salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat disebelah sana telah pun menimbulkan pertanyaan mengenai dengan Taman Warisan Tasek Merimbun yang mana Taman Warisan Tasek Merimbun ini adalah di bawah jagaan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, jadi jawapannya ringkas saja seperti berikut:

*“Pohon lengkuas daunnya rimbun
Pohon maritus di Sungai Akar
Berapa luas Tasek Merimbun
Jawabnya 7,800 hektar”.*

*“Pohon Jelutung di Bukit Ladan
Pohon Bidara di dalam hutan
Sungai Tutong jadi Sempadan
Disebelah Utara hingga ke Selatan”.*

Demikianlah saja jawapan hamba kepada pertanyaan Yang Berhormat di sebelah sana.

Jika penjelasan masih dipinta jawapan terperinci ditangan saya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar:

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, permba dengan hormat dan sukacita menggabungkan diri peramba dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Mulia Tuan Peramba Yang Dipertua dan semua Ahli-Ahli yang hadir di sini kerana telah berjaya membincangkan isu-isu mengenai perbelanjaan dan isu-isu Negara dengan suasana setiakawan dan kebangsaan.

Dalam ucapan ini izinkanlah peramba untuk menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan pertama mengenai isu tanah. Sukacita peramba mengongsikan bahawa pada masa ini terdapat dua “*study*” yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan. Satu “*study*” ialah “*master plan study*” yang membincangkan arah tuju “*master plan*” Negara ini, kedua ialah “*land levelity*

study” membincangkan yang akan meneliti, stok tanah yang ada dinegara ini, land levelity study ini sudah pun hampir selesai tapi ianya mempunyai beberapa pelakuan atau “*recommendation*” dan “*recommendation*” ini akan diteliti oleh Kerajaan,

“*Land levelity study*” ini juga memberikan gambaran yang jelas walaupun agak tidak jua membimbangkan tetapi memerlukan beberapa perhatian daripada Kerajaan mengenai stok tanah yang ada di Negara Brunei Darussalam, ada betul seperti Yang Berhormat sebutkan bahawa tanah yang diberikan adalah seperti berikut, tanah persendirian kerajaan ialah sekitar 4 ke 5% tanah Kerajaan sekitar 3.3%, tanah Hutan 36.75%, dan tanah-tanah yang belum allocated adalah sebanyak 55.85% tetapi apabila land levelity study ini akan siap nanti dapat jua dikongsikan setelah Kerajaan mengambil award macammna kah keadaan land stok tanah yang ada. Dalam pada itu juga ability study ini akan memberikan beberapa recommendation termasuklah apa yang dibangkitkan oleh salah seorang

Yang Berhormat tadi iaitu mengenai dengan keperluan untuk mengawal selia industri realistik atau industri pembangunan, pemaju-pemaju tanah insya Allah, mengenai dengan "environmental study", "environmental assessment", semua projek-peojek besar yang ada sudah pun diperlukan dengan AIAny tetapi mana-mana projek secara individu yang mengikut garis panduan perancangan yang ada memanglah berjalan seperti biasa, tetapi AIAny akan menjadi satu kriterian mana perlu, pada masa ini Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi, mempunyai beberapa sukatan-sukatan yang menentukan "*clean environment*", begitu juga dengan air yang ada tidak perlukan kepada standard atau piawaian "*World Health Organisation*" (WHO) secara ringkas apa yang dapat ditentukan ialah kadar perkara yang mesti ada, sebagai satu "*environment*" ialah apa yang dipanggil PSI kurang daripada 100, 3 hari pada setahun, kurang daripada 3 hari pada setahun, ini dalam setahun hanya 1% saja yang kita dapat menerima melebihi PSI 100 begitu paras sungai di Negara ini.

Ada juga Ahli Yang Berhormat membangkitkan dalam work link ini

adalah satu tempat untuk menaruh empangan air di Balabau, kerja-kerja awal peramba difahamkan sudahpun selesai sampai ke work link atau Balabau ini dalam ini juga Kementerian Pembangunan sentiasa peka mengenai pembelian untuk menentukan bahawa keadaan tanah dan keadaan sekitar work link itu di jalan itu adalah dapat menampung keperluan-keperluan yang ditentukan ini termasuklah apa yang disentuh oleh seorang Ahli Yang Berhormat mengenai keadaan kebun di Rambai. Di sini juga perlulah peramba menyentuh beberapa isu-isu mengenai, terutama sekali jalan jambatan-jambatan yang dicadangkan dan jambatan ke Daerah Temburong.

Ahli Yang Berhormat memberi tahu bahawa apabila ia diadakan ia hanya diterima dengan tersenyum, peramba lagi tadi sudah peramba tersenyum, kerana perkara ini sudah adalah satu perkara yang berat dan memerlukan satu "*investment*" yang besar daripada pihak Kerajaan. Sebagai misal saja, apabila negara jiran kita membuat satu rancangan untuk mengadakan satu sistem pengangkutan, "*traffic transit*", yang bertujuan untuk

memperkembangkan ekonomi negara tersebut secara menyeluruh. Pelaburan yang diadakan itu telah pun diadakan dengan "*public consultation*", beberapa perbahasan dalam Parlimen, dalam Kabinet dan sebagainya. Apa yang akan dibuat dalam perkara seperti ini ialah untuk menentukan kos-kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan. Peramba yakin akan ditinjau daripada semua keperluan-keperluan aspek ekonomi, politikal, sosial dan jangka panjang, insya-Allah, Kementerian Pembangunan dan peramba tidak akan memandang ringan permohonan-permohonan seperti ini.

Dalam "*Labour Personnel*", peramba sangat cenderung dengan apa-apa cadangan yang dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Dalam ucapan-ucapan tadi banyak Usul-usul telah dibincangkan hanya dalam masa 10 minit atau lebih. Peramba tidaklah akan membincangkan satu persatu tetapi peramba menyakinkan Yang Berhormat bahawa pintu peramba sentiasa terbuka dan peramba mengalu-alukan Yang Berhormat datang membincangkan perkara ini

Setengah-setengah Yang Berhormat takut kan berjumpa tetapi jangantah takut kerana seperti yang peramba nyatakan tadi dalam Majlis ini kita sudah berbincang dengan semangat setia kawan dengan satu tujuan iaitu menjunjung Titah atau hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memajukan negara ini dan di luar Majlis ini pun biarlah kita sama-sama menjunjung.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Amat Mulia Yang Dipertua Dewan, terlebih dahulu peramba mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap di Majlis ini dan terlebih dahulu saya bergabung dengan Ahli Yang Berhormat untuk mengucapkan dan menyembahkan

setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Yang Dipertua Dewan kerana dapat mengendalikan Majlis ini dengan teratur, sempurna dalam suasana yang harmoni dan penuh kemesraan.

Di sini saya serba sedikit menjelaskan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh salah seorang Yang Berhormat iaitu berhubung dengan isu penduduk tetap bagi warganegara asing yang menyumbangkan perekonomian kepada negara juga warganegara Brunei iaitu isteri warganegara Brunei bersuamikan warganegara asing.

Sebelum peramba menyentuh secara spesifik dalam perkara itu, di sini peramba juga ingin menerangkan bahawa selama ini memanglah pihak Kerajaan mengambil perhatian berat tentang masalah-masalah apatah lagi yang berhubungkait dengan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk dan keluarga mereka yang berkenaan.

Kalau kita mengamat-amati tentang penduduk tetap ini, memang banyak permohonan-permohonan yang telahpun dipertimbangkan. Daripada tahun 1958 hingga tahun 2005, sebanyak 42, 600

orang telah pun diberikan status penduduk tetap dalam berbagai-bagai kategori. Dalam pada itu memanglah dari semasa ke semasa Kerajaan mengambil perhatian berat tentang kategori-kategori mereka yang tidak terkandung, yang pada masa ini dipertimbangkan untuk mendapatkan status penduduk tetap.

Pada misalnya ibu-ibu ataupun seseorang yang mempunyai status penduduk tetap dan bersuamikan warganegara asing di mana anaknya jika sekiranya ada masalah-masalah yang berbangkit seperti berlaku perceraian ataupun suami meninggalkan negara memang ada pertimbangan khusus diberikan kepada mereka sedemikian.

Dalam pada itu juga seperti yang telah ditimbulkan tadi dalam isu ini memang dalam penelitian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga pada masa ini dalam penyelidikan untuk membuat secara terperinci kalau dibandingkan dengan negara-negara lain tentang masalah-masalah yang dihadapi seperti yang telah ditimbulkan oleh salah seorang daripada Yang Berhormat dan pada

masa ini masih lagi dalam proses penelitian dan pengkajian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Menyentuh tentang kerakyatan pula, seperti yang disentuh oleh salah seorang daripada Yang Berhormat tadi. Memang di mana-mana negara pun ada undang-undang kerakyatan masing-masing mengikut undang-undang yang telah ditentukan. Dan undang-undang ini tidaklah mengira apa bangsanya, apa puaknya dan seumpamanya. Undang-undang memang undang-undang dan akan dipertimbangkan secara saksama kalau sekiranya seseorang itu memenuhi syarat-syarat yang ditentukan, misalnya di negara ini di bawah Akta Taraf Kerakyatan Brunei.

Setakat ini alhamdulillah, pihak Kerajaan juga telah banyak mempertimbangkan permohonan-pemohonan yang memohonkan taraf kerakyatan yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan. Daripada tahun 1961 saja misalnya, kerakyatan yang telah pun diperkenankan ialah sebanyak 32,430 orang. Ini termasuklah warganegara asing setelah mereka mempunyai status penduduk tetap dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan. Apa yang

saya maksudkan tadi penduduk tetap, misalnya seseorang itu setelah diberikan penduduk tetap, ia warganegara asing dan lahir di luar negeri mereka akan berkelayakan untuk dipertimbangkan setelah mereka mempunyai status penduduk tetap dalam 20 tahun dan terpaksa mereka ini menduduki peperiksaan secara bertulis.

Begitu juga halnya kalau mereka ini dilahirkan di negara ini, sekurang-kurangnya mereka mestilah mempunyai status penduduk tetap 12 tahun di samping memenuhi syarat-syarat yang diperlukan di bawah Akta Taraf Kerakyatan Brunei.

Dalam pada itu pihak Kerajaan memanglah sentiasa memedulikan masalah-masalah terutama sekali yang dihadapi oleh mereka yang tua-tua, inda pandai menulis, yang dikatakan *buta huruf* dan peringkat mata pelajarannya terlampau rendah untuk mereka menulis dalam bahasa Melayu. Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan mereka ini diberikan

pengecualian bukan sahaja bertulis malahan secara oral, yang telah pun dikuatkuasakan pada tahun 2003. Setakat ini mereka yang dalam kategori ini, ada satu jawatankuasa untuk menilai sama ada mereka ini berkelayakan diuji secara bertulis yang dikelolakan oleh Lembaga Bahasa.

Alhamdulillah, setakat ini 23 orang telah pun diperkenankan, ini sudah dikatakan tadi tidak terkecuali sama ia orang Melayu, ataupun bangsa ataupun puak yang lain. Oleh itu perkara yang ditimbulkan di bawah barangkali tidak berbangkit di sini. Sesiapa saja yang berkelayakan memanglah akan diproses mengikut syarat-syarat yang ditentukan. Itulah saja perkara yang dapat saya terangkan dalam Majlis ini.

Perkara yang berhubung dengan Pos Kawalan Sungai Tujuh yang ditimbulkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi memanglah dari semasa ke semasa. Kalau sekiranya ada keperluan-keperluan mengenai pos kawalan akan sentiasa diawasi dan dipantau dari aspek kebersihannya dan juga keperluan-keperluan yang diperlukan dari semasa ke semasa.

Di kesempatan ini juga Yang Dipertua Dewan, saya juga mengalu-alukan dan juga memberikan perhatian apa jua pandangan-pandangan yang benas lagi positif serta konstruktif yang diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga bukan saja seperti yang telah pun disarankan oleh rakan sejawat saya di sini. Bukan saja setakat di dalam Dewan ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah juga bertukar-tukar fikiran dan juga apa masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat akan dihadapkan kepada Kementerian yang ada bersangkutan dengan bidang tugas Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekian, sekali lagi peramba menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:

Bismillahir Rahman Nirrahim. Terima kasih Yang Dipertua. Saya bukan memberi jawapan sebabnya biskita pun indada menyoal, jadi saya disini adalah untuk memberikan barangkali analisis tiga perkara saja. Yang mustahak dalam perbincangan kemajuan-kemajuan.

Perkara pertama adalah kajian terhadap kejayaan ataupun hambatan-hambatan terhadap pelbagaian ekonomi supaya tidak berharap akan semata-mata hasil dari minyak dan gas. Dasar mempelbagaikan ekonomi telahpun diperankan pada tahun 1991. Kalau dilihat daripada pertumbuhan dalam keluaran negeri kasar satu daripada ingredient untuk meneliti kemajuan mempelbagaian ekonomi kita mesti melihat pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar. Saya Yang Dipertua Dewan ada kajian yang dibuat oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama daripada 1991 hingga 2003. Sumbangan sektor bukan minyak dan gas, dari segi pertumbuhan KDNK, menunjukkan bahawa 1991 - 37.1%, lepas tahun 2003, 11 tahun selepas itu sumbangan keluaran dalam negeri kasar pertumbuhannya hingga sudah mencapai 46.7%, ini menandakan bahawa dalam 10 tahun kajian yang dibuat sini, 11 tahun kira pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar 1.2% pertumbuhan. Jadi ini *indicated* bahawa dasar mempelbagaikan ekonomi itu ada pencapaian tertentu dalam 10 tahun 11 tahun daripada 37% kepada 46%.

Yang kedua Yang Dipertua Dewan mengenai dengan SME, kajian juga dibuat, bahawa kalau kita melihat jumlah bilangan perusahaan yang *diregistered* oleh Kerajaan dipohonkan dan dibenarkan dan juga dilihat kajian bilangan perusahaan kecil dan sederhana yang telah dibenarkan daripada semua pengusaha-pengusaha tersebut. Kajian dibuat daripada tahun 1988 berjumlah semua bilangan perusahaan yang dibuat di Negara Brunei Darussalam ialah 4244 dan SME BKS berjumlah 2577, jadinya perusahaan 61% daripada semua jumlah perusahaan itu adalah SME. Dan untuk menyelidiki kajian ini bahawa daripada tahun 2003 jumlah bilangan perusahaan yang *diapproved* yang dibenarkan 7353 dan SME 7240 SME dibenarkan. Maksudnya daripada tahun 1998 - 61%, tahun 2003 98%

Jadi ini kajian-kajian ini adalah untuk mengetahui di mana kitani, di mana Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk kitani berjalan ke mana, kalau kita tidak mengetahui di mana kitani, susah untuk berjalan ke mana kitani. Jadinya kalau melihat perkembangan-

perkembangan seperti ini mengenai dengan pertumbuhan SME dan juga pertumbuhan SME dan juga pertumbuhan kajian mengenai dengan KDME tadi. Dua faktor-faktor yang besar menunjukkan *on the right trade* dan mudah-mudahan dengan bantuan dan kajian yang tertentu dan perjumpaan yang tertentu ofis saya pun Ahli-Ahli Yang Berhormat terlalu terbuka inda tertutup. Dua faktor yang tertentu ini sudah menunjukkan kitani *on the right trade*. Satu lagi yang barangkali boleh disentuh juga mengenai dengan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat berapa lama lagi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat: menyambung lagi kali lima minit lagi Yang Dipertua.

Yang Dipertua Dewan: Kerana perbincangan Ahli ini bukan menjawab soalan, saya memberi peluang menerangkan selama lima minit.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat:

Mengenai dengan beras dan padi, beras dan padi memang diakui pada masa ini local production saja 620 tan metrik saja masa ini dan *requirement* untuk negara 30,747 tan metrik. Jadinya *local production* is 2.7% saja, membimbangkan. Tapi bila dilihat dalam statistik bahawa *local production* yang ada pada masa ini 620 tan metrik itu, kalau dilihat sejak 1998, 1998 local production hanya 135 tan metrik, tahun 2001 - 350 tan metrik, tahun 2004 - 620 tan metrik, tahun 2005 - 850 tan metrik. Jadinya pertumbuhan kira-kira tujuh tahun adalah 20% pertumbuhan mengenai dengan beras dan padi ini. Munkan ampun di sana pun akhir jua sudah, jadi itu saja lah, munkan ampun, junjung kasih.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Yang Dipertua Dewan, menjunjung kasih di atas peluang yang diberikan ini, saya hanya akan menyentuh dua perkara, pertama mengenai dengan kurnia

tambang haji, kurnia tambang haji yang diberikan sekarang ini ialah tiga ribu lima ratus ringgit, tambang haji yang dikenakan oleh kerajaan ialah dua ribu tiga ratus lima puluh ringgit, ada lebih seribu seratus lima puluh ringgit, kurnia ini bernama kurnia tambang haji bukannya kurnia perbelanjaan haji.

Yang kedua ialah mengenai dengan ibu tunggal, sungguhpun ibu tunggal itu tadi kena mengena dengan masalah pencen tetapi saya tertarik dari segi kalaulah ibu tunggal ini susah, termasuk di dalam kategori fakir-miskin saya berharaplah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada Majlis Perundingan Mukim, Majlis Perundingan Kampung dapat meneliti keadaan masyarakatnya yang termasuk dalam golongan fakir-miskin, berilah maklumat-maklumat itu kepada Setiausaha Majlis Ugama Islam, kerana jawatankuasa bagi menimbangkan perkara-perkara ini bersidang tiap-tiap minggu, itu dua perkara.

Penghabisan ialah khusus untuk Yang Dipertua Dewan bagi menghargai,

*“Majlis ini Mesyuarat Negara,
Temanya Adil Laila Bahagia,
Yang Dipertua orangnya bijaksana,*

Sidang lancar perbincangannya mesra”.

Wabillahit Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohd. Taib: Terima kasih Yang Dipertua Dewan. Saya berdiri lagi, sekali lagi untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, terutamanya Ahli-Ahli yang Berhormat yang telah berusaha untuk membawa sungutan-sungutan dan masalah-masalah orang ramai sama ada di kampung-kampung, mukim-mukim mahupun di bandar-bandar. Saya juga menghargai yang mana ada di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan secara matang membuat beberapa cadangan bagi mengatasi masalah-masalah yang berkenaan. Jadi kami sebelah sini bukan cuba untuk menjawab tetapi cuba untuk menerangkan keadaan yang sebenarnya supaya kedua-dua belah pihak boleh faham-memahami dan

saling harga menghargai akan fakta yang sebenarnya.

Jadi apa yang peramba cuba terangkan ialah supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat, yang mana yang disarankan tadi membawa fakta-fakta yang sebenarnya ini kepada Ahli-Ahli "*constituency*", Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu sama ada anak-anak buah, anak-anak kampung supaya diterangkan apa yang dihadapi oleh kerajaan, dan apa yang cuba dibuat oleh kerajaan. Dengan fahaman sedemikian, dengan suasana sedemikian, dengan arus saling faham-memahami ini makanya dihasratkan timbullah nanti kekuatan bagi kita sama-sama insya-Allah melaksanakan dan menjelmakan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan sememangnya hasrat kita semua menjadi satu realiti yang sebenarnya menjadikan negara kita ini akan terus makmur, terus maju dan terus berjaya insya-Allah,

Saya juga sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Dipertua Dewan akan kebijaksanaan dan kesabaran Yang Dipertua Dewan untuk mendengarkan hujah-hujah kedua-dua belah pihak dengan begitu tekun

sehingga majlis kita ini telah berjalan dengan teratur, aman makmur, bahagia dan penuh dengan kemesraan. Kita telahpun bermesyuarat dan kita juga pada tengahari ini akan menamatkan mesyuarat kita maka diharapkan kita akan balik ke kampung masing-masing, ke mukim masing-masing dan diharapkan dengan sepenuhnya membawa kenangan yang manis dan insya-Allah akan bertemu lagi dalam Musim Pemesyuaratan yang akan datang.

Dengan itu Yang Dipertua Dewan saya dengan penuh bersyukur dan dengan penuh tawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wataala ingin mencadangkan supaya Persidangan Dewan kita pada kali ini ditangguhkan.

Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguhkan mesyuarat ini inginlah saya bercakap sepatah dua terutama sekali memberi pujian kepada semua Ahli-Ahli yang begitu tekun dalam membincangkan dalam beberapa hal, sungguh-sungguh tinggi mutu perbincangan ini. Walaupun jarang kita mengadakan perbincangan

seumpama ini, tapi nampaknya licin dan sempurna sama ada dikemukakan oleh penyoal-penyoal, Ahli-Ahli yang menyoal-nyoal mahupun Ahli-Ahli Kerajaan yang memberikan jawapan yang begitu tepat dan sempurna, maka saya sangat menghargai dan menjunjung tinggi kebolehan Ahli-Ahli yang bersidang di dalam majlis yang indah bekat ini.

Kebanyakan orang tadi menggunakan pantun jua, ertinya pantun ini bukan saja menjadi kebudayaan kepada negara kita, dalam majlis ini pun orang suka berpantun sedikit:

*“Beramai-ramai membeli beras,
Diserai-serai oleh Dayangku Urai ,
Kita bersidang dengan bijaksana dan
bernas,
Tiba di hari ini masa kita akan bersurai”.*

*“Disertai oleh Si-Dayangku Urai,
Ditemui oleh Si-Awang Lamat,
Hari ini kita akan mula bersurai,
Insya-Allah kehidupan Ahli-Ahli Yang
Berhormat akan bahagia dan juga
selamat”.*

Amin Ya Rabbil Alamin. Maka dengan yang demikian, saya menangguhkan pemesyuaratan kita ini hingga ke satu

masa yang akan diberitahu kelak, sekian Majlis ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)